



ASTRO MALAYSIA HOLDINGS BERHAD


laporan tahunan 2014







Go



Satu perkataan mudah yang merangkumi visi kami.

Untuk merangsang kepelbagaian dan pertumbuhan.

Untuk inovasi yang lancar dan selaras dengan trend pengguna.

Mencabar kelaziman ke tahap yang baru.

Untuk pergi lebih jauh, maju ke hadapan dan melangkaui jangkaan.

KANDUNGAN

Pengenalan

3 Fakta Sepintas Lalu

4 Syarikat kami

Sorotan

8 Penyata Pengerusi

12 Penyata Ketua Pegawai Eksekutif

16 Maklumat Operasi dan Kewangan

18 Analisis Segmen dan Prestasi Kewangan Suku Tahunan

19 Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan yang Diringkaskan

20 Penyata Nilai Tambah

21 Peristiwa Penting Utama

22 Sorotan Acara

24 Maklumat Korporat

25 Struktur Korporat

26 Struktur Organisasi

27 Kalendar Kewangan

28 Perhubungan Pelabur

30 Anugerah

Kepimpinan

34 Lembaga Pengarah

40 Pengurusan Kanan

Tadbir Urus Korporat

48 Penyata Tadbir Urus Korporat

63 Laporan Jawatankuasa Audit

67 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

72 Faktor Risiko

74 Penyata Tanggungjawab Pengarah

Nota:

Kami ingin menekankan bahawa Astro Malaysia Holdings Berhad mempunyai tahun kewangan yang berakhir pada 31 Januari. Untuk memudahkan, kami merujuk kepada tahun kewangan yang berakhir pada 31 Januari 2014 sebagai "2013" dan tahun kewangan yang berakhir pada 31 Januari 2013 sebagai "2012" di seluruh Laporan Tahunan ini.



Gambaran Keseluruhan Perniagaan

76 Televisyen

84 Radio

88 Penerbitan Digital

90 Digital

92 Modal Insan

100 Tanggungjawab Korporat

Penyata Kewangan

108 Penyata Kewangan

Maklumat Lain

213 Analisis Pemegangan Saham

218 Senarai Pegangan Hartanah

219 Urusniaga Berulang Pihak Berkaitan

232 Pendedahan Tambahan

236 Glosari

Mesyuarat Agung Tahunan

241 Notis Mesyuarat Agung Tahunan

246 Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan

- Borang Proksi

FAKTA SEPINTAS LALU

TV

Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari

Penembusan isi rumah Astro

52%

2013

56%

2014

Isi rumah TV-Berbayar

3.276
juta

2013

3.442
juta

2014

Isi Rumah NJOI

0.209
juta

2013

0.442
juta

2014

ARPU

RM 93.2

2013

RM 96.0

2014

Peratusan Tontonan

43%

2013

47%

2014

Peratusan Perbelanjaan Iklan TV

28%

2013

31%

2014

Radio

Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari

Pendengar

12.344
juta

2013

12.193
juta

2014

Peratusan Perbelanjaan Iklan Radio

53%

2013

54%

2014

Pendapatan Pengiklanan

Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari

Pendapatan Pengiklanan

504
juta

2013

582
juta

2014

SYARIKAT KAMI



Astro Malaysia Holdings Berhad adalah kumpulan media hiburan bersepadu pengguna yang terkemuka di Malaysia dan Asia Tenggara, yang memberi tumpuan kepada Menonton, Mendengar, Membaca dan Bermain.

Melalui platform TV satelit DTH, IPTV dan OTT, kami menawarkan 171 saluran TV, termasuk 68 saluran yang dihasilkan dengan jenama Astro dan 39 saluran HD, kepada 3.9 juta pelanggan, merangkumi 56% daripada isi rumah TV Malaysia. Kami menyediakan perkhidmatan HD, 3D, PVR, VOD, *catch-up TV* dan IPTV melalui Astro B.yond dan AOTG, manakala perkhidmatan NJOI bersifat tanpa langganan terus merapatkan jurang digital di Malaysia, menawarkan 22 saluran TV dan 20 saluran radio.

Selain daripada mengumpulkan program-program antarabangsa yang terbaik, kami turut menghasilkan harta intelek ("IP") kandungan yang bernilai dan meraih pelbagai anugerah, memenuhi citarasa masyarakat pelbagai budaya dan bahasa di Malaysia. Kami menghasilkan lebih 9,000 jam kandungan setiap tahun merangkumi keseluruhan genre, yang diedarkan di platform kami, dan juga dilesenkan kepada kedua-dua platform domestik dan serantau.



Kami menghasilkan lebih 9,000 jam kandungan setiap tahun merentasi keseluruhan spektrum dalam kepelbagaian genre, yang disediakan di atas platform kami, dan juga dilesenkan kepada kedua-dua platform domestik dan serantau

Astro Radio menerusi rangkaian stesen-stesennya yang meliputi semua bahasa utama telah mendapat kedudukan tertinggi di Malaysia, mencapai lebih 12 juta pendengar mingguan dan 3 juta pelawat unik setiap bulan bagi perkhidmatan stesen terestrial dan perkhidmatan penstriman digital. Kami juga mengeluarkan majalah hiburan dan gaya hidup dalam bentuk cetakan dan digital, dan menguruskan laman web popular yang melengkapkan penawaran kandungan kami. Aplikasi kami, seperti Astro GO Play dan Astro View, terus mencapai tahap yang baru daripada segi jangkauan dan penglibatan.

Astro memenangi anugerah "Gold" dalam kategori Media dan Hiburan di majlis Putra Brand Awards selama lima tahun berturut-turut iaitu dari 2010-2014 dan dinobatkan sebagai "Brand of the Year" pada tahun 2012, "Brand Icon" pada tahun 2013; menerima tiga Stevie® Awards di International Business Awards 2014, dan "Most Admired Enterprise" bagi kategori Tanggungjawab Korporat (Syarikat Besar) di ASEAN Business Awards 2013. Anugerah-anugerah ini adalah sebagai pengiktirafan terhadap proposisi pelanggan Astro yang kukuh, kepimpinan pasaran dan dedikasi penuh terhadap tanggungjawab korporatnya.

171	68	39	20	3.9
saluran TV	saluran Astro	saluran HD	saluran radio	juta pelanggan



Kem Badminton

Melalui Kem Badminton Astro, kami berharap dapat melahirkan bakat baru dalam menghasilkan generasi juara Olimpik yang akan datang. Ribuan pemain muda, lelaki dan wanita di seluruh negara telah menyertai sesi percubaan. Bakat yang cemerlang telah dipilih untuk berlatih bersama jurulatih kebangsaan di Jepun. Prestasi mereka sungguh membanggakan dan menyemarakkan semangat kami untuk terus mencari dan menggilap bakat baru di kalangan rakyat Malaysia.



PENYATA PENERUS



Para Pemegang Saham,

Industri media di Malaysia semakin dinamik dan menyinar. Ini didorong oleh permintaan pengguna untuk mendapatkan kandungan yang menarik dan terbaik dalam kelasnya bagi semua rancangan yang ditonton, di mana jua, pada bila-bila masa. Selain itu, golongan muda merupakan sebahagian besar daripada pengguna media sosial yang paling ramai di peringkat global; mereka mahukan interaktiviti yang semakin canggih, teknologi antara-muka yang lebih lancar, serta alatan carian dan cadangan yang lebih baik.

Di Astro, kami menyedari bahawa kunci kepada kejayaan kami sebagai peneraju pasaran adalah keupayaan kami untuk kekal sebagai penghasil kandungan, penerbit, pengumpul dan pengedar yang terpilih.



TUN DATO' SERI ZAKI BIN TUN AZMI
Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas

MENINGKATKAN NILAI PEMEGANG SAHAM

Astro terus berusaha untuk menghasilkan peningkatan modal dan pembayaran dividen tunai yang progresif kepada pemegang saham kami. Sejak penyenaraian Astro pada bulan Oktober 2012, kami telah memberi ganjaran kepada pemegang saham kami dengan membayar dividen berjumlah lebih RM675 juta.

Pada tahun 2013, kami membayar empat dividen interim suku tahunan sebanyak 2.0 sen sesaham, iaitu satu peningkatan sebanyak 33% berbanding dengan tahun sebelumnya. Lembaga Pengarah juga dengan sukacitanya mencadangkan dividen akhir sebanyak 1.0 sen bagi setiap saham pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, menjadikan jumlah dividen sebagai 9.0 sen sesaham bagi tahun ini, yang mewakili pembayaran dividen sebanyak 104% daripada keuntungan selepas cukai.

Kita kini sudah bersedia untuk terus berkembang dengan terlaksananya strategi pelaburan semula dan tambahan kapasiti transponder baru yang tersedia. Ditambah pula dengan perniagaan penajaan tunai yang tinggi, kami tetap yakin bahawa pemegang saham akan memperoleh ganjaran yang sewajarnya.

Sebagai sebuah syarikat pengguna media bersepadu terkemuka di Malaysia, kami komited dalam memainkan peranan kami untuk membangunkan industri media dan pembangunan bakat di Malaysia

PENYATA PENGURUSI

PERANAN KAMI

Sebagai sebuah syarikat pengguna media bersepadu yang terkemuka, kami komited dalam memainkan peranan kami untuk membangunkan industri media dan pembangunan bakat di Malaysia.

Dengan memanfaatkan liputan kami yang meluas di seluruh negara, kami mengukuhkan kedudukan kami untuk melengkapi penawaran TV berbayar dengan NJOI, iaitu langganan TV percuma pilihan kami untuk semua rakyat Malaysia, termasuk mereka yang tinggal di bahagian pedalaman negara. Sehingga kini, penembusan NJOI kami meliputi lebih 6% daripada isi rumah di Malaysia, iaitu termasuk 28,000 buah rumah sebagai sebahagian daripada usaha Tanggungjawab Sosial Korporat kami untuk menyediakan perkhidmatan ini kepada masyarakat yang kurang bernasib baik. Kami ingin mengucapkan penghargaan kepada eKasih, bank data kemiskinan berpusat Malaysia, dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk inisiatif ini.

Sepanjang tahun ini, kami menghasilkan dan membangunkan lebih 9,000 jam kandungan TV tempatan, dengan kerjasama daripada lebih 13,500 perusahaan kecil dan sederhana, menawarkan peluang pengiklanan kepada lebih 2,000 badan korporat, menyediakan penyelesaian hiburan kepada lebih 22,000 syarikat komersial, dan menjana lebih RM60 juta hasil tambahan bagi industri filem tempatan. Kami percaya bahawa setiap aktiviti kami menghasilkan kesan positif terhadap ekonomi Malaysia.

Peranan kami melangkaui kerjasama dengan pelbagai kementerian dan pihak berkuasa kerajaan, terutamanya Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kastam Diraja Malaysia, serta Polis Diraja Malaysia. Khususnya, terdapat kerjasama aktif untuk menangani isu cetak rompak kandungan, yang semakin meningkat melalui dalam talian; seperti yang kita lihat bahawa perlindungan kandungan harta intelek merupakan prasyarat bagi sesebuah negara untuk mempunyai industri media yang berkembang maju dan mapan.



ASTRO DALAM MASYARAKAT

Saya bangga, serta berasa rendah hati, dengan sumbangan yang Astro berikan untuk masyarakat secara amnya. Tahun ini, lebih 2,400 bakat Astro telah menyumbangkan lebih 21,000 jam masa mereka dalam pelbagai projek kemasyarakatan di bawah program sukarela kakitangan kami, Astro Kasih; meliputi empat bidang tumpuan kami iaitu Pembelajaran Sepanjang Hayat, Sukan dan Kesejahteraan, Pembangunan Masyarakat, dan Alam Sekitar. Pada tahun 2013, usaha kami telah mendapat pengiktirafan dengan menerima beberapa anugerah termasuk Anugerah Pemimpin Perniagaan Asia CNBC bagi Tanggungjawab Sosial Korporat dan Anugerah Perniagaan ASEAN untuk Perusahaan Yang Paling Dikagumi dalam kategori Tanggungjawab Korporat (Syarikat Besar).

Kampus Astro, satu cadangan pendidikan holistik kami, mengguna pakai pendekatan 360° dan bertujuan untuk menawarkan maklumat dan pengalaman pembelajaran bertaraf dunia melalui penyiaran, dalam talian dan secara langsung. Kami telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam semua platform kami; termasuk lebih 700 jam program pembelajaran televisyen yang kini menawarkan rancangan pelajaran daripada 400,000 guru bagi membantu hampir 5.3 juta pelajar dalam bidang akademik.

Di bawah program Astro Hostel, kami membina tiga buah asrama di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang selamat dan kondusif kepada ratusan kanak-kanak lelaki dan perempuan, yang kebiasaannya akan terpaksa berjalan kaki berjam-jam untuk pergi dan balik dari sekolah setiap hari. Hasilnya amat memberangsangkan di mana bersama-sama dengan bengkel pendidikan yang dikendalikan, pelajar di sekolah-sekolah ini telah merekodkan peningkatan dari tahun ke tahun yang menggalakkan dalam peperiksaan kebangsaan tahun 2013, malah sebuah sekolah telah berjaya menjadi sekolah yang terbaik di daerahnya.



Di Kem Bola dan Kem Badminton Astro, ribuan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang bercita-cita untuk menjadi atlet profesional diberi peluang untuk bersaing bagi merebut peluang untuk berlatih dengan jurulatih, pemain dan kelab di peringkat antarabangsa. Kemuncaknya pada tahun ini, terdapat 64 ahli sukan muda Malaysia, lelaki dan wanita, mendapat peluang berlatih dengan Kelab Bola Sepak Cardiff City dan jurulatih badminton kebangsaan Jepun.

Tahun ini, kami juga telah mencipta sejarah dalam Guinness World Records™ bagi Pembersihan Dasar Laut Terpanjang, dengan membersihkan tiga tan serpihan marin di Taman Tunku Abdul Rahman, Kota Kinabalu, Sabah. Projek ini juga menjadi asas kepada dokumentari yang membolehkan kami berkongsi mesej mengenai pemuliharaan alam sekitar dengan lebih ramai penonton.

PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan Datuk Yvonne Chia ke dalam Lembaga Pengarah. Datuk Yvonne mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam industri perkhidmatan kewangan dan pengguna. Beliau pernah memegang beberapa jawatan utama dalam institusi asing dan tempatan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pasukan Astro atas komitmen dan kerja keras mereka untuk memastikan kita kekal sebagai peneraju pasaran yang terkemuka.

Kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, dan juga kepada kementerian-kementerian kerajaan yang lain, badan-badan kawal selia dan agensi-agensi rakan kongsi, kami menghargai peluang untuk bekerja bersama, dan kami mengharapkan kerjasama yang berterusan.

Kami juga mengucapkan terima kasih kepada semua pemegang saham, rakan perniagaan, pembekal kandungan dan vendor yang telah menyumbang kepada kejayaan Astro.

Kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah, terima kasih atas sokongan anda dan khidmat nasihat yang diberikan pada sepanjang tahun ini. Akhir sekali, kepada pelanggan-pelanggan kami, terima kasih kerana menjadi inspirasi kami untuk Melangkah Lebih Jauh.

Tun Zaki Bin Tun Azmi

Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas

**Tahun ini,
lebih 2,400
bakat Astro
menyumbang
lebih 21,000
jam masa
mereka dalam
pelbagai projek
kemasyarakatan
di bawah
program sukarela
kakitangan kami,
Astro Kasih**

PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

2013 merupakan tahun yang baik untuk pasukan Astro. Kami berkembang pesat dengan objektif utama untuk menjadi peneraju pasaran yang menarik, serta memperluaskan pangkalan pelanggan, ARPU dan relevansi kami kepada para pengiklan

Kami bejaya menunjukkan prestasi dua digit secara konsisten, dan dalam dua belas bulan yang lalu telah mencapai yang berikut:

HASIL

yang meningkat
sebanyak **12%**
daripada RM4,265
juta kepada
RM4,791
juta

EBITDA

meningkat
sebanyak **16%**
daripada RM1,388
juta kepada
RM1,616
juta

Margin
EBITDA
meningkat
kepada **34%**
daripada 33%

PAT meningkat
sebanyak **7%**
daripada RM420
juta kepada
RM448
juta

FCF meningkat
sebanyak **26%**
daripada RM627
juta kepada
RM791 juta,
yang mewakili
177% daripada PAT

Perkembangan ini disokong dengan peningkatan yang berterusan dalam seluruh KPI operasi. Sepanjang tahun ini, kami telah meluaskan asas pelanggan kami sebanyak 11%, dengan kadar penembusan isi rumah yang meningkat daripada 52% kepada 56%, dan akhirnya dicatatkan berjumlah 3.9 juta isi rumah. ARPU telah meningkat daripada RM93.2 kepada RM96.0, yang dipacu oleh penggunaan produk dan perkhidmatan nilai tambahan kami. Kenaikan dalam jumlah penonton TV dan pendengar radio, serta penglibatan yang tertumpu dan pelaksanaan kempen, telah menghasilkan kenaikan sebanyak 15% dalam pendapatan pengiklanan.



DATO' ROHANA ROZHAN
PENGARAH EKSEKUTIF DAN
PEGAWAI KETUA EKSEKUTIF

LANDSKAP PELANGGAN

Kini, jelas terdapat peningkatan dalam penggunaan kandungan yang merentasi pelbagai skrin; di mana pelanggan kami sentiasa ditemani peranti pintar, yang membolehkan sambungan ke Internet. Kami sentiasa mengukuhkan kedudukan kami untuk mendapatkan bahagian kami dalam dunia maklumat hiburan pengguna. Ini boleh dicapai melalui pelaburan dalam pandangan dan analisis pengguna yang memandu arah strategi jualan berseghmen dan sasaran jualan kami; dalam menawarkan cadangan produk dan perkhidmatan komprehensif yang menyediakan sesuatu yang peribadi, bernilai dan memudahkan; serta dalam mengekalkan sistem canggih pengurusan perhubungan pelanggan yang membolehkan pengalaman pelanggan yang berbeza, fleksibiliti operasi dan kepantasan reaksi terhadap pasaran.

PENERAJU KANDUNGAN

Kami adalah syarikat yang menumpukan terhadap kandungan dan kami berhasrat untuk mendekati rakyat Malaysia daripada semua latar belakang etnik, budaya dan sosial dengan menghasilkan, mengumpul dan mengedarkan kandungan tempatan, serantau dan antarabangsa yang terbaik untuk mereka.

Kandungan IP kami merentasi pelbagai genre dan bahasa; contohnya Maharaja Lawak dalam komedi, Oh My English! dalam pendidikan, Pencetus Ummah dalam agama, Hua Hee dalam varieti Hokkien dan Vaanavil Super Star dalam hiburan umum bahasa Tamil; semuanya telah menjadi jenama yang terkemuka dengan pangkalan peminat yang komited. Kandungan yang dihasilkan sendiri oleh kami menyokong aturan program kami; yang mana menyampaikan tahap penontonan yang kukuh dan membina francais yang mapan.

Kepimpinan adalah satu keistimewaan, dan juga satu tanggungjawab. Kami tetap teguh dalam menyokong arena sukan tempatan dengan gabungan liputan 24 jam sehari, 7 hari seminggu melalui Astro Arena, dan kerjasama secara langsung dengan liga sukan, seperti dalam penyiaran bola sepak tempatan dan sepak takraw. Perlawanan terbaik daripada liga sukan antarabangsa, termasuk pertandingan dan kejohanan di peringkat global turut disiarkan di platform kami.

Kandungan 360° adalah prinsip teras Astro. Kandungan kami disiarkan melalui seluruh saluran TV, AOTG, radio, penerbitan, filem, siaran langsung dan ruang digital. Kami membangunkan aplikasi dalam talian dan menjadi tuan rumah kepada beberapa portal web yang menumpukan secara khusus kepada beberapa genre utama; contohnya Astro Gempak, Astro Zhongwen, Astro Ulagam dan Stadium Astro.

PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Di samping itu, Astro Gempak, yang mempunyai pelbagai bentuk kandungan pendek berbahasa Melayu, merupakan pilihan nombor satu saluran YouTube di Malaysia. Kami menggalakkan komunikasi interaktif dan melibatkan pelanggan kami dalam laman sisipan serta rangkaian sosial. Pada tahun 2013, pasukan Penerbitan Digital kami telah memindahkan keseluruhan penerbitannya daripada format cetak kepada format digital interaktif. Kami semakin bersemangat dengan peluang-peluang yang berpotensi hasil daripada evolusi ini, bermula dengan membolehkan keseluruhan 3.4 juta pelanggan kami yang berasaskan TV berbayar memperoleh akses percuma kepada majalah-majalah kami. Akhirnya, inisiatif ini menyediakan pengalaman pelanggan yang lebih komprehensif, dan ia membuktikan kesungguhan kami untuk bersama pelanggan, di mana jua mereka berada.

Skala dan komitmen terhadap pelaksanaan menjadikan kami rakan pilihan pembekal kandungan; dengan menyediakan asas yang meluas untuk mereka membina tontonan dan jenama. Kami percaya dalam pendekatan yang kolaboratif dan akan terus bersama-sama menawarkan kandungan antarabangsa yang terbaik ke dalam pasaran, dengan lebih banyak kandungan berbentuk setempat dan dalam tettingkap pertama.

Tumpuan kami pada kandungan telah membantu kami meningkatkan peratusan bahagian tontonan Astro daripada 43% kepada 47% dan 15 daripada produksi tempatan kami telah mencapai lebih 1 juta penonton, iaitu tiga kali ganda prestasi pada tahun sebelumnya. Para pengiklan kami menghargai keupayaan yang unik kami untuk mencapai liputan penonton yang premium dan meluas.

Kami percaya bahawa pelaburan dan inovasi kandungan kami telah membantu untuk membezakan Astro dari pada yang lain serta mengukuhkan kedudukan sebagai peneraju pasaran.



KECEMERLANGAN PRODUK

Kami memberi tumpuan kepada penyampaian pengalaman kandungan yang inovatif di seluruh ruang Tonton, Dengar, Baca dan Main. Ini menyerlahkan pendekatan platform agnostik dalam penyampaian kandungan, dan membolehkan kami merealisasikan cita-cita untuk menjadi sumber utama yang memenuhi keperluan penggunaan kandungan oleh rakyat Malaysia.

Kami menyiarkan 171 saluran, 68 daripadanya adalah berjenama Astro dan 39 adalah dalam HD. Barisan kandungan ini diserapkan dalam portfolio produk dan perkhidmatan yang luas; boleh didapati secara percuma, melalui langganan, prabayar atau atas permintaan, sama ada dalam bentuk pakej ataupun tidak. Pelanggan kami terdiri daripada individu-individu yang menggunakan AOTG, hinggalah mereka yang mencuba kandungan kami melalui NJOI, dan mereka yang menikmati kesemuanya seisi keluarga melalui Superpack dan Astro B.yond IPTV.


Inovasi adalah teras kami. Baru-baru ini, kami memperkenalkan panduan TV generasi akan datang yang di antaranya mempunyai pelbagai ciri seperti: membolehkan Panduan Pemrograman Elektronik vernakular, pengalaman rakaman dan VOD yang lebih baik, serta navigasi intuitif dan enjin carian. Kami akan terus membangunkan pelbagai litar antara muka pengguna yang intuitif, peralihan yang lancar, tontonan peribadi, fungsi carian yang kuat, dan cadangan relevan yang merentasi kesemua produk dan platform kami, untuk memastikan pengalaman pelanggan yang optimum.

BAKAT DALAM SIARAN DAN DI LUAR SIARAN

Kejayaan Astro pada dasarnya didorong oleh lebih 4,700 bakat yang sangat bernilai. Mereka ini merupakan aset kami yang paling berharga. Aspirasi kami adalah untuk menjadi majikan pilihan, dengan membina persekitaran yang menggilap bakat dan menjana yang terbaik daripadanya. Kami adalah pasukan muda, dengan 48% daripada tenaga kerja kami berusia antara 21 hingga 30 tahun, yang mencerminkan dinamiknyanya syarikat kami dan industri media. Kami menghargai kepelbagaian di semua peringkat, dan mengambil pendekatan pelbagai disiplin untuk maju ke hadapan, di samping menggalakkan sesiapa sahaja untuk menjadi duta jenama Astro.

Kami sangat bertuah kerana mempunyai bakat seperti Dato' Aznil Haji Nawawi, yang telah dinobatkan sebagai "Pengacara Lelaki Terbaik TV", dan Aaron Aziz, yang telah dianugerahkan sebagai "Pelakon Lelaki Paling Popular" di Anugerah Bintang Popular Berita Harian 2013; Hafiz Suip, yang menerima pelbagai anugerah muzik; Lisa Surihani, yang dianugerahkan sebagai DIVA Universal's High Heeled Warrior dalam kategori Seni dan Hiburan; Chiu Keng Guan, yang dinobatkan sebagai "Pengaruh Terbaik" di majlis Golden Wau Awards 2013; Shantesh dan Chaarumathe, yang memenangi piala pusingan keseluruhan untuk "Duo Negara Terbaik" di pertandingan Super Star Asia Challenge; serta Johan, Haniff dan Ray, yang diundi oleh orang ramai sebagai "Persembahan Radio Paling Popular" di majlis Anugerah MeleTOP ERA. Selain daripada itu, Rafidah Othman, Morris Hoo dan Ching Yee Lee turut memenangi anugerah dalam kategori Seni Persembahan, Gaya dan Reka Bentuk Pemandangan di A' Design Awards.

Sepertimana bakat kami yang menerima pelbagai anugerah di dalam negara dan di peringkat antarabangsa, Astro turut berbangga dengan kedudukannya di antara 100 Majikan Siswazah Terkemuka, yang telah meningkat daripada anak tangga yang ke-25 pada tahun 2012 ke anak tangga yang ke-17 pada tahun 2013, dan menjadi pilihan utama dalam sektor Media dan Penyiaran.





PENTAS KINI TERSEDIA

Di Astro, kami menyadari bahawa perjalanan kami adalah suatu perjalanan yang berterusan untuk menjadi peneraju pasaran yang menarik; untuk berkembang maju dan untuk menguasai inovasi dalam setiap aspek perniagaan kami dan menjadi jenama pilihan pelanggan. Ikrar jenama Astro adalah untuk sentiasa melabur untuk warga kerja, infrastruktur, teknologi dan kandungan kami, serta membangunkan lagi nilai kami untuk membawa kandungan NVD dan VOD yang lebih banyak pilihan dan lebih tinggi kualiti HD kepada pelanggan kami.

Banyak yang kami harapkan dapat dicapai pada masa hadapan. Kami menjangka untuk menerima penghantaran transponder tambahan di atas satelit M3b pada tahun 2014, yang akan meningkatkan keupayaan siaran kami secara signifikan untuk menyediakan lebih kandungan HD yang berkualiti kepada pelanggan kami. Terdapat kandungan blockbuster seperti Piala Dunia FIFA 2014 Brazil™, dan pelbagai IP baru akan ditayangkan di seluruh platform kami. Program-program digital kami yang disediakan dalam Tonton, Dengar, Baca dan Main adalah bidang peluang utama kami, dan kami berhasrat untuk terus membekalkan perkhidmatan yang terbaik dalam kelasnya ke dalam pasaran. Kami juga sedang bersedia untuk melancarkan perkhidmatan Beli-belah Dari Rumah, yang akan dilaksanakan dengan kerjasama sebuah peneraju industri.

Strategi pelaburan semula STB kami telah meningkatkan perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan modal dalam tahun 2013 tetapi hasilnya, kami kini berada pada kedudukan yang baik untuk fasa pertumbuhan seterusnya. Kami akan berusaha untuk terus membina momentum pertumbuhan dan melaksanakan imperatif strategik kami dengan mantap. Kami menyasarkan pertumbuhan dalam asas pelanggan, ARPU dan dalam pendapatan pengiklanan kami, disertakan dengan kos dan disiplin operasi yang baik, kami berharap untuk mengoptimumkan keuntungan dan keupayaan penajaan tunai.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada para pemegang amanah Astro, terutamanya para pelanggan kami atas sokongan anda yang berterusan.

Dato' Rohana Rozhan
Bagi pihak Pasukan Astro

Aspirasi kami adalah untuk menjadi majikan pilihan, melalui pembinaan persekitaran yang menggilap bakat dan menjana yang terbaik daripadanya

MAKLUMAT OPERASI DAN KEWANGAN

	Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari			
	2014	2013	PF ⁽²⁾ 2012	PF 2011
Hasil Operasi				
Penembusan isi rumah Astro ('000)	3,884	3,485	3,067	2,931
Tambahan kasar TV berbayar ('000)	499	456	334	288
Perpindahan MAT	9.9%	7.8%	6.6%	9.5%
Tambahan bersih ('000)	400	418	136	1
Tambahan bersih TV berbayar ('000)	167	209	136	1
Tambahan bersih NJOI ('000)	233	209	N/A	N/A
Gantian B.yond STB ('000)	802	770	530	330
Kadar penggunaan Perkhidmatan HD ('000)	1,675	1,264	772	304
Pelanggan dengan PVR STB ('000)	532	299	84	21
Kadar penggunaan Multiroom ('000)	312	218	116	116
ARPU (RM)	96.0	93.2	89.0	84.7
Peratusan tontonan TV	47%	43%	41%	39%
Pendengar Radio ('000)	12,193	12,344	11,652	11,532
Pendapatan pengiklanan (RM juta)	582	504	461	417
Keputusan Kewangan (RM juta)				
Hasil	4,791	4,265	3,889	3,664
EBITDA	1,616	1,388	1,415	1,370
EBIT	778	785	990	1,067
PBT	569	575	864	1,091
PAT	448	420	630	828
PATAMI	448	418	624	824
Nisbah Kewangan				
Pulangan ke atas modal yang dilaburkan	30%	28%	23%	N/A
Hutang bersih / EBITDA (kali)	1.3	1.5	2.3	N/A
Pertumbuhan hasil	12%	10%	6%	13%
Margin EBITDA	34%	33%	36%	37%
Margin PBT	12%	13%	22%	30%
Margin PAT	9%	10%	16%	23%
Dividen sesaham (sen) ⁽¹⁾	9.0	4.0	N/A	N/A
Kedudukan Kewangan (RM juta)				
Ekuiti yang berkaitan dengan pemegang ekuiti Syarikat	617	516	491	N/A
Jumlah aset	7,104	6,518	6,514	N/A
Jumlah pinjaman	3,664	3,703	3,710	N/A
Hutang bersih	2,030	2,095	3,232	N/A


Nota:

⁽¹⁾ Dividen sesaham terdiri daripada dividen interim dan akhir pasca IPO yang diisytiharkan dan dicadangkan bagi tahun kewangan yang ditetapkan.

⁽²⁾ Nombor proforma ("PF") seperti yang dinyatakan di muka surat 16 - 17 adalah disediakan atas andaian bahawa Kumpulan AMH telah wujud sepanjang tahun kewangan yang dilaporkan. Ini adalah untuk menyediakan satu perbandingan yang bermakna mengenai prestasi kewangan dan operasi kumpulan antara tempoh laporan tersebut.


HASIL

Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari
(RM juta)




EBITDA

Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari
(RM juta)




PAT

Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari
(RM juta)




PENEMBUSAN ISI RUMAH ASTRO

Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari
(‘000)




ARPU

Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari
(RM)



KADAR PENGGUNAAN PERKHIDMATAN HD

Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari
(‘000)



ANALISIS SEGMENT DAN PRESTASI KEWANGAN SUKU TAHUNAN

Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari				
	2014		2013	
	RM juta	%	RM juta	%
Hasil				
Televisyen	4,529	95%	4,003	94%
Radio	247	5%	215	5%
Lain-lain	15	~(1)	47	1%
	4,791	100%	4,265	100%
PBT				
Televisyen	438	77%	522	91%
Radio	133	23%	103	18%
Lain-lain	(2)	~(2)	(50)	-9%
	569	100%	575	100%


(1) Anggaran 0.3%

(2) Anggaran -0.4%

Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari					
Dalam RM juta	Suku Pertama	Suku Kedua	Suku Ketiga	Suku Keempat	Tahun Penuh
Hasil	1,126	1,188	1,217	1,260	4,791
EBITDA	381	405	417	413	1,616
EBIT	192	194	204	188	778
PBT	158	131	153	127	569
PAT	114	98	124	112	448
PATAMI	114	99	124	111	448


PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN KUMPULAN YANG DIRINGKASKAN

JUMLAH ASET PADA 31 JANUARI



Aset	Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari	
	2014 RM juta	2013 RM juta
Hartanah, loji dan peralatan	2,157	1,916
Aset tidak ketara	1,870	1,857
Inventori	18	24
Penghutang, deposit dan bayaran terdahulu	1,146	1,027
Deposit, tunai dan baki bank, dan unit amanah	1,634	1,608
Lain-lain	278	86
	7,103	6,518

JUMLAH EKUITI & LIABILITI PADA 31 JANUARI



Ekuiti dan Liabiliti	Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari	
	2014 RM juta	2013 RM juta
Modal saham	520	520
Rizab	93	(8)
Pemiutang dan akruan	2,675	2,096
Cukai dan liabiliti cukai tertunda	135	158
Pinjaman	3,664	3,703
Lain-lain	16	49
	7,103	6,518

PENYATA NILAI TAMBAH

Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari		
Tambahan Nilai	2014 RM juta	2013 RM juta
Hasil	4,791	4,265
Perbelanjaan Operasi	(2,307)	(2,064)
Lain-lain pendapatan operasi	86	97
Jumlah tambahan nilai	2,570	2,298
Penyesuaian:		
PAT	448	418
Tambah: Susut nilai, kemerosotan dan pelunasan	1,187	929
Kos kewangan	268	278
Kerajaan	142	170
Kepentingan bukan kawalan	~ ⁽¹⁾	2
Kos kakitangan	525	501
Jumlah tambahan nilai (tersedia untuk agihan)	2,570	2,298
Nilai Diagihkan		
Kakitangan		
Kos kakitangan	525	501
Kerajaan		
Cukai ⁽²⁾	120	152
Kawal selia	22	18
Pemberi modal		
Dividen	442	347
Kos kewangan	268	278
Kepentingan bukan kawalan	-	2
Pelaburan semula dan pertumbuhan masa depan		
Susut nilai, kemerosotan dan pelunasan	1,187	929
Perolehan tertahan	6	71
Jumlah Diagihkan	2,570	2,298

⁽¹⁾ Anggaran kerugian RM0.2 juta dari kepentingan bukan kawalan

⁽²⁾ Tidak termasuk cukai asing

PERISTIWA PENTING UTAMA

1996

- Melalui pelancaran satelit MEASAT-1, MBNS, salah satu daripada anak syarikat milik kami, memperkenalkan perkhidmatan TV-berbayar satelit DTH dengan 22 saluran TV dan 5 stesen radio
- Memperkenalkan format pengaturcaraan radio, penyiar pertama yang memperkenalkan format ini di Malaysia

1997

- MBNS telah diberi lesen penyiaran selama 25 tahun yang boleh diperbaharui bagi penyediaan perkhidmatan penyiaran di Malaysia, dengan hak eksklusif perkhidmatan TV satelit DTH sehingga tahun 2017 dan hak bukan eksklusif sehingga tahun 2022

2003

- Mengatasi 1 juta pelanggan kediaman TV berbayar

2007

- Mengatasi 2 juta pelanggan kediaman TV berbayar
- Memperkenalkan *Astro On Demand*, perkhidmatan Nvod TV yang pertama di Malaysia

2009

2011

- Memperkenalkan *Astro B.yond IPTV*, melalui kerjasama dengan TIME, dengan menggunakan perkhidmatan IPTV melalui rangkaian jalur lebar gentian optik TIME
- Melancarkan *Astro First*, yang menawarkan filem-filem tempatan dan serantau 2 minggu selepas ia dilancarkan di pawagam, dan ianya boleh didapati melalui STB kami
- Melancarkan *Superpacks* yang terdiri daripada kandungan terbaik kami, termasuk perkhidmatan HD dan PVR, untuk meningkatkan nilai proposisi kami untuk para pelanggan kami
- Melempi 3 juta pelanggan TV-berbayar kediaman
- Menerima anugerah "Gold" dalam kategori Media dan Hiburan di Putra Brands Awards 2011, anugerah jenama pengguna terunggul Malaysia

2010

- Memperkenalkan siaran 3D di Malaysia dan Asia Tenggara untuk Piala Dunia FIFA 2010
- Melancarkan perkhidmatan *Astro B.yond PVR*
- Menerima anugerah "Gold" bagi kategori Media dan Hiburan di "Putra Brands Awards 2010", anugerah jenama pengguna terunggul Malaysia.

2012

- Melancarkan NJOI, TV satelit DTH berasaskan bukan langganan yang pertama di Malaysia
- Menerima anugerah "Brand of the Year" dan "Gold" dalam kategori Media dan Hiburan di Putra Brand Awards 2012, anugerah jenama pengguna terunggul Malaysia
- Melancarkan AOTG, perkhidmatan hiburan kami untuk telefon pintar, komputer tablet dan PC, serta VOD berasaskan jalur lebar
- Astro Malaysia Holdings Berhad disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia
- Melancarkan perkhidmatan *Astro Best VOD* yang menawarkan filem Hollywood dan Asia yang boleh didapati di kedua-dua platform satelit DTH dan IPTV seawal 3 bulan selepas ditayangkan di pawagam dan dengan HD

SOROTAN ACARA



MAC 2013

- Melancarkan Pek Chakravarthy untuk segmen berbahasa Tamil yang terdiri daripada 4 saluran hiburan baru - Star Vijay, Raj TV, Jaya TV and Kalaingar TV.
- Melancarkan AOTG International, sebuah perkhidmatan yang membolehkan rakyat Malaysia menonton kandungan Astro melalui telefon pintar, komputer tablet dan komputer riba di mana jua di seluruh dunia.

APRIL 2013

- Astro mencatat Guinness World Records™ untuk Pembersihan Dasar Laut Terpanjang, iaitu aktiviti pembersihan dalam air selama 168 jam tanpa henti di Taman Tunku Abdul Rahman, Sabah dengan kerjasama seramai 134 penyelam tempatan dan antarabangsa.
- Astro Radio memperluaskan liputan ERA FM, MY FM dan hitz.fm ke Sandakan.

MEI 2013

- Astro dipilih sebagai salah satu ikon Putra Brand dan muncul sebagai jenama terkemuka dalam kategori "Media & Hiburan" di Putra Brand Awards 2013.
- Melancarkan saluran tambahan untuk perkhidmatan NJOI. Sejak ia dilancarkan pada bulan Disember 2011, jumlah saluran TV dan stesen radio NJOI telah bertambah dari 37 ke 42 saluran sehingga kini.
- MBNS menandatangani perjanjian untuk memajak kapasiti transponder, sebanyak 6 transponder Ku-band pada satelit M3c yang dijangka akan dilancarkan pada suku ketiga 2015.

JUN 2013

- Melancarkan Astro On Demand HD dan Astro Hua Hee Dai HD, menjadikan jumlah saluran berbahasa Cina secara HD kepada 5.



OGOS 2013

- MBNS menandatangani perjanjian dengan TM Net Sdn Bhd untuk membawa saluran Astro SuperSports HD dan Astro SuperSports 2 HD di HyppTV.
- Astro dipilih sebagai "Most Admired Enterprise" untuk kategori Tanggungjawab Sosial Korporat (Syarikat Besar) di 2013 ASEAN Business Awards (ABA).
- Astro Radio memperluas liputan ERA FM, MY FM and hitz.fm ke Miri.
- Radio stesen berbahasa Cina MY FM menyambut ulang tahun ke-15 dengan mempersembahkan muzikal "MY FM 15 Birthday Bash".
- ERA FM menganjurkan "Pesta Bola & Muzik ERAVAGANZA", sebuah festival musik dan bolasepak bersempena dengan sambutan ulang tahunnya yang ke-15.
- Sempena dengan Hari Kemerdekaan Malaysia yang ke-56, Astro meraikan yang terbaik di Malaysia dengan kandungan yang pelbagai meliputi talian atas udara, talian internet dan secara langsung dengan 3 aktiviti, iaitu kempen "#gobeyond" dan "#UrMalaysianIsShowing" dan video muzik bertajuk "Excuse me Sir, your Malaysian is showing".

SEPTEMBER 2013

- Melancarkan saluran A-List yang menayangkan filem-filem antarabangsa dan serantau yang pernah memenangi anugerah dan diiktiraf.
- hitz.fm meraikan ulang tahunnya dengan Birthday Invasion LIVE Concert.

OKTOBER 2013

- Astro memenangi tiga Stevie® Awards di International Business Awards 2013 untuk kategori berikut: Gold Stevie® Award dalam “Communications atau PR Campaign of the Year” - kategori Khidmat Awam dan Silver Stevie® Award dalam “Corporate Social Responsibility Program of the Year” (kategori Asia, Australia dan New Zealand) untuk projek “Astro Kasih Beautiful Malaysia: Longest Underwater Clean Up”, manakala CEO Astro, Dato’ Rohana Rozhan, menerima Silver Stevie® Award untuk “Executive of the Year” - kategori Media & Hiburan.
- The Journey* yang diterbitkan oleh Astro Shaw dan diarah oleh pengarah yang telah memenangi anugerah, Chiu Keng Guan, telah dipersembahkan dalam tayangan perdana antarabangsa di Taoyuan Film Festival di Taiwan dan meraih undian terbanyak untuk filem asing terbaik.
- Melancarkan Vinmeen HD, saluran HD Tamil beroperasi 24 jam yang pertama di Asia Tenggara.



NOVEMBER 2013

- Astro CEO, Dato’ Rohana Rozhan menerima anugerah CNBC’s Asia Business Leaders Award untuk Tanggungjawab Sosial Korporat. CNBC memulakan anugerah ini pada tahun 2001 untuk menghargai pemimpin terkemuka di Asia yang melakukan perbezaan melalui kepimpinan.
- Astro diumumkan sebagai Penyiar Rasmi di Malaysia untuk 2014 FIFA World Cup Brazil™ dengan liputan penuh kesemua 64 perlawanan langsung dalam HD.
- Astro Awani menandatangani kerjasama dengan Waze Inc. sebagai rakan kongsi penyiar antarabangsa kedua bagi Waze di luar Amerika Syarikat. Program ini menyediakan platform laporan trafik awam Waze dalam media arus utama.



DISEMBER 2013

- Astro Arena menawarkan liputan langsung dan komprehensif Sukan SEA 2013 di Myanmar.

JANUARI 2014

- Hostel Astro Kasih yang ketiga untuk SK Malinsau, Ranau, di pedalaman Sabah, telah disiapkan untuk menampung sehingga 120 pelajar. Hostel baru ini dilengkapi dengan kemudahan asas, utiliti dan Sistem Pembelajaran Kampus Astro.
- Bersempena dengan Tahun Baru Cina, filem Astro “The Journey” mula ditayang di pawagam tempatan pada 30 Januari 2014. Filem ini mendapat pungutan “box office” yang menakjubkan iaitu melebihi RM17 juta di Malaysia, menjadikannya filem tempatan yang terlaris di Malaysia setakat ini.
- Astro Digital Publications melancarkan enam penerbitan digital - Style (gaya hidup fesyen wanita dalam bahasa Inggeris), Car (automotif), InTrend (gaya hidup fesyen wanita dalam bahasa Melayu), FHM (gaya hidup lelaki dalam bahasa Inggeris), Men’s Uno (gaya hidup fesyen lelaki dalam bahasa Mandarin) and ifeel (gaya hidup fesyen wanita dalam bahasa Mandarin), yang boleh dimuat turun di Apple Newsstand.
- Tayangan perdana “Oh My English! - Hello America”, sebuah telefilem baru “Oh My English!” yang difilemkan di Amerika Syarikat telah menerima sambutan yang hebat daripada penonton.
- Astro telah menandatangani perjanjian untuk beberapa tahun dengan Sony Pictures Television untuk membawa filem Hollywood dan Asia terkini milik Sony Pictures seawal yang dibenarkan selepas ia ditayangkan di pawagam.

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

Tun Dato' Seri Zaki Bin Tun Azmi
Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas

Augustus Ralph Marshall
*Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif
Bukan Bebas*

Dato' Rohana Rozhan
*Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai
Eksekutif*

Chin Kwai Yoong
Pengarah Kanan Bebas

Dato' Mohamed Khadar Bin Merican
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Bernard Anthony Cragg
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Hisham Bin Zainal Mokhtar
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Datuk Yvonne Chia
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Lim Ghee Keong
*Pengarah Silih Ganti kepada Augustus
Ralph Marshall*

SETIAUSAHA SYARIKAT

Liew Wei Yee Sharon (No. 7908)

PEJABAT BERDAFTAR

3rd Floor, Administration Building
All Asia Broadcast Centre
Technology Park Malaysia
Lebuhraya Puchong-Sungai Besi
Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
Malaysia

No. Telefon: +603 9543 6688
No. Faks: +603 9543 3007
Laman Web: www.astromalaysia.com.my

BANK-BANK UTAMA

(mengikut susunan abjad)

CIMB Bank Berhad

20th Floor, Menara CIMB
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Malaysia

No. Telefon: +603 2261 8888

Citibank Berhad

Level 45, Menara Citibank
165 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Malaysia

No. Telefon: +603 2383 8585

Malayan Banking Berhad

31st Floor, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Malaysia

No. Telefon: +603 2070 8833

RHB Bank Berhad

Level 7, Tower Three
RHB Centre
Jalan Tun Razak
50450 Kuala Lumpur
Malaysia

No. Telefon: +603 9287 8888

JURUAUDIT DAN AKAUNTAN MELAPOR

PricewaterhouseCoopers

Level 10, 1 Sentral, Jalan Travers
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Malaysia

No. Telefon: +603 2173 1188

PENDAFTAR SAHAM

Symphony Share Registrars Sdn Bhd

Level 6, Symphony House
Pusat Dagangan Dana 1
Jalan PJU 1A/46
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

No. Telefon: +603 7841 8000
No. Helpdesk: +603 7849 0777
No. Faks: +603 7841 8151 /
+603 7841 8152

PENYENARAIAAN BURSA SAHAM

Papan Utama Bursa Saham Malaysia
(Disenaraikan sejak 19 Oktober 2012)

STRUKTUR KORPORAT



TV & RADIO

- MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd **100%**
 - Astro Radio Sdn Bhd **100%**
 - Perfect Excellence Waves Sdn Bhd **100%**
 - Maestra Broadcast Sdn Bhd **100%**
 - MEASAT Radio Communications Sdn Bhd **100%**
 - Radio Lebuhraya Sdn Bhd **100%**
 - Yayasan Astro Kasih **100%**
- Astro Productions Sdn Bhd **100%**

JUALAN MEDIA & KANDUNGAN

- Astro Entertainment Sdn Bhd **100%**
 - Astro Arena Sdn Bhd **100%**
 - Astro Sports Marketing Sdn Bhd **100%**
 - Asia Sports Ventures Pte Ltd **100%**
 - Astro Awani Network Sdn Bhd **80%**
 - Endemol Malaysia Entertainment Group Sdn Bhd **49.99%**
- Astro Shaw Sdn Bhd **100%**
 - Tayangan Unggul Sdn Bhd **100%**
 - Nusantara Films Sdn Bhd **100%**
 - Nusantara Edaran Filem Sdn Bhd **50%**

MEDIA DIGITAL & PENERBITAN

- Astro Digital Sdn Bhd **100%**
 - Astro Digital 5 Sdn Bhd **100%**
 - Astro Digital Publications Sdn Bhd **100%**
(sebelum ini dikenali sebagai Astro Publications Sdn Bhd)

PERUNCITAN


- Astro Retail Ventures Sdn Bhd **100%**
 - Astro GS Shop Sdn Bhd **60%**

LAIN-LAIN

- Astro (Brunei) Sdn Bhd **100%**
 - Kristal-Astro Sdn Bhd **48.9%**
- MBNS Multimedia Technologies Sdn Bhd **100%**
 - Advanced Wireless Technologies Sdn Bhd **25%**
 - UMTS (Malaysia) Sdn Bhd **100%**

Nota: Carta ini mewakili anak syarikat operasi utama Astro Malaysia Holdings Berhad dan syarikat-syarikat bersekutu di bawah perniagaan utamanya.

STRUKTUR ORGANISASI



KALENDAR KEWANGAN

12 JUN 2013

- Pengumuman keputusan yang belum diaudit bagi suku pertama berakhir 30 April 2013
- Pengumuman dividen interim pertama satu peringkat sebanyak 2.0 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014

28 JUN 2013

- Pengumuman dividen interim pertama satu peringkat sebanyak 2.0 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014

15 JULAI 2013

- Tarikh bayaran untuk dividen interim pertama satu peringkat sebanyak 2.0 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014

2 OGOS 2013

- Tarikh bayaran untuk dividen satu tingkat akhir sebanyak 1.0 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2013

11 SEPTEMBER 2013

- Pengumuman keputusan yang belum diaudit bagi suku kedua berakhir 31 Julai 2013
- Pengumuman dividen interim kedua satu peringkat sebanyak 2.0 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014

30 SEPTEMBER 2013

- Tarikh kelayakan untuk dividen interim kedua satu peringkat sebanyak 2.0 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014

18 OKTOBER 2013

- Tarikh bayaran untuk dividen interim kedua satu peringkat sebanyak 2.0 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014

5 DISEMBER 2013

- Pengumuman keputusan yang belum diaudit bagi suku ketiga berakhir 31 Oktober 2013
- Pengumuman dividen interim ketiga satu peringkat sebanyak 2.0 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014

20 DISEMBER 2013

- Tarikh kelayakan untuk dividen interim ketiga satu peringkat sebanyak 2.0 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014

10 JANUARI 2014

- Tarikh bayaran untuk dividen interim ketiga satu peringkat sebanyak 2.0 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014

31 MAC 2014

- Pengumuman keputusan yang belum diaudit bagi suku keempat dan tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014
- Pengumuman dividen interim keempat satu peringkat sebanyak 2.0 sen sesaham biasa dan cadangan dividen satu tingkat akhir sebanyak 1.0 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014

15 APRIL 2014

- Tarikh kelayakan untuk dividen interim keempat satu peringkat sebanyak 2.0 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014

30 APRIL 2014

- Tarikh bayaran untuk dividen interim keempat satu peringkat sebanyak 2.0 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014


21 MEI 2014

- Notis Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa dan penerbitan Laporan Tahunan dan Pekeliling kepada Para Pemegang Saham

19 JUN 2014

- Mesyuarat Agung Tahunan Kedua (selepas penyenaraian)

PERHUBUNGAN PELABUR



PIAGAM KAMI

Astro komited untuk menyampaikan nilai pemegang saham jangka panjang melalui gabungan peningkatan modal dan dividen yang progresif. Seperti yang dinyatakan dalam penyata Ketua Pegawai Eksekutif, kami telah merangka laluan dalam mengekalkan kepimpinan yang berterusan, dan telah membina struktur yang sewajarnya untuk berjaya dalam mencapai matlamat ini.

Polisi dividen kami adalah untuk mencapai pembayaran sekurang-kurangnya 75% daripada PAT kepada pemegang saham. Sejak penyusunan kami pada bulan Oktober 2012, Astro telah mengisytiharkan dividen interim pada setiap suku tahunan, dan dividen akhir bagi tahun 2012, menyediakan pulangan tunai kepada para pemegang saham secara tetap. Tahun ini, kami telah mengumumkan empat bayaran dividen suku tahunan sebanyak 2.0 sen sesaham, peningkatan sebanyak 33% dari tahun sebelumnya, dan tertakluk pada kelulusan pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan diadakan pada 19 Jun 2014, pembayaran dividen akhir sebanyak 1.0 sen sesaham. Ini mewakili jumlah nisbah pembayaran dividen sebanyak 104 % daripada PAT. Jumlah dividen kami sebanyak 9.0 sen sesaham untuk tahun 2013 bersamaan dengan hasil dividen sebanyak kira-kira 3%.

Kami kekal sebagai pengurus aktif modal dan memanfaatkan modal yang dilaburkan, kami percaya bahawa Astro akan terus dapat menjana wang tunai, membolehkan kami untuk menerima pakai dasar dividen yang progresif.

PENGLIBATAN PELABUR

Dasar penglibatan kami bertujuan untuk memastikan penyebaran maklumat yang adil dan tepat pada masanya. Kami memupuk saluran komunikasi terbuka antara pasukan pengurusan kanan dan pelabur serta penganalisis penyelidikan; untuk memastikan mereka sedia maklum mengenai perkembangan terkini dalam perniagaan kami dan membantu mereka memahami penggerak asas kejayaan kami.

Secara lebih terperinci, kami juga proaktif dalam membincangkan strategi, operasi, perniagaan dan prestasi kewangan kami. Dalam dua belas bulan yang lalu, kami telah menjalankan lebih daripada 230 mesyuarat persendirian dan panggilan telesidang. Kami juga mengambil bahagian dalam persidangan seperti *Invest Malaysia*, *Invest Malaysia US*, *Credit Suisse Asian Investment Conference* dan *UBS ASEAN Conference*, serta terlibat dengan pelabur menerusi pameran bergerak bukan perjanjian - di seluruh bandar-bandar ibu negara Asia, Eropah dan Amerika Syarikat. Kami berpuas hati dengan jumlah dana institusi panjang sahaja yang bereputasi, iaitu daripada dalam dan luar negara, sebagai sebahagian daripada pemegang saham terbesar kami.

KEPUTUSAN KEWANGAN SUKU TAKLIMAT

Setiap suku tahunan, kami mengumumkan keputusan kewangan kami melalui pengumuman kepada Bursa Securities, serta menerbitkannya di portal korporat kami, www.astromalaysia.com.my. Pengumuman ini mengandungi penyata kewangan, petunjuk kewangan dan ringkasan operasi dan analisis prestasi kami. Kami juga menyediakan penerangan terperinci yang mengetengahkan kemaskini utama bagi suku tersebut dengan cara yang lebih visual.

Selepas makluman kepada Bursa Securities, kami juga mengadakan sidang akhbar sebanyak dua kali setahun untuk memaklumkan kepada ahli-ahli media dan untuk menjelaskan sebarang pertanyaan yang mereka mungkin ada. Di samping itu, sesi telesidang telah diadakan setiap suku tahunan selepas pengumuman keputusan untuk penganalisis penyelidikan dan pemegang saham utama Syarikat, di dalam dan di luar negara. Telesidang ini dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dihadiri oleh pasukan pengurusan kanan, mencerminkan komitmen kami untuk menyediakan komunikasi yang jelas dan ketelusan yang tinggi kepada komuniti pelaburan.

LIPUTAN PENGANALISIS

Pada 31 Januari 2014, 27 institusi kewangan tempatan dan antarabangsa menyediakan liputan penyelidikan Astro. Senarai lengkap dan penganalisis utama yang berkaitan boleh didapati di portal korporat kami, www.astromalaysia.com.my.

PRESTASI HARGA SAHAM

Dalam tahun berakhir 31 Januari 2014, saham-saham kami menjana pulangan kira-kira 5.4 % berdasarkan kenaikan harga, dan sejumlah 8.4 % dengan dividen suku tahunan dilaburkan semula.

ANUGERAH

MAC

Super Star Asia Challenge

- Piala cabaran keseluruhan (Duo Negara Terbaik) - Artis Vaanavil, Shantesh dan Chaarumathe
- Penyanyi Solo Terbaik - Shanthesh Kumar

APRIL

17th Annual Webby Awards

- Gelaran Kehormat Rasmi untuk Radio & Podcast

Anugerah Bintang Popular Berita Harian 2013

- Pengacara TV Lelaki Terbaik - Datuk Aznil Nawawi
- Gandingan Serasi di Layar - Johan and Zizan Razak
- Pelakon TV Lelaki Paling Popular - Aaron Aziz
- Pelawak Lelaki Paling Popular - Zizan Razak
- Artis Paling Popular di Media Sosial - Zizan Razak
- Artis Lelaki Paling Bergaya - Zizan Razak
- Penyanyi Lelaki Paling Popular - Hafiz
- Artis Asia Paling Popular - Zizan Razak

Marketing Magazine of the year

- Kategori lelaki - FHM - Johan
- Kategori Majalah Cina - ifeel - Naib johan
- Kategori Majalah Kereta - Kereta - Naib johan

MEI

Putra Brand Awards 2013

- Ikon Putra Brand
- Jenama Terbaik dalam kategori "Media dan Hiburan"

Human Resources Excellence Awards 2013

- Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) untuk program sukarela kakitangan Astro Kasih - Silver

OGOS

2013 ASEAN Business Awards

- "Most Admired Enterprise" untuk kategori Tanggungjawab Sosial Korporat (Syarikat Besar)

SEPTEMBER

Effie Awards Malaysia 2013

- Kempen komunikasi Projek Asrama Astro Kasih - Anugerah Perak
- Kempen komunikasi Pembersihan Dasar Laut Terpanjang Astro Kasih Beautiful Malaysia - Anugerah Perak

OKTOBER

International Business Awards (Stevie® Awards) 2013

- "Communications/ PR Campaign of the Year" (Kategori Perkhidmatan Awam) - Gold Stevie® Award
- "Corporate Social Responsibility Program of the Year" (Asia, Australia dan New Zealand) - Silver Stevie® Award
- "Executive of the Year" - Kategori Media & Hiburan - Silver Stevie® Award untuk Dato' Rohana Rozhan

Golden Wau Awards 2013

- Pengarah Terbaik (Great Day, 2011) - Chiu Keng Guan
- Pelakon Pembantu Terbaik (Great Day, 2011) - Jack Lim

Anugerah Planet Musik 2013

- Artis Lelaki Wilayah, Duo Terbaik dan Duo Paling Popular - Hafiz

Benefits Asia 2013 Awards

- Naib Johan dalam "Best in Flexible Benefits Schemes"

NOVEMBER

CNBC's 12th Asia Business Leaders Award

- CNBC's Asia Business Leaders Award untuk Tanggungjawab Sosial Korporat - Dato' Rohana Rozhan

Shout! Awards

- Favourite Radio Show, Shout! Awards - Program radio Morning Show, JoHaRa Pagi ERA



Anugerah Skrin 2013

- Dokumentari Terbaik/Program Majalah - Salam Muslim
- Lakonan Terbaik dalam Drama TV (Mawar Putih Tanda Perpisahan) - Mazlan Manan
- Sinematografi Terbaik (Mawar Putih Tanda Perpisahan) - Mohd Faisal Bin Mohd Ali
- Rancangan Realiti Terbaik - Maharaja Lawak Mega 2012
- Pelakon Lelaki Terbaik dalam Drama (Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman) - Wan Hanafi Su
- Drama Terbaik - Mawar Putih Tanda Perpisahan

Kancil Awards 2013

GANGSA

- Siaran Tunggal Radio untuk Alladdin Lighter
- Salinan Tunggal Terbaik untuk CSA

MERIT

- Siaran Tunggal Radio untuk CSA
- Salinan Tunggal Terbaik dan Kempen Salinan Tunggal untuk Alladdin Lighter

MPA (Magazine Publishers Association - Malaysia) Magazine Awards 2013 - Front Cover Awards

Kategori: Hiburan & Muzik

Bahasa: Bahasa Malaysia

- Astro View: Bahasa Melayu - Isu Feb'12 - Anugerah Emas
- Astro View: Bahasa Melayu - Isu Nov'12 - Anugerah Emas

Kategori: Hiburan & Muzik

Bahasa: Bahasa Cina

- Astro View: Bahasa Cina - Isu Feb'12 - Anugerah Perak

Kategori: Minat Khas & Nic

Bahasa: Bahasa Inggeris

- Car isu Dec'12 - Anugerah Perak

Kategori: Kecantikan & Fesyen

Bahasa: Bahasa Malaysia

- InTrend isu Feb'12 - Anugerah Perak

Kategori: Kecantikan & Fesyen

Bahasa: Bahasa Inggeris

- Style isu Mar'12 - Anugerah Perak
- Style isu Jun'12 - Anugerah Perak

Kategori: Kecantikan & Fesyen

Bahasa: Bahasa Cina

- ifeel isu Jul'12 - Anugerah Emas

Kategori: Kecantikan & Fesyen

Bahasa: Bahasa Inggeris

- FHM isu Feb'12 - Anugerah Perak

Kategori: Gaya Hidup & Lelaki

Bahasa: Bahasa Cina

- Men's Uno isu Jun'12 - Anugerah Emas
- Men's Uno isu Nov'12 - Anugerah Emas
- Men's Uno isu Sep'12 - Anugerah Perak

2013 Malaysia's 100 Leading Graduate Employers Award

- Majikan Graduan Paling Popular dalam kategori Penyiaran/Media

DISEMBER

PromaxBDA Asia 2013

EMAS

- Stesen Imej Dalam Terbak Astro Maya HD Image Spot - Living the Illusion
- Promo Hiburan/Varieti Terbaik Fear Factor Selebriti Malaysia - Generic
- Promo Realiti Terbaik Fear Factor Selebriti Malaysia - Generic

PERAK

- Promo Hiburan/Varieti Terbaik Maharaja Lawak Mega 2012 - Generic

- Kempen Hiburan/Varieti Terbaik Fear Factor Selebriti Malaysia - Generic
- Kempen Realiti Terbaik Fear Factor Selebriti Malaysia - Generic
- Reka Bentuk Bunyi Terbaik Fear Factor Selebriti Malaysia - Generic
- Promo Dokumentari Terbaik Mustika HD Documentary - The Wild Connections

Anugerah Industri Muzik (AIM) Ke-20

- Album Terbaik, Vokal Lelaki Terbaik dalam Lagu dan Susunan Album Terbaik - Hafiz
- Kempen Hiburan/Varieti Terbaik
- Kempen Realiti Terbaik
- Reka Bentuk Bunyi Terbaik
- Promo Dokumentari Terbaik

JANUARI 2014

Anugerah Juara Lagu Ke-28

- Lagu Terbaik - Bahagiamu Deritaku (Hafiz)
- Persembahan Terbaik - Bahagiamu Deritaku (Hafiz)
- Pelakon TV Lelaki Paling Popular - Aaron Aziz





Asrama Astro

Asrama Astro yang ketiga ini telah disiapkan pada Januari 2014 untuk menyambut 120 pelajar daripada SK Malinsau, Sabah. 3 blok asrama ini dilengkapi dengan asrama kediaman, dewan serbaguna dan kemudahan pembelajaran, di mana pelajar dapat tinggal dan belajar dalam persekitaran yang selamat dan membina.



LEMBAGA PENGARAH



Kiri ke Kanan :

**Tun Dato' Seri
Zaki Bin Tun Azmi**

**Augustus Ralph
Marshall**

Chin Kwai Yoong

Datuk Yvonne Chia

LEMBAGA PENGARAH



Kiri ke Kanan :

**Bernard Anthony
Cragg**

**Hisham Bin Zainal
Mokhtar**

**Dato' Mohamed Khadar
Bin Merican**

Dato' Rohana Rozhan

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

Tun Dato' Seri Zaki Bin Tun Azmi

Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas

Warganegara Malaysia, berusia 68 tahun, telah dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas Syarikat pada 15 Ogos 2012. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus Korporat.

Tun Zaki memiliki kelayakan Barrister-at-Law daripada Lincoln Inn, United Kingdom.

Tun Zaki menyertai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia sebagai seorang Majistret dan kemudiannya dipindahkan ke Jabatan Peguam Negara di mana beliau memegang beberapa jawatan selama 15 tahun sebelum menyertai amalan guaman persendirian. Beliau telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan Malaysia pada tahun 2007 dan tidak lama kemudian, menjadi Presiden Mahkamah Rayuan Malaysia, iaitu jawatan kehakiman yang kedua tertinggi di negara ini. Pada bulan Oktober 2008, beliau telah dilantik sebagai Ketua Hakim Negara ke-12. Beliau juga diberi penghormatan dan dilantik sebagai Pengerusi pertama Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman sehinggalah beliau bersara daripada jawatan Ketua Hakim Negara pada bulan September 2011.

Beliau merupakan pengerusi lembaga pengarah di S P Setia Berhad dan Nationwide Express Courier Services Berhad (keduaduanya tersenarai di Bursa Securities) serta Universiti Malaysia Sabah. Beliau juga merupakan Canselor Universiti Multimedia.

Augustus Ralph Marshall

Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Warganegara Malaysia, berusia 62 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah dan Timbalan Pengerusi Eksekutif syarikat ini pada 21 Mac 2011, dan telah dilantik semula sebagai Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 18 September 2012. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Imbuhan kami.

Ralph Marshall mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan kewangan dan pengurusan am. Beliau ialah pengarah eksekutif Usaha Tegas Sdn Bhd ("UTSB"), ketua pegawai eksekutif bagi Kumpulan Astro Holdings Sdn Bhd ("AHSB"), dan juga sebagai timbalan pengerusi eksekutif ASTRO Overseas Limited (anak syarikat hak milik penuh AHSB) dan pengarah eksekutif Tanjong Public Listed Company, di mana UTSB mempunyai kepentingan yang ketara. Beliau juga berkhidmat sebagai pengarah bukan eksekutif dalam lembaga pengarah di beberapa syarikat lain di mana UTSB turut mempunyai kepentingan yang ketara seperti Maxis Berhad ("Maxis") (tersenarai di Bursa Securities), Maxis Communications Berhad (syarikat induk Maxis) dan Johnston Press plc (tersenarai di Bursa Saham London plc). Di samping itu, beliau merupakan pengarah dalam kapasiti bebas bukan eksekutif serta pengerusi jawatankuasa audit KLCC Property Holdings Berhad (tersenarai di Bursa Securities), pengarah bukan eksekutif MEASAT Global Berhad dan KLCC Pengurusan REIT Sdn Bhd (syarikat pengurusan KLCC Real Estate Investment Trust).

Beliau merupakan Ahli Bersekutu Institute of Chartered Accountants di England dan Wales, serta ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah.

Dato' Rohana Rozhan

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif

Warganegara Malaysia, berusia 51 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat pada 21 Mac dan 1 April 2011.

Dato' Rohana memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Perakaunan dan Ekonomi dari University of Kent, Canterbury, United Kingdom. Beliau merupakan Fellow di Institute of Management Accountants, United Kingdom serta ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau juga telah mengikuti Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Amerika Syarikat.

Dato' Rohana adalah ahli perintis Kumpulan Astro di mana beliau menyandang pelbagai jawatan sejak menyertainya pada tahun 1995. Beliau adalah ketua pegawai kewangan kumpulan Astro All Asia Networks Limited (sebelum ini tersenarai di Bursa Securities) dan telah dilantik sebagai ketua pegawai eksekutif MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd (anak syarikat milik penuh Syarikat ini) pada 1 Mei 2006, iaitu jawatan yang beliau pegang sehingga hari ini.

Sebelum berkhidmat di Astro, beliau telah berkhidmat dengan kumpulan syarikat Unilever, di UK dan Malaysia, di mana beliau telah memperoleh pengalaman yang berharga dalam bidang kewangan, pemasaran, serta pengurusan perniagaan berkaitan perniagaan barangan pengguna multinasional.

Chin Kwai Yoong

Pengarah Kanan Bebas

Warganegara Malaysia, berusia 65 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Syarikat pada 21 Mac 2011 dan dilantik sebagai Pengarah Kanan Bebas pada 15 Ogos 2012. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit kami, ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus Korporat, dan ahli Jawatankuasa Imbuhan.

Chin Kwai Yoong merupakan Fellow di Institute of Chartered Accountants di England dan Wales serta Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah dan juga Institut Akauntan Malaysia.

Chin Kwai Yoong merupakan rakan kongsi audit di PricewaterhouseCoopers dari tahun 1982 sehingga beliau bersara pada tahun 2003. Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai rakan kongsi, beliau adalah seorang pengarah eksekutif yang bertanggungjawab bagi Kumpulan Produk Pengguna & Industri & Perkhidmatan. Beliau juga berkhidmat sebagai pengarah di Bahagian Audit dan Khidmat Nasihat Perniagaan, serta Bahagian Perkhidmatan Perundingan Pengurusan.

Beliau mempunyai pengalaman yang luas berkaitan audit syarikat-syarikat utama dalam industri perbankan, minyak & gas dan kereta serta sektor peralatan berat, pembuatan, pembinaan dan pembangunan hartanah. Beliau juga terlibat dalam khidmat nasihat korporat yang merangkumi penyiasatan, pencantuman dan pemerolehan, serta penilaian saham.

Beliau ialah pengarah Deleum Berhad, Genting Berhad dan Fraser dan Neave Holdings Berhad (semuanya tersenarai di Bursa Securities). Beliau juga merupakan pengarah di Bank Negara Malaysia.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

Bernard Anthony Cragg

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Warganegara British, berusia 59 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Syarikat pada 21 Mac 2011, serta telah dilantik semula sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 15 Ogos 2012. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Audit kami.

Bernard Cragg memiliki ijazah dalam Matematik dari Liverpool University. Beliau adalah seorang Akauntan Bertauliah dan telah berkhidmat selama lebih 8 tahun di Price Waterhouse.

Bernard Cragg adalah Pengarah Workspace Group plc, Progressive Digital Media Group plc dan Alternative Networks plc (semuanya tersenarai di Bursa Saham London plc). Sebelum ini, beliau telah memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan di Carlton Komunikasi plc (tersenarai di Bursa Saham London plc) selama lebih 17 tahun, termasuk sebagai pengawal kewangan kumpulan, setiausaha syarikat dan pengarah kewangan kumpulan. Beliau telah berkhidmat sebagai pengerusi lembaga pengarah di Datamonitor plc dan I-mate plc (kedua-duanya tersenarai di London Stock Exchange plc), dan sebelum ini merupakan pengarah di Mothercare plc, Arcadia Group plc dan Bristol & West Plc, yang merupakan sebahagian daripada Bahagian Perkhidmatan Kewangan di Bank of Ireland (UK).

Dato' Mohamed Khadar Bin Merican

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Warganegara Malaysia, berusia 58 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Syarikat pada 21 Mac 2011. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Imbuhan dan ahli Jawatankuasa Audit kami.

Dato' Mohamed Khadar adalah Ahli Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales serta ahli Institut Akauntan Malaysia.

Dato' Mohamed Khadar mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam pengurusan kewangan dan pengurusan umum, serta pernah berkhidmat sebagai juruaudit dan perunding di sebuah firma perakaunan antarabangsa sebelum menyertai sebuah kumpulan perkhidmatan kewangan pada tahun 1986. Beliau pernah memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan di Tradewinds Corporation Bhd (tersenarai di Bursa Securities) di antara tahun 1988 dan 2003, termasuk sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Operasi.

Beliau adalah pengerusi lembaga pengarah RHB Capital Berhad (tersenarai di Bursa Securities). Beliau juga merupakan pengarah AirAsia Berhad dan Sona Petroleum Berhad (kedua-duanya tersenarai di Bursa Securities), RHB Bank Berhad dan RHB Investment Bank Berhad. Baru-baru ini beliau telah dinobatkan sebagai "Chairman of the Year" oleh Pengawas Pemegang Saham Minoriti ("MSWG") dalam Anugerah dan Indeks Tadbir Urus Korporat Tahunan MSWG 2013.

Hisham Bin Zainal Mokhtar

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Warganegara Malaysia, berusia 52 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas Syarikat pada 15 Ogos 2012. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus Korporat.

Encik Hisham Mokhtar berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dan Sarjana Sains dalam Matematik dari Illinois State University, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Massachusetts Institute of Technology, Amerika Syarikat di bawah Program Sloan Fellows. Beliau adalah seorang pemegang carter CFA®.

Beliau memulakan kerjaya dalam industri insurans sebelum menjadi seorang penganalisis pelaburan, pada mulanya dengan Crosby Research (M) Sdn Bhd dan kemudiannya dengan Barings Research (Malaysia) Sdn Bhd dan UBS Research (Malaysia) Sdn Bhd. Beliau pernah menjadi perunding kewangan di Sithe Pacific LLC, sebuah pengeluar tenaga bebas serantau, sebelum menubuhkan sebuah firma penasihat pelaburan butik. Sebelum menyertai Khazanah Nasional Berhad pada bulan Mei 2005, beliau menjadi pengarah eksekutif dan timbalan presiden perancangan korporat dan pembiayaan di Tricubes Berhad.

Beliau ialah pengarah di Bahagian Pelaburan Khazanah Nasional Berhad.

Datuk Yvonne Chia

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Warganegara Malaysia, berusia 61 tahun, yang telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Syarikat pada 1 Januari 2014. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Audit Kumpulan.

Datuk Yvonne Chia memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya. Beliau juga merupakan Profesional Risiko Bertauliah (CRP) dan Fellow di IBBM.

Datuk Yvonne Chia berpengalaman lebih 30 tahun dalam industri perkhidmatan kewangan, pernah memegang pelbagai jawatan utama dalam institusi di dalam dan di luar negara. Beliau memulakan kerjaya di Bank of America dan telah memegang pelbagai jawatan di rantau Asia. Beliau telah dilantik sebagai ketua pegawai eksekutif di RHB Bank Berhad (tersenarai di Bursa Securities) pada tahun 1996, dan kemudiannya memegang jawatan pengarah eksekutif di Hong Leong Bank Berhad (tersenarai di Bursa Securities) pada bulan Mac 2003. Beliau telah dilantik semula sebagai pengarah urusan kumpulan/ketua pegawai eksekutif di Hong Leong Bank Berhad pada bulan November 2003, jawatan yang disandang sehinggalah persaraan beliau pada bulan Jun 2013.

Beliau merupakan pengarah bukan eksekutif di Shell Refining Company (Federation of Malaya) Berhad (tersenarai di Bursa Securities).

Lim Ghee Keong

Pengarah Silih Ganti kepada Augustus Ralph Marshall

Warganegara Malaysia, berusia 46, yang telah dilantik sebagai pengarah silih ganti kepada Augustus Ralph Marshall pada 21 Mac 2011.

Lim Ghee Keong mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam perbendaharaan dan pengurusan kredit. Sebelum menyertai Kumpulan Usaha Tegas Sdn Bhd ("UTSB") pada tahun 1995, beliau bertugas dengan General Electric Capital Corporation di Amerika Syarikat dan bank yang dahulunya dikenali sebagai Ban Hin Lee Bank di Malaysia.

Beliau kini adalah ketua pegawai kewangan UTSB dan berkhidmat dalam lembaga pengarah beberapa syarikat lain di mana Kumpulan UTSB mempunyai kepentingan, seperti Bumi Armada Berhad (tersenarai di Bursa Securities) dan Bond Pricing Agency Malaysia Sdn Bhd, sebuah agensi penetapan harga bon yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Beliau juga merupakan pengarah Paxys Inc (tersenarai di Bursa Saham Filipina), Yu Cai Foundation dan Maxis Berhad (tersenarai di Bursa Securities). Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan pengkhususan dalam Kewangan, dari University of Hawaii, Manoa, Amerika Syarikat.

Nota:

1. Tiada antara Pengarah yang mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat.
2. Tiada antara Pengarah yang disabit kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu.
3. Tiada antara Pengarah yang mempunyai sebarang sekatan dan / atau sebarang penalti yang dikenakan ke atas mereka oleh mana-mana pihak berkuasa dalam tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014.
4. Tiada antara Pengarah yang mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat.

PENGURUSAN KANAN

Kiri ke Kanan :

1 K. Sree Pathmanathan

Ketua Pegawai Operasi, Penerbitan
Digital Astro

2 Grace Lee Hwee Ling

Pengawal Kewangan Kumpulan

3 Andrew Chong

Pengarah Modal Insan

4 Brian Lenz

Ketua Pegawai Inovasi



PENGURUSAN KANAN

Kiri ke Kanan :

5 Rohaizad Bin Mohamed

Timbalan Presiden Kanan, Penyiaran
dan Operasi Produksi

6 Henry Tan Poh Hock

Ketua Pegawai Operasi

7 Liew Swee Lin

Ketua Pegawai Komersial

8 Jake Abdullah

Ketua Eksekutif, Astro Radio

9 Dato' Rohana Rozhan

Pengarah Eksekutif dan Ketua
Pegawai Eksekutif



PROFIL KUMPULAN PENGURUSAN KANAN

Dato' Rohana Rozhan

*Pengarah Eksekutif dan
Ketua Pegawai Eksekutif*

Henry Tan Poh Hock

Ketua Pegawai Operasi

Beliau menyertai Kumpulan kami pada bulan Mei 2008 dan kini beliau bertanggungjawab terhadap kandungan, pemasaran, penjenamaan dan jualan masa siaran Kumpulan.

Sila rujuk profil beliau di bahagian Profil Lembaga Pengarah.

Beliau mempunyai 25 tahun pengalaman dalam industri media. Sebelum menyertai Kumpulan kami, beliau berkhidmat sebagai ketua pegawai eksekutif dari tahun 2006 hingga 2008 di Group M, Malaysia dan Singapura, sebuah syarikat pengurusan pelaburan media terkemuka global, dan sebelum itu, sebagai ketua pegawai eksekutif di Mindshare Malaysia dari tahun 2000 hingga 2006, yang mana kedua-duanya merupakan sebahagian dari kumpulan WPP. Selain daripada itu, pengalaman beliau dalam industri media merangkumi tempoh perkhidmatannya sebagai pengurus besar di HVD Entertainment, sebuah syarikat produksi televisyen Malaysia dari tahun 1996 hingga 2000, serta di Ogilvy & Mather Advertising, dari tahun 1988 hingga 1996, di mana jawatan terakhir beliau adalah sebagai pengarah media. Pengalaman beliau yang lain dari tahun 1986 hingga 1988 adalah termasuk perkhidmatannya dengan Hewlett-Packard Australia dan Pan Global Wang Computers.

Beliau adalah graduan Chisholm Institute of Technology, Australia, (kini dikenali sebagai Monash University) pada tahun 1986, dengan ijazah berkembar dalam bidang Pemasaran dan Komunikasi.

Liew Swee Lin

Ketua Pegawai Komersil

Dengan menyertai Kumpulan kami pada bulan November 2010, beliau bertanggungjawab memacu pasaran strategi pengembangan Astro dan juga menyampaikan cadangan dan pengalaman pelanggan yang menarik.

Beliau memimpin pasukan yang terdiri daripada pelbagai disiplin yang mengawasi pengurusan produk, jualan, pemasaran, pengurusan pelanggan, perkhidmatan, operasi dan pengurusan rantaian pembekalan.

Beliau membawa bersama lebih 20 tahun pengalaman dalam pengurusan sektor media dan perkhidmatan kewangan dengan pendedahan pelbagai industri yang merangkumi bidang perbankan runcit, insurans untuk barangan pengguna yang bergerak pantas di seluruh Asia Pasifik. Sebelum memegang jawatannya sekarang, beliau berkhidmat sebagai naib presiden eksekutif - Perbankan Pengguna, Alliance Bank Malaysia Berhad dan juga merupakan ahli lembaga pengarah di Alliance Islamic Bank Berhad. Sebelum itu, beliau telah berkhidmat dengan Standard Chartered Bank Malaysia Berhad di mana beliau mengetuai bahagian Kad Kredit, Pinjaman Peribadi dan perniagaan Pengurusan Kekayaan. Beliau telah memperolehi pengalaman dalam media apabila beliau berkhidmat dengan OgilvyOne Worldwide, yang merupakan sebahagian daripada Kumpulan WPP, di mana beliau bertanggungjawab untuk memacu pertumbuhan perniagaan pemasaran langsung di Malaysia, serta dalam perniagaan perundingan perkhidmatan data Asia Pasifik.

Beliau telah memperolehi Sarjana Sains (MSc) dalam Pemasaran Antarabangsa dari Universiti Strathclyde, UK, dan merupakan Perancang Kewangan Bertauliah yang diiktiraf (CFP, Amerika Syarikat).

Brian Lenz

Ketua Pegawai Inovasi

Beliau menyertai Kumpulan kami pada bulan Disember 2011, dan pada masa ini bertanggungjawab terhadap strategi kumpulan, pembangunan perniagaan, produk dan teknologi.

Beliau mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam peranan pembangunan strategi, produk, teknologi dan perniagaan, dan telah berkhidmat selama sebelas tahun yang lalu dengan menumpukan kepada industri TV berbayar dan media. Sebelum menyertai Kumpulan kami, beliau berkhidmat dengan British Sky Broadcasting Group plc ("BSkyB") dari tahun 2007 hingga 2011, yang terkini, adalah sebagai pengarah Reka Bentuk & Pembangunan Produk. Sebelum menyertai BSkyB, beliau berkhidmat di Virgin Media Inc dari tahun 2005 hingga 2007, memegang peranan dalam kepimpinan kanan yang merentasi Perancangan Strategik, Strategi Produk dan Pembangunan Perniagaan. Sebelum menyertai Virgin Media Inc, beliau berkhidmat dalam bahagian strategi korporat dan khidmat nasihat pencantuman dan pemerolehan di L.E.K Consulting LLC, dari tahun 2003 hingga 2005. Semasa meneruskan pengajian dalam bidang perniagaan perniagaan dari tahun 2001 hingga 2003, beliau telah berkhidmat dari tahun 2002 hingga 2003 di Syarikat Walt Disney, London, sebagai perunding strategi kandungan jalur lebar. Sebelum meneruskan pengajian, beliau berkhidmat dalam strategi perniagaan dan pembangunan perisian di dalam industri penerbangan, di firma Crown Consulting, dari tahun 1995 hingga 2001, serta di CTA Inc dari tahun 1994 hingga 1995.

Beliau merupakan graduan dari Universiti Michigan, Amerika Syarikat dengan ijazah dalam Kejuruteraan Perindustrian dan Operasi pada tahun 1993, dan ijazah Kesusasteraan Inggeris pada tahun 1994. Pada tahun 2003, beliau menerima Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dengan kepujian dari London Business School, UK.

PROFIL KUMPULAN PENGURUSAN KANAN

Jake Abdullah

Ketua Pegawai Eksekutif, Astro Radio

Beliau menyertai Kumpulan kami pada tahun 1996 dan menyandang jawatan semasa pada bulan Mei 2013. Peranan pertamanya adalah sebagai juruhebah dan eksekutif muzik untuk hitz.fm. Beliau telah dinaikkan pangkat daripada juruhebah kepada Ketua Pegawai Eksekutif Astro Radio pada tahun 2013.

Beliau telah dipinjamkan seketika ke 1M4U di bawah Jabatan Perdana Menteri, di mana beliau menubuhkan pertubuhan sukarela ini dan menerajui pelbagai aktiviti. Beliau kembali ke Astro Radio pada 1 Mei 2013, dan telah dinaikkan pangkat kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Astro Radio.

Beliau juga memainkan peranan penting dalam menubuhkan dua stesen radio sekutu Astro di India (Amar FM dan Power FM), dan dua di Jakarta (Gen FM dan Jak FM).

Jake memegang Ijazah Ph.D daripada University of Sedona di Arizona dalam Sains Metafizik.

Rohaizad Bin Mohamed

Naib Presiden Kanan, Penyiaran dan Operasi Produksi

Beliau menyertai Kumpulan kami pada bulan Mac 1996, dan menyandang jawatan semasanya pada bulan Februari 2009. Buat masa ini, beliau bertanggungjawab untuk memastikan kecemerlangan operasi siaran dan kejuruteraan, operasi dan sokongan IT, pengurusan kemudahan, pematuhan kandungan dan perkhidmatan produksi.

Beliau mempunyai 27 tahun pengalaman dalam operasi penyiaran dan kejuruteraan. Sebelum menyertai Kumpulan, beliau berkhidmat dengan Media Prima Berhad dari tahun 1986 hingga 1996 di bawah bahagian operasi penyiaran TV3 di mana jawatan terakhir beliau di sana adalah sebagai Ketua Penyelenggaraan Penyiaran dan Operasi Teknologi Maklumat (IT).

Beliau memperolehi Diploma Kejuruteraan Elektronik dari Universiti Teknologi MARA, Malaysia pada tahun 1986.

Andrew Chong

Pengarah Modal Insan

Beliau menyertai Kumpulan kami pada tahun 2012 dan bertanggungjawab terhadap pengurusan menyeluruh dan kepimpinan strategik Modal Insan dalam organisasi.

Tanggungjawab beliau termasuklah menyediakan penyelesaian Modal Insan, yang memberi tumpuan kepada pengurusan perubahan dan bakat, penyimpanan, pemerolehan, reka bentuk dan pembangunan organisasi, hubungan industri serta perkhidmatan kakitangan.

Pengalaman kerja beliau yang terdahulu termasuklah mengetuai Operasi Pelanggan di mana beliau menguruskan keseluruhan pengalaman dan perkhidmatan pelanggan di Singtel Singapura. Sebelum berkhidmat di Singtel, Andrew merupakan Ketua Perkhidmatan Pelanggan, Latihan dan Kredit di Maxis, di mana beliau menyelia beberapa unit perniagaan yang merangkumi perkhidmatan pelanggan, pengurusan kredit dan pengurusan nilai pelanggan yang merentasi pelbagai aspek.

Andrew memulakan kerjayanya di Shell, sehingga dinaikkan dalam syarikat dan menjadi Ketua Jaminan Khidmat Pelanggan Global. Beliau telah mengetuai, menyelaraskan dan mengurus operasi jaminan perkhidmatan pelanggan di seluruh Amerika Syarikat, Eropah, Amerika Latin, Asia Pasifik, Oceania dan Asia Selatan.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Utara Malaysia pada tahun 1993.

K. Sree Pathmanathan

*Ketua Pegawai Operasi,
Penerbitan Digital Astro*

Beliau menyertai Kumpulan kami pada tahun 1996 dan merupakan salah seorang daripada ahli perintisnya. Beliau memainkan peranan penting dalam jualan masa siaran radio serta menyumbang kepada kedudukan teraju kami hari ini. Sree dinaikkan pangkat menjadi Ketua Pegawai Operasi Astro Radio pada tahun 2006, dan kemudiannya ke Penerbitan Digital Astro pada tahun 2012 dalam kapasiti yang sama.

Di Penerbitan Digital Astro, Sree telah menerajui transformasi bahagian penerbitan Kumpulan dengan menempatkan semula format cetakan tradisional melalui satu pendekatan pelbagai platform yang merangkumi dalam talian, media sosial, e-majalah dan penyelesaian asas.

Sebelum menyertai Astro, Sree pernah bertugas di syarikat-syarikat media lain seperti News Straits Times, Berita Publishing, Allsports Publications Sdn Bhd, J.W. Thompson and Utusan Media Sales.

Grace Lee Hwee Ling

*Pegawai Pengawal Kewangan
Kumpulan*

Beliau menyertai Kumpulan kami pada bulan Januari 2001, dan mengambil alih kedudukan semasanya pada bulan Mei 2013. Beliau kini bertanggungjawab untuk memastikan bahawa portfolio perniagaan Kumpulan mencapai keupayaan optimum dalam penghasilan nilai mereka.

Beliau juga ditugaskan untuk membangunkan satu set metrik prestasi yang boleh dilaksanakan serta sebuah sistem untuk mengurus prestasi secara proaktif, untuk memimpin satu proses perancangan, belanjawan dan ramalan yang mantap, untuk menyediakan laporan, perakaunan dan kawalan kewangan, serta pengurusan risiko organisasi.

Jawatan beliau yang terdahulu dalam Kumpulan kami termasuklah di dalam bahagian Jaminan Korporat, Penambahbaikan Proses, Jaminan Pendapatan dan Pengurusan Risiko Organisasi.

Sebelum menyertai Astro, beliau berkhidmat selama 4 tahun di Bahagian Jaminan dan Khidmat Nasihat di PricewaterhouseCoopers. Beliau ialah seorang graduan dari Curtin University, Australia dengan ijazah dalam bidang Perakaunan dan Kewangan. Pada tahun 2000, beliau telah memperolehi ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian dari Charles Stuart University, Australia, serta merupakan seorang ahli Akauntan Amalan yang Bertauliah dari Australia, Juruaudit Bertauliah Sistem Maklumat (CISA, Amerika Syarikat), serta bertauliah dalam Tadbir Urus Perusahaan IT (CGEIT, Amerika Syarikat).



Kem Bola

Remaja di Malaysia mampu menjadi pemain bola sepak terbaik di negara ini dan di seluruh dunia. Melalui 1MCC - Kem Bola Astro, ribuan kanak-kanak lelaki dan perempuan telah menyertai khemah pemilihan di seluruh negara. Mereka yang paling berbakat akan berlatih bersama-sama dengan pasukan Cardiff City Football Club di United Kingdom. Pengalaman ini telah menjadi suatu yang menyenangkan dan tidak mudah dilupakan.



PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga Pengarah Astro Malaysia Holdings Berhad percaya bahawa budaya urus tadbir korporat adalah perlu untuk melindungi dan memajukan kepentingan para pemegang saham, pelabur dan pihak berkepentingan lain dan juga untuk membina perniagaan yang mampan di samping mengejar matlamat kewangan Kumpulan. Oleh itu, Lembaga Pengarah komited untuk memohon dan mendukung piawaian tadbir urus korporat yang tinggi dan telah menerima pakai prinsip dan cadangan yang dinyatakan di dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 ("Kod CG").

Lembaga telah meluluskan penyata ini dan berpuas hati bahawa dalam tahun kewangan yang ditinjau, Kumpulan telah mematuhi prinsip dan cadangan yang digariskan dalam Kod CG. Lembaga tidak menganggap bahawa kedudukan Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus Korporat ("NCGC"), yang dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, sebagai lencongan penting daripada cadangan berdasarkan beberapa sebab yang digariskan dalam laporan ini.

1. MENETAPKAN PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB YANG JELAS

1.1 Fungsi Jelas Dikhaskan untuk Lembaga Pengarah dan Diberikan kepada Pengurusan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk mengawasi Pengurusan Kumpulan dan hal ehwal perniagaan, dan membuat semua keputusan dasar utama. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan tanggungjawabnya, Lembaga Pengarah telah menggariskan perkara penting yang dikhaskan untuk kelulusan Lembaga Pengarah ("Perkara Dikhaskan") dan yang diberikan kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan CEO. Perwakilan autoriti untuk Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan CEO dinyatakan dalam terma rujukan ("TOR") jawatankuasa dan Had Autoriti ("LOA") masing-masing.


Perkara Dikhaskan ini ditetapkan dengan jelas dalam Piagam Lembaga Pengarah dan LOA, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada kajian semula dan kelulusan urus niaga dengan nilai melebihi LOA bagi CEO, pelan perniagaan strategik dan belanjawan tahunan, penyata kewangan teraudit dan suku tahunan, dividen, pelaburan dan penjualan aset dan urus niaga pihak berkaitan, tertakluk pada pematuhan undang-undang dan peraturan yang terpakai ke atas Kumpulan.

Lembaga Pengarah telah menubuhkan tiga Jawatankuasa Lembaga Pengarah iaitu Jawatankuasa Audit ("AC"), NCGC dan Jawatankuasa Imbuan ("RC"). Jawatankuasa Lembaga Pengarah akan mengkaji semula perkara-perkara mendalam dalam TOR mereka dan membuat cadangan yang perlu kepada Lembaga Pengarah yang masih mengekalkan tanggungjawab penuh. Lembaga Pengarah sentiasa mengambil maklum akan aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Lembaga Pengarah melalui pengedaran minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan juga oleh pengerusi Jawatankuasa Lembaga Pengarah masing-masing yang akan memaklumkan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara penting yang dibincangkan pada setiap suku tahun, sekiranya perlu.

Matriks LOA menetapkan nilai ambang kelulusan khusus untuk keputusan Pengurusan dan orang yang diberi kuasa untuk pelbagai aktiviti perniagaan yang akan dilakukan. Matriks tersebut sentiasa dikaji semula oleh Jabatan Proses, Risiko dan Jaminan Kumpulan untuk mencerminkan pengembangan/perubahan dinamik di dalam Kumpulan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Rajah di bawah menunjukkan rangka kerja tadbir urus keseluruhan Kumpulan kami:-



Pengasingan peranan Lembaga Pengarah, Pengerusi Lembaga Pengarah dan CEO

Peranan Lembaga Pengarah, Pengerusi Lembaga Pengarah dan CEO ditakrifkan dengan jelas bagi memastikan kebertanggungjawaban dan pembahagian tanggungjawab, seperti yang diringkaskan di bawah:-

Lembaga Pengarah

- Memberikan kepimpinan strategik yang perlu untuk membolehkan objektif perniagaan Kumpulan dicapai dalam rangka kerja kawalan dalaman.
- Memastikan bahawa kepentingan pihak berkepentingan dilindungi.
- Bertanggungjawab untuk mengawasi Pengurusan dan hal ehwal perniagaan serta membuat semua keputusan dasar utama.

Pengerusi Lembaga Pengarah

- Bertanggungjawab atas kepimpinan, operasi dan tadbir urus Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah.
- Memastikan keberkesanan dan tatacara Lembaga Pengarah.
- Mengambil peranan sebagai pemimpin dalam mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga Pengarah dan pemegang saham.

Pengerusi Lembaga Pengarah juga dibantu oleh Timbalan Pengerusi dalam melaksanakan tanggungjawab beliau.

CEO

- Memikul tanggungjawab keseluruhan ke atas operasi harian dan Pengurusan.
- Memastikan keberkesanan organisasi dan pelaksanaan dasar, strategi dan keputusan Lembaga Pengarah.
- Bertanggungjawab untuk memberi kepimpinan kepada Pengurusan dan memajukan hubungan dengan pengawal selia dan pihak berkepentingan.

Lembaga Pengarah juga telah melantik seorang Pengarah Kanan Bebas, yang berfungsi sebagai titik hubungan antara Pengarah Bebas dan Pengerusi Lembaga Pengarah mengenai isu sensitif dan bertindak sebagai orang yang ditetapkan untuk dihubungi sekiranya pemegang saham mempunyai kemusykilan atau pertanyaan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

1.2 Peranan dan Tanggungjawab yang Jelas

Lembaga Pengarah telah menetapkan peranan dan tanggungjawab yang jelas untuk menjadi pengemudi dan penjaga Kumpulan yang berkesan. Piagam Lembaga Pengarah mengandungi panduan khusus kepada para Pengarah mengenai, antara lain, nilai-nilai utama, prinsip dan etos, tanggungjawab utama Lembaga Pengarah, Perkara Dikhaskan, piawaian kelayakan Pengarah, orientasi dan latihan, pampasan, tatakelakuan, penilaian prestasi tahunan, akses kepada nasihat bebas, pembahagian tanggungjawab di antara Lembaga Pengarah dan Pengurusan, dan prosedur mesyuarat Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah telah menerima pakai enam tanggungjawab utama seperti berikut:

(a) *Mengkaji semula dan menerima pakai pelan strategik untuk Kumpulan*

Lembaga Pengarah mengkaji semula, menimbang, mencabar dan di mana sesuai, meluluskan pelan strategik Kumpulan yang dikemukakan oleh Pengurusan sebelum bermulanya setiap tahun kewangan yang baru. Pelan strategik lima tahun dibentangkan kepada Lembaga Pengarah, yang mana ia dikaji setiap tahun dengan mengambil kira perubahan dalam pasaran di mana Kumpulan beroperasi.

Semua Pengarah telah menghadiri hari perancangan strategik/belanjawan pada bulan Disember 2012 di mana pelan strategik dan belanjawan untuk 2013 telah dikongsi dan dibincangkan untuk memastikan bahawa pelan adalah menyeluruh dan mantap dengan mengambil kira persekitaran dalaman dan luaran. Lembaga Pengarah mengkaji semula strategi utama dan garis masa bagi kebolehserahan projek utama. Belanjawan tahunan juga telah dikaji semula dan diluluskan, bersama set petunjuk prestasi utama yang menjadi asas kepada Kad Skor Terimbang.

(b) *Mengawasi kelakuan perniagaan Kumpulan untuk menilai sama ada perniagaan itu diuruskan dengan baik*

CEO adalah bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah atas pelaksanaan pelan strategik yang diluluskan dan pengurusan harian operasi perniagaan. CEO disokong oleh Pasukan Kepimpinan Kanan.

Pelaksanaan strategi oleh Pengurusan dipantau oleh Lembaga Pengarah melalui laporan bulanan dan akan dikaji semula dalam mesyuarat Lembaga Pengarah setiap suku tahunan. Di samping itu, Lembaga Pengarah mengkaji semula keputusan kewangan tahunan dan suku tahunan, laporan tahunan, prestasi perniagaan, aktiviti tadbir urus dan pembangunan perniagaan di mesyuarat suku tahunan. Para Pengarah menerima Notis dan Agenda formal bersama satu set kertas mesyuarat yang komprehensif sebelum mesyuarat diadakan, iaitu dalam masa 5 hari sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah dan Pengurusan menyedari keperluan untuk melibatkan, memberi kuasa dan memotivasikan kakitangan. Pasukan Kepimpinan Kanan yang terdiri daripada ketua dan timbalan daripada bahagian-bahagian utama sentiasa bertemu dengan CEO untuk membentangkan prestasi terkini dan status projek-projek utama. Sesi taklimat umum lazimnya dianjurkan dengan pembentangan oleh CEO bertujuan memastikan bahawa semua kakitangan adalah sejajar dengan matlamat dan objektif Kumpulan. Syarikat menjalankan kaji selidik penglibatan kakitangan melalui perunding bebas untuk mengukur kepuasan kakitangan setiap 2 tahun sekali. Kajian tersebut telah dijalankan baru-baru ini pada tahun 2013 dan memfokus kepada bidang seperti kepimpinan, strategi, hala tuju dan objektif, fokus pelanggan, komunikasi, persekitaran perkhidmatan, budaya dan nilai, penglibatan kakitangan, latihan dan pembangunan dan rangka kerja pampasan. Lembaga Pengarah dengan sukacitanya memaklumkan bahawa indeks penglibatan kakitangan keseluruhan pada tahun 2013 telah meningkat berbanding pada tahun 2011.

(c) *Mengenal pasti risiko utama, menentukan selera risiko dan memastikan pelaksanaan sistem yang bersesuaian untuk mengurus risiko*

Lembaga Pengarah dibantu oleh AC untuk memantau pengurusan risiko dan rangka kerja kawalan dalaman di dalam Kumpulan. Butiran aktiviti pengurusan risiko adalah dinyatakan di dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman pada muka surat 68 laporan ini.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

- (d) *Perancangan penggantian termasuk melantik, melatih, menetapkan pampasan dan di mana perlu, menggantikan pengurusan kanan*

Lembaga Pengarah mengkaji semula pelan pengurusan bakat Kumpulan termasuk produktiviti kakitangan, belanjawan tenaga kerja dan inisiatif Modal Insan sebagai sebahagian daripada pembentangan belanjawan tahunan.

Pada tahun 2013, Lembaga Pengarah mengkaji semula pelan pengurusan bakat dan juga matriks bonus serta kenaikan bayaran tahunan kepada kakitangan Kumpulan. Satu proses yang lebih sistematik dan berterusan mengenai pengurusan penggantian telah dijalankan dalam mengenal pasti pemimpin berpotensi untuk masa depan bagi jawatan penting dan kritikal dalam Kumpulan. Program ini sedang dipertingkatkan lagi pada tahun 2014 melalui satu mekanisme penilaian secara progresif yang lebih mantap dan program pembangunan yang terperinci. Lembaga Pengarah memantau pembangunan dan kemajuan pelan pengurusan penggantian melalui NCGC.

- (e) *Membangun dan melaksana program hubungan pelabur atau dasar komunikasi pemegang saham untuk Kumpulan*

Kumpulan terlibat secara aktif dengan pelaburnya melalui program Hubungan Pelabur yang berstruktur ("IR"). Lembaga Pengarah mengkaji semula program IR pada setiap suku tahun dan menerima maklumat terkini tentang mesyuarat utama dan jerayawara yang disertai oleh Syarikat, di dalam dan luar negara, data konsensus pasaran dan analisis pegangan saham terkini. Ringkasan aktiviti IR dinyatakan dalam Laporan IR pada muka surat 28 laporan ini.

- (f) *Mengkaji semula kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan Kumpulan, termasuk sistem bagi pematuhan undang-undang, peraturan, arahan dan garis panduan yang terpakai*

Lembaga Pengarah telah mengamanahkan AC untuk memantau dan memastikan bahawa sistem kawalan dalaman Kumpulan adalah mencukupi dan mantap untuk mengurangkan pendedahan risiko Kumpulan ke tahap yang boleh diterima.

Ringkasan aktiviti pengurusan risiko dan kawalan dalaman dinyatakan dalam Laporan AC dan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman, pada muka surat 63 dan 67 laporan ini.

1.3 Piawaian Etika Rasmi

Lembaga Pengarah telah menerima pakai Kod Etika Perniagaan ("COBE") yang mentadbir cara di mana Pengarah dan kakitangan Kumpulan menjalankan urusan perniagaan dengan pelbagai pihak berkepentingan. Butiran COBE dan pemohonannya dinyatakan pada muka surat 70 laporan ini.

Lembaga Pengarah juga berpandukan Kod Kelakuan dan Etika Pengarah yang diterima pakai pada tahun 2013, sebagai tambahan kepada nilai utama, prinsip dan etos yang dinyatakan dalam Piagam Lembaga Pengarah. Prinsip panduan di mana Kod Kelakuan dan Etika Pengarah didasarkan adalah diperolehi daripada "The Principles of Public Life" seperti yang dinyatakan oleh Jawatankuasa Nolan (1996) dan Kod Etika Pengarah yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

1.4 Strategi Menggalakkan Kemampanan

Lembaga Pengarah memastikan strategi Kumpulan menggalakkan kemampanan dengan perhatian khusus kepada ciri-ciri persekitaran, sosial dan tadbir urus perniagaan Kumpulan. Kumpulan telah menerima pakai Rangka Kerja/ Dasar Tanggungjawab Korporat yang menggariskan misi tanggungjawab korporat Kumpulan, teras strategik, falsafah dan struktur tadbir urus. Inisiatif tanggungjawab korporat Kumpulan adalah sejajar dengan Rangka Kerja Inisiatif Laporan Global ("GRI"), satu piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk laporan kemampanan. Syarikat telah membentuk Yayasan Astro Kasih, sebuah syarikat berhad dengan jaminan untuk memberi tumpuan kepada penyampaian dan pelaksanaan pelan tanggungjawab korporat. Butir-butir program tanggungjawab korporat dinyatakan pada muka surat 100 laporan ini.

1.5 Akses kepada Maklumat dan Nasihat

Hak Lembaga Pengarah kepada maklumat yang berkaitan dengan perniagaan dan hal ehwal Kumpulan serta akses kepada nasihat profesional bebas atas perbelanjaan Syarikat adalah termaktub dalam Piagam Lembaga Pengarah.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

1.6 Setiausaha Syarikat yang Berkelayakan dan Cekap

Lembaga Pengarah disokong oleh Setiausaha Syarikat yang mempunyai kelayakan undang-undang dan dilesenkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Peranan dan tanggungjawab Setiausaha Syarikat termasuk:

- (a) Menasihati Lembaga Pengarah dan Pengurusan yang berkaitan perlembagaan syarikat-syarikat dalam Kumpulan yang timbul daripada undang-undang dan peraturan yang berkaitan.
- (b) Membantu kepatuhan Keperluan Penyenaraian dan perundangan syarikat yang berkaitan dengan syarikat-syarikat kumpulan.
- (c) Menggalakkan piawaian tadbir urus korporat yang tinggi dengan menyokong Lembaga Pengarah mengenai penyenggaraan dan pelaksanaan dasar dan prosedur Lembaga Pengarah.
- (d) Membantu komunikasi di antara Lembaga Pengarah dan Pengurusan, termasuk komunikasi keputusan utama Lembaga Pengarah.
- (e) Menyenggara rekod berkanun syarikat-syarikat kumpulan.
- (f) Menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah dan pemegang saham, dan memastikan prosiding mesyuarat dijalankan dengan betul dan diminitkan. Setiausaha Syarikat bertindak sebagai Setiausaha kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Tender dan subsidiari Syarikat.
- (g) Menyokong Lembaga Pengarah dan Pengurusan dalam melaksanakan cadangan korporat.

1.7 Kajian Semula Berkala dan Penerbitan Piagam Lembaga Pengarah

Piagam Lembaga Pengarah telah disemak semula pada tahun 2013 untuk menyelaraskannya dengan Kod CG dan disemak setiap tahun. Piagam Lembaga Pengarah diterbitkan di laman web Syarikat. TOR berkenaan AC, RC dan NCGC juga dikaji semula setiap tahun dan diterbitkan di laman web Syarikat.

2. MENGUKUHKAN KOMPOSISI

2.1 Jawatankuasa Pencalonan

Lembaga Pengarah telah menubuhkan NCGC pada bulan April 2011 dan keahliannya telah dibentuk semula pada bulan Ogos 2012. Laporan NCGC dinyatakan pada muka surat 61 laporan ini.

2.2 Kriteria Pengambilan dan Penilaian Tahunan Pengarah

Pelantikan Pengarah dan Kepelbagaian Lembaga Pengarah

NCGC menilai pelantikan dan pemilihan semula Pengarah. Proses penamaan dan pengundian lembaga pengarah serta kriteria yang digunakan dalam proses pemilihan dinyatakan di dalam Laporan NCGC pada muka surat 61 laporan ini.

Lembaga Pengarah mengakui manfaat daripada Lembaga Pengarah yang pelbagai dalam erti kata yang lebih luas untuk mengekalkan keseimbangan lembaga pengarah yang optimum. Selain daripada latar belakang, kemahiran dan pengalaman calon, Lembaga Pengarah juga mengambil kira jantina dan akan membuat pelantikan yang perlu berdasarkan merit dan sumbangan kepada keseluruhan kerja Lembaga Pengarah. Pada 1 Januari 2014, Lembaga Pengarah telah melantik 2 orang Pengarah wanita termasuk CEO, yang disifatkannya sebagai optimum berdasarkan keseimbangan dan keperluan semasa lembaga pengarah.

Penilaian Tahunan Pengarah

Penilaian yang dilakukan oleh NCGC berkenaan keberkesanan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengarah individu ("BEE") bersama-sama dengan kriteria yang digunakan adalah dijelaskan dalam Laporan NCGC pada muka surat 62 laporan ini.

Berdasarkan pada penilaian, Lembaga Pengarah (kecuali pengarah berkepentingan) berpuas hati bahawa Encik Augustus Ralph Marshall dan Dato' Rohana Rozhan, Pengarah yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 111 Tataurusian Pertubuhan Syarikat dan Datuk Yvonne Chia yang memohon perantian semula menurut Artikel 118 Tataurusian Pertubuhan terus memberi nasihat dan komitmen yang berkesan kepada Kumpulan dan sewajarnya mensyorkan pelantikan mereka semula pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang ("AGM") pada tahun 2014.

Lembaga Pengarah juga mencadangkan pengekalan Dato' Mohamed Khadar Bin Merican sebagai Pengarah Bebas pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang pada bulan Jun 2014. Berdasarkan "kebebasan" penilaian yang dijalankan oleh NCGC, Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa beliau telah menunjukkan semua nilai dan ciri seorang pengarah bebas secara berterusan.

2.3 Dasar Ganjaran Rasmi dan Telus untuk Pengarah

Lembaga Pengarah percaya bahawa imbuhan hendaklah mencukupi bagi menarik, mengekalkan, memotivasi dan memberi insentif kepada Pengarah yang berkaliber, mempunyai kepakaran dan berpengalaman yang diperlukan untuk menerajui Kumpulan. Lembaga Pengarah telah menubuhkan RC pada bulan April 2011 dan keahliannya telah dibentuk semula pada Ogos 2012. Laporan RC dibentangkan pada muka surat 62 dalam laporan ini.

Pada tahun 2013, Syarikat telah melantik perunding luar untuk mengkaji semula ganjaran Pengarah dan CEO berbanding syarikat-syarikat yang setanding di Malaysia dan di rantau ini. Kajian ini menunjukkan bahawa jumlah ganjaran para Pengarah Bukan Eksekutif ("NED") adalah setanding dengan syarikat perbandingan yang lain di Malaysia tetapi di bawah purata syarikat perbandingan yang lain pada peringkat serantau. Jumlah ganjaran CEO adalah antara median dan kuartil atas syarikat perbandingan yang menjadi penanda aras.

Imbuhan Pengarah Eksekutif/CEO

Ganjaran bagi Pengarah Eksekutif/CEO adalah sejajar dengan prestasi individu dan korporat berdasarkan petunjuk prestasi utama yang dipersetujui dan ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Pakej jumlah pampasan Pengarah Eksekutif/CEO terdiri daripada 3 komponen iaitu gaji asas, bonus prestasi tahunan dan insentif jangka panjang yang mengambil kira kadar kompetitif pasaran, piawaian industri, kerumitan dan saiz organisasi.

Menurut kontrak pekerjaan, pakej imbuhan Pengarah Eksekutif/CEO terdiri daripada komponen tetap dan berubah-ubah:

- (i) komponen tetap - gaji bulanan, pelan caruman wajib, penyertaan dalam skim ganjaran, manfaat berupa barangan, elaun kereta, penyediaan pemandu syarikat dan liputan perubatan; dan
- (ii) komponen berubah-ubah - bonus prestasi budi bicara dan insentif perkongsian tahunan menurut Skim Saham Pengurusan.

Salah satu pihak boleh menamatkan perkhidmatan dengan memberi 6 bulan notis bertulis terlebih dahulu. Pengarah Eksekutif/CEO tidak berhak untuk yuran pengarah ataupun elaun mesyuarat.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif

Tahap imbuhan bagi NED terutamanya mencerminkan pengalaman, komitmen masa, tahap tanggungjawab dan kerumitan yang dipikul. Melainkan jika ditentukan oleh resolusi biasa Syarikat di dalam mesyuarat agung, jumlah yuran kesemua Pengarah dalam mana-mana tahun hendaklah jumlah tetap yang tidak melebihi dalam agregat RM6 juta seperti yang dinyatakan dalam Tataurusan Pertubuhan. Lembaga Pengarah, tertakluk kepada had tersebut, menentukan yuran yang dibayar kepada NED. Setiap Pengarah hendaklah berkecuali dan tidak mengambil bahagian dalam perbincangan dan penentuan imbuhan mereka sendiri.

Yuran Pengarah tidak dinaikkan pada tahun 2013. NED layak menerima jumlah yang tetap sebagai yuran pengarah dan bayaran tambahan kerana menjalankan tanggungjawab sebagai pengerusi atau ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Elaun mesyuarat tetap dibayar kerana menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan pramesyuarat Lembaga Pengarah serta mesyuarat pemegang saham. Mereka dibayar balik perbelanjaan munasabah yang ditanggung dalam menjalankan tugas mereka termasuk caj telefon mudah alih dan jalur lebar. NED tidak berhak kepada apa-apa bonus atau saham insentif. Pengerusi Lembaga Pengarah juga berhak menerima kenderaan syarikat dan pemandu.

Butiran imbuhan bagi setiap Pengarah, dikategori ke dalam komponen yang bersesuaian bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014 adalah seperti berikut:

Pengarah	Yuran (RM'000)	Emolumen lain ⁽¹⁾ (RM'000)	Jumlah (RM'000)
Tun Dato' Seri Zaki Bin Tun Azmi	475	42	517
Augustus Ralph Marshall	235	2,458 ⁽²⁾	2,693
Dato' Rohana Rozhan (Pengarah Eksekutif/CEO) ⁽³⁾	-	-	-
Chin Kwai Yoong	270	15	285
Dato' Mohamed Khadar Bin Merican	260	15	275
Bernard Anthony Cragg	235	13	248
Hisham Bin Zainal Mokhtar ⁽⁴⁾	235	10	245
Datuk Yvonne Chia ⁽⁵⁾	20	-	20
	1,730	2,553	4,283

Nota:

⁽¹⁾ Termasuk bayaran berasaskan saham, elaun dan/atau faedah dalam bentuk barangan.

⁽²⁾ Mewakili gaji, bonus dan pelan caruman wajib sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sebagai Pengarah Eksekutif yang berkaitan dengan tahun sebelumnya tetapi dibayar dalam tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014.

⁽³⁾ Imbuhan Pengarah Eksekutif/CEO boleh didapati pada muka surat 149 laporan ini.

⁽⁴⁾ Dibayar terus kepada Khazanah Nasional Berhad.

⁽⁵⁾ Dilantik pada 1 Januari 2014.

Kumpulan mengekalkan Insurans Liabiliti Pengarah dan Pegawai untuk melindungi Pengarah dan Pegawai Syarikat terhadap mana-mana liabiliti yang ditanggung oleh mereka dalam melaksanakan tugas mereka semasa mereka memegang jawatan. Pengarah dan Pegawai, bagaimanapun, tidak dilindungi sekiranya berlaku sebarang kecuai, penipuan, pelanggaran kewajipan/amanah yang terbukti terhadap mereka.

3. MENGUKUHKAN KEBEBASAN

3.1 Menilai Kebebasan

Lembaga Pengarah mengakui bahawa Pengarah Bebas memainkan peranan penting dalam kebertanggungjawaban korporat. Tanggungjawab Pengarah Bukan Eksekutif Bebas ("INED") termasuk:

- (a) memberi pandangan yang bebas dan berobjektif, nasihat dan pertimbangan untuk memastikan bahawa kepentingan Kumpulan, pemegang saham dan pihak berkepentingan diambil kira.
- (b) membawa kesaksamaan dan penelitian kepada perbincangan dan pembuatan keputusan Lembaga Pengarah, dan juga bertindak untuk merangsang dan mencabar Pengurusan dengan cara yang objektif.
- (c) mencabar secara konstruktif dan menyumbang kepada pembangunan strategi dan hala tuju perniagaan Kumpulan.

Lembaga Pengarah, berdasarkan syor NCGC, berpuas hati bahawa INED terus memberi keputusan yang bebas dan bertindak demi kepentingan yang terbaik Syarikat dan pemegang berkepentingan Syarikat pada tahun 2013.

3.2 Tempoh Pengarah Bebas

Tempoh seorang pengarah bebas tidak melebihi jangka terkumpul 9 tahun, tetapi tertakluk pada kelulusan pemegang saham Syarikat, Lembaga Pengarah boleh memberikan justifikasi untuk mengekalkan Pengarah yang telah berkhidmat selama tempoh terkumpul 9 tahun sebagai Pengarah Bebas. Kelulusan pemegang saham Syarikat telah diperolehi dalam Mesyuarat Agung Tahunan pada 3 Julai 2013 untuk mengekalkan Dato' Mohamed Khadar Bin Merican sebagai Pengarah Bebas, walaupun beliau telah berkhidmat sebagai INED selama lebih sembilan tahun. Dato' Mohamed Khadar telah dilantik ke lembaga pengarah Astro All Asia Networks Limited pada tahun 2003, sebuah entiti yang memegang aset Kumpulan sebelum pembentukan Syarikat di bawah penyusunan semula kumpulan.

3.3 Pengasingan Kedudukan Pengerusi dan CEO

Kedudukan Pengerusi Lembaga Pengarah dan CEO adalah dipegang oleh individu yang berbeza.

3.4 Komposisi Lembaga

Lembaga Pengarah, pada tarikh penyata ini, terdiri daripada 8 orang ahli termasuk seorang Pengarah Eksekutif (yang juga merupakan CEO) dan 7 NED. 50% daripada Lembaga Pengarah termasuklah Pengerusi Lembaga Pengarah adalah bebas, iaitu lebih tinggi daripada keperluan sekurang-kurangnya satu pertiga yang ditetapkan dalam Keperluan Penyenaraian. Profil Pengarah dinyatakan pada muka surat 36 hingga 39 laporan ini.

Lembaga Pengarah berpendapat komposisi, saiz dan keseimbangan semasa berhubung dengan kelayakan dan pengalaman Lembaga Pengarah adalah sesuai dan efektif bagi kawalan dan hala tuju perniagaan Kumpulan. Walaupun komposisi dan gabungan semasa menyumbang secara positif kepada keberkesanan Lembaga Pengarah, terutama dengan pengalaman yang pelbagai dan keseimbangan antara Pengarah bukan bebas dan bebas, saiz dan gabungan Lembaga Pengarah akan dinilai untuk setimpal dengan pertumbuhan dan kerumitan perniagaan. Lembaga Pengarah juga berpendapat bahawa komposisi Lembaga Pengarah secara adil mewakili struktur pemilikan Kumpulan dengan perwakilan kepentingan minoriti yang sesuai melalui INED.



PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

4. MEMUPUK KOMITMEN

4.1 Komitmen masa

Pengarah menyedari komitmen masa yang diharapkan daripada setiap daripada mereka untuk menghadiri perkara berkaitan Kumpulan secara amnya, termasuklah kehadiran di mesyuarat Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan lain-lain jenis mesyuarat. Kalendar mesyuarat Lembaga Pengarah tahunan dirancang oleh setiausaha syarikat dan dipersetujui oleh Pengarah sebelum permulaan tahun kewangan yang baru.

Semua Pengarah dikehendaki memberi pemberitahuan segera apabila menerima sebarang pelantikan lembaga pengarah luar yang baru dan memohon panduan daripada Pengerusi Lembaga Pengarah mengenai sebarang konflik kepentingan jika perlu. Sebarang perubahan kepada jawatan pengarah mereka akan dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah suku tahunan untuk kajian semula oleh Pengarah. Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa jawatan pengarah dalam organisasi luar yang dipegang oleh Pengarah, yang tidak melebihi 5 syarikat awam yang disenaraikan, tidak menimbulkan sebarang konflik kepentingan dan tidak menjejaskan keupayaan mereka untuk melaksanakan tanggungjawab mereka kepada Kumpulan.

Sembilan mesyuarat Lembaga Pengarah (1) dan lima mesyuarat AC telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014. Selain itu, mesyuarat pra AC telah diadakan pada setiap suku tahun antara AC, Pengurusan dan juruaudit luaran untuk membincangkan penemuan kajian audit. NED bertemu tanpa kehadiran Pengarah Eksekutif/CEO dan apabila diperlukan, dan sekurang-kurangnya sekali setahun untuk membincangkan prestasi CEO. Pengarah Eksekutif dan Pengurusan juga menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah melalui undangan, jika perlu, yang tidak ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Rekod kehadiran setiap Pengarah di mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang diadakan dengan sewajarnya:

Nama	Lembaga Pengarah ⁽¹⁾	Jawatankuasa Lembaga Pengarah		
		Audit	Pencalonan dan Urus Tadbir Korporat	Imbuhan
Bilangan mesyuarat semasa tahun kewangan	9	5	3	2
Tun Dato' Seri Zaki Bin Tun Azmi	9/9	N/A	3/3	N/A
Augustus Ralph Marshall	9/9	N/A	N/A	2/2
Dato' Rohana Rozhan	9/9	N/A	N/A	N/A
Chin Kwai Yoong	9/9	5/5	3/3	2/2
Dato' Mohamed Khadar Bin Merican	9/9	5/5	N/A	2/2
Bernard Anthony Cragg	9/9	5/5	N/A	N/A
Hisham Bin Zainal Mokhtar	9/9	N/A	3/3	N/A
Datuk Yvonne Chia ⁽²⁾	N/A	N/A	N/A	N/A

Nota:

⁽¹⁾ Termasuk pembentangan Lembaga Pengarah.

⁽²⁾ Dilantik pada 1 Januari 2014, selepas semua mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014.

Semua Pengarah kecuali Encik Bernard Anthony Cragg menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan pada 3 Julai 2013. Encik Bernard Anthony Cragg tidak dapat menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan di Kuala Lumpur kerana menghadiri satu mesyuarat lain yang terlebih dahulu diatur di London pada minggu yang sama yang tidak boleh dijadualkan semula.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

4.2 Latihan Pengarah

Lembaga Pengarah mengakui keperluan untuk terus meningkatkan kemahiran dan pengetahuan ahli-ahlinya dan mengikuti perkembangan dalam ekonomi, industri dan teknologi untuk kekal relevan dan progresif. Latihan yang memerlukan penilaian telah dimasukkan sebagai sebahagian daripada BEE, untuk membolehkan jurang dikenal pasti dan diambil tindakan. Setiausaha Syarikat memastikan bahawa latihan mengenai topik yang sesuai dianjurkan untuk Pengarah, sama ada yang dijalankan secara dalaman atau oleh penceramah luar, sempena mesyuarat lembaga pengarah suku tahunan, yang mana praktikal. Selain itu, Pengarah dimaklumkan mengenai program latihan yang ada dan belanjawan disediakan oleh Syarikat setiap tahun untuk menampung program tersebut.

Satu program induksi dianjurkan untuk Pengarah yang baru dilantik termasuk taklimat pengurusan dan lawatan ke pusat siaran dan operasi. Pengarah kami telah menghadiri dan menamatkan Program Akreditasi Mandatori yang ditetapkan oleh Bursa Securities.

Pengarah kami selalu menerima taklimat mengenai perkara yang berkaitan dengan Kumpulan. Antara seminar atau taklimat yang dihadiri oleh Pengarah kami termasuk:

Tarikh	Tajuk / Topik	Mod Latihan	Tempoh
11.01.2013	Sesi latihan no.4 ICAAP	Seminar	4 jam
16.01.2013	Pelancaran Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan untuk Pengarah syarikat tersenarai oleh Institut Juruaudit Dalaman Malaysia	Seminar	4 jam
25.02.2013	Amalan Kepimpinan untuk Membina Sumber Bakat yang Tangkas dan Mapan	Seminar	1 jam
25-28.02.2013	Analisis Syarikat Insurans Komprehensif	Bengkel	4 hari
13.03.2013	Akta Perlindungan Data Peribadi 2010	Bengkel	4 jam
19-20.03.2013	Sidang Kemuncak Tadbir Urus Korporat Tahunan Ke-5	Seminar	2 days
05.04.2013	Latihan Produk OSK	Seminar	4 jam
23.04.2013	Sidang Kemuncak Operator TV-Berbayar Asia Pasifik 2013	Persidangan	4 jam
15.05.2013	Tadbir Urus Kepimpinan ICLIF	Seminar	1 hari
20.05.2013	Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("FSA") / Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA") / Pembentangan Dasar Insurans Liabiliti Pengarah dan Pegawai ("D&O Policy") untuk Pengarah	Seminar	4 jam
21.05.2013	Bursa Malaysia - Sesi Perakuan Mengenai Penzahiran Korporat	Bengkel	1 hari
21.05.2013	Ceramah Penilaian Kapal oleh Braemar Seascope Ltd, Profil Rizab Lapangan Minyak oleh Wood Mackenzie & Pengenalan kepada Perkongsian Terhad Master oleh Morgan Stanley	Seminar	1 jam
30-31.05.2013	Youtube Membuka Peluang dan Kemungkinan	Bengkel	2 hari
12.06.2013	Cukai Barangan dan Perkhidmatan	Seminar	4 jam
17.06.2013	Program Tadbir Urus dalam Kumpulan	Seminar	1 jam
27.06.2013	Program Pendidikan Berterusan Pengarah 2013	Bengkel	1 jam
24.09.2013	Pandangan Hiburan & Media 2013/2014	Seminar	1 jam
04.11.2013	Pembangunan Google disampaikan oleh Eric Schmidt, Pengerusi Eksekutif, Google	Seminar	2 jam
07.11.2013	Cabaran Youtube dengan Cetak Rompak yang disampaikan oleh Adam Smith, Pengarah Pengurusan Kandungan, Youtube	Bengkel	2 jam
07.11.2013	Inovasi Terkini di Lembah Silikon yang dihoskan oleh Tim Dombrowski, Rakan, Andreessen Horowitz	Bengkel	4 jam
07-08.11.2013	Program Akreditasi Mandatori	Bengkel	2 hari
19.11.2013	Ceramah mengenai Tugas, Hak & Liabiliti Pengarah Syarikat Awam Tersenarai	Seminar	1 jam
05.12.2013	Kemas Kini Kandungan Pasaran dibentangkan oleh Robert Gilby, Pengarah Urusan, The Walt Disney Company	Seminar	2 jam
09.12.2013	Program Kesedaran Syariah	Bengkel	4 jam

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Pengarah	MASA DIPERUNTUKKAN
Tun Dato' Seri Zaki Bin Tun Azmi	4 hari 6 jam
Augustus Ralph Marshall	2 hari 4 jam
Dato' Rohana Rozhan	2 hari 6 jam
Chin Kwai Yoong	4 hari 6 jam
Dato' Mohamed Khadar Bin Merican	3 hari 6 jam
Bernard Anthony Cragg	1 hari 2 jam
Hisham Bin Zainal Mokhtar	5 hari 2 jam
Lim Ghee Keong	2 jam

5. MENDUKUNG INTEGRITI DALAM LAPORAN KEWANGAN

5.1 Pematuhan terhadap piawaian laporan kewangan yang berkaitan

Selain daripada tugas dan tanggungjawab yang dinyatakan di bawah TOR, AC membantu Lembaga Pengarah dalam mengkaji semula penyata kewangan Kumpulan untuk memastikan bahawa ianya disediakan dengan mematuhi Rangka Kerja Piawaian Laporan Kewangan Malaysia yang baru yang terdiri daripada Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa. AC disokong oleh bahagian Jaminan Korporat ("CA") yang menjalankan kajian audit dalaman yang bebas berdasarkan pelan kajian audit yang dipersetujui.

Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk membentangkan penilaian yang jelas, seimbang dan menyeluruh tentang kedudukan kewangan, prestasi dan prospek Kumpulan setiap kali penyata kewangan suku tahunan dan tahunan kepada pemegang saham serta memastikan bahawa penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai keputusan operasi dan keadaan kewangan Kumpulan. Penilaian ini disediakan melalui Penyata Tanggungjawab Pengarah pada muka surat 74 laporan ini.

5.2 Penilaian Juruaudit Luar

PricewaterhouseCoopers telah dilantik semula sebagai juruaudit luar Syarikat di Mesyuarat Agung Tahunan pada tahun lepas. AC menjalankan satu penilaian tahunan ke atas prestasi mereka dan dibantu oleh Setiausaha Syarikat. Maklum balas diperolehi daripada AC, Pengurusan dan CA berdasarkan kepada soal selidik dan termasuk penilaian sendiri oleh juruaudit luar. Kawasan di bawah penilaian termasuk kebebasan, pendekatan audit, komunikasi tentang dapatan, ketepatan masa dan kualiti cadangan dan kecekapan.

AC telah menerima pengesahan tahunan mengenai kebebasan juruaudit luar menurut keperluan profesional dan perundangan yang berkaitan. AC percaya bahawa prestasi juruaudit adalah memuaskan dan menyokong resolusi untuk perantukan semula mereka pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang pada bulan Jun 2014.

Penyediaan perkhidmatan bukan audit

Untuk melindungi kebebasan dan objektiviti juruaudit luar, Lembaga Pengarah telah menerima pakai Dasar bagi Penyediaan Perkhidmatan Bukan Audit oleh Juruaudit Luar yang menggariskan jenis-jenis perkhidmatan yang dilarang dan proses kelulusan yang diperlukan bagi penyediaan perkhidmatan bukan audit oleh juruaudit luar. Syarikat juga telah menerima pakai dasar yang menghadkan penggajian bekas kakitangan juruaudit luar bagi memastikan kebebasan juruaudit luar dan bagi mengelakkan sebarang konflik kepentingan.

5.3 *Urus niaga Pihak Berkaitan*

Kumpulan telah melaksanakan Dasar untuk Urus niaga Pihak Berkaitan ("RPT") untuk memastikan semua urus niaga dengan pihak berkaitan yang dimeterai pada jarak lengan, atas terma komersial biasa dan atas terma yang tidak merugikan pemegang saham minoriti. RPT disemak oleh CA dan di mana perlu, kelulusan AC dan Lembaga Pengarah dikehendaki. Pada tahun 2013, Setiausaha Syarikat mengadakan taklimat kepada pengurus dan kakitangan yang baru dilantik mengenai rangka kerja RPT ini. Rangka kerja RPT terus diperkukuh melalui pemantauan oleh bahagian Kewangan, Perolehan dan Undang-undang. Syarikat telah memperoleh mandat pemegang saham untuk RPT berulang yang bersifat hasil atau perdagangan di Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 3 Julai 2013.

6. MENGIKTIRAF DAN MENGURUSKAN RISIKO

6.1 *Pengurusan Risiko Mantap*

Lembaga Pengarah telah menubuhkan satu rangka kerja yang menyeluruh dan holistik untuk pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman yang mantap. Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman Lembaga Pengarah yang dibentangkan pada muka surat 67 laporan ini.

6.2 *Fungsi Audit Dalaman*

Pengarah telah menubuhkan Fungsi Audit Dalaman yang dikenali sebagai Penjaminan Korporat yang terletak di bawah AC. Naib Presiden bagi Kumpulan CA merupakan akauntan yang berkecualan dan merupakan ahli di bawah Malaysian Institute of Certified Public Accountants dan juga Malaysian Institute of Accountants. CA akan menjalankan penyemakan secara kerap bagi aspek tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan berdasarkan kepada pelan audit strategik yang telah dipersetujui dan telah diguna pakai oleh AC dan juga telah dikemaskini untuk mencerminkan perubahan-perubahan kepada profil risiko kumpulan bagi tahun tersebut.

7. PENZAHIRAN MENEPATI MASA DAN BERKUALITI TINGGI

7.1 *Penzahiran Korporat*

Lembaga Pengarah mengakui bahawa penzahiran yang tepat pada masanya dan berkualiti tinggi berkenaan maklumat penting kepada orang ramai adalah sebahagian daripada rangka kerja tadbir urus korporat. Prinsip bagi penzahiran maklumat yang material adalah mengikut Keperluan Penyenaraian. Penyediaan pengumuman kepada Bursa Securities diselaraskan antara Setiausaha Syarikat dan jabatan IR, Kewangan, Undang-undang dan Komunikasi untuk memastikan bahawa maklumat yang akan dizahirkan adalah disahkan dengan betul sebelum ia disebarkan. Kelulusan Lembaga Pengarah atau CEO bergantung kepada jenis maklumat yang akan diperolehi untuk pengumuman dilakukan kepada Bursa Securities.

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, jurucakap Kumpulan mematuhi Panduan Jurucakap serta Panduan Media Sosial berkenaan interaksi dengan pihak berkepentingan yang termasuk senarai maklumat yang dilarang daripada penzahiran seperti maklumat harga dan pasaran yang sensitif yang boleh mempengaruhi harga saham atau memberi kesan kepada operasi perniagaan.

7.2 *Memanfaatkan Teknologi Maklumat*

Laman web Syarikat mengandungi maklumat terkini mengenai Kumpulan dan perniagaannya termasuk satu bahagian mengenai korporat tadbir urus di mana piagam, laporan tahunan, notis mesyuarat agung, slaid taklimat pelabur, siaran akhbar dan pengumuman awam yang diterbitkan. Pengurusan secara aktif menggunakan rangkaian media sosial termasuk Facebook dan Twitter untuk menyediakan maklumat terkini mengenai program, acara dan kempen terkini sebagai satu cara bukan sahaja mengemas kini, tetapi juga mendapatkan maklum balas yang berharga daripada pasaran.

8. MENGUKUHKAN HUBUNGAN ANTARA PEMEGANG SAHAM DAN PELABUR

8.1 *Menggalakkan Penyertaan Pemegang Saham*

Lembaga Pengarah mengakui kepentingan dalam menyediakan maklumat yang tepat, berguna dan pada masanya kepada pelabur mengenai Kumpulan, perniagaan dan aktiviti. Lembaga Pengarah percaya bahawa komunikasi yang jelas dan konsisten dengan pelabur menggalakkan penghargaan yang lebih baik terhadap perniagaan dan aktiviti Kumpulan, mengurangkan turun naik harga saham, dan membolehkan perniagaan dan prospek Kumpulan dinilai dengan betul.

Butiran penglibatan pemegang saham dinyatakan dalam Laporan IR pada muka surat 28 laporan ini.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Mesyuarat Agung Tahunan

AGM merupakan platform penglibatan utama untuk dialog antara Lembaga Pengarah dan semua pemegang saham, di samping dialog dengan pelabur institusi. Semasa AGM, Pengurusan akan membentangkan prestasi dan pencapaian Kumpulan. Lembaga Pengarah dan Pengurusan akan mengambil soalan daripada pemegang saham yang hadir. Pengundian dilakukan secara mengangkat tangan, kecuali pengundian dituntut atau diberi mandat dan keputusan setiap resolusi akan diumumkan pada hari yang sama.

Notis untuk mengadakan AGM 2014 telah diterbitkan kepada pemegang saham pada 21 Mei 2014, iaitu 28 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan (melebihi tempoh notis sekurang-kurangnya 21 hari yang ditetapkan oleh Keperluan Penyenaraian) untuk memberikan notis yang mencukupi kepada pemegang saham untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan.

Lembaga juga menggalakkan saluran komunikasi lain dengan para pemegang saham. Untuk tujuan ini, pertanyaan atau kemusykilan mengenai Kumpulan boleh disampaikan kepada Pengarah Bebas Kanan melalui saluran berikut:

Pos : Mr. Chin Kwai Yoong
d/a Jabatan Kesetiausahaan Korporat
Tingkat 3, All Asia Broadcast Centre
Taman Teknologi Malaysia
Lebuhraya Puchong-Sungai Besi
57000 Kuala Lumpur
Faks : + 603 9543 3007
E-mel : kwai-yoong_chin@astro.com.my

Pelabur juga boleh nyatakan pertanyaan dan kemusykilan mengenai Kumpulan kepada pegawai yang berikut:

- (a) Mr. Raymond Tan
Ketua Pegawai Pelaburan, untuk perkara berkaitan hubungan pelabur
Tel : + 603 9549 7600
Faks : + 603 9543 9511
E-mel : raymond_tan@astro.com.my
- (b) Ms. Grace Lee
Pengawal Kewangan Kumpulan, untuk perkara berkaitan kewangan
Tel : + 603 9549 2192
Faks : + 603 9543 2017
E-mel : grace_lee@astro.com.my
- (c) Ms. Sharon Liew
Setiausaha Syarikat, untuk pertanyaan pemegang saham
Tel : + 603 9543 9267
Faks : + 603 9543 3007
E-mel : sharon_liew@astro.com.my

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

LAPORAN JAWATANKUASA PENCALONAN DAN TADBIR URUS KORPORAT

NCGC yang telah ditubuhkan pada 1 April 2011 dan hanya terdiri daripada NED. Dua daripada tiga ahli adalah bebas. Pengerusi Lembaga Pengarah yang merupakan seorang INED mempengerusikan NCGC. Walaupun Kod CG mengesyorkan bahawa pengarah bebas kanan perlu mempengerusikan NCGC, Lembaga Pengarah berpuas hati dengan pelantikan Pengerusi Lembaga Pengarah sebagai Pengerusi NCGC kerana Pengerusi Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk kerja keseluruhan Lembaga Pengarah termasuk keseimbangan Lembaga Pengarah. Maklumat keahlian NCGC adalah dinyatakan di bawah:

Nama Ahli Jawatankuasa	Jawatan
Tun Dato' Seri Zaki Bin Tun Azmi	- Pengerusi NCGC / NED - Dilantik pada 15 Ogos 2012
Chin Kwai Yoong	- Ahli / INED Kanan - Dilantik pada 1 April 2011
Hisham Bin Zainal Mokhtar	- Ahli / NED - Dilantik pada 15 Ogos 2012

Pencalonan, pengundian dan pemilihan Pengarah

Selaras dengan Tataurus Pertubuhan Syarikat, satu pertiga daripada jumlah Pengarah pada Lembaga Pengarah atau jika jumlah itu tidak dalam gandaan tiga, bilangan yang hampir dengan satu pertiga mesti tertakluk kepada persaraan mengikut giliran dan pemilihan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan setiap tahun.

NCGC menilai dan mensyorkan kepada Lembaga Pengarah, Pengarah yang bersara mengikut giliran dan mahukan pemilihan semula pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan.

NCGC juga menilai calon Lembaga Pengarah yang berpotensi berdasarkan kriteria yang ditetapkan termasuk:

- pendidikan dan pengalaman yang memberikan pengetahuan tentang hal-hal perniagaan, kewangan, kerajaan atau undang-undang yang berkaitan dengan perniagaan Syarikat.
- watak.
- keupayaan untuk meluangkan masa yang mencukupi untuk menunaikan tanggungjawabnya.
- mempunyai reputasi yang tidak dicemari untuk integriti dan berupaya membuat pertimbangan perniagaan yang baik.

Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah

BEE ini dibantu oleh NCGC setiap tahun. Sebuah firma profesional luar dilantik dalam setiap tiga tahun sekali untuk menjalankan penilaian bagi memastikan proses sentiasa mantap dan menyeluruh. Pengerusi NCGC memikul tanggungjawab keseluruhan untuk penilaian, manakala penemuan dilaporkan kepada Pengerusi Lembaga Pengarah dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Keputusan penilaian individu Pengerusi Lembaga Pengarah dikemukakan kepada Pengarah Bebas Kanan untuk dibawa kepada perhatian Pengerusi Lembaga Pengarah.

Penilaian Lembaga Pengarah adalah berdasarkan kepada bidang berikut yang termasuk:

- Tanggungjawab Lembaga Pengarah
- Komposisi, pentadbiran dan proses
- Kelakuan, interaksi dan komunikasi dengan Pengurusan dan pihak berkepentingan yang lain
- Kebebasan

Jawatankuasa Lembaga Pengarah dinilai berdasarkan struktur dan proses, kebertanggungjawaban dan tanggungjawab; manakala penilaian diri dan rakan sejawat Pengarah adalah berdasarkan kebebasan, penyertaan, integriti, objektiviti, kecekapan teknikal dan pengiktirafan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

NCGC juga menjalankan penilaian terhadap INED sebagai sebahagian daripada BEE dan mengambil kira, keupayaan mereka untuk membuat keputusan yang bebas dan untuk menunjukkan nilai dan prinsip yang berkaitan dengan kebebasan seperti kesaksamaan, objektif dan pertimbangan kepentingan pemegang berkepentingan, termasuk pengambilan pendirian tidak popular pada masa-masa.

Aktiviti yang dilaksanakan oleh NCGC bagi tahun kewangan yang lepas adalah seperti berikut:

- (a) mengkaji semula TOR NCGC.
- (b) mengkaji semula status pematuan dengan Kod CG dan pengesyoran untuk penambahbaikan.
- (c) mengkaji semula pelan pengurusan penggantian dan pengesyoran untuk penambahbaikan.
- (d) menilai calon-calon untuk dilantik ke dalam Lembaga Pengarah. NCGC mengkaji semula dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan tambahan INED tambahan daripada industri beasaskan pengguna untuk mengukuhkan lagi Lembaga Pengarah dan AC.
- (e) BEE telah disiapkan pada bulan Mac 2014 yang secara komprehensif meliputi prestasi Lembaga Pengarah secara keseluruhan, setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah, Pengarah individu dan pengarah bebas. NCGC juga mengkaji semula jurang yang telah diketengahkan daripada BEE yang dijalankan pada tahun sebelumnya; dan bertanggungjawab untuk pelan tindakan yang terbit daripadanya. Di bawah bimbingan NCGC, BEE telah diselaraskan oleh Setiausaha Syarikat yang mengumpulkan penemuan berdasarkan kepada jawapan balas kepada soal selidik yang dilengkapkan oleh Pengarah dan Pengurusan kanan dipilih.
- (f) penilaian semula kebebasan Dato' Mohamed Khadar Bin Merican berdasarkan kriteria kebebasan yang ditetapkan.
- (g) mengkaji semula calon-calon yang dicadangkan untuk jawatan CFO.

LAPORAN JAWATANKUASA IMBUHAN

RC telah ditubuhkan pada 1 April 2011 dan hanya terdiri daripada NED. Dua daripada tiga ahli adalah bebas. Maklumat keahlian RC adalah seperti berikut:

Nama Ahli Jawatankuasa	Jawatan
Dato' Mohamed Khadar Bin Merican	• Pengerusi RC / INED • Dilantik pada 1 April 2011 • Dilantik semula sebagai Pengerusi pada 15 Ogos 2012
Chin Kwai Yoong	• Ahli / INED Kanan • Dilantik pada 1 April 2011
Augustus Ralph Marshall	• Ahli / Pengarah Bukan Bebas NED • Dilantik pada 1 April 2011

RC menjalankan kajian semula yang berikut berkenaan perkara yang termasuk dalam bidang kuasanya:

- (a) Mengkaji semula prestasi CEO berbanding Kad Skor Terimbang dan petunjuk prestasi utama bagi tahun kewangan yang berikutnya. Prestasi CEO dikaji dan diukur oleh Lembaga Pengarah setiap tahun berdasarkan Kad Skor Terimbang yang terdiri daripada parameter kewangan dan bukan kewangan termasuk pelanggan, tadbir urus dan kawal selia serta pengukuran individu.
- (b) Mengkaji semula garis panduan bagi pembayaran bonus dan kenaikan merit kepada kakitangan Kumpulan. RC juga mengkaji semula matriks bagi bonus prestasi tahunan dan kenaikan merit untuk kakitangan Kumpulan bagi memastikan kadar adalah saksama, berdaya saing dan bersesuaian dengan mengambil kira prestasi Kumpulan serta juga prestasi individu. RC mengkaji semula cadangan bonus dan kenaikan bagi pengurusan kanan yang utama dengan tujuan untuk memastikan pengagihan yang adil dan sama rata mengikut merit.
- (c) Mengkaji semula Skim Saham Pengurusan yang ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah dan pemegang saham pada tahun 2012 sebagai sebahagian daripada falsafah imbuhan yang menyeluruh. Objektif Skim Saham Pengurusan adalah untuk menarik dan mengekalkan bakat, dan untuk menjajarkan kepentingan kakitangan dengan kepentingan pemegang saham melalui pemberian saham dalam Syarikat tertakluk kepada pencapaian sasaran prestasi ditakrif dengan jelas. TOR RC telah disemak semula pada tahun 2012 untuk membesarkan mandat untuk merangkumi pengurusan dan pentadbiran Skim Saham Pengurusan mengikut Undang-undang Kecil Skim Saham Pengurusan itu. Pada tahun dalam tinjauan, RC telah meluluskan pemberian Unit Saham Prestasi ("PSU") kepada kakitangan Kumpulan yang layak (tidak termasuk NED) dan menetapkan sasaran prestasi bagi meletak hak PSU yang terdiri daripada jumlah pulangan pemegang saham dan prestasi kewangan dalam tempoh masa tertentu.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

AC membantu Lembaga Pengarah dalam memenuhi tanggungjawab Lembaga Pengarah mengenai tanggungjawab pengawasan. AC mengkaji semula dan memantau integriti proses pelaporan kewangan Kumpulan, pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman, proses audit luaran dan dalaman, pematuhan dengan undang-undang perundangan dan kawal selia serta tatakelakuan perniagaan, dan perkara-perkara lain, yang boleh secara khusus diberikan kepada AC oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

1. KOMPOSISI

AC terdiri daripada empat ahli Lembaga Pengarah yang berikut:

Nama Ahli Jawatankuasa	Jawatan
Chin Kwai Yoong	• Pengerusi AC / INED Kanan • Dilantik pada 1 April 2011 • Dilantik semula sebagai Pengerusi pada 15 Ogos 2012
Dato' Mohamed Khadar Bin Merican	• Ahli / INED • Dilantik pada 1 April 2011
Datuk Yvonne Chia	• Ahli / INED • Dilantik pada 1 Januari 2014
Bernard Anthony Cragg	• Ahli / NED Bukan Bebas • Dilantik pada 1 April 2011

Komposisi AC mematuhi Keperluan Penyenaraian seperti berikut:

- AC terdiri daripada empat orang ahli Lembaga Pengarah yang merupakan pengarah bukan eksekutif, majoritinya adalah pengarah bebas, termasuk Pengerusi; dan
- Berdasarkan profil ahli-ahli AC yang dinyatakan pada muka surat 37, 38 dan 39, ahli-ahli AC secara kolektif mempunyai pelbagai kepakaran kewangan dan komersial yang diperlukan untuk memenuhi tanggungjawab AC.

2. MESYUARAT

AC telah bermesyuarat sebanyak lima kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014 pada 13 Mac 2013, 10 Mei 2013, 11 Jun 2013, 10 September 2013 dan 4 Disember 2013. Ahli-ahli AC menghadiri semua mesyuarat kecuali Datuk Yvonne Chia yang tidak hadir mana-mana mesyuarat kerana beliau hanya dilantik pada 1 Januari 2014. Selain daripada mesyuarat AC, ahli-ahli tertentu menghadiri mesyuarat pra AC pada setiap suku tahun sebelum mesyuarat suku tahunan bagi membolehkan maklum balas awal mengenai sebarang isu penting kepada AC dengan tujuan untuk resolusi yang tepat pada masanya.

Setiausaha Syarikat adalah Setiausaha Jawatankuasa Audit. Minit mesyuarat AC telah diedarkan kepada semua ahli Lembaga Pengarah untuk pengesahan.

Atas jemputan AC, Naib Presiden, CA Kumpulan (audit dalaman) dan pengurusan kanannya, juruaudit luar, CEO, CFO dan ketua-ketua tertentu unit perniagaan utama turut menghadiri mesyuarat tersebut. Dalam mesyuarat, laporan mengenai, antara lain, kewangan, audit, teknologi dan sistem maklumat, pengurusan risiko dan pematuhan telah dibentangkan kepada AC dan dibincangkan. Berkenaan dengan keputusan kewangan dan perkara-perkara yang memerlukan kajian semula oleh AC sebelum mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah, Pengerusi AC membentangkan cadangan AC kepada Lembaga Pengarah dan juga menengahkan apa-apa isu-isu dalam TOR AC yang dianggap perlu oleh Pengerusi.

Pada tahun dalam tinjauan, AC telah bermesyuarat dengan juruaudit luar sebanyak 2 kali dan CA sebanyak 2 kali, secara berasingan, tanpa kehadiran pihak pengurusan. Di samping itu, ahli-ahli AC juga secara individu bertemu dengan juruaudit luar dan CA, secara berasingan, seperti yang diperlukan, pada tahun kewangan tersebut. Pengerusi AC juga berhubung secara berterusan dengan pengurusan kanan, Naib Presiden, CA Kumpulan dan juruaudit luar, untuk mengikuti perkara dan isu yang memberi kesan kepada Kumpulan.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

3. RINGKASAN AKTIVITI

AC telah menulis TOR yang dikaji semula setiap tahun oleh AC dan di mana terdapat pindaan, diluluskan oleh Lembaga Pengarah. TOR ini adalah sejajar dengan peruntukan Keperluan Penyenaraian dan amalan terbaik yang lain. TOR oleh AC diterbitkan di laman web Syarikat.

Rajah di bawah menunjukkan bidang tumpuan utama AC yang termasuk dalam agenda AC pada masa yang bersesuaian sepanjang tahun.

Selepas setiap mesyuarat AC, Pengerusi AC melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai aktiviti AC dan juga perkara yang penting apabila dibangkitkan oleh juruaudit luar dan CA. Dalam tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014, AC telah menjalankan aktiviti berikut:



3.1 Pelaporan Kewangan dan Pematuhan

- Mengkaji semula penyata kewangan berkanun, interim, laporan kewangan suku tahun dan siaran akhbar berkaitan dengan laporan kewangan suku tahunan dan pengumuman Kumpulan bagi kualiti pendedahan dan pembentangan, dan berbincang dengan juruaudit luar dan Pengurusan, dengan tumpuan antara lain:
 - prinsip dan piawaian perakaunan yang telah diguna pakai untuk memastikan pematuhan piawaian perakaunan yang diluluskan dan keperluan undang-undang.
 - bidang utama di mana penilaian penting telah diguna pakai.
 - sama ada laporan tahunan dan akaun, yang diambil secara keseluruhan, adalah adil, seimbang dan boleh difahami serta menyediakan maklumat yang perlu kepada pemegang saham untuk menilai prestasi Kumpulan.
- Mengkaji semula laporan juruaudit luar ke atas penyata kewangan berkanun Kumpulan dan laporan kewangan suku tahunan sebelum membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan dan pelepasan awam.

3.2 Pengurusan Risiko

- Mengkaji semula setiap suku tahun profil risiko Kumpulan, dengan tumpuan kepada risiko utama yang dikenal pasti di muka surat 72 dan 73 laporan ini dan status proses pengurusan risiko yang dilaksanakan oleh Kumpulan serta hasil daripada proses untuk memudahkan pengenalpastian, pentaksiran, penilaian, pemantauan dan pengurusan risiko.
- Mengkaji semula kecukupan dan keberkesanan dasar dan prosedur dan sistem kawalan dalaman untuk memantau dan menguruskan risiko, khususnya dalam bidang seperti perkhidmatan pusat panggilan pelanggan, pemerolehan dan produksi.
- Mengkaji semula kecukupan prosedur untuk mencegah dan mengesan penipuan.

3.3 Audit Luar

- *Keberkesanan proses audit luar*
 - Mengkaji semula Pelan Audit juruaudit luar bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014, untuk memastikan skop dan fokus yang sesuai pada bidang risiko penting yang utama.
 - Mengkaji semula laporan audit tahunan oleh juruaudit luar dan laporan yang mengiringinya kepada Pengurusan, melaporkan hasil pemeriksaan mereka yang lain dan surat pengurusan, termasuk maklum balas pihak pengurusan dan tahap kerjasama yang diberikan oleh kakitangan kepada juruaudit luar.

- Mengkaji semula penilaian ke atas prestasi dan keberkesanan juruaudit luar yang telah diselaraskan oleh Setiausaha Syarikat pada bulan April 2013. Berdasarkan pada penilaian yang dijalankan, AC berpuas hati dengan kecekapan teknikal, kebebasan dan prestasi juruaudit luar dan mencadangkan kepada Lembaga untuk melantik semula juruaudit luar sehubungan dengan tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014.
- *Perlantikan dan kebebasan*
 - Menilai kebebasan, objektiviti dan terma pelantikan juruaudit luar sebelum mencadangkan pelantikan semula dan imbuhan mereka.
 - Pada setiap suku tahun, AC telah mengkaji semula analisis yang disediakan oleh juruaudit luar ke atas perkhidmatan audit dan bukan audit yang termasuk bayaran yang dikenakan, untuk memastikan pematuhan Dasar mengenai Peruntukan Perkhidmatan Audit dan Bukan audit oleh juruaudit luar. Lembaga Pengarah telah menerima pakai Dasar ini berdasarkan prinsip umum bahawa juruaudit luar tidak perlu melaksanakan perkhidmatan bukan audit yang boleh menjejaskan objektiviti dan kebebasan. AC juga membincangkan kesan peruntukan perkhidmatan bukan audit ke atas kebebasan audit dan kekal berpuas hati bahawa kebebasan juruaudit luar tidak terjejas oleh peruntukan perkhidmatan bukan audit tersebut.
 - Pada setiap suku tahun, AC telah mengkaji semula analisis yang disediakan oleh juruaudit luar ke atas perkhidmatan audit dan bukan audit yang termasuk bayaran yang dikenakan, untuk memastikan pematuhan Dasar mengenai Peruntukan Perkhidmatan Audit dan Bukan audit oleh juruaudit luar. Lembaga Pengarah telah menerima pakai Dasar ini berdasarkan prinsip umum bahawa juruaudit luar tidak perlu melaksanakan perkhidmatan bukan audit yang boleh menjejaskan objektiviti dan kebebasan. AC juga membincangkan kesan peruntukan perkhidmatan bukan audit ke atas kebebasan audit dan kekal berpuas hati bahawa kebebasan juruaudit luar tidak terjejas oleh peruntukan perkhidmatan bukan audit tersebut.

3.4 Jaminan Korporat

- Mengkaji semula fungsi CA adalah untuk memastikan bahawa aktiviti dilakukan secara bebas dan dengan saksama, cekap dan profesional, termasuk petunjuk prestasi utama.
- Mengkaji semula kecukupan Piagam CA.
- Mengkaji semula Kajian Pelan Strategik CA bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari, 2014 termasuk skop kajian semula, kecukupan kecekapan dan sumber untuk menjalankan fungsinya.
- Mengkaji semula laporan CA termasuk penemuan, cadangan, maklum balas pengurusan dan tindakan diambil ke atas cadangan. Jika perlu, AC telah mengarahkan Pengurusan untuk membetulkan dan memperbaiki prosedur kawalan dan proses aliran kerja berdasarkan penemuan CA tersebut.
- Mengkaji semula laporan mengenai Kajian Semula Jaminan Kualiti CA telah dilakukan oleh pembekal perkhidmatan luar untuk menilai keberkesanan dan prestasi fungsi CA.

Ringkasan fungsi Jaminan Korporat adalah seperti berikut:

Fungsi audit dalaman Kumpulan, yang dikenali sebagai Jaminan Korporat, adalah diketuai oleh Naib Presiden, Kumpulan CA yang melaporkan secara terus kepada Pengerusi AC dan urusan tadbirnya kepada CEO. Peranan CA adalah ditadbir oleh Piagam CA yang dikaji semula dan diluluskan setiap tahun oleh AC. Piagam CA telah dikemas kini dan diluluskan pada September 2013 untuk memastikan bahawa tujuan, kuasa dan tanggungjawab CA, berterusan mencukupi dan mencerminkan perkembangan aktiviti CA serta selaras dengan amalan terbaik yang dibuat oleh badan profesional audit dalaman. Objektif utamanya adalah untuk membantu AC dalam menyediakan pengesahan bebas atas proses pengurusan risiko, kawalan dan tadbir urus dan tidak mempunyai tanggungjawab operasi atau kuasa ke atas aktiviti yang diaudit.

Aktiviti CA ditadbir oleh pelan kajian semula tahunan yang diluluskan oleh AC dan dikemas kini setiap suku tahun dengan mengambil kira perubahan dalam persekitaran perniagaan dan operasi. Pelan ini menggunakan metodologi berasaskan risiko yang memberi tumpuan kepada bidang risiko utama. Skop liputan termasuk semua unit perniagaan dan sokongan dalam Kumpulan. Pendekatan ini adalah selaras dengan rangka kerja Kumpulan untuk membentuk, melaksana dan memantau sistem kawalannya. CA juga bekerja rapat dengan GPRA, fungsi jaminan lain dan juruaudit luar untuk memantau rangka kerja tadbir urus risiko dan proses pengurusan risiko Kumpulan untuk memastikan keberkesannya.

Pada tahun kewangan ini, bidang kerja utama yang dilakukan oleh CA dan dilaporkan kepada AC adalah seperti berikut:

- (a) Melaksanakan Pelan Kajian Semula Strategik bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014 yang merangkumi liputan audit bagi perniagaan yang penting dan kawasan unit sokongan berdasarkan pengenpastian dan penilaian risiko berkenaan dan persekitaran kawalan.
- (b) Menjalankan pelbagai kajian semula yang dirancang seperti audit kewangan, operasi, teknologi dan sistem maklumat di seluruh Bahagian Pelanggan, Teknologi, Kandungan, Teknologi Maklumat, Produksi, Pemerolehan dan unit-unit sokongan lain dalam Kumpulan. Hasil kaji selidik bersama-sama dengan cadangan, pelan tindakan dan tindak balas pengurusan dilaporkan setiap suku tahun kepada AC.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

- (c) Menjalankan susulan dan pemantauan secara kerap atas pelaksanaan cadangan yang dibuat oleh CA dan tindakan yang diambil oleh pihak pengurusan untuk memastikan tindakan pembetulan yang bersesuaian diambil pada masa yang tepat atau dalam tempoh masa yang dipersetujui, dengan status pelaksanaan tersebut dilaporkan kepada AC pada setiap suku tahun.
- (d) Menjalankan kajian semula dan penyiasatan ad hoc, termasuk antara lain, kajian semula peningkatan tadbir urus yang berkaitan proses kawalan dalaman yang baru dan sedia ada, dasar dan prosedur, kajian semula urus niaga pihak berkaitan dan kajian semula khas berdasarkan pendedahan yang dilaporkan kepada Talian Etika.

Jumlah kos operasi yang ditanggung untuk CA bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014 berjumlah kira-kira RM3.3 juta, termasuk kos aktiviti penyumberan luar berjumlah RM51,000.

3.5 Urus Niaga Pihak Berkaitan

- Mengkaji semula prosedur dalaman bagi RPT dan kecukupan prosedur dalam mengenal pasti, memantau, melaporkan dan mengkaji semula RPT.
- Mengkaji semula RPT yang dimeterai oleh Kumpulan bagi memastikan bahawa RPT telah dijalankan ke atas terma komersial normal Kumpulan dan tidak merugikan pemegang saham minoriti Kumpulan.
- Mengkaji semula Pekeliling 2013 kepada Pemegang Saham berhubung cadangan kelulusan dan mandat pemegang saham bagi RPT berulang serta penggunaan kapasiti transponder dengan MSS (pihak berkaitan), sebelum kelulusan daripada pihak Lembaga. Atas permintaan AC, sebuah firma profesional luar telah dilantik untuk menjalankan kajian semula RPT berulang dengan ASTRO Overseas Group Limited seperti yang dinyatakan di dalam Pekeliling kepada Pemegang Saham untuk memberi jaminan tambahan kepada Lembaga Pengarah dan pemegang saham bahawa urus niaga tersebut dijalankan secara bebas.

3.6 Lain-lain

- Mengkaji semula laporan pengurusan suku tahun atas risiko perbendaharaan dan pengurusan tunai, cukai, litigasi bahan, dan perkara-perkara berkaitan undang-undang dan kawal selia. Pada tahun 2013, AC telah mengkaji semula penambahbaikan kepada dasar-dasar lindung nilai Kumpulan berdasarkan turun naik kadar pertukaran pasaran pada separuh tahun kedua.
- Mengkaji semula Penyata Tadbir Urus Korporat, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman dan Laporan Jawatankuasa Audit untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan Syarikat 2014, sebelum dicadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.
- Mengkaji semula pengesahan dilakukan oleh CA pada peruntukan saham kepada kakitangan yang layak untuk memastikan pematuhan dengan undang-undang kecil Skim Saham Pengurusan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan pemegang saham Syarikat pada 3 Ogos 2012.
- Mengkaji perkara-perkara berhubung dengan pematuhan undang-undang, konflik kepentingan, penyiasatan dan amalan beretika.
- Mengkaji semula Prosedur Talian Etika untuk menangani dakwaan yang dibuat oleh pemberi maklumat, untuk memastikan siasatan yang seimbang dan bebas dijalankan dengan sewajarnya dan tindakan susulan diambil dan dibawa kepada perhatian AC.
- Mengkaji semula kecukupan terma rujukan Jawatankuasa Audit dengan mengambil kira perubahan kepada undang-undang-undang, peraturan, prinsip pengauditan dan amalan terbaik.

3.7 Latihan

Sepanjang tahun kewangan ini, ahli-ahli AC telah menghadiri pelbagai seminar, program latihan dan persidangan. Butiran adalah seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Tadbir Urus Korporat di bawah Latihan Pengarah di muka surat 57 laporan ini.

Pada bulan Januari 2014, sebuah program induksi yang terdiri daripada taklimat mengenai perniagaan Kumpulan, projek utama dan laporan kewangan terkini telah dianjurkan untuk Datuk Yvonne Chia, yang juga ahli AC yang baru dilantik.

4. PENILAIAN JAWATANKUASA

Pada bulan Mac 2014, NCGC menjalankan BEE yang merangkumi prestasi AC dan Pengerusi AC serta kebebasan Pengarah Bebas. Penilaian ini memberi tumpuan kepada struktur dan proses termasuk komposisi, tempoh ahli-ahli AC, dan tahap kebertanggungjawaban dan tanggungjawab yang ditunjukkan. Berdasarkan pada penilaian yang dijalankan, Lembaga berpuas hati bahawa AC dan Pengerusinya telah menunjukkan tahap ketekunan, kebebasan dan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

AC juga menjalankan penilaian sendiri secara tahunan untuk memantau keberkesanan keseluruhan dalam memenuhi tanggungjawab mereka dan melaporkan keputusannya kepada Lembaga Pengarah. Keputusan penilaian sendiri dan kemajuan tindakan yang diambil tersebut dipantau oleh AC setiap suku tahun. Penilaian sendiri tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014 telah dilaksanakan pada suku pertama tahun 2014.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menetapkan rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman dengan mengguna pakai amalan terbaik, menerapkan pengurusan risiko yang baik dan melaksanakan sistem kawalan dalaman yang kukuh dalam budaya, proses dan struktur Kumpulan bagi memastikan bahawa risiko-risiko utama berjaya diuruskan sehingga tahap yang boleh diterima untuk mencapai objektif perniagaan Kumpulan kita. Lembaga mengkaji semula kecukupan, keberkesanan dan integriti pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman untuk melindungi aset-aset Kumpulan dan kepentingan pemegang saham. Disebabkan oleh had yang wujud dalam mana-mana sistem seumpamanya, ia direka untuk mengurus dan bukannya menghapuskan risiko dan untuk memberi jaminan yang munasabah dan bukan mutlak terhadap salah nyata atau kerugian.

Terdapat satu rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman diwujudkan untuk merangkumi keseluruhan perusahaan yang mentakrifkan proses untuk mengenal pasti, menilai, bertindak balas, memantau dan menguruskan risiko dan kawalan bagi selera risiko yang boleh diterima dalam operasi hariannya dan apabila terdapat perubahan dalam persekitaran perniagaan atau keperluan kawal selia. Ujian berkala atas kecukupan, keberkesanan, kecekapan dan integriti sistem dan proses kawalan dalaman dijalankan untuk memastikan bahawa ia berdaya maju, kukuh dan selaras dengan keperluan dan panduan dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan untuk Pengarah Penerbit Tersenarai yang dikeluarkan oleh Bursa Securities.

Lembaga Pengarah juga telah memperolehi jaminan daripada CEO dan CFO bahawa pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan beroperasi secukupnya dan berkesan bagi tahun berakhir 31 Januari 2014.

1. PENGURUSAN RISIKO

Lembaga menganggap pengurusan risiko sebagai sebahagian penting daripada operasi perniagaan Kumpulan dan komited dalam melaksanakan Pengurusan Risiko Kumpulan ("GRM") sebagai sebahagian daripada amalan perancangan strategik, proses operasi perniagaan, dan juga pengurusan projek Kumpulan. Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan, selaras dengan rangka kerja Pengurusan Risiko Perusahaan Jawatankuasa Penajaan Pertubuhan ("COSO"), menggariskan tadbir urus dan infrastruktur pengurusan risiko, proses pengurusan risiko dan tanggungjawab kawalan. Rangka Kerja GRM dikaji semula setiap tahun dan diterbitkan dalam intranet Astro.

Lembaga Pengarah, melalui AC dan dibantu oleh GRMC yang dipengerusikan oleh CEO dan terdiri daripada ahli pengurusan kanan dari setiap unit perniagaan dan segmen. GRMC bermesyuarat setiap suku tahun untuk mengkaji semula keberkesanan proses GRM dan membincangkan risiko yang dikenal pasti dan akan datang, kecukupan kawalan dalaman dan strategi pengurangan risiko. CEO dan CFO adalah bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah atas pelaksanaan strategi, dasar dan prosedur untuk mencapai rangka kerja pengurusan risiko yang berkesan dan ini juga merupakan bidang hasil utama dalam penilaian prestasi tahunan CEO dan CFO. Selain itu, AC mengkaji dan meluluskan Dasar Pengurusan Risiko Kumpulan. Lembaga Pengarah dan ahli pengurusan kanan turut mengambil bahagian dalam bengkel selera risiko yang dibantu oleh pihak luar untuk mengkaji semula dan menentukan selera risiko syarikat.

Walaupun setiap kakitangan bertanggungjawab dalam menguruskan risiko dan mematuhi kawalan dalaman, GPRA memantau dan memastikan bahawa amalan GRM dan kawalan dalaman dipatuhi. Setiap unit perniagaan juga diwakili oleh juara risiko yang melaporkan kepada ketua unit perniagaan dan segmen masing-masing. GPRA bekerjasama dengan juara risiko dan melaporkan kepada ketua segmen perniagaan pada setiap suku tahun tentang kajian semula dan kemas kini profil risiko perniagaan masing-masing yang termasuk mengenal pasti risiko akan datang akibat daripada perubahan persekitaran perniagaan dan/atau inisiatif baru yang dilaksanakan sebagai serta penilaian terhadap keberkesanan kawalan dan pelan pengurusan risiko. Seterusnya, GPRA menggabungkan risiko unit perniagaan di dalam daftar risiko Kumpulan yang menyediakan gambaran keseluruhan profil risiko Kumpulan. Profil risiko Kumpulan dan sebarang perubahan penting mengenainya telah dibentangkan, dibincang dan diluluskan oleh GRMC dan AC pada setiap suku tahun untuk memastikan pendedahan risiko diuruskan mengikut selera risiko yang boleh diterima serta tindakan-tindakan yang diperlukan untuk menguruskan risiko ditangani tepat pada masanya. Selain itu, pengurusan kanan unit perniagaan telah dikenal pasti pada setiap suku tahun untuk membentangkan pelan pengurusan risiko operasi mereka kepada AC. Dalam tahun tinjauan, AC telah mengkaji semula antara lain, profil risiko operasi dan pelan pengurusan risiko bagi Kandungan, Produksi dan Pusat Hubungan Pelanggan serta ancaman jenayah siber. Risiko utama Kumpulan dan langkah-langkah tebatan yang sepadan diperincikan dalam seksyen Faktor Risiko di muka surat 72 laporan ini. Bagi memastikan bahawa proses ini mencukupi dan berkesan, risiko dan kawalan disahkan secara bebas oleh CA dan bidang yang dikenal pasti untuk penambahbaikan diketengahkan dengan sewajarnya.

Lembaga Pengarah dan Pengurusan memandu strategi pengurusan risiko yang proaktif dan memastikan semua kakitangan mempunyai pemahaman yang baik dan penggunaan prinsip pengurusan risiko dan tadbir urus ke arah memupuk budaya pengurusan risiko yang mampan. Taklimat risiko dan kawalan, latihan dalam talian dan portal web disediakan untuk memudahkan rujukan dan pemahaman yang lebih baik mengenai rangka kerja pengurusan risiko dan prosedur kawalan dalaman.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

2. PERSEKITARAN DAN STRUKTUR KAWALAN

Lembaga Pengarah dan Pengurusan telah menubuhkan satu proses untuk meningkatkan sistem kawalan dalaman apabila terdapat perubahan dalam persekitaran perniagaan atau garis panduan kawal selia. Berikut adalah elemen-elemen utama persekitaran kawalan Kumpulan.

2.1 *Rangka Kerja Tadbir Urus*

Rangka Kerja Tadbir Urus dinyatakan dalam Penyata Tadbir Urus Korporat di muka surat 49 laporan ini.

Pengurusan yang diketuai oleh CEO adalah bertanggungjawab atas pelaksanaan strategi Kumpulan dan perniagaan harian. Terdapat struktur organisasi yang tersusun di dalam Kumpulan seperti yang dibentangkan pada muka surat 26 laporan ini. Setiap unit mempunyai peranan dan tanggungjawab yang jelas, tahap bidang kuasa dan garis kebertanggungjawaban.

2.2 *Jaminan Korporat dan Jawatankuasa Audit*

Peranan dan tanggungjawab fungsi AC dan CA ini dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit di muka surat 63 laporan ini. Pada tahun ini, CA juga telah menjalankan kajian semula ke atas proses pengurusan risiko.

2.3 *Senarai Semak Kawalan Utama Pengurusan*

Senarai semak kawalan utama telah dibangunkan untuk menilai dan mengurus risiko utama di mana ketua fungsi perniagaan utama menjalankan penilaian sendiri terhadap keberkesanan kawalan utama mereka dalam menguruskan risiko. Senarai semak kawalan utama ini kemudiannya disahkan secara bebas oleh GPRA dan dilaporkan pada setiap suku tahun kepada AC. Senarai semak kawalan utama juga disahkan oleh CA sebagai sebahagian daripada rancangan kajian semula tahunan mereka.

2.4 *Jaminan Hasil*

Fungsi Jaminan Hasil ("RA") yang melaporkan kepada CFO bertanggungjawab untuk memantau dan memastikan kesempurnaan, ketepatan, integriti, catatan dan laporan semua hasil langganan. Rangka kerja jaminan pendapatan telah ditubuhkan dan penunjuk utama dilaporkan kepada pihak pengurusan pada setiap bulan. Laporan pengecualian bil harian disediakan untuk mengesan anomali dalam caj langganan, diskaun dan juga untuk memastikan kewajaran pengecualian, rebat, dan pelarasan yang diberikan oleh pihak berkepentingan. Tambahan pula, penyesuaian hasil langganan bulanan juga dilakukan semasa Pelaporan Kewangan bagi memastikan kesempurnaan dan ketepatan perakaunan hasil langganan. Sebarang pengecualian atau percanggahan disiasat di mana tindakan pembetulan diambil dan dilaporkan kepada pihak pengurusan secara bulanan. Pasukan RA juga bertemu pihak berkepentingan utama secara berterusan untuk menangani perkara jaminan hasil lain yang berkaitan dengan proses operasi dan batasan sistem.

2.5 *Pengurusan Penipuan*

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Kumpulan untuk menggalakkan budaya yang beretika dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab, Rangka Kerja Pengurusan Penipuan rasmi telah disediakan untuk merasmikan proses dan prosedur yang jelas dan konsisten untuk mengawal dan mengurangkan risiko penipuan. Semua dakwaan atau kebimbangan yang diterima daripada sumber-sumber dalaman atau luar akan disiasat dan dilaporkan kepada CA pada setiap bulan. Seterusnya, CA akan menyusun dan melaporkan semua pendedahan dan status siasatan kepada CEO dan AC pada setiap suku tahun. Jawatankuasa Tatatertib yang diketuai oleh CFO telah ditubuhkan dengan terma-terma rujukan rasmi untuk memastikan semua kebimbangan yang dibangkitkan atau siasatan dijalankan secukupnya, dibincangkan secara konsisten dan tindakan pembetulan dilaksanakan untuk memastikan kawalan yang secukupnya tersedia bagi mengurangkan penipuan berulang.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

2.6 Kawal Selia, Perundangan dan Kesetiausahaan Syarikat

“Jabatan Kawal Selia melaporkan kepada CEO dan memantau pematuan Akta Komunikasi dan Multimedia 1988 serta undang-undang, peraturan dan dasar lain yang mengawal perniagaan teras Kumpulan. Kumpulan terlibat secara strategik dengan pihak berkepentingan dalaman dan luar, termasuk Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk memelihara persekitaran kawal selia yang kondusif bagi Kumpulan bagi memastikan operasi perniagaan dijalankan tanpa kelewatan dan/atau halangan kawal selia.”

“Fungsi undang-undang memainkan peranan penting dalam memberi khidmat nasihat kepada Lembaga Pengarah dan pengurusan mengenai perkara undang-undang dan dengan itu memelihara dan melindungi kepentingan Kumpulan dari perspektif undang-undang. Setiap suku tahun, Lembaga diberi taklimat mengenai perkara yang berkaitan dengan tindakan undang-undang.”

Peranan dan tanggungjawab Setiausaha Syarikat adalah terkandung dalam Penyata Tadbir Urus Korporat di mukasurat 52 laporan ini.

2.7 Kod Etika Perniagaan

Kumpulan telah menetapkan kod rasmi dalam menyediakan panduan mengenai nilai-nilai korporat Kumpulan, tingkah laku beretika dan cara sebagai amalan kakitangan, vendor dan pembekal. Semua ahli Lembaga Pengarah secara individu memperakui penerimaan dan pemahaman tentang COBE mereka manakala semua kakitangan menjalani pembelajaran COBE dalam talian, penilaian dan program pensijilan setiap tahun.

Kumpulan juga telah menubuhkan satu dasar pemberi maklumat yang dikenali sebagai Prosedur Etika Talian di mana dengan kakitangan boleh menyatakan kebimbangan mereka (“Pendedahan”) terhadap sebarang pelanggaran nilai-nilai dan prinsip-prinsip Kumpulan yang disyaki tanpa ancaman tindakan balas. Talian Etika diuruskan oleh Naib Presiden Kumpulan CA yang juga memikul tanggungjawab utama dalam menyiasat dan melaporkan Pendedahan. Semua Pendedahan yang diterima melalui Talian Etika, penemuan penyiasatan dan cadangan adalah dilaporkan kepada AC dan CEO pada setiap suku tahun, atau lebih kerap jika perlu.

2.8 Had Autoriti Wakilan

Kumpulan telah mengguna pakai matriks LOA yang mengawal tahap kelulusan kuasa autoriti wakilan kepada pengurusan di pelbagai peringkat organisasi. Sebarang jumlah yang melebihi had CEO dan Perkara yang Dikhususkan untuk Lembaga akan memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah. Had akan dikaji semula dan diluluskan oleh pihak pengurusan atau Lembaga sejajar dengan had kuasa mereka untuk memastikan penajajaran dengan perubahan perniagaan, operasi dan struktur.

2.9 Proses Pemerolehan dan Perolehan

Rangka Kerja Perolehan dan Manual Pemerolehan termasuk proses tender telah dilaksanakan dan terus dikaji semula bagi memastikan prosedur Kumpulan yang ditetapkan bagi perolehan semua barangan dan perkhidmatan dipatuhi di samping mengekalkan ketelusan, konsistensi dan tadbir urus korporat yang baik di dalam Kumpulan. Jawatankuasa Tender yang terdiri daripada Jawatankuasa Kecil Tender dan Jawatankuasa Utama Tender dengan ambangan nilai kontrak masing-masing telah ditetapkan dengan tanggungjawab untuk menyediakan panduan dan hala tuju strategi pemerolehan dan tadbir urus. Jawatankuasa Utama Tender (“MTC”) dipengerusikan oleh CEO dengan CFO dan Ketua Perundangan sebagai ahli tetap serta seorang ahli lain mengikut giliran, yang merupakan seorang Ketua Unit Perniagaan yang tidak terlibat dalam tender yang sedang dipertimbangkan untuk memberikan pandangan bebas. Pendekatan ahli bebas mengikut giliran juga diterima pakai dalam Jawatankuasa Tender Kecil (“mTC”) yang dipengerusikan oleh CFO dan dibantu oleh Ketua Perundangan. Kedua-dua Jawatankuasa ini dibantu oleh Jabatan Perolehan dalam pentadbiran proses tender dan Setiausaha Syarikat bertanggungjawab atas mesyuarat Jawatankuasa Tender.

Cadangan teknikal mula-mula sekali dinilai oleh Pasukan Penilaian Teknikal kami sebelum penilaian daya saing penentuan harga dan terma komersial oleh Pasukan Penilaian Perdagangan. Keputusan daripada kedua-dua penilaian dikaji semula oleh jawatankuasa tender masing-masing sebelum diluluskan. Pada tahun yang ditinjau, mTC mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam dua minggu, manakala mesyuarat MTC telah dijalankan sebagaimana dan apabila nilai kontrak melebihi ambangan mTC.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

2.10 Dasar, Proses dan Prosedur Rasmi

Dasar, proses dan prosedur operasi yang rasmi dan jelas disediakan untuk memastikan pematuhan dengan kawalan dalaman dan undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Kajian semula kerap dijalankan untuk memastikan dokumentasi dan proses dikemas kini untuk diselaraskan dengan keperluan perniagaan dan operasi yang sentiasa berubah. Pada tahun ini, GPRA mengkaji semula beberapa proses utama seperti operasi pelanggan, pembayaran dan pengambilan, pengurusan kandungan, urusan niaga pihak berkaitan yang diberi mandat dan proses editorial berita di mana cadangan telah dilaksanakan dengan sewajarnya. Dasar Bersama Kumpulan disiarkan di dalam intranet Astro untuk diakses oleh kakitangan dengan mudah.

2.11 Perancangan Perniagaan Strategik, Belanjawan, Pelaporan dan Sistem Prestasi Kakitangan

Kumpulan adalah dibimbing oleh pelan strategik lima tahun yang menggariskan objektif dan strategi utama yang dikaji semula setiap tahun bagi memastikan pengoptimuman dan kesesuaian strategi. Pelan strategik Kumpulan dan bajet tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Jan 2014 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah sebelum permulaan tahun kewangan yang baru. Sebagai sebahagian daripada proses belanjawan dan pemantauan yang berterusan, petunjuk prestasi utama yang berkaitan dengan Kewangan, Pengalaman Pelanggan, Masyarakat, Tadbir Urus dan Pematuhan Kawal Selia telah dibangunkan dan dipantau secara berkala dengan kepelbagaian yang diketengahkan dan disusuli oleh perniagaan masing-masing. Laporan kewangan dan operasi bulanan juga disediakan kepada Lembaga Pengarah dan keputusan kewangan yang belum diaudit utama Kumpulan adalah didedahkan kepada umum pada setiap suku tahun. Setiap tahun, pencapaian kakitangan dinilai di bawah Sistem Pengurusan Jumlah Prestasi Kumpulan (iaitu Laporan Kad Skor Seimbang).

2.12 Keselamatan Sistem, Data dan Maklumat

"Fungsi Keselamatan IT bertanggungjawab untuk memantau dan menyelesaikan ancaman keselamatan dalaman dan luar untuk Kumpulan. Ini termasuk menjalankan inisiatif kesedaran keselamatan, audit pematuhan pada rangkaian dan sistem IT Kumpulan serta penilaian kelemahan untuk mengurangkan kesan serangan keselamatan, kecuai dan perisian hasad. Selain itu, tumpuan penting diletakkan di atas pengendalian dan perlindungan maklumat sulit syarikat dan pelanggan melalui penggunaan pencegahan kebocoran data dan imbasan berasaskan kandungan berdasarkan klasifikasi berasaskan pengguna untuk memastikan maklumat rahsia dan sulit adalah dilindungi daripada pendedahan yang tidak diingini atau menyalahi undang-undang. Keberkesanan program keselamatan juga disahkan oleh pakar-pakar perunding keselamatan luar. Sebagai sebahagian daripada usaha Kumpulan untuk menambahkan yang berterusan, fungsi Keselamatan IT berusaha untuk memelihara kepatuhan terhadap beberapa pensijilan keselamatan amalan terbaik kawal selia dan industri, iaitu: Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2005^[1], Piawaian Keselamatan Data Industri Kad Pembayaran dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010."

"Lembaga memberi penekanan yang tinggi terhadap kerahsiaan data peribadi pelanggan. Sebagai sebahagian daripada inisiatif Kumpulan untuk mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Pegawai Privasi Data Peribadi bersama-sama dengan jawatankuasa kerja telah melaksanakan program-program pematuhan dan komunikasi untuk memastikan kerahsiaan data pelanggan Kumpulan. Selain itu, notis privasi telah dihantar kepada pelanggan sedia ada dan dimasukkan dalam borang permohonan pelanggan."

2.13 Pengurusan Kesenambungan Perniagaan

Pengurusan Kesenambungan Perniagaan bertujuan untuk meminimumkan kesan gangguan perniagaan sementara mengekalkan sumber yang ada untuk menyambung semula operasi perniagaan. Ini termasuklah memudahkan operasi perniagaan dengan pertindihan infrastruktur penyampaian perkhidmatan dan tapak gantian di mana aktiviti operasi yang kritikal dapat disambung semula dan juga mengurangkan risiko kejadian kerugian berimpak tinggi menerusi perlindungan insurans yang mencukupi. Pelan kesinambungan perniagaan rasmi dan infrastruktur adalah tersedia dan dikaji semula, disenggara dan diuji secara berterusan untuk memastikan kebolehkeraan dan pemulihan perkhidmatan yang tepat pada masanya samping memastikan keselamatan kakitangan. Dalam tahun kewangan, unit-unit perniagaan telah berjaya menyiapkan aktiviti penyenggaraan Pelan Kesenambungan Perniagaan ("BCP") mereka termasuk ujian panggilan call tree suku tahunan dan ujian lintas semak, BCP dwitahunan manual kajian, dan juga ujian simulasi tahunan sistem kritikal bagi memastikan keberkesanan daripada inisiatif yang dilaksanakan oleh BCP. GPRA mengkaji semula keputusan aktiviti penyenggaraan BCP sebelum mengemas kini AC pada setiap suku tahun.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

3. AKTIVITI PEMANTAUAN

Proses untuk memantau dan menyemak semula keberkesanan pengurusan risiko dan kawalan dalaman termasuk:

- Pengurusan Perwakilan kepada Lembaga oleh CEO dan CFO bahawa pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan beroperasi secukupnya dalam semua aspek material dan apa-apa pengecualian yang dikenal pasti telah diketengahkan kepada Lembaga Pengarah.
- CA dalam laporan suku tahunan mereka kepada AC dan pihak pengurusan terus mengetengahkan proses dan pengecualian pematuhan yang dikenal pasti dalam kajian semula mereka. Langkah kawalan atau pelan tindakan untuk isu-isu atau pengecualian yang dicatatkan adalah dipersetujui dengan status pelaksanaan pelan tindakan yang dilaporkan kepada AC setiap suku tahun.
- GPRA melapor kepada Lembaga Pengarah pada setiap suku tahun melalui AC mengenai profil risiko Kumpulan dan kemajuan pelan tindakan untuk mengurus dan mengurangkan risiko serta kemajuan status pematuhan Rancangan Kesenambungan Perniagaan dan Senarai Semak Kawalan Utama Pengurusan.
- Jawatankuasa Disiplin yang dipengerusikan oleh CFO bermesyuarat apabila perlu mengenai perkara yang berkaitan dengan kes disiplin kakitangan yang timbul daripada semua jenis salah laku. Jawatankuasa memastikan bahawa semua aduan dan dakwaan yang dibangkitkan adalah disiasat, dipantau dan dipertimbangkan secara konsisten.

4. RUMUSAN

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa amalan dan proses pengurusan risiko dan kawalan dalaman adalah disediakan bagi tahun dalam tinjauan dan sehingga tarikh penerbitan penyata kewangan adalah mantap dan mencukupi untuk melindungi kepentingan pemegang saham, pihak berkepentingan, pelanggan, pihak kawal selia, kakitangan dan aset-aset Kumpulan. Tiada kerugian ketara, luar jangkaan atau ketidakpastian yang timbul daripada apa-apa kekurangan atau kegagalan kawalan dalaman Kumpulan yang memerlukan pendedahan berasingan di dalam Laporan Tahunan.

5. KAJI SEMULA PENYATA OLEH JURUAUDIT LUAR

Seperti yang dikehendaki oleh perenggan 15.23 Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities, juruaudit luar telah mengkaji semula Penyata Pengurusan Risiko dan Penyata Kawalan Dalaman. Kajian semula telah dijalankan mengikut Panduan Amalan Disyorkan ("RPG") 5 (Disemak) yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. RPG 5 (Disemak) tidak memerlukan juruaudit luar untuk menyatakan pendapat mengenai kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan.

^[1] ISO/IEC 27001:2005 menetapkan keperluan untuk mewujudkan, melaksana, mengendali, memantau, mengkaji semula, menyenggara dan meningkatkan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang didokumenkan dalam konteks risiko perniagaan keseluruhan organisasi. Ia juga menetapkan keperluan bagi pelaksanaan kawalan keselamatan yang disesuaikan dengan keperluan organisasi.

FAKTOR RISIKO

Kumpulan kekal mendahului sebagai pembekal media dan hiburan, namun cabaran dalam mencapai objektif strategiknya adalah dijangka. Pengurusan risiko Kumpulan adalah berpandukan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan dan dikemudikan oleh GRMC yang berusaha secara proaktif untuk mengenal pasti, menilai impak dan kesan daripada risiko bagi memastikan Kumpulan bersedia dan boleh mengurangkan risiko sebagai tindak balas kepada sentimen ekonomi dan landskap kawal selia yang berubah serta inovasi dan kemajuan teknologi. Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan, selaras dengan rangka kerja Pengurusan Risiko Perusahaan COSO, menggariskan tadbir urus pengurusan risiko dan proses seperti yang ditunjukkan di bawah:



Risiko, sama ada individu atau bergabung, boleh menjejaskan dengan ketara prestasi kewangan Kumpulan dan harus dipertimbangkan secara berhati-hati akan mana-mana pernyataan berpandangan ke hadapan dalam Laporan Tahunan. Risiko utama yang diketengahkan dan diringkaskan di bawah mungkin tidak dan adalah berkemungkinan tidak menyeluruh.

1. PASARAN DAN PERSAINGAN

Kami menyedari kehadiran persaingan dalam pasaran TV dan kandungan media di Malaysia termasuk pesaing-pesaing yang menawarkan perkhidmatan mudah alih tergabung, TV dan data serta pembekal kandungan alternatif yang lain seperti kandungan OTT, saluran atas talian dan sosial. Selain itu, mungkin ada tekanan persaingan terhadap bahagian TV dan Radio Adex. Kumpulan menyedari akan landskap yang berdaya saing dan mewujudkan strategi dan langkah-langkah yang bersesuaian untuk bersaing dalam persekitaran ini.

2. POLITIK, UNDANG-UNDANG DAN KAWAL SELIA

Kumpulan beroperasi dalam industri yang tertakluk kepada pelbagai undang-undang dan peraturan yang dilaksanakan oleh pelbagai badan yang mentadbir dan pihak berkuasa yang berkaitan. Undang-undang dan peraturan baru boleh juga dilaksanakan dari semasa ke semasa dan kami menyedari bahawa apa-apa ketidakpatuhan mungkin mempunyai kesan buruk yang ketara ke atas prestasi kewangan dan operasi Kumpulan. Untuk menguruskan sebarang ketidakpastian yang berpotensi, Lembaga Pengarah dan pengurusan mengikuti semua perkembangan berkaitan dan sentiasa berhubung dengan pihak berkuasa yang berkaitan dan penasihat undang-undang Kumpulan, dan menekankan pematuhan ketat dengan semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

3. KETERSEDIAAN PERKHIDMATAN

Kumpulan amat bergantung kepada pelbagai sistem, termasuk satelit MEASAT-3 dan MEASAT-3a, peralatan penyiaran dan sistem perniagaan, untuk menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi kepada pelanggan kami. Kumpulan mengkaji dan meningkatkan sistem dan penyambungannya untuk mengurangkan gangguan perkhidmatan. Kumpulan juga mempunyai dua pusat penyiaran, dua pusat panggilan dan tapak alternatif untuk sistem perniagaannya yang menyediakan kapasiti sandaran untuk tujuan penghantaran dan penyambungan semula perniagaan. Kumpulan mengkaji perancangan kapasitinya bagi memastikan

kebolehan penyiaran yang mencukupi untuk memenuhi sasaran pertumbuhan dan perancangan. Perancangan kesinambungan perniagaan akan dikaji dan diuji oleh Kumpulan berserta pula dengan program insurans sesuai-untuk-tujuan bagi mengurangkan lagi kerugian perniagaan.

4. KEADAAN EKONOMI

Perubahan dalam keadaan ekonomi, sama ada global atau tempatan boleh memberi kesan buruk terhadap sentimen pengguna dan perbelanjaan, sekali gus menjejaskan pertumbuhan dan prestasi kewangan Kumpulan. Kumpulan mengawasi dengan teliti keadaan ekonomi dan sentimen pengguna bagi memastikan strategi-strateginya dioptimumkan untuk keadaan yang sedia ada.

5. PEROLEHAN KANDUNGAN YANG ESKLUSIF DAN MENARIK

Kandungan tempatan dan antarabangsa yang menarik untuk penonton TV adalah penting untuk memperoleh dan mengekalkan pelanggan. Kos mendapatkan atau memperoleh kandungan luar semakin meningkat, terutama yang berkaitan dengan kandungan sukan dan premium, serta saluran pihak ketiga yang dilesen untuk tempoh yang terhad boleh menyebabkan ketidakupayaan kami untuk mendapatkan atau memperbaharui kandungan TV yang menarik pada kadar yang boleh diterima. Dalam operasi radio kami, keupayaan untuk menghasilkan kandungan radio yang menarik merupakan kunci kepada kedudukan Kumpulan sebagai rangkaian radio yang utama di Malaysia. Oleh itu, Kumpulan meneroka peluang untuk membangunkan kandungan tandatangan proprietari dan bekerja rapat dengan pembekal program utama sambil mempelbagaikan sumber kandungan pihak ketiga.

6. TEKNOLOGI DAN INOVASI

Teknologi dan inovasi adalah kritikal kepada perniagaan dan industri kami. Kumpulan berusaha untuk berada di hadapan dalam teknologi dan inovasi untuk mencapai kelebihan penggerak pertama dalam menjadikan kandungan tersedia pada kesemua platform daripada DTH ke IPTV ke AOTG (TV Di mana-mana sahaja), Radio-On-The-Go, e-majalah serta permainan atas talian. Pada masa yang sama, kemudahan dan peralatan sentiasa dinaik taraf bagi meningkatkan keselamatan, meningkatkan penghantaran definisi tinggi dan memberikan pengalaman pelanggan yang berkualiti. Kumpulan juga telah mengambil langkah-langkah untuk mengekalkan prestasi terbaik dalam kelas teknikal dan operasi dengan 99.99% ketersediaan sambil memastikan sistemnya kekal terkini dan relevan melalui penyelenggaraan dan peningkatan sistem yang berterusan.

7. KEWANGAN

Pengurusan berkesan ke atas pendedahan kewangan Kumpulan terutamanya risiko matawang asing, kadar faedah, kecairan, kredit dan operasi kewangan adalah penting dalam menjaga keuntungan dan kemampunan. Fungsi Kewangan Kumpulan memberikan sokongan kepada pihak pengurusan dan memastikan laporan dan pengesanan kewangan yang tepat akan prestasi perniagaannya dengan laporan bulanan mengenai prestasi kewangan yang disediakan kepada Lembaga Pengarah. Ramalan aliran tunai dilakukan bagi setiap entiti Kumpulan dengan satu laporan kedudukan tunai harian dikekalkan dan dipantau oleh Perbendaharaan Kumpulan untuk memastikan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan operasinya. Selain itu, Jawatankuasa Perbendaharaan dan Dasar Perbendaharaan menyediakan panduan mengenai perlindungan yang sesuai terhadap naik turun mata wang asing dan kadar faedah.

8. MODAL INSAN

Kejayaan Kumpulan bergantung sehingga tahap yang ketara atas, antara faktor-faktor lainnya, keupayaan kami untuk terus menarik, mengekalkan dan membangunkan modal insan dan bakat di seluruh operasi kami. Oleh itu, keupayaan kami untuk menarik, mengekalkan dan membangunkan modal insan dan bakat boleh mempunyai kesan yang ketara dan positif pada perniagaan kami, prospek, keputusan operasi dan kedudukan kewangan. Strategi modal insan Kumpulan menekankan kepentingan menjadikan Astro sebagai tempat kerja yang hebat dan memastikan pertumbuhan dalam asas bakat. Ini termasuklah imbuhan dan faedah yang kompetitif, kursus latihan tahunan, program siswazah, program perantisan dan program pembangunan kepimpinan kumpulan bakat.

9. PENJENAMAAN DAN REPUTASI

Identiti jenama dan nilai adalah penting kepada Kumpulan kerana ia memacu reputasi keseluruhan organisasi. Kumpulan menyokong tanggungjawab korporat melalui program Astro Kasih yang memberi tumpuan kepada pembangunan masyarakat, pendidikan, penghargaan dan kemajuan standard sukan tempatan serta pemuliharaan alam sekitar. Kumpulan telah melancarkan penjenamaan Go Beyond yang menjajar semua jenama produk dan menyepadukan semua anak-anak syarikat dalam Kumpulan untuk mengukuhkan ekuiti jenama kami pada pandangan awam.

PENYATA TANGGUNGJAWAB PENGARAH

Akta Syarikat, 1965 ("Akta") memerlukan para Pengarah menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan mengikut peruntukan Akta, Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS"), dan Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Securities dan mengemukakannya kepada Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan.

Para Pengarah bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan yang memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Januari 2014 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014.

Dalam menyediakan penyata kewangan yang mematuhi MFRS, para Pengarah telah menggunakan anggaran and andaian perakaunan yang kritikal. Di samping itu, para Pengarah telah melaksanakan pertimbangan mereka dalam proses mengguna pakai dasar-dasar perakaunan yang sesuai dan relevan.

Akta ini juga memerlukan para Pengarah untuk menyimpan rekod perakaunan dan rekod lain yang akan membolehkan mereka dengan secukupnya menerangkan transaksi dan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat dan untuk menyediakan penyata kewangan yang benar dan adil dan apa-apa dokumen yang dikehendaki disertakan, serta untuk membolehkan rekod itu diaudit dengan mudah dan sepatutnya. Para Pengarah telah bergantung pada sistem perakaunan dan kawalan dalaman bagi memastikan maklumat yang dihasilkan untuk penyediaan penyata kewangan adalah benar dan adil dan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara.



astro
Television

Menarik dan menghiburkan

Imej jelas yang menakjubkan. Sebuah perpustakaan video yang sentiasa berkembang. Kebebasan untuk merakam apa sahaja dan menonton pada bila-bila masa. Kebebasan untuk menonton kandungan terbaik di TV, dalam talian dan di mana-mana sahaja. Kesemuanya adalah sebahagian daripada komitmen kami untuk memberikan pengalaman kandungan yang terbaik kepada semua rakyat Malaysia.

SuperSeries
MAY 2014 - 2015



MEMPERLUASKAN PASARAN

Pada tahun 2013, kami terus melaksanakan strategi utama imperatif kami dalam menambahkan bilangan pelanggan, meningkatkan ARPU, dan memacu kecemerlangan prestasi pendapatan pengiklanan.

Pada 31 Januari 2014, kami mempunyai kira-kira 3.9 juta pelanggan, yang merangkumi 56% isi rumah di Malaysia. Jumlah asas pelanggan TV berbayar kami meningkat sebanyak 167,000 tambahan bersih, dan mengekalkan kadar pulangan pelanggan di bawah 10%, untuk menutup tahun ini pada jumlah 3.4 juta. Pelanggan-pelanggan ini terus mengambil produk dan perkhidmatan nilai tambah tambahan, yang mana meningkatkan ARPU dari RM93.20 pada tahun 2012 kepada RM96.00 pada tahun 2013. Pertambahan ARPU ini membuktikan kejayaan pengewangan strategi pelaburan semula Beyond STB kami, yang sehingga kini telah melibatkan 2.9 juta pelanggan atau 84% daripada asas pelanggan TV berbayar kami.

Perniagaan bukan langganan kami, NJOI, terus melangkaui jangkaan kami sendiri, iaitu dengan pertambahan sebanyak 233,000 pelanggan untuk menutup tahun ini dengan jumlah pelanggan sebanyak 442,000. Pelanggan-pelanggan ini, yang menyertai kami pada kos yang minimum, kini bernilai tambahan dengan adanya pakej prabayar kami dan naik taraf pelanggan kami menjadi pelanggan TV berbayar, di samping memperluaskan lagi penyampaian pengiklanan kami kepada lebih ramai penonton.



Pendapatan daripada pengiklanan TV juga telah menunjukkan pertumbuhan yang kukuh, dengan peningkatan sebanyak 16% daripada RM280 juta pada tahun 2012 kepada RM326 juta pada tahun 2013, yang mengambil bahagian TV adex kami daripada 28% kepada 31%.

Secara ringkasnya, perniagaan TV kami mencapai pertumbuhan dua angka, dengan pendapatan meningkat sebanyak 12% daripada RM4.0 bilion pada tahun 2012 kepada RM4.5 bilion pada tahun 2013.

Di samping memperoleh manfaat dari leveraj operasi dan kelebihan skala, kami juga kekal sebagai pengurus aktif garisan kos kami. Garis pertumbuhan teraju dua angka disampaikan sejajar dengan margin pengembangan, yang menekankan pemantauan berdisiplin pemacu kos utama kami, serta analisis pulangan pelaburan untuk memaksimumkan pertumbuhan keuntungan.

LIPUTAN DAN PENGLIBATAN PELANGGAN

Kami menggabungkan kepimpinan kami dalam kandungan dengan jualan dan pemasaran yang disasarkan dan bersegi, serta strategi pengurusan perhubungan pelanggan. Rangkaian produk dan perkhidmatan komprehensif kami, yang merangkumi langganan percuma NJOI kami sehinggalah barisan unggul Superpacks dan Astro B.yond IPTV kami, membolehkan kami berkhidmat kepada pelanggan kami mengikut keperluan penggunaan media dan tahap kemampuan mereka. Ini dilengkapi dengan fokus yang konsisten terhadap meningkatkan pengalaman produk dan tahap perkhidmatan pelanggan.

KEPADA SEMUA RAKYAT MALAYSIA

Kami terus membina satu pasukan jualan yang akan memacu pertumbuhan di semua pasaran secara cekap dan berkesan. Pasukan jualan langsung kami kini terdiri daripada lebih 3,000 ahli yang mantap. Dalam tempoh 12 bulan yang lepas, impak kehadiran rakan-rakan jualan langsung dan perniagaan runcit kami telah berkembang sebanyak 20% untuk membolehkan mereka menawarkan perkhidmatan yang lebih baik kepada kawasan separa bandar dan luar bandar di negara ini. Kami juga terus mendekati segmen populasi yang lebih muda melalui perkongsian dan kempen dengan ciri-ciri trafik dalam talian yang tinggi.

Perkhidmatan langganan percuma NJOI kami terus mengubah landskap TV Malaysia. Perkhidmatan prabayar NJOI, yang mana penggunaannya semakin meningkat, kini boleh diakses melalui 1,800 wakil niaga kami di seluruh negara. Secara strategiknya, NJOI adalah landasan peralihan bagi perkhidmatan TV berbayar kami. Pelanggan NJOI, setelah membeli Astro B.yond STB, boleh menggunakan pakej prabayar NJOI sebagai satu peluang percubaan untuk melihat kandungan Astro, dan apabila mereka mengenali nilai produk TV berbayar itu, mereka boleh menaik taraf dengan mudah untuk menjadi pelanggan TV berbayar. 32,000 pelanggan NJOI telah melakukan naik taraf sepanjang tahun ini. Selain itu, pengguna televisyen berbayar, yang tidak dikontrakkan kepada Astro dan tidak mempunyai sebarang hutang tertunggak dengan Astro, boleh berhijrah ke perkhidmatan NJOI, sekali gus membolehkan kami mengekalkan hubungan dengan mereka, serta membolehkan mereka menyambung semula kepada perkhidmatan langganan TV berbayar dengan mudah apabila mereka memilih untuk berbuat demikian.



Kami mempunyai kira-kira 3.9 juta pelanggan yang membentuk 56% isi rumah di Malaysia



INOVASI MEMACU PERNIAGAAN

Pertumbuhan dalam pengambilan produk dan perkhidmatan tambah nilai kami membuktikan nilai dan kejayaan dalam strategi pelaburan semula B.yond STB.

Produk	2013 ('000)	2012 ('000)	Pertumbuhan mengikut tahun
Astro B.yond HD	1,675	1,264	33%
Astro B.yond PVR	532	299	78%
Astro B.yond IPTV	26	11	136%
Superpack	880	727	21%
Valuepack	196	-	N/A
Multiroom	312	218	43%
Aplikasi muat turun AOTG	847	398	113%

Tiga daripada lima pelanggan kami yang mempunyai B.yond STB kini melanggan perkhidmatan HD kami, dan penanda aras antarabangsa telah memberikan kami keyakinan bahawa masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam penggunaan. Pada tahun ini, kami menambah tujuh saluran HD tambahan, iaitu, *Astro On Demand HD*, *Astro SuperSport 3 HD*, *Hua Hee Dai HD*, *Maya HD*, *Quan Jia HD*, *Vinmeen HD* dan *A-List*. Kami menjangka adanya peningkatan yang ketara dalam keupayaan penyiaran kami pada tahun akan datang melalui satelit M3b yang akan dilancarkan tidak lama lagi, dan kami berharap untuk meningkatkan lagi proposisi HD kami.

Perkhidmatan PVR adalah transformasi pengalaman TV, kerana ia merupakan anjakan masa menonton daripada yang berasaskan temu janji kepada yang berasaskan permintaan. Kami bukan sahaja mencatat naik taraf ke ARPU daripada pelanggan PVR kami, tetapi juga melihat terdapatnya peningkatan dalam kesetiaan pelanggan yang sekaligus meningkat apabila pelanggan mula menikmati pelbagai fungsi PVR. Sejajar usaha menyediakan pelanggan dengan lebih banyak kawalan ke atas pengalaman tontonan mereka, STB PVR juga membolehkan akses kepada Astro B.yond VOD, sebuah perpustakaan kandungan atas permintaan. Bagi memudahkan muat turun kandungan atas permintaan, generasi terkini STB PVR kami dilengkapi dengan keupayaan WiFi binaan dalaman, dan kami turut mengedarkan anak kunci (dongles) WiFi kepada pengguna PVR dengan versi STB yang lebih lama.

Astro B.yond IPTV, perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi kami, menyediakan kandungan terbaik dan sambungan dalam ikatan tiga serangkai mudah untuk TV, jalur lebar dan suara. Walaupun masih terdapat beberapa cabaran operasi, permintaan untuk perkhidmatan ini amat menggalakkan dan kami gembira dengan kemajuan sedang dicapai dari suku tahun ke suku tahun.

Superpack dan Valuepack memenuhi minat rakyat Malaysia terhadap tawaran berpakej, dengan adanya Valuepack sebagai tawaran tambahan pada tahun 2013. Mereka menawarkan pelanggan peluang untuk membeli pakej yang bukan sahaja memenuhi keperluan penggunaan media individu dan isi rumah, tetapi juga dalam menyediakan penjimatan ke atas harga runcit berasingan atas dasar permintaan (a la carte). Seperti kelaziman, kita dapati bahawa tawaran nilai-untuk-wang memperkenalkan pelanggan kepada pelbagai pilihan hiburan tambahan yang kita boleh berikan, semuanya termaktub di bawah peningkatan yang mampu diuruskan di dalam langganan bulanan mereka.

Perkhidmatan Multiroom STB dan AOTG meluaskan pengalaman menonton TV dari ruang tamu ke luar rumah, dan daripada tontonan beramai-ramai kepada tontonan individu. Perkhidmatan AOTG, khususnya, telah menyaksikan peningkatan sejak pelancarannya pada Mac 2013, iaitu melalui proses pendaftarannya, gerbang pembayaran, pemilihan kandungan dan antara muka pengguna.

PENGALAMAN PELANGGAN KEUTAMAAN PENTING

Kami adalah perniagaan hiburan yang memberi tumpuan kepada pengguna. Oleh itu, mengekalkan standard yang tinggi dalam pengalaman pelanggan sentiasa menjadi keutamaan kami.

Kami kini mempunyai lima rangkaian kedai perdana Astro Lifestyle Centre di seluruh pusat bandar utama di Malaysia. Kedai-kedai ini menyediakan tempat untuk para pelanggan kami memperoleh secara langsung pengalaman yang terbaik daripada apa yang kami tawarkan, serta untuk menerima bantuan daripada kakitangan kami yang sangat terlatih.

Kami juga telah menambah baik perkhidmatan portal penjagaan sendiri pelanggan dalam talian kami, dan Portal Perkhidmatan Astro di Saluran 200 di platform TV kami. Ini membolehkan pelanggan kami untuk melakukan tugas-tugas rutin mengikut masa lapang mereka serta tanpa perlu mengeluarkan perbelanjaan telefon atau pengangkutan. Usaha berterusan kami untuk membekalkan perkhidmatan penghantaran bil secara automatik memudahkan lagi pelanggan, dan meringkaskan proses penyambungan semula serta mengelakkan daripada perlunya membayar penalti yang dikenakan apabila mereka secara tidak sengaja ketinggalan dalam membayar bil-bil mereka. Inisiatif ini juga mencerminkan usaha kami yang berterusan untuk mengurangkan komponen unit kos untuk berkhidmat dalam perniagaan kami.

Setelah menjalani latihan pengoptimuman pusat hubungan, ejen pusat hubungan kami kini lebih bersedia dalam menangani pertanyaan pelanggan dan menyelesaikan kebimbangan mereka. Selain itu, pelanggan yang melayari laman web kini boleh menghubungi ejen kami melalui ruang sesi bual langsung. Kami juga telah mewujudkan satu pasukan media sosial berdedikasi yang terlibat dengan pelanggan di laman web, Facebook, Twitter dan forum dalam talian.

Astro Circle, program kesetiaan kami, telah dinaik taraf pada tahun ini. Selain daripada menyediakan akses eksklusif kepada peristiwa semasa, ia juga kini mengguna pakai sistem berasaskan mata ganjaran, yang boleh ditebus untuk memperoleh pelbagai pengalaman yang unik.

Kami merancang untuk menambah baik pengalaman pelanggan melalui inisiatif penyelidikan pasaran seperti Rangka Kerja eQ Pelanggan Nielson, suara kaji selidik pelanggan, dan latihan pembeli misteri.

Pada tahun 2013, kami juga dengan sukacitanya telah menerima pengiktirafan industri bagi komitmen kami terhadap kecemerlangan dalam pengalaman pelanggan, yang memenangi anugerah “APCSC High Speed Customer Service of the Year”, “APCSC Innovative Technology of the Year”, “APCSC Online Customer Service of the Year” dan “CCAM Best Contact Centre Professional”.

Pertumbuhan dalam penggunaan produk dan perkhidmatan tambah nilai kami membuktikan nilai dan kejayaan strategi pelaburan semula B.yond STB



PENERAJU KANDUNGAN

Pilihan kandungan yang berbeza-beza merentasi asas pelanggan yang pelbagai. Kami memberi tumpuan kepada pengguna; dan mencipta, mengumpul serta mengedarkan kandungan yang mereka mahu, pada platform yang disediakan untuk mereka, di tempat yang mudah bagi mereka. Walaupun kami adalah pengeluar kandungan, kami juga adalah rakan kongsi jangka panjang pembekal kandungan antarabangsa, yang kami tawarkan liputan tiada tandingannya di Malaysia. Kami sedang bekerjasama dengan rakan-rakan ini untuk memaksimumkan nilai dan kesan pelaburan kandungan kami, seperti melalui penempatan, tingkap awal, dan hak-hak multiplatform.

171 saluran kami, yang mana 68 daripadanya terdiri daripada jenama Astro dan 39 adalah dalam HD, memberikan kandungan tempatan yang terbaik, serantau dan antarabangsa untuk pelanggan kami, merangkumi semua tettingkap kandungan sama ada sukan dan acara langsung atau perpustakaan VOD yang semakin menyeluruh. Pada tahun 2013, kami menghasilkan lebih 9,000 jam kandungan, dan juga alih suara untuk lebih 20,000 jam kandungan, yang memenuhi sifat berbilang budaya dan pelbagai bahasa penonton kami.

TONTONAN PACUAN IP TERSENDIRI

Program Bahasa Melayu kita terus mencapai tahap yang baru dalam jumlah tontonan. Berikutan kejayaan francais Maharaja Lawak, kami telah melancarkan IP kandungan komedi baru seperti *Super Spontan* dan anugerah komedi yang pertama di Asia, *Anugerah Lawak Wama*, yang mana kedua-duanya mencatat rekod tertinggi dengan jumlah penonton sebanyak 1.5 juta setiap satu. Setiap episod daripada *Maharaja Lawak Mega* 2013 telah berjaya mencapai sasaran 1 juta sedangkan sasaran seumpamanya adalah sesuatu yang jarang tercapai oleh mana-mana kandungan dalaman tidak beberapa lama dahulu.

Kandungan Islam juga semakin pesat membangun sebagai genre yang berbeza. Tahun lalu, melalui *Kemah Keming Ustaz Idrus*, dengan tontonan sebanyak 780,000 penonton, program tersebut telah mencatat sejarah dengan mengatasi catatan program hiburan percuma yang ke udara pada masa siaran yang sama. Tahun ini, program realiti Islam baru kami, *Pencetus Ummah*, telah menaikkan lagi tanda aras dengan 3.6 juta penonton yang unik. Terdapat banyak potensi strategik yang perlu direalisasikan dari kandungan Islamnya, kerana ia menyentuh secara mendalam di kalangan penonton Islam di Malaysia dan di seluruh dunia.

Kami terus mencatat kemajuan dalam ruang drama, yang secara tradisinya adalah domain pengendali siaran percuma. Ini adalah rentetan daripada kejayaan kami dalam drama *Adam dan Hawa* 2012, serta tawaran drama 2013 kami, *Dahlia* dan *Jodoh Itu Milik Kita*, yang masing-masing telah ditonton oleh sebanyak 1.3 juta dan 1.1 juta penonton.

Francais Hokkien *Hua Hee* kami terus menjana IP kandungan untuk melibatkan masyarakat Cina. Program seperti *Cin Cai Pun Hua Hee*, *Hua Hee Kitchen*, *Hua Hee Everyday Musical*, dan *Hua Hee Hokkien Class* direka dan dihasilkan sebagai kandungan tidak berasaskan studio bagi mendekati masyarakat tempatan, dan mewujudkan kehadiran yang lebih kukuh di kalangan masyarakat tempatan. *Cin Cai Pun Hua Hee*, permainan Hokkien yang pertama di Malaysia, merupakan satu kejayaan dengan lebih daripada 25,000 peserta di 13 lokasi langsung di seluruh negara. Kadar tontonannya di TV pula mengatasi drama popular Hokkien antarabangsa.

171 saluran kami, yang mana 68 adalah dari jenama Astro dan 39 adalah dalam HD, memberikan kandungan tempatan, serantau dan antarabangsa yang terbaik untuk pelanggan kami





Pembelajaran kekal sebagai tunggak penting bagi Astro dan jenama pendidikan kami terus mantap dalam ruang ini. Selain daripada yang ditawarkan kepada pelanggan Astro dan NJOI, kandungan pembelajaran kami juga disediakan di 10,000 buah sekolah di Malaysia. Astro Tutor TV, jenama ulang kaji peperiksaan kami, ditonton oleh 6.2 juta penonton dan menawarkan kandungan persediaan peperiksaan dalam empat bahasa, yang meliputi 14 subjek akademik. Pengalaman Tutor TV diintegrasikan bersama-sama dengan pembelajaran bilik darjah rasmi dan disampaikan secara holistik 360°, melalui lima saluran TV, dilengkapi dengan interaktiviti kawalan jauh, dalam talian, secara langsung, dalam penerbitan dan juga aktiviti media kami. Jenama pendidikan #1 kami, *Oh My English!*, adalah satu kejayaan dalam pembelajaran bahasa, berkembang dari satu kekuatan ke kekuatan yang lain apabila ia maju ke musim barunya, *Oh My English! Musim 2* (5.2 juta penonton) dan dua telemovie - *Oh My Ganu* (2.7 juta penonton) dan versi Amerika, *Oh My English! Hello America* (2.5 juta penonton) yang dibiayai oleh geran daripada Jabatan Negara Amerika Syarikat.

Astro juga merupakan pusat liputan sukan dengan liputan menyeluruh bagi liga sukan terbaik dan kejohanan dunia dalam HD, dan boleh ditonton di mana-mana sahaja. *Stadium Astro* adalah "stadium" terbesar di negara ini, dengan tontonan perlawanan akhir kejohanan bola sepak *Piala Malaysia* yang menarik 2.1 juta penonton, sesuatu yang belum pernah berlaku sebelum ini. Selain itu, setelah melihat kesan memiliki IP dalam genre kandungan lain, kami kini telah menjadi pemilik IP sukan tempatan, seperti kejohanan bola sepak *Pestabola Merdeka* dan sepak takraw. Seperti yang kita telah tunjukkan sebelum ini melalui *Astro Arena*, iaitu satu-satunya saluran sukan tempatan 24/7 di Malaysia, kita melihat sukan tempatan sebagai peluang yang penting, dan akan terus melabur dan mendapat manfaat daripada pertumbuhannya.

Astro juga merupakan pusat liputan sukan dengan liputan menyeluruh bagi liga sukan terbaik dan kejohanan dunia dalam HD, dan boleh ditonton di mana-mana sahaja



MENANGANI DUNIA BARU

Kandungan kami bukan sahaja linear, tetapi juga digital, sosial dan langsung. *Oh My English!*, telah menjadi siri budaya pop kegemaran ramai dan terus menunjukkan ikutan digital yang mampan, dengan 11.2 juta penonton YouTube, hashtags *#OhMyEnglish* dan *#HelloAmerica* berada pada trend #1 di Malaysia serta di seluruh dunia #3 melalui Twitter, masing-masing mencapai kemuncaknya, dan dengan adanya aplikasi *Oh My English! Words* yang memuncak pada kedudukan #1 dan #2 di Google Play Store Malaysia dan iOS App Store Malaysia. Sementara itu, Pilihan Raya Umum Malaysia ke-13 juga memberi peluang kepada kami untuk mempamerkan keupayaan kandungan 360° kami, bersama-sama membuat liputan di seluruh negara, dengan pakar komentar, analisis data yang canggih, infografik yang responsif dan penggunaan aplikasi sepenuhnya. Aplikasi kami untuk Astro Awani, saluran berita 24/7 kami, telah melonjak naik kepada kedudukan #2 dalam aplikasi berita, dan #4 bagi aplikasi keseluruhan di iOS App Store Malaysia.

Pendekatan 360° ini dilengkapi dengan siaran acara langsung kami yang diterima baik seperti Astro Planet Gempak, iaitu karnival keluarga yang bertemakan TV berbayar yang membawa penonton lebih dekat kepada kandungan kegemaran mereka.

PENGAGIHAN KANDUNGAN

IP kandungan kami terus mendapat pengiktirafan dan dicari-cari oleh platform lain. Beberapa sorotan penting pada tahun ini meliputi pelesenan saluran Astro SuperSport HD dan Astro SuperSport 2 HD kami kepada Telekom Malaysia, serta pelesenan saluran tambahan bagi saluran jenama Astro kepada penyiar kami di Singapura. Pasaran lain di seluruh Asia seperti Indonesia, Filipina, Brunei, India dan Thailand, masih kekal terbuka kepada kandungan kami.

BAKAT MENYERLAH YANG MEMACU PERTUMBUHAN

Unit bakat kami terus meninjau, memupuk dan menguruskan bakat, untuk Astro dan juga untuk kebaikan industri hiburan Malaysia. Portfolio kami termasuk beberapa pelakon, penyanyi, pelawak, penyampai dan penghibur terbaik dan yang paling popular, yang kebanyakannya ditemui melalui pelbagai persembahan realiti kami seperti *Akademi Fantasia*, *Maharaja Lawak*, *Astro Star Quest* dan *Vaanavil Superstar*.

Kami komited untuk membina suatu persekitaran di mana bakat kami boleh berkembang, yang menyediakan mereka dengan peluang-peluang merentasi kesemua aset media kami, dan membangunkan kerjaya mereka secara proaktif dalam pasaran tempatan, serantau dan antarabangsa.

PENGIKLANAN

Pendapatan pengiklanan TV terus menjadi peluang pertumbuhan ketara bagi kami. Walaupun kami telah mengatasi prestasi industri pada tahun-tahun kebelakangan ini dengan pertumbuhan dua angka yang konsisten, kami percaya bahawa masih terdapat peluang yang baik di masa hadapan. Untuk gambaran lebih jelas, kami pada masa ini hanya mempunyai 31% bahagian pasaran pengiklanan TV, walaupun saluran kami mempunyai 47% bahagian tontonan TV.

Memandangkan pertumbuhan dalam asas pelanggan Astro, kami percaya terdapat peluang yang sama untuk bahagian tontonan kami. Ini ditambah pula dengan peningkatan dalam tarikan orang ramai terhadap program unik kami, dengan rancangan utama yang kini secara konsistennya mencapai lebih satu juta penonton bagi setiap episod, dan sentiasa mendaki tahap yang baru dari segi kadar tontonan.

Kita seterusnya melabur dalam data pelanggan yang menunjukkan nilai pelanggan Astro kepada pengiklan. Pelanggan Astro boleh disasarkan dengan lebih baik, dan dengan itu perbelanjaan platform Astro boleh mendatangkan pulangan yang lebih baik ke atas pelaburan untuk pengiklan. Sama seperti perniagaan langganan kami, kami juga mendapati bahawa para pengiklan menghargai pakej-pakej yang kami dapat berikan di semua platform media Astro, yang meliputi TV, radio, penerbitan, digital serta aset siaran langsung.

The background is a vibrant, stylized graphic with a blue sky, white stars, and a large, colorful rainbow arching across the center. The rainbow has bands of red, orange, yellow, green, and blue. Below the rainbow, there are stylized white clouds. In the top left corner, there is a purple rectangular box containing the 'astro' logo in white lowercase letters, with the word 'Radio' in smaller white text below it. The overall scene is bright and celebratory.

astro
Radio

Menerajui langkah merentasi semua bahasa utama

Terima kasih atas sokongan rakyat Malaysia, kami kini memiliki stesen radio #1 untuk semua bahasa utama. Kini dengan aplikasi mudah alih dan perkhidmatan penstriman dalam talian, kami juga telah mengurangkan jurang digital. Ini membolehkan kami untuk mencapai lebih ramai rakyat Malaysia dan mengukuhkan kedudukan kami sebagai suara tidak rasmi Malaysia.

RADIO



Stesen radio #1 Malaysia

Pada tahun 2013, Astro Radio terus menjadi pemain utama dalam industri radio tempatan dalam semua bahasa.



- Era FM: Stesen radio #1 di Malaysia dan stesen radio Bahasa Melayu #1



- MY FM: Stesen radio Bahasa Cina #1



- THR Raaga: Stesen radio Bahasa Tamil #1



- hitz.fm: Stesen radio Bahasa Inggeris #1



- THR Gegar: Stesen radio #1 di Pantai Timur

Astro Radio mengukuhkan kedudukannya sebagai pengendali radio #1 di Malaysia, dengan asas pendengar mingguan seramai 12.2 juta orang

Kedudukan kepimpinan telah berjaya dilakukan dengan sokongan bakat popular kami dan program radio yang inovatif. Kami menawarkan pelanggan dengan idea-idea kreatif yang kukuh dan pelaksanaan kempen yang merangkumi aset digital kami, mengenai acara langsung dan kerjasama dengan ciri-ciri Astro yang lain.

Kesemua ini telah menghasilkan jumlah pendengar mingguan yang paling banyak di pasaran iaitu sebanyak 12.2 juta dan bahagian kami dalam pengiklanan radio meningkat daripada 53% kepada 54%. Pada tahun 2013, hasil kami turut meningkat daripada RM220 juta kepada RM250 juta dengan peningkatan lebih 14%. EBITDA juga meningkat sebanyak 28% daripada RM106 juta kepada RM135 juta manakala margin EBITDA meningkat daripada 48% kepada 54%, disokong oleh leveraj operasi dalam perniagaan, dan disiplin kos yang tinggi.

PENEMPATAN

Kandungan tempatan, secara langsung dan interaktif adalah salah satu teras kekuatan medium radio. Suara dan personaliti juruhebah radio kami dalam menyampaikan berita, menyediakan berita terkini kepada orang awam dan menjadi perantara perbincangan dalam isu kepentingan manusia, memainkan peranan penting dalam mewujudkan hubungan di kalangan pendengar.

Di Malaysia Timur, kami kini mempunyai tiga stesen setempat, seperti Era FM, MY FM dan hitz.fm yang telah menarik pengikut di kalangan masyarakat setempat. Bagi terus memanfaatkan stesen-stesen ini, kami berhasrat untuk memperluaskan liputan siaran kami untuk mencapai lebih ramai pendengar di Malaysia Timur.



MENANGANI DUNIA BARU

Stesen radio kami diterima baik bukan sahaja melalui platform DTH dan FM, tetapi juga pendigitalan melalui dalam talian, media sosial, dan platform mudah alih.

Tiga juta pelawat unik mengakses perkhidmatan penstriman digital kami setiap bulan, di mana satu juta adalah melalui peranti mudah alih. Laman web kami telah dirombak untuk menjadikannya interaktif sepenuhnya, dengan siaran pod yang dikemas kini dan mengandungi infrastruktur khidmat pengiklanan. Sebagai mengiktiraf laman web hitz.fm kami diperbaharui, kami menerima anugerah Official Honouree di Annual Webby Awards ke-17, sebuah anugerah antarabangsa terkemuka bagi kecemerlangan di Internet. Aplikasi mudah alih kami yang boleh didapati pada platform Android, iOS dan Blackberry telah dimuat turun lebih 2.4 juta kali. Media sosial juga terangkum di dalam semua tawaran radio kami, di mana stesen FM dan penyampai radio kami mengekalkan kehadiran media sosial yang menyerlah merentasi pelbagai platform.

Kami seterusnya mengukuhkan kepimpinan kami dalam radio digital melalui perancangan aplikasi GO Listen Astro, yang membawa semua stesen radio Astro dan menyediakan stesen radio berasaskan genre dan kelompok siaran pod dari luar negara. Aplikasi ini adalah dijangka akan menjadi hentian muzik digital setempat dan platform infotainment audio untuk rakyat Malaysia. Kami akan terus memberikan kemas kini secara kerap, bukan sahaja meliputi keluasan kandungan yang disediakan, tetapi juga antara muka pengguna dan fungsi.



Pada tahun 2013, **Astro Radio** terus menjadi **pemain utama** dalam industri radio tempatan dalam semua bahasa

pendengar
mingguan

12.2
juta

bahagian
pengiklanan
radio

54%

muat
turun aplikasi
mudah alih

2.4
juta kali




Tiga juta pelawat unik mengakses perkhidmatan penstriman digital kami setiap bulan, di mana satu juta adalah melalui peranti mudah alih mereka

Stesen radio kami berusaha untuk mewujudkan kandungan asal yang sesuai dengan pendengar. *hitz.fm* telah memanfaatkan hits viral dengan menyiarkan video parodi YouTube, seperti *The Drama* (3.4 juta tontonan), *Ylvis' The Fox*, *Atuk* (1.0 juta tontonan), dan *Joe Flizzow's Havoc*.

LANGKAH SETERUSNYA

Untuk mengekalkan kedudukan sebagai stesen terulung, kepentingan strategik kami adalah untuk meluaskan bahagian pasaran kami. Antara stesen-stesen kami, termasuklah *Sinar FM*, *Melody FM*, *Mix FM* dan *Lite FM*, umumnya lebih menarik minat pendengar yang lebih matang, berbanding dengan program atasan yang diprogramkan untuk pendengar remaja dan dewasa. Kami berhasrat untuk meningkatkan jumlah pendengar stesen itu, dan pada masa yang sama memasarkan pendengar berkualiti yang mempunyai kuasa beli yang tinggi ini kepada pembeli media dan pengiklan.





Budaya membaca di mana jua

Astro Digital Publications membuat kemunculan sulungnya sebagai penerbit digital bersepadu sepenuhnya yang pertama di Malaysia dengan pelancaran enam e-majalah. Ini menandakan permulaan evolusi cetakan kandungan kami dicetak di era digital. Dan seterusnya membuka dunia baru yang menarik di mana kami boleh berhubung dengan pembaca dan juga pengiklan dengan cara yang tidak pernah mereka dibayangkan.

PENERBITAN DIGITAL

PENERBITAN SECARA LANGSUNG

Kami menceburi perniagaan penerbitan lebih sedekad yang lalu, bermula dengan panduan televisyen *AstroView* kami sendiri. Hari ini, kami turut menerbitkan *FHM*, *Style*, *Men's Uno*, *InTrend*, *ifeel* dan *Car*. Pada bulan Januari 2014, unit penerbitan kami menukar namanya daripada Astro Publications kepada Astro Digital Publications untuk menandakan dengan jelas niatnya untuk berhijrah portfolio majalah ke platform digital.

MENUKAR RENTAK PERMAINAN

Selaras dengan pertukaran nama, kami melancarkan e-majalah *FHM*, *Style*, *Men's Uno*, *InTrend*, *Car* dan *ifeel*. Kecuali *FHM*, e-majalah ini boleh dimuat turun tanpa sebarang kos untuk semua pelanggan TV berbayar Astro.

Dengan asas pelanggan TV berbayar Astro seramai 3.4 juta orang, inisiatif ini telah meningkatkan pasaran sasaran majalah kami, daripada jumlah puluhan ribu edaran kepada potensi berjuta-juta edaran. Bagi pembaca dan pengiklan, e-majalah kami menawarkan tahap baru dalam interaktiviti dan penglibatan, daripada pembacaan statik kepada imej dan audio secara langsung. Inisiatif ini akan menyelaraskan segmen penerbitan kami dengan peningkatan bahagian digital dalam belanjawan pengiklanan.

Untuk semua pembaca, kami kini boleh menyediakan kandungan tambahan, seperti galeri foto dan video eksklusif, serta mengeluarkan kemas kini berkala untuk memanfaatkan runut semasa. Untuk semua pengiklan, mereka tidak lagi terhad kepada iklan dalam majalah cetak, sebaliknya mendapat manfaat daripada pendekatan inovatif yang holistik untuk kempen mereka melalui majalah interaktif, laman web, media sosial, pengaktifan dan peluang e-dagang. Kempen mereka juga boleh menunjukkan video untuk menarik minat dan penyertaan pengguna dalam pelbagai platform, antaranya termasuklah telefon bimbit, komputer peribadi dan tablet.

Kami berbangga bahawa projek inovatif ini berjaya dijalankan dengan sokongan bakat Astro yang telah tampil ke hadapan untuk membangunkan dan mencipta semula industri majalah tempatan. Perek kami telah dilatih untuk menjadi mahir menjangkau kedua-dua platform cetak dan platform digital, dan kami telah mengoptimumkan aliran kerja dalam semua bidang. Kami juga mengaktifkan interaksi media sosial kami, mendapatkan dua kali ganda 'like' dan sebutan. Selain itu, kami telah membangunkan saluran YouTube untuk semua laman web majalah kami, dan aktif dalam menghasilkan kandungan video untuk mereka. Di barisan hadapan pula, pasukan jualan kami menjurus kepada memanfaatkan semua inisiatif digital ini.

PELAKSANAAN YANG KUKUH

Kami komited dalam melaksanakan peralihan kami untuk menjadi penerbit di platform cetak dan platform digital. Panduan program televisyen kami, *AstroView*, diterbitkan dalam tiga bahasa, dan merupakan majalah yang paling banyak diedarkan di Malaysia dengan edaran kira-kira enam juta naskhah setahun. Sementara itu, *InTrend* dan *ifeel* kekal sebagai majalah paling laris dalam genre masing-masing. Kami juga menerima pengiktirafan industri untuk lapan tajuk komersil kami, iaitu empat Anugerah Emas dan lapan Anugerah Perak di *MPA Magazine Awards 2013*, di mana *FHM* dinobatkan sebagai pemenang dalam kategori lelaki di anugerah *Marketing Magazine of the Year*.

Selain itu, kami menerbitkan 50,000 salinan majalah *Oh My English!* setiap suku tahun, yang telah mendapat sambutan yang baik daripada kedua-dua pihak pembaca dan pengiklan. Kami mempunyai juga melaksanakan aktiviti penerbitan kontrak untuk perniagaan terpilih dan kini sedang aktif berbincang dengan penerbit dan pemilik IP di seluruh dunia untuk meningkatkan portfolio digital kami.

Melangkah ke hadapan, kami akan terus mengekalkan pendirian proaktif kami dalam melibatkan pelanggan dan agensi media utama, untuk memastikan mereka mengikuti perkembangan inisiatif kami, dan untuk membantu mereka dalam mendapatkan nilai yang lebih baik untuk perbelanjaan pengiklanan mereka.



Dengan asas pelanggan TV berbayar Astro sebanyak 3.4 juta, inisiatif ini meningkatkan pasaran sasaran untuk majalah kami, daripada puluhan ribu jumlah edaran kepada potensi berjuta-juta edaran

astro
Digital



Hiburan mudah alih bersepadu

Menjadi perintis dalam media dan penyiaran telah memberikan kita kelebihan untuk berada di barisan hadapan dalam bidang digital. Dan dengan pengalaman kami, minat terhadap inovasi dan mobiliti untuk memperkayakan kehidupan melangkaui ruang tamu, kami memiliki kelengkapan dengan baik untuk menjadi platform digital #1 kepada pengguna untuk 'Tonton, Dengar, Baca dan Main' di mana sahaja mereka berada.

DIGITAL

DUNIA BARU

Trend penggunaan media digital di dalam dan di luar negara kita semakin berkembang, dan majoriti pengguna hari ini tenggelam dalam keasyikan gaya hidup digital.

Kebanyakan pelanggan kami bergantung pada penggera di telefon pintar untuk mengejutkan mereka daripada tidur, sering menyemak rangkaian sosial antara tugas, berkongsi media melalui aplikasi pesanan segera, melayari internet pada peranti mudah alih mereka semasa dalam perjalanan, bekerja sambil mendengar lagu kegemaran dan menonton TV interaktif HD penuh di rumah. Oleh yang demikian, adalah penting bagi kami untuk memperbaharui platform persembahan kandungan ke arah menjadi pemain terkemuka dalam bidang digital.

TONTON, DENGAR, BACA DAN MAIN

Kami melihat diri kami sebagai sebuah syarikat kandungan yang menghasilkan, mengeluarkan, mengumpul dan mengedarkan kandungan. Dalam industri kami, kami dikenali sebagai TV Everywhere, tetapi bagi kami ia adalah lebih daripada itu. Ia adalah mengenai kandungan dan kandungan boleh datang dalam apa jua bentuk yang anda tonton, apa yang anda dengar, apa yang anda membaca dan apa yang anda main. Aset media kami merangkumi semua perkara di atas.

Cita-cita kami adalah untuk menjadi lebih daripada sekadar pemain dalam dunia TV, radio, dan penerbitan; kami juga mahu menjadi platform digital #1 untuk 'Tonton, Dengar, Baca dan Main' dengan menjadi platform pilihan kepada pengguna untuk menikmati media kegemaran mereka dengan cara yang lancar melalui semua jenis peranti.

Dalam ruang Tonton, aplikasi AOTG kami mendapat tarikan pelanggan yang memberangsangkan dengan lebih 847,000 muat turun sejak ia dilancarkan pada awal 2012. Penggunaan kandungan mencapai dua kali ganda kepada 72 minit setiap minggu, satu peningkatan daripada 36 minit pada permulaan pengenalannya. Kami terus meningkatkan perkhidmatan nilai tambah ini dan bertujuan untuk meluaskan pengalaman menonton video, dengan antara muka pengguna yang intuitif, penerokaan kandungan semula jadi dan perkongsian yang lancar.

Kami juga telah melancarkan Astro GO Listen dan Astro GO Play pada bulan Januari 2014, dan sedang menjalankan persiapan akhir untuk Astro GO Read. Ketiga-tiga inisiatif ini bertujuan untuk menyampaikan kandungan kepada pengguna melalui platform yang paling relevan untuk memenuhi cita rasa penggunaan digital mereka.

Sementara itu, teman aplikasi *Astro View* yang baru dilancarkan menawarkan kandungan interaktif kepada pengguna seperti pengundian secara langsung. Satu cadangan utama *Astro View* ialah pengguna kini boleh merancang tontonan mereka. Mereka boleh menonton rancangan yang disyorkan, berkongsi rancangan kegemaran di media sosial, menetapkan penggera peringatan dan merakam rancangan kegemaran secara kawalan jauh, menjadikannya pengalaman menonton skrin kedua yang sebenar.

ASPIRASI UNTUK MENJADI DESTINASI UTAMA DALAM TALIAN DI MALAYSIA

Kami menyenggara laman web yang popular, komuniti dalam talian, penglibatan media sosial, aplikasi dan permainan dalam talian yang membina, dan meluaskan penawaran kandungan kami di udara, dalam talian dan di atas tanah.

Pada tahun lepas, kami mencatatkan pertumbuhan yang kukuh dalam jumlah pengunjung di laman web utama kami, iaitu *Astro Gempak*, komuniti yang berfokuskan Melayu; *Astro Zhongwen*, komuniti yang berfokuskan Cina; *Astro Ulagam*, komuniti yang berfokuskan India; dan *Stadium Astro*, komuniti yang berfokuskan sukan. Pada bulan Januari 2014, *Astro Gempak* telah mencapai kedudukan #2 di kalangan laman web hiburan Melayu di Malaysia.

astro on the **GO**

GO read

GO play

GO listen

Pelawat unik ('000)	2013	2012	Pertumbuhan
Astro Gempak	2,734	859	218%
Astro Zhongwen	758	265	186%
Astro Ulagam	232	16	1,341%
Stadium Astro	1,771	1,183	50%

Di YouTube, saluran kami mencapai 160 juta tontonan video secara kolektif pada tahun 2013 dan kini mempunyai lebih 880,000 pelanggan manakala saluran *Planet Gempak* kini menjadi saluran YouTube terulung di Malaysia dengan lebih 660,000 pelanggan.

Semua di atas telah menyumbang kepada ciri-ciri dalam talian kami yang mempunyai 1.3 juta pelawat unik setiap bulan setakat 31 Januari 2014, meletakkan kami pada kedudukan kelima di kalangan syarikat-syarikat Malaysia, iaitu satu peningkatan daripada tempat ke-29 pada bulan Mei 2013, membuktikan bahawa kita berada di landasan yang betul dalam usaha untuk mendaki puncak digital.



Mengasah bakat

Astro didorong oleh lebih 4,700 bakat yang hebat, terdiri daripada pemimpin-pemimpin korporat yang dinamik, ahli profesional yang berpengalaman, artis yang memenangi anugerah, graduan baru dan mereka daripada semua latar belakang, perspektif dan kepakaran.

MODAL INSAN

MENYELAMI KEPELBAGAIAN

Hari ini, Astro sudah menjadi sebahagian daripada 56% isi rumah di Malaysia, dengan komitmen untuk menghiburkan semua rakyat Malaysia. Di Astro, kepelbagaian ialah DNA dan kekuatan kami. Tenaga kerja kami yang pelbagai mencerminkan pasaran dan pengguna kami, yang menjadikan kami sebagai sebahagian daripada nadi masyarakat umum yang merupakan sasaran pasaran kami.


RAKYAT MALAYSIA BERTARAF ANTARABANGSA MENGHASILKAN KARYA BERTARAF DUNIA DI MALAYSIA

Astro menyokong sepenuhnya bakat kami, sama ada di udara atau sebaliknya, untuk menjadi sebahagian daripada tenaga kerja yang semakin global. Komitmen kami adalah untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan profesional dan kepakaran industri supaya setiap seorang daripada mereka boleh mencapai potensi masing-masing. Pada masa yang sama, kami percaya bahawa terdapat ramai rakyat Malaysia di luar negara yang akan menyukai peluang untuk pulang ke tanah air dan membina pengalaman dan kepakaran mereka. Kami menyedari bahawa rakyat Malaysia yang telah kembali mahu kekal aktif dan menjadi yang terbaik dalam kelas masing-masing. Astro ingin memberi mereka peluang untuk berbuat demikian.


MAJIKAN PILIHAN

Sebagai mengiktiraf skim faedah kakitangan kami melalui portal *myChoice@Astro*, kami telah menerima anugerah naib johan dalam kategori "Best in Flexible Benefits di Benefits Asia Awards 2013". Kami mengakui kepentingan fleksibiliti apabila menyediakan pakej faedah untuk tenaga kerja kami yang mempunyai pelbagai latar belakang dan keperluan. Bakat Astro boleh memilih manfaat mengikut keperluan masing-masing melalui pengaturan flexibenefits. Pilihan di *myChoice@Astro* termasuklah manfaat teras seperti insurans hayat dan insurans kesihatan, serta perlindungan perubatan; Akaun Perbelanjaan Fleksibel pula membolehkan bakat untuk menggunakan mata untuk berbelanja untuk mendapatkan kesihatan dan kesejahteraan yang diinginkan, memenuhi keperluan teknologi dan perancangan kewangan; fleksibiliti cuti tahunan dan insentif cuti sakit.


Komposisi Etnik



Komposisi Umur



Komposisi Jantina





Lebih separuh daripada tenaga kerja kita adalah wanita. Menarik minat mereka dan menyediakan tempat kerja yang kondusif bagi bakat wanita untuk cemerlang adalah sangat penting bagi kami. Kami merupakan penyokong kuat Program Comeback Talent Corp yang menarik wanita yang sedang berehat daripada kerjaya untuk kembali bekerja. Kami menggalakkan pemimpin wanita kami untuk melibatkan diri secara aktif dalam program-program mentor.

Bagi tahun yang ketiga berturut-turut, Astro telah dipilih sebagai *Majikan Graduan Paling Popular* dalam kategori Penyiaran/Media di Malaysia's 100 Leading Graduate Employers Award bagi tahun 2013, di mana kedudukan keseluruhan kami juga bertambah baik kepada tempat ke-17 dari tempat ke-25 pada tahun 2012. Kejayaan yang dicapai adalah selaras dengan strategi kami untuk menjadi majikan pilihan utama di Malaysia.

SEBUAH SYARIKAT YANG FOKUS TERHADAP PRESTASI CEMERLANG

Mengasah dan menggilap bakat

Bakat kami terlibat secara berterusan dengan perkembangan baru dalam organisasi, dan strategi baru dalam industri media dan penyiaran serta industri berkaitan melalui pertemuan serantau dan taklimat umum kepada semua peringkat, dan juga di forum pengurusan strategik. Dengan cara ini, kita berkongsi kemajuan dan pertumbuhan organisasi di samping mewujudkan saluran komunikasi dua hala yang terang dan telus dengan pengurusan kanan.

Kami telah membangunkan rangka kerja kecekapan yang dibimbing oleh nilai-nilai Astro, yang jelas menyuarakan pengetahuan, kemahiran, kebolehan dan jangkaan tingkah laku bakat kami. Rangka kerja ini meliputi teras, kepimpinan dan kebolehan fungsi, dan membantu menyesuaikan bakat kami ke arah pertumbuhan mereka dalam organisasi.

Dengan tumpuan pada kemudahan dan mobiliti, Astro telah melaksanakan alat pengurusan prestasi berasaskan awan untuk generasi akan datang. Pengurusan Jumlah Prestasi kami telah direka dengan satu rangka kerja untuk memacu dan mengekalkan tenaga kerja yang berprestasi tinggi. Di bawah rangka kerja ini, bakat kami menjalani sekurang-kurangnya dua sesi kajian semula prestasi bersama penyelia mereka setiap tahun, walaupun kami menggalakkan saluran komunikasi dikekalkan setiap masa. Penilaian prestasi kami, termasuk maklum balas 360°, yang dijalankan menggunakan kaedah kad skor seimbang yang terikat kepada KPI individu dan pasukan, dan memberi tumpuan kepada pencapaian perniagaan dan bukan perniagaan.

**Di Astro,
kepelbagaian
ialah DNA dan
kekuatan kami**

MODAL INSAN

Bakat kami menerima bonus atau komisen bolehubah, serta kenaikan gaji yang berasaskan prestasi, di samping pelarasan kos hidup, yang berdaya saing berbanding penanda aras industri. Kami juga telah melaksanakan Skim Saham Pengurusan ("MSS") di mana anugerah saham diberi kepada bakat yang layak untuk tujuan menjana pengekalan bakat, pembentukan nilai dan menjajarkan kepentingan pemegang saham. Melalui skim ini, bakat yang layak ditawarkan Unit Saham Prestasi, iaitu geran saham yang diberikan hak hanya apabila KPI kewangan dan operasi yang ketat dipenuhi oleh Kumpulan, untuk lebih menyelaraskan pampasan pengurusan dengan pertumbuhan jangka panjang Kumpulan.

Go Beyond Awards adalah satu lagi cara di mana kita mengiktiraf individu dan kumpulan bakat berprestasi tinggi yang berjaya menunjukkan prestasi dan memberi inspirasi kepada orang lain untuk mencapai nilai Go Beyond. Sehingga kini, kami telah mengiktiraf lebih 480 bakat atas sumbangan dan pencapaian mereka.

Kami juga menjalankan Kaji Selidik Penglibatan Pekerja untuk seluruh syarikat sebanyak sekali dalam setiap dua tahun untuk mengukur kedudukan Astro sebagai majikan dan untuk membandingkan diri kita dengan organisasi berprestasi tinggi yang lain, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Kami gembira dengan keputusan daripada kajian yang terkini, iaitu yang dijalankan pada tahun 2013, di mana kami mendapat 3 mata dalam indeks penglibatan keseluruhan berbanding dengan tahun 2011, dan kami kini sedang berada di atas tahap Norma Syarikat Malaysia.

Pembelajaran sepanjang hayat

Di Astro, kami menaruh keyakinan untuk melabur dalam bakat kami. Pada tahun 2013, kami menyediakan lebih 93,000 jam pembelajaran untuk pembangunan pemimpin muda, pembangunan kemahiran insani dan fungsian, serta latihan keselamatan pekerjaan yang merentasi semua peringkat.



Kategori Latihan	Bilangan Sesi	Bilangan Bakat yang Dilatih	Jumlah Jam Latihan	Purata Jam Latihan setiap Bakat
Program Korporat	28	785	11,900	15.2
Program Pembangunan	113	2,575	35,330	13.7
Program Pembangunan Pemimpin Muda	14	134	2,944	22.0
Program Fungsian	323	4,923	36,719	7.5
OSHA	43	1,235	6,505	5.3
Jumlah	521	9,652	93,398	

Kami berpuas hati dengan hasil kajian terkini yang dijalankan pada tahun 2013 di mana kami mendapat 3 mata dalam indeks penglibatan keseluruhan berbanding dengan tahun 2011, dan kami kini sedang berada di atas tahap Norma Syarikat Malaysia



Go Program pendidikan kami termasuk pembelajaran dalam berstruktur, seperti Go Beyond Astrolites yang menjalankan latihan langsung untuk mencari bakat baru dan program Manager@Astro yang menyediakan kemahiran pengurusan yang penting untuk pengurus.

Kami juga terus melabur dalam bakat berpotensi tinggi dengan tenaga pengajar luar yang terbaik contohnya melalui Advanced Management Programme di Harvard Business School dan di Design Thinking Bootcamp anjuran Stanford Design School.

Kesemua program yang dibangunkan berdasarkan nilai-nilai Astro Go Beyond dan direka untuk membimbing bakat kami supaya mencapai tahap yang lebih tinggi dalam pertumbuhan peribadi dan profesional.

Kesejahteraan

Kesejahteraan bakat adalah keutamaan kami. Atas sebab inilah, kami telah melaksanakan pelbagai program seperti program faedah fleksibel *myChoice@Astro*, *Kelab Rekreasi Astro* dan program di bawah Astro Kasih. Maklumat lanjut mengenai inisiatif ini adalah seperti yang dinyatakan di bahagian Tanggungjawab Korporat dalam Laporan Tahunan ini.

PELABURAN UNTUK MASA DEPAN

Astro Champs dan Biasiswa Astro

Astro Champs adalah satu program yang mengiktiraf dan memberi ganjaran kepada anak-anak bakat kami kerana memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang dalam peperiksaan kerajaan, iaitu UPSR, PMR, SPM dan STPM. Pada tahun 2013, kami telah memberikan 38 anugerah *Astro Champs*.

Sejak ditubuhkan, *Biasiswa Astro* telah mengeluarkan lebih RM16.7 juta kepada 56 orang pelajar muda yang sedang menuntut di universiti-universiti tempatan dan luar negara, di mana 31 orang daripada mereka telah menyertai Astro di bawah *Program Asimilasi Graduan Astro*. Para pelajar ini merupakan penyumbang yang kukuh dan sedang dipupuk ke arah peranan kepimpinan dalam organisasi. Pada tahun 2013, kami menganugerahkan biasiswa kepada tujuh orang pelajar cemerlang dalam pelbagai bidang pengajian, di dalam dan di luar negara.

Pada tahun 2013, kami menyediakan lebih 93,000 jam pembelajaran dalam pembangunan pemimpin muda, kemahiran insaniah dan pembangunan fungsian, serta latihan keselamatan untuk semua peringkat

MODAL INSAN

SL1M

Skim Latihan 1Malaysia ("SL1M"), sebuah inisiatif Kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi, bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran siswazah Malaysia. Sejak dilancarkan pada tahun 2011, kami telah mengambil sejumlah 230 orang pelatih SL1M di Pusat Perhubungan Pelanggan dan Jabatan Pematuhan Kandungan kami. Di bawah inisiatif ini, pelatih diberi pendedahan komersial kepada industri media dan penyiaran melalui latihan sambil bekerja dan peluang kemahiran halus dan pembangunan teknikal peluang sehingga tempoh tiga bulan. Kami berhasrat untuk terus menyokong usaha Kerajaan ini untuk meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran para graduan.

Menarik minat dan menggilap bakat baru

Program Latihan Astro kami bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar yang sedang mengikuti pengajian tinggi di Malaysia dan di luar negara untuk meningkatkan kemahiran kesediaan kerjaya mereka melalui latihan sambil bekerja, program latihan gaya kelas dan pengalaman kerja. Lebih 40 orang pelajar telah dipilih untuk program ini pada tahun 2013. Pada bulan November 2013, kami menambahkan *Program Latihan Belia Astro* yang memberikan peluang yang sama kepada anak-anak bakat kami, berusia antara 16 dan 18, melalui program cuti sekolah selama sebulan yang unik.

Graduan baru yang cemerlang juga ditawarkan kemasukan ke dalam organisasi melalui *Program Pegawai Pengurusan Astro* ("AstroMAP"), sebuah program selama 24 bulan yang telah dilancarkan pada bulan Oktober 2013 dan menawarkan pengalaman pembelajaran yang komprehensif serta pengalaman latihan dalam industri kami. Program ini direka untuk mengasah kemahiran penting mereka dengan giliran kerja yang menarik, sesi perangkaan, pembelajaran bilik darjah, pendedahan kepada pengurusan projek dan pembentangan kepada pihak pengurusan.

Astro Broadcast Traineeship ("ABT") kami bermula pada tahun 2011 sebagai sebahagian daripada inisiatif kami untuk membangunkan generasi baru operator teknikal yang mempunyai pelbagai kemahiran dan bersedia untuk menghadapi cabaran dunia baru. Tempoh latihan selama 10 bulan yang terdiri daripada gabungan sembilan modul kemahiran dan lebih 500 jam pengalaman kerja lapangan di acara Astro Studio dan Siaran Luar. Pada tahun 2013, ABT meluluskan 30 orang pelatih, menjadikan jumlah graduan bakat seramai 50. Semua graduan diiktiraf di peringkat antarabangsa oleh TAFE Technical Operators Centre.



Pasukan kepimpinan seterusnya

Kami mengekalkan Program Berpotensi Tinggi, di mana bakat kami yang paling berpotensi dikenal pasti sebagai generasi pemimpin Astro yang akan datang, dilatih untuk menyertai barisan pengurusan kanan kami suatu hari nanti melalui pelan latihan individu, pendedahan kepada pengurusan kanan, dan regangan tugas. Ini ditambah pula dengan pendekatan yang sistematik untuk pengurusan penggantian bagi memastikan kumpulan pemimpin masa depan yang kuat berada dalam kedudukan yang penting dan kritikal dalam organisasi.

PENERIMA BIASISWA ASTRO



New Jo-Shua

Pelajar tajaan Astro ini sedang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Sains (Geofizik) di Imperial College of Science, Technology and Medicine

Astro menaja pelajar Malaysia untuk melanjutkan pelajaran mereka di luar negara tanpa mengira bangsa, agama atau pilihan ijazah. Jarang sekali ada syarikat korporat yang menaja pelajar untuk mengikuti pelbagai disiplin sama ada kejuruteraan, ekonomi, sains tulen mahupun media. Saya kini sedang menuntut dalam bidang Geofizik. Aspirasi saya untuk kekal bersama Astro dan berkembang selama yang boleh, kerana saya lebih berminat dengan aspek perniagaan berbanding teknikal. Astro membolehkan saya untuk menjadi fleksibel dalam menentukan hala tuju masa depan kerjaya saya



Tan Yee Lian

Pelajar tajaan Astro yang kini berkhidmat untuk syarikat

Saya bernasib baik kerana mempunyai Young Lee (Chu Young Lee adalah Naib Presiden Strategi dan Risiko Perniagaan Astro) sebagai mentor saya - Kami bertemu di pesta kerjaya UKEC, oleh itu beliau merupakan seorang yang telah saya kenali semasa menyertai AstroMAP. Beliau adalah yang memberi sokongan kepada saya dalam menangani cabaran kehidupan korporat. Sebaik sahaja menamatkan pengajian di universiti, saya tidak tahu apa yang hendak dijangkakan semasa mula-mula menyertai Astro. Beliau banyak membantu dan memberi bimbingan yang berterusan selama saya mengikuti giliran tugas di bahagian-bahagian yang berbeza setiap 2 hingga 3 bulan. Objektif utama saya semasa menjalani AstroMAP adalah untuk mencari satu bahagian di mana saya boleh berikan paling banyak sumbangan dan mempunyai mentor seperti beliau banyak membantu memudahkan pencarian dan membuka banyak peluang untuk saya.



Pritha Manivanan

Pelajar tajaan Astro ini sedang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Sastera (Sains Sosial) di Monash University Sunway

Sewaktu saya masih kanak-kanak, saya mempunyai impian yang besar. Saya sentiasa bercita-cita untuk menjadi seorang wartawan. Malangnya, mempunyai impian yang besar sahaja adalah tidak mencukupi. Saya perlu yakin dan percaya pada impian saya, dan Astro membantu saya untuk berbuat demikian. Tiada perkataan yang dapat saya gambarkan penghargaan saya terhadap Astro di atas biasiswa ini. Sekarang, setiap hari bagi saya adalah satu langkah lebih hampir untuk mencapai impian saya.



Soraya Kee

Pelajar tajaan Astro yang kini berkhidmat untuk syarikat

Apabila saya mula-mula dengar bahawa kami akan diberikan seorang mentor, saya terkejut dan amat berterima kasih - saya gembira kerana saya akan mempunyai seseorang untuk menasihati saya dalam memulakan langkah pertama saya dalam dunia korporat, dan saya risau jika tidak dapat memenuhi harapan yang disandarkan, terutama sekali memandangkan saya adalah seorang pelajar tajaan Astro. Mempunyai Jake (Jake Abdullah adalah Ketua Pegawai Eksekutif Astro Radio) sebagai mentor membantu saya memahami kepentingan memanfaatkan kekuatan diri sendiri, dan saya juga dapat menerokai pelbagai peluang yang saya ada selepas berakhirnya AstroMAP. Saya kini mempunyai idea yang lebih baik mengenai matlamat kerjaya dan harapan saya, dan lebih yakin dengan keupayaan saya untuk menyumbang secara produktif kepada syarikat.

MERAIKAN KEPELBAGAIAN

Kepelbagaian bakat di Astro merentasi semua aspek sebagaimana luasnya kepelbagaian tujuh juta isi rumah Malaysia yang menjadi pelanggan kami. Kami menganggap kekayaan etnik dan budaya Malaysia seperti ciri paling bernilai dalam membentuk pasukan Astro.

41% daripada bakat kami adalah berumur di bawah 30 tahun. 52% daripada kakitangan kami dan 25% daripada Lembaga Pengarah pula terdiri daripada wanita. Astro sememangnya menawarkan peluang yang sama rata untuk semua orang mencapai kecemerlangan, tanpa mengira usia dan jantina. Astro kini sudah menjadi sebahagian daripada 56% isi rumah di Malaysia dan kita menyasarkan untuk menghiburkan 100% isi rumah, kerana Astro adalah 100% Malaysia. Mewujudkan kandungan IP untuk sebuah negara yang “benar-benar Asia” bermakna program asal Astro perlulah bersedia untuk penonton serantau.

Rakyat Malaysia bertaraf antarabangsa menghasilkan karya bertaraf dunia di Malaysia

Astro menyokong sepenuhnya inisiatif TalentCorp untuk menarik bakat tempatan di luar negara untuk kembali berkhidmat di Malaysia. Kami percaya rakyat Malaysia adalah tenaga kerja yang global, dan jenama Malaysia dengan aspirasi untuk menjadi yang terbaik dalam kelasnya akan menarik minat dan mencabar mereka untuk menghasilkan karya bertaraf dunia.

Raymond Tan

Kewangan Korporat, Percukaian, Perbendaharaan & Hubungan Pelabur

Saya teruja dengan trajektori pertumbuhan Astro dan tawaran peluang yang menarik dan menyeronokkan. Saya juga ingin bekerja dan saling belajar bersama pasukan pengurusan kanan yang dinamik.



Najwa Abu Bakar

Kumpulan Kandungan

Saya gembira untuk kembali ke Astro selepas bekerja di luar negara selama 4 tahun dan teruja untuk menyertai sebuah syarikat yang bercita-cita untuk mencapai standard kandungan, platform dan media baru yang global dan terbaik dalam kelasnya. Adalah suatu kepuasan untuk bekerja dengan golongan profesional daripada pelbagai disiplin yang berkongsi matlamat yang sama iaitu untuk mencapai aspirasi Astro.



Zaireen Shahrman

Modal Insan

Saya membuat keputusan untuk kembali ke Malaysia selepas lebih sedekad tinggal di luar negara atas keinginan yang kuat untuk membuat perbezaan, berbakti kepada negara tercinta dan juga mengeratkan hubungan keluarga. Astro adalah pastinya majikan pilihan saya kerana ia adalah benar-benar sebuah syarikat tempatan yang cemerlang dalam landskap global. Di Modal Insan, saya beruntung dapat menjadi sebahagian daripada pasukan yang membentuk Astro supaya menjadi sebuah organisasi bertaraf dunia dengan beroleh manfaat daripada kepelbagaian tenaga kerja.



Chiu Keng Guan

Pengarah Filem

Ia merupakan satu pengalaman yang bernilai untuk bekerja bersama-sama dengan mereka yang datang daripada pelbagai latar belakang di Astro untuk menghasilkan sesebuah filem yang menyentuh hati semua rakyat Malaysia. Dengan semangat dan hati yang ikhlas, saya percaya tiada apa yang mustahil.



Sharmin Parameswaran

Kumpulan Kandungan

Untuk ruang Astro Video On Demand, saya bekerjasama dengan rakan kongsi tempatan dan antarabangsa untuk mengumpul kandungan yang merentasi pelbagai genre dalam bahasa yang berlainan. Ia menjadikannya suatu pekerjaan benar-benar dinamik dan menarik.



Chu Young Lee

Strategi

Di Astro, saya bertemu dan bekerja dengan rakan-rakan yang berbeza sifat dan personaliti. Ada karakter yang menarik, menyeronokkan, penyayang, pintar dan penuh bersemangat. Ada personaliti TV, penyampai radio, editor majalah, pakar jualan, penganalisis perniagaan dan ahli teknologi. Di sinilah semuanya tertumpu dan menjadi satu sebatian budaya dan idea.



Dr Amirul Nazri

Bakat Astro

Terima kasih kepada Astro, ia memungkinkan saya - seorang doktor yang berkecayaan untuk menjadi seorang pengacara televisyen. Saya berharap gabungan latihan perubatan saya dan program memupuk bakat Astro akan menghasilkan satu bentuk rancangan hiburan berteraskan perubatan dan kesihatan yang baru, dan membuka jalan bagi lebih ramai ahli profesional untuk menjadi sebahagian daripada industri hiburan.





Datuk Aznil Nawawi

Bakat Astro

Saya sangat teruja melihat peserta Program Bakat Astro On Air datang dari latar belakang yang pelbagai. Kita ada peguam, akauntan, jurutera dan juga doktor dari universiti-universiti di Australia dan United Kingdom, dan juga mereka yang berjaya tanpa pendidikan formal. Setiap orang daripada mereka membawa gabungan tenaga dan kreativiti yang unik, dan mendorong saya untuk membangunkan lagi bakat saya serta untuk melahirkan generasi bakat baru akan datang dalam bidang penyiaran.



Abdullah Ibrahim a.k.a. Dollah Cantek

Produksi Astro

Saya menggunakan jenaka dan humor untuk membantu kakitangan produksi & bakat berehat sebelum setiap rakaman atau bersiaran "ke udara". Ini adalah penting untuk mewujudkan suasana prapertunjukan. Ia juga membangkitkan kesungguhan di kalangan penghibur dan kakitangan produksi. Saya sukakan cabaran dalam menguruskan penonton yang ramai, terutamanya pihak VIP di samping melibatkan rakyat Malaysia daripada latar belakang yang berbeza.



Lee Choong Khay

Sukan

Ini merupakan tahun paling gemilang kita dalam arena sukan! Malaysia merupakan sebuah negara yang gemarkan sukan dan kami berbangga dapat membawa liputan SECARA LANGSUNG yang terbaik untuk acara sukan tempatan dan antarabangsa yang terbesar bagi tahun 2014 kepada semua lapisan rakyat Malaysia! Sama ada Piala Malaysia 2014 mahupun FIFA World Cup Brazil™, Sukan Asia atau Sukan Komanwel, Sepak Takraw ISTAF atau Thomas & Uber Cup. Semuanya di Stadium Astro.



Murali Dharan Marimuthu

Penerbitan Astro

Astro ialah satu platform agnostik dan menawarkan peluang kepada bakat untuk bebas berkembang merentasi setiap aspek perniagaannya, sama ada TV, Radio, Penerbitan ataupun Digital.

Jolyn Gasper

Tanggungjawab Korporat

Kekuatan kami adalah dalam perbezaan kami. Ia mempengaruhi bagaimana kami memahami, menghargai dan berkhidmat untuk masyarakat yang juga pelbagai seperti kami. Dengan menyelami perbezaan itu, kami memahami, mempelajari dan membangun sebagai sebuah keluarga.



Ashwad Ismail

Astro Awani

Wartawan di Astro adalah didorong untuk menyelami yang tersirat apabila menyampaikan cerita dengan cara yang holistik, tanpa halangan mahupun sekatan. Kami percaya bahawa penonton kami berhak mendapat yang terbaik.



Jayaram Gopinath Nagaraj

Radio

Astro Radio ingin menyemarakkan hidup rakyat Malaysia setiap hari! Kami menyentuh naluri pendengar kami melalui muzik, jenaka, berita dan bakat kami melalui gelombang udara, mudah alih, internet dan konsert - bila-bila masa, di mana sahaja.



Mohd Hamidi Hassan

Kumpulan Pelanggan

Kami mempromosikan produk dan perkhidmatan Astro kepada beribu-ribu syarikat korporat dan berjuta-juta rakyat Malaysia di bandar-bandar dan kampung-kampung. Kakitangan jualan kami berinteraksi dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil, malah dalam dialek setempat seperti loghat Kelantan, Telugu, Malayalam, Hokkien dan Hakka. Kami memperoleh pengalaman yang menarik dalam mendekati dan mengenali rakyat Malaysia melalui pelbagai bahasa, di samping mendengar kisah kehidupan mereka.



Ustaz Muhamad Hafiz

Pemenang Pencetus Ummah (Musim 1)

Saya bersyukur dengan peluang yang diberikan oleh Astro. Melalui Pencetus Ummah, Alhamdulillah, saya dapat mendekati orang Islam di luar surau dan masjid, dan bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di Singapura dan Brunei.



Suhaimi Sulaiman

Astro Awani

Berita terkini, kisah menarik, analisis 360°, pelbagai sudut, segar, cepat dan tepat - ini adalah sebahagian daripada bidang yang sentiasa dititikberatkan oleh Astro Awani untuk dipertingkatkan, dan penyertaan dalam CNN Journalism Fellowship di Atlanta, Georgia, Amerika Syarikat pada bulan September 2013 telah memberikan saya gambaran tentang cara CNN menghasilkan cerita-cerita yang menarik. Dengan mengamalkan dan mencontohi beberapa amalan baik di CNN telah membantu Astro Awani meningkatkan pakej berita dan produksi hal ehwal semasa.



TANGGUNGJAWAB KORPORAT



“ Saya sangat meminati badminton sejak saya berusia 9 tahun dan hari ini saya amat gembira kerana dapat menyertai latihan Kem Badminton Astro di Jepun. Saya banyak belajar mengenai latihan fizikal, untuk menjadi berdisiplin dan mempunyai sikap yang positif dengan semangat yang kuat. Saya berharap saya boleh kembali ke Tokyo lagi dan mewakili Malaysia pada Sukan Olimpik 2020 ”

Kho Yap Hong berumur 13 dari Johor Bahru
Peserta Akhir 30 Teratas Kem Badminton Astro

Masyarakat kami adalah terdiri daripada jutaan penonton, pendengar, pembaca dan pelawat laman web kami; termasuklah beribu-ribu bakat dalam keluarga Astro kami, pelbagai pihak berkepentingan kepada perniagaan kami dan masyarakat di mana kami beroperasi. Kami berasa rendah hati terhadap sokongan berterusan yang kami terima daripada masyarakat, yang membolehkan kami membangunkan idea dan program kami menjadi inisiatif pembangunan lestari jangka panjang.

Kemudahan yang Selamat dan Sihat

Kami percaya dalam memastikan keluarga kami selamat dan sihat. Dasar Keselamatan dan Kesihatan Astro menjangkau pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 untuk memastikan bahawa bakat kami boleh bekerja dengan selamat dalam keadaan yang eksklusif untuk industri penyiaran. Ini dicapai melalui program keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan yang unik dilakukan oleh pasukan dalaman Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kami.

Astro beroperasi dengan satu sistem pengurusan keselamatan pekerjaan, kesihatan dan alam sekitar secara dalaman yang mematuhi standard antarabangsa OSHAS18001 dan ISO14001. Pensijilan sistem ini merupakan pengiktirafan terhadap komitmen kami untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan sihat untuk bakat dan pihak berkepentingan kami.

Kami menyediakan pengangkutan seperti perkhidmatan bas untuk memudahkan perjalanan ke pejabat serta perkhidmatan taksi untuk kakitangan syif dan pengangkutan hormat.

Kafe dalaman kami, Café Ceria, menyediakan rangkaian pilihan makanan untuk bakat kami yang berpusat di ibu pejabat di All Asia Broadcast Centre ("AABC"), termasuklah pilihan makanan sihat untuk mereka yang mementingkan kesihatan. Makanan adalah disubsidi melalui elaun bulanan yang didepositkan ke dalam tag pekerja.

AABC adalah zon larangan merokok tetapi terdapat ruang yang dikhaskan untuk merokok di luar kawasan bagi memastikan bahawa bangunan kami kekal bebas daripada merokok. Surau lelaki dan perempuan juga tersedia di tingkat bawah.

ASTRO DI PASARAN

Di Astro, kami percaya bahawa kami perlu menjadi warga korporat yang bertanggungjawab ketika berurusan dengan pelanggan, rakan, peniaga, pembekal dan pengguna produk dan perkhidmatan kami.

Di Astro, kami percaya dalam melakukan perubahan dalam masyarakat. Dengan kepercayaan dan keazaman Go Beyond, kami terus berkhidmat dan mendekati pelbagai pihak berkepentingan kami melalui inisiatif tanggungjawab korporat di Tempat Kerja, Pasaran, Masyarakat dan Alam Sekitar



TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Pengalaman Pelanggan

Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan kami untuk memberikan produk dan perkhidmatan yang terbaik dalam kelasnya, kami sentiasa berhubung dengan pelanggan kami melalui pelbagai saluran. Ini turut dibantu dengan usaha kami untuk memahami maklum balas, profil dan tingkah laku pelanggan; dan menggunakan apa yang dipelajari di dalam organisasi untuk memacu penambahbaikan. Fokus diletakkan pada mengukur interaksi pelanggan dan menggerak kebertanggungjawaban di seluruh organisasi ke arah Pengalaman Pelanggan. Kami telah meningkatkan keupayaan analisis kami untuk titik-sentuh servis pelbagai saluran dan membina keupayaan strategik yang membolehkan Astro untuk menjadi peneraju industri dalam menyampaikan pengalaman pelanggan yang luar biasa dalam seluruh produk, perkhidmatan, komunikasi dan interaksi titik-sentuh kami.

Etika Perniagaan

Kod Etika Perniagaan kami menggariskan amalan dan piawaian yang vendor, kontraktor dan pembekal kami mesti lakukan dalam urusan mereka dengan kami dan meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan etika perniagaan, penyimpanan rekod, pembayaran yang boleh dipersoalkan, konflik kepentingan, urusan dengan kepentingan perniagaan atau hubungan di luar syarikat, maklumat sulit, hadiah dan hiburan dan gangguan.

Sekiranya diperlukan, pembekal perlu mempunyai pelan kesinambungan perniagaan yang mantap untuk memastikan gangguan yang minimum dalam membekal barangan dan perkhidmatan mereka serta juga untuk mematuhi panduan Perolehan Mengutamakan Alam Sekitar ("EPP") dengan menggunakan bahan mampan apabila ianya adalah kos efektif.

Projek Pembersihan Dasar Laut Terpanjang Astro Kasih Beautiful Malaysia telah memenangi anugerah tempatan dan antarabangsa, termasuk International Business Awards (Stevie® Awards) 2013



Kandungan Bertanggungjawab

Kami berusaha untuk mematuhi Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, dalam memastikan bahawa semua siaran kandungan yang melalui platform kami mematuhi Kod Kandungan. Kami juga mengambil kira sifat saluran penyiaran, bakal penonton dan masa pada hari di mana program akan disiarkan. Dalam usaha untuk menangani kepelbagaian penonton kami, program kami boleh diberi sari kata dalam empat bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Mandarin, Tamil dan Inggeris. Semua bakat radio kami menjalani latihan pematuhan dua kali setahun, manakala bakat yang terlibat dalam ruang jualan iklan dikehendaki menghadiri latihan pematuhan yang disediakan khas. Penerbitan kami turut melalui prosedur penapisan yang setara dengan proses editorial.

Jumlah Jam Pengumuman Perkhidmatan Awam ("PSA") dan Pengumuman Perkhidmatan Masyarakat (CSA")

Pada tahun ini, Astro menyiarkan 3,399 jam PSA, tidak termasuk pengumuman melalui teksperangkak. PSA Astro mengetengahkan pelbagai program masyarakat Astro Kasih dan pelbagai pengumuman umum dan mesej kempen untuk masyarakat. Kami juga menyiarkan PSA bagi Kerajaan berkenaan kepentingan awam atau negara melalui mana-mana sepuluh saluran selama satu minit maksimum untuk setiap jam siaran seperti yang dinyatakan dalam syarat-syarat lesen kami.



CSA yang disiarkan di radio juga dibuat mengikut keperluan kawal selia, iaitu, minimum 432 minit di seluruh sembilan stesen setiap hari. Astro Radio juga menyokong projek-projek masyarakat yang dianjurkan oleh Kerajaan dan agensi-agensi lain atau NGO dengan penyiaran CSA mereka untuk acara-acara mereka di udara dan atas talian melalui segmen Zon Info kami. Laporan lalu lintas, yang puratanya selama 15 minit setiap hari bagi setiap stesen, dan nasihat perjalanan dimasukkan sebagai CSA seperti yang diakui oleh SKMM.

Sistem Kunci Keselamatan Kanak-kanak dan Klasifikasi

Memandangkan kandungan kami dan kebolehcapaiannya adalah meluas, pelanggan kami yang merupakan ibu bapa mungkin ingin mempunyai kawalan ke atas apa yang ditonton oleh anak-anak mereka di TV. Ciri Saluran Sekatan penyahkod Astro kami membolehkan ibu bapa untuk mengurus tontonan anak-anak mereka dengan menyekat akses kepada saluran tertentu dengan menetapkan Nombor Pengenalan Peribadi ("PIN") untuk mengunci atau membuka kunci saluran-saluran ini. Sistem penarafan kandungan kami juga dinyatakan bersama program televisyen kami untuk memberikan idea kepada penonton mengenai kesesuaian setiap rancangan.

ASTRO DALAM MASYARAKAT

Di Astro, kami percaya dalam melakukan perubahan dan mewujudkan masyarakat yang aktif dan mampan. Sebagai lanjutan daripada komitmen kami untuk membangunkan masyarakat, kami telah memperbadankan Yayasan Astro Kasih, sebuah pertubuhan bukan keuntungan pada tahun 2012 khusus untuk memulakan dan melaksanakan semua program tanggungjawab korporat kami. Yayasan Astro Kasih mula beroperasi pada bulan Mac 2013 dan bertujuan untuk membina projek tanggungjawab korporat yang sedia ada untuk masyarakat sambil melancarkan projek baru untuk manfaat kepada masyarakat.

Program sukarelawan korporat Astro Kasih terus memberi peluang kepada bakat kami untuk terlibat dengan masyarakat dan sehingga kini, lebih 79,000 jam telah disumbang melalui lebih 800 aktiviti yang memberi tumpuan kepada empat tonggak utama iaitu *Pembelajaran Sepanjang Hayat, Pembangunan Masyarakat, Sukan dan Kesejahteraan serta Alam Sekitar*.

Pembelajaran Sepanjang Hayat

Kampus Astro dalam Sekolah

Kami terus melibatkan pelajar sekolah dan guru-guru melalui Sistem Pembelajaran Kampus Astro, yang terdiri daripada dekoder Astro, set televisyen dan akses kepada 17 saluran pembelajaran antarabangsa dan tempatan. Selain melengkapkan sekolah dengan Sistem Pembelajaran Kampus Astro, kami berdedikasi untuk mengumpul kandungan pembelajaran yang berkualiti. Melalui program ini, dianggarkan lima juta pelajar dan lebih 400,000 guru di 10,000 sekolah awam mempunyai akses kepada kandungan pendidikan bertaraf dunia.

Program sukarelawan korporat Astro Kasih terus memberi peluang kepada bakat kami untuk melibatkan diri dengan masyarakat dan sehingga kini, lebih 79,000 jam telah disumbang melalui lebih 800 aktiviti yang menumpukan kepada empat teras utama iaitu Pembelajaran Sepanjang Hayat, Pembangunan Masyarakat, Sukan dan Kesejahteraan dan Alam Sekitar



Kami juga menganjurkan acara tahunan seperti *Astro Kasih Jalinan Kasih dan Jelajah Astro Kasih* yang bertujuan menyebarkan kegembiraan perayaan dan melibatkan diri dengan masyarakat yang kurang bernasib baik melalui aktiviti sukan dan masyarakat, yang telah memberi manfaat kepada lebih daripada 7,000 orang

Pembangunan Masyarakat

Asrama Astro Kasih

Hostel Astro Kasih yang ketiga di SK Malinsau, Ranau, Sabah telah menyambut kedatangan 120 pelajar pada bulan Januari 2014. Dengan tambahan terbaru ini, Astro kini telah membina tiga hostel yang dilengkapi dengan kemudahan asas, utiliti dan sistem pembelajaran Kampus Astro untuk menyokong pelajar-pelajar di kawasan pedalaman luar bandar yang tidak dapat menerima pendidikan asas kerana kesukaran pengangkutan dan melibatkan pelajar untuk berusaha ke arah kecemerlangan akademik.

Di samping menyediakan infrastruktur, Astro Kasih terus bekerjasama dengan guru-guru sekolah untuk mewujudkan dan melaksanakan satu program intensif semakan UPSR yang menguji penguasaan pelajar melalui buku kecil tutorial eksklusif yang direka berdasarkan sukatan peperiksaan dan program TV pendidikan.

Dalam peperiksaan UPSR 2013, SK Magandai, Sabah muncul sebagai sekolah terbaik di daerah Kota Marudu, mengalahkan 32 sekolah bandar dan separa bandar yang lain di kawasan itu. Sekolah ini juga mencatatkan kadar kelulusan 100% dalam mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris buat kali pertama dan mencatatkan peningkatan kadar kelulusan keseluruhan 69.6% pada tahun 2013, berbanding dengan 55% pada tahun 2012. Asrama kedua, iaitu di SK Sungai Paku, menunjukkan peningkatan kadar kelulusan dalam kertas Bahasa Malaysia (Kefahaman) ke 90.47%, berbanding dengan 88.9% pada tahun 2012 manakala SK Malinsau menunjukkan peningkatan kadar kelulusan dalam kertas Bahasa Malaysia (Kefahaman), Matematik dan Sains daripada 62.5% kepada 82.9%, daripada 47.5% kepada 91.4% dan daripada 87.5% kepada 91.4%.

Melangkah ke hadapan, kami merancang untuk mengukuhkan program penglibatan guru dan pelajar di semua sekolah Asrama Astro untuk menggalakkan pembelajaran yang berkualiti dan memacu kecemerlangan akademik melalui bengkel dan modul interaktif dan pendidikan.

Astro Kasih EkoVillage

Astro Kasih EkoVillage telah diperkenalkan untuk memupuk pembelajaran sepanjang hayat dan meningkatkan pembangunan ekonomi yang mampan untuk masyarakat melalui pendekatan amalan praktikal dalam pertanian. Dalam program ini, kami membangunkan kawasan tanah seluas 1.5 ekar di Hostel Astro Kasih ketiga di SK Malinsau, Ranau, Sabah untuk menyediakan tanaman dan ternakan, untuk berkongsi pengetahuan dan untuk menyediakan latihan kemahiran hidup kepada masyarakat sekolah. Projek ini sebahagiannya dibiayai oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan di bawah Jabatan Perdana Menteri ("PEMANDU") dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah dan Universiti Malaysia Sabah.

Setelah projek EkoVillage kami yang pertama selesai, kami merancang untuk meniru dan menyesuaikan model ini di tapak Hostel Astro yang lain di Sabah dan Sarawak dan menggalakkan kelestarian ekonomi dan alam sekitar dalam masyarakat.

Aktiviti masyarakat lain

Kami juga menganjurkan acara tahunan seperti Astro Kasih Jalinan Kasih dan Jelajah Astro Kasih yang bertujuan menyebarkan kegembiraan perayaan dan melibatkan diri dengan masyarakat yang kurang bernasib baik melalui aktiviti sukan dan masyarakat, yang telah memberi manfaat kepada lebih daripada 7,000 orang.



“ Saya percaya bahawa selagi anda melakukan yang terbaik, anda boleh mencapai impian anda. Sekolah saya di kampung kini adalah yang terbaik di daerah kami dan saya berlatih dengan Cardiff City Football Club di United Kingdom. Saya sangat bersyukur kerana peluang yang kami ada kini. ”

Hellma Emily Joinin, berumur 11

Pelajar SK Magandai, Kota Marudu, Sabah. Pemain Pertahanan untuk Pasukan Kem Bola Perempuan 1MCC-Astro di Cardiff, United Kingdom



Astro Radio komited kepada inisiatif berkaitan masyarakat melalui usaha di udara, dalam talian dan secara langsung yang termasuk:

1. *Era FM, THR Gegar, Sinar FM* dan *MY FM* menyiarkan Pengumuman Perkhidmatan Masyarakat (“CSA”) di udara dan memberikan laporan terkini di Facebook untuk menyokong usaha-usaha menyelamatkan mangsa banjir di Pantai Timur. Di samping itu, penyampai dari stesen-stesen ini melawat beberapa kampung yang terjejas untuk mengedarkan barangan dan memberi sokongan moral kepada keluarga mangsa-mangsa banjir.
2. Semasa bulan Ramadan pada tahun 2013, Astro Radio bekerjasama dengan Twitterjaya di #BajuRayaProject untuk mengumpul dan menderma *Baju Raya* yang telah diguna atau baru melalui Skuad Era untuk rumah anak yatim terpilih di Malaysia dan Sarawak manakala Era FM terlibat dengan inisiatif berbuka puasa di rumah anak yatim terpilih dengan mengambil mereka untuk membeli makanan di bazar Ramadan dan kemudiannya makan bersama di rumah mereka.
3. *MY FM* dan *Melody FM* bergabung tenaga dengan kempen 30-jam Kebuluran World Vision bagi meningkatkan kesedaran mengenai kelaparan dan kemiskinan. Stesen-stesen ini memberikan sokongan di udara dan penyampai radionya menjadi tuan rumah untuk acara yang menyaksikan penyertaan lebih daripada 27,500 rakyat Malaysia.

Sukan dan Kesejahteraan

Kem Bola 1MCC - Astro

- Pindaan kepada Penyata Kewangan, Perkiraan Bersama dan Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain yang Disatukan: Panduan Transisi MFRS 10, 11 dan 12 (berkuatkuasa 1 Januari 2013)

Penggunaan standard perakaunan, pindaan dan penambahbaikan baharu kepada standard and pentafsiran yang diterbitkan di atas tidak memberi sebarang impak besar terhadap keputusan kewangan dan kedudukan Kumpulan dan Syarikat.

(b) Kumpulan dan Syarikat menggunakan standard baharu dengan lebih awal

Perubahan kepada 'Penjelasan Aset' MFRS 136 mengeluarkan beberapa pendedahan tentang amaun CGU yang boleh dipulihkan, yang telah dimasukkan ke dalam MFRS 136 sebelum ini, dengan penerbitan MFRS 13. Pindaan ini tidak diwajibkan secara mandatori kepada Kumpulan sehingga 1 Februari 2014, walau bagaimanapun Kumpulan mengambil keputusan untuk menggunakan standard baharu dengan lebih awal pada 1 Februari 2013.

3 Ringkasan bagi Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

A Asas penyediaan (Samb.)

(c) Penggunaan standard perakaunan dan pindaan kepada standard and pentafsiran kepada standard yang ada mengikut kesesuaian Kumpulan dan Syarikat tetapi belum berkuatkuasa.

Kumpulan dan Syarikat akan menggunakan standard perakaunan dan pindaan kepada standard and pentafsiran dalam masa berikut:

- (i) Tahun kewangan bermula/selepas 1 Februari 2014
 - Pindaan kepada MFRS 10, MFRS 12 dan MFRS 127 (berkuatkuasa 1 Januari 2014) memperkenalkan pengecualian kepada entiti pelaburan yang disatukan. Entiti pelaburan adalah entiti yang tujuan perniagaannya adalah untuk melaburkan dana hanya dengan tujuan untuk mendapatkan pulangan dari peningkatan modal, pendapatan pelaburan atau kedua-duanya dan menilai prestasi pelaburan ini mengikut asas penilaian wajar. Pindaan-pindaan ini memerlukan entiti pelaburan untuk mengukur nilai sesebuah subsidiari mengikut nilai yang wajar dan bukannya dengan menyatukan mereka.
 - Pindaan kepada “Instrumen Kewangan: Pembentangan” MFRS 132 (berkuatkuasa 1 Januari 2014) tidak merubah model tolak selesai semasa dalam MFRS 132. Ia menjelaskan maksud “kini mempunyai hak penguatkuasaan undang-undang untuk tolak selesai” bahawa hak untuk tolak selesai harus ada pada hari ini (bukan kontinjen pada peristiwa akan datang) dan boleh dikuatkuasakan secara undang-undang bagi semua pihak dalam perniagaan biasa. Ia menjelaskan mekanisma peruntukan kasar dengan ciri-ciri yang sama dengan peruntukan bersih adalah bersesuaian dengan kriteria tolak selesai MFRS 132.
- (ii) Tahun kewangan bermula/selepas 1 Februari 2015
 - Pelan Manfaat Bertakrif MFRS 119: Sumbangan Pekerja (berkuatkuasa 1 July 2014)
 - Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran MFRS 2010 – 2012 (berkuatkuasa 1 July 2014)
 - Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran MFRS 2011 – 2013 (berkuatkuasa 1 July 2014)
- (iii) Tarikh berkuatkuasa belum ditentukan oleh Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia
 - “Instrumen Kewangan – Klasifikasi dan Pengukuran bagi Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan” MFRS 9 menggantikan bahagian MFRS 139 yang berkaitan dengan klasifikasi dan pengukuran instrumen kewangan. MFRS 9 memerlukan aset kewangan untuk diklasifikasikan kepada dua kategori pengukuran: apa yang diukur mengikut nilai wajar dan apa yang diukur mengikut kos pelunasan. Penentuan dilakukan dari awal. Klasifikasi bergantung kepada model perniagaan entiti bagi menguruskan instrumen kewangannya dan ciri-ciri aliran tunai berkontrak bagi instrumen tersebut. Bagi liabiliti kewangan, standard yang ada mengekalkan kebanyakan keperluan MFRS 139. Perubahan utama adalah, di mana pilihan nilai wajar dikira sebagai liabiliti kewangan, bahagian perubahan nilai wajar disebabkan risiko kredit entiti sendiri direkodkan dalam pendapatan komprehensif lain dan bukan pada penyata pendapatan, melainkan hal ini menyebabkan ketidaksamaan perakaunan. Kumpulan belum menilai impak penuh MFRS 9. Kumpulan juga akan mempertimbangkan impak fasa-fasa MFRS 9 yang tinggal apabila sudah diselesaikan oleh Lembaga.

Kumpulan dan Syarikat sedang di dalam proses membuat penilaian terhadap impak penguatkuasaan standard ini, pindaan kepada standard yang telah diterbitkan dan tafsiran kepada standard asal.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 JANUARI 2014

3 Ringkasan bagi Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

B Penyatuan

(a) Subsidiari

Subsidiari adalah semua entiti (termasuk entiti terstruktur) di mana Kumpulan mempunyai kawalan. Kumpulan mengawal sebuah entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak kepada, pelbagai perolehan daripada penglibatannya dengan entiti dan mempunyai kemampuan untuk memberikan kesan terhadap perolehan tersebut melalui kuasanya terhadap entiti.

Subsidiari adalah disatukan secara penuh dari tarikh di mana kawalan diberikan kepada Kumpulan dan tidak lagi disatukan pada tarikh kawalan ini berakhir.

Di bawah kaedah perakaunan pemerolehan, yang digunakan semasa pemerolehan syarikat-syarikat yang dikawal bersama, kos pemerolehan diukur berdasarkan aset nilai wajar yang didapati dan anggaran atau jumlah liabiliti semasa tarikh pertukaran. Aset yang boleh dikenalpasti serta anggaran liabiliti dan liabiliti kontingen diukur berdasarkan nilai wajar semasa tarikh pemerolehan, tidak mengira sejauh mana kepentingan bukan kawalan. Lebih kepada kos pemerolehan berbanding nilai wajar saham Kumpulan bagi aset bersih subsidiari tersebut yang boleh dikenalpasti direkodkan sebagai muhibah. Sekiranya kos pemerolehan adalah kurang dari nilai wajar aset bersih subsidiari tersebut, perbezaannya akan dinyatakan di dalam penyata pendapatan.

Urusniaga, baki dan keuntungan tidak terealisasi antara syarikat pada urusniaga di antara syarikat-syarikat Kumpulan adalah dihapuskan. Kerugian tidak terealisasi juga dihapuskan. Polisi perakaunan subsidiari telah diubah mengikut keperluan untuk memastikan polisi yang konsisten dengan Kumpulan.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan, sebarang kepentingan yang masih ada dalam entiti akan diukur semula mengikut nilai wajar pada tarikh kawalan tersebut terhapus, dengan perubahan pada jumlah bawaan akan dinyatakan dalam penyata pendapatan. Nilai wajar merupakan jumlah bawaan dari awal dengan tujuan untuk meneruskan perakaunan bagi kepentingan yang masih ada sebagai rakan sekutu, rakan kongsi atau aset kewangan. Sebarang jumlah yang dinyatakan dalam pendapatan komprehensif berkaitan dengan entiti tersebut dikira seolah-olah Kumpulan telah menghapuskan aset atau liabiliti berkaitan secara langsung. Ini mungkin bermaksud bahawa jumlah yang dinyatakan sebelum ini dalam pendapatan komprehensif lain akan diklasifikasikan semula di dalam penyata pendapatan.

(b) Kepentingan bukan kawalan

Kepentingan bukan kawalan diukur pada nilai wajar saham selepas pemerolehan bagi aset dan liabiliti yang boleh dikenalpasti pada entiti pelaburan. Jumlah pendapatan komprehensif subsidiari diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat dan kepentingan bukan kawalan walaupun keputusan dalam kepentingan bukan kawalan ini mempunyai baki defisit.

Urusniaga dengan kepentingan bukan kawalan yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan adalah dikira sebagai urusniaga ekuiti – iaitu sebagai urusniaga dengan pemilik berdasarkan kedudukannya sebagai pemilik. Perbezaan di antara nilai wajar bagi sebarang bayaran dan saham relevan yang diperolehi bagi nilai yang dibawa oleh aset subsidiari direkodkan dalam ekuiti. Untung atau rugi semasa penghapusan kepada kepentingan bukan kawalan juga direkodkan dalam ekuiti.

(c) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan umumnya mempunyai antara 20% dan 50% hak mengundi, atau di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting berkenaan polisi operasi dan kewangan mereka, di mana ia di luar kawalan mereka.

3 Ringkasan bagi Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

B Penyatuan (Samb.)

(c) Syarikat bersekutu (Samb.)

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dikira menggunakan kaedah perakaunan ekuiti dan pada awalnya dikenalpasti melalui kos. Pelaburan kumpulan dalam syarikat bersekutu termasuk muhibah (kejejasan bersih terkumpul) semasa pemerolehan. Di bawah kaedah ini, bahagian Kumpulan pada keuntungan atau kerugian selepas pemerolehan syarikat bersekutu dinyatakan dalam penyata pendapatan dan bahagian dalam pergerakan selepas pemerolehan dalam rizab dinyatakan dalam rizab. Pergerakan kumulatif selepas pemerolehan disesuaikan berdasarkan kos pelaburan. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu adalah sama atau lebih daripada kepentingan syarikat bersekutu, Kumpulan tidak akan menyatakan kerugian tersebut, melainkan Kumpulan mempunyai kewajipan konstruktif atau sah di sisi undang-undang atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Keuntungan tidak terealisasi pada urusan di antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutu dihapuskan bersama kepentingan di dalam syarikat tersebut. Kerugian tidak terealisasi juga dihapuskan, melainkan urusan memberikan bukti terdapat kejejasan dalam aset yang dipindahkan. Polisi perakaunan subsidiari telah diubah mengikut keperluan untuk memastikan polisi yang konsisten dengan Kumpulan.

Pencairan keuntungan dan kerugian dalam pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan dalam penyata pendapatan.

(d) Usaha sama

Usaha sama merupakan satu pengaturan di mana terdapat kawalan bersama yang dipersetujui di dalam kontrak oleh Kumpulan dan satu atau lebih pihak, di mana keputusan tentang aktiviti relevan berkaitan usaha sama ini memerlukan kebenaran dari pihak yang mempunyai kawalan bersama secara sebulat suara. Klasifikasi usaha sama ini sebagai operasi bersama atau kerjasama bergantung kepada hak dan kewajipan pihak-pihak tersebut kepada pengaturan. Kerjasama merupakan satu usaha sama di mana mereka yang terlibat mempunyai hak kepada aset bersih usaha sama tersebut. Operasi bersama pula merupakan usaha sama di mana operator bersama mempunyai aset dan kewajipan terhadap liabiliti berkaitan dengan pengaturan tersebut.

Kepentingan Kumpulan dalam satu kerjasama dikira di dalam penyata kewangan dengan kaedah perakaunan ekuiti. Di bawah kaedah ini, kepentingan dalam usaha sama dikenalpasti melalui kos dan disesuaikan kemudian untuk mengenalpasti bahagian Kumpulan pada keuntungan atau kerugian selepas pemerolehan dan pergerakan dalam pendapat komprehensif lain. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu adalah sama atau lebih daripada syarikat usaha sama (termasuk sebarang kepentingan jangka panjang, yang secara asasnya membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam usaha sama), Kumpulan tidak akan menyatakan kerugian tersebut, melainkan Kumpulan mempunyai kewajipan konstruktif atau sah di sisi undang-undang atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Keuntungan tidak terealisasi pada urusan di antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutu dihapuskan bersama kepentingan di dalam syarikat tersebut. Kerugian tidak terealisasi juga dihapuskan, melainkan urusan memberikan bukti terdapat kejejasan dalam aset yang dipindahkan. Polisi perakaunan subsidiari telah diubah mengikut keperluan untuk memastikan polisi yang konsisten dengan Kumpulan.

C Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul.

Susut nilai dikira pada asas satu garisan lurus untuk menghapuskan kos setiap aset kepada nilai berlebihan berbanding anggaran hayat berguna. Aset yang dipajak disusutnilaikan berdasarkan anggaran hayat berguna atau tempoh pajakan, mana-mana yang lebih pendek.

3 Ringkasan bagi Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

C Hartanah, loji dan peralatan (Samb.)

Anggaran hayat berguna bagi aset adalah seperti berikut:

Bangunan	40 tahun
Transponder satelit	15 tahun
Peralatan, lekapan dan kelengkapan	3 - 10 tahun
Peralatan siaran dan transmisi	3 - 10 tahun

Tanah pegangan bebas tidak mempunyai susut nilai kerana mempunyai hayat berguna tanpa had.

Termasuk dalam peralatan siaran dan transmisi adalah kotak 'set-top' dan unit ceper luar (dipanggil "Kotak HD 'set-top'" bersama) digunakan untuk memberikan Perkhidmatan Berdefinisi Tinggi Astro ("Astro B.yond") kepada pelanggan Astro. Kotak 'set-top' khas ini merupakan hak Kumpulan walaupun selepas dipasang. Kotak 'set-top' HD ini dipermodalkan dan mempunyai susut nilai selepas hayat ekonomi selama 3 tahun.

Tiada susut nilai yang dikira bagi aset sedang dalam pembinaan sehingga aset tersebut siap dan sedia untuk digunakan.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang bentuk penjejasan. Sekiranya terdapat penjejasan, satu analisis akan dijalankan untuk menilai sama ada aset yang dibawa boleh dipulihkan. Lebihan nilai dan hayat berguna aset akan disemak semula, dan disesuaikan sekiranya perlu, pada setiap tarikh kunci kira-kira. Satu senarai akan dibuat sekiranya jumlah bawaan melebihi jumlah yang boleh dipulihkan. Sila lihat polisi perakaunan Nota 3(G) tentang penjejasan aset bukan kewangan.

Kos faedah pada pinjaman untuk membiayai pembinaan hartanah, loji dan peralatan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset sepanjang tempoh yang diperlukan untuk siap dan penyediaan aset bagi keperluannya. Kos pinjaman lain akan dibelanjakan.

Keuntungan dan kerugian pada penghapusan akan ditentukan dengan membandingkan hasil jumlah bawaan dan dinyatakan dalam penyata pendapatan.

D Pajak

(a) Pajak kewangan

Pajak hartanah, loji dan peralatan di mana Kumpulan menganggarkan semua risiko dan hasil pemilikan diklasifikasikan sebagai pajak kewangan.

Pajak kewangan dipermodalkan dari permulaan pajak pada nilai wajar yang lebih rendah bagi hartanah pajak atau nilai semasa dengan bayaran pajak yang minimum. Setiap bayaran pajak diletakkan di antara caj liabiliti dan kewangan supaya mendapat kadar berkala bagi baki yang ada. Kewajipan sewaan, caj kewangan bersih, dimasukkan sebagai sebahagian dari Pinjaman.

Hartanah, loji dan peralatan yang didapati di bawah pajak kewangan adalah disusut nilai berdasarkan hayat berguna aset dan tempoh pajak. Aset yang didapati di bawah pajak kewangan disusut nilai berdasarkan asas dalam Nota 3(C).

Kos terus pada permulaan bagi Kumpulan semasa perundingan dan penyusunan pajak kewangan dimasukkan ke dalam jumlah bawaan bagi aset yang dipajakan dan dikenali sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pajak berdasarkan perbelanjaan pajak.

3 Ringkasan bagi Polisi Perakaunan Penting (Samb.)**D Pajakan (Samb.)****(b) Pajakan Operasi**

Pajakan di mana sebahagian besar risiko dan hasil pemilikan diperolehi oleh pemberi pajak diklasifikasikan sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi (bersih dari sebarang insentif yang diterima dari pemberi pajak) dicajkan ke dalam penyata pendapatan menurut asas satu garisan lurus sepanjang tempoh pajakan.

E Aset Tak Ketara**(a) Muhibah**

Muhibah mewakili lebih kos pemerolehan subsidiari/syarikat bersekutu/usaha sama berbanding nilai saham Kumpulan bagi aset bersih subsidiari/syarikat bersekutu/usaha sama yang diperolehi dan dikenalpasti pada tarikh pemerolehan. Muhibah pada pemerolehan subsidiari adalah termasuk dalam aset tak ketara. Muhibah pada pemerolehan pelaburan dikira menggunakan kaedah ekuiti dan termasuk dalam pelaburan. Muhibah tidak dilunaskan, tetapi bergantung kepada semakan tahunan bagi kejejasan dan dikira dengan kos ditolak kerugian kejejasan terkumpul. Sebarang kejejasan dicajkan kepada penyata pendapatan sekiranya perlu dan tidak akan dibalikkan. Perkiraan keuntungan dan kerugian pada pelupusan mengambil kira baki jumlah muhibah berkaitan dengan entiti yang dijual.

Muhibah diperuntukkan pada unit yang menghasilkan tunai dengan tujuan untuk menguji kejejasan. Peruntukan tersebut dibuat kepada unit yang menghasilkan tunai atau kumpulan unit yang menghasilkan tunai yang dijangka mendapat faedah daripada kombinasi perniagaan di mana muhibah wujud, dikenalpasti berdasarkan segmen yang beroperasi.

(b) Perisian komputer

Kos yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian yang unik dan boleh dikenalpasti serta dikawal oleh Kumpulan dan mungkin akan menghasilkan faedah ekonomi melebihi kos dalam masa setahun, dikenali sebagai aset tak ketara. Kos yang berkaitan dengan penyenggaraan program perisian komputer dikenali sebagai perbelanjaan apabila berlaku.

Perbelanjaan yang menaiktaraf atau memanjangkan prestasi program perisian komputer lebih dari spesifikasi asal mereka dikenali sebagai penambahbaikan modal dan ditambah kepada kos asal perisian tersebut. Kos perisian komputer yang dikenali sebagai aset dilunaskan menggunakan kaedah garisan lurus berdasarkan hayat berguna ekonomi sebanyak 3 – 4 tahun. Pelunasan dimasukkan ke dalam kos jualan, perbelanjaan pentadbiran dan kos pemasaran dan pengedaran, di mana perlu.

(c) Pengembangan perisian

Tiada pelunasan dikira pada pengembangan perisian sehingga perisian siap dihasilkan dan bersedia untuk digunakan.

Kos yang diagihkan secara langsung dan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada produk perisian termasuklah kos pekerja pengembangan perisian dan sebahagian untuk overhead yang bersesuaian. Perbelanjaan pengembangan lain yang tidak menepati kriteria-kriteria ini dikenali sebagai perbelanjaan apabila perlu. Kos pengembangan yang sebelum ini dikenali sebagai satu perbelanjaan tidak akan dikenali sebagai aset pada tempoh seterusnya.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, satu analisis akan dilakukan untuk menilai sama ada aset yang dibawa boleh dipulihkan. Satu senarai akan dibuat sekiranya jumlah bawaan melebihi jumlah yang boleh dipulihkan. Sila lihat polisi perakaunan Nota 3(G) tentang penjejasan aset bukan kewangan.

3 Ringkasan bagi Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

E Aset Tak Ketara (Samb.)

(d) Jenama

Jenama yang diperolehi dalam kombinasi perniagaan berkaitan dengan perniagaan radio dikenali pada nilai wajar pada tarikh pemerolehan. Jenama-jenama ini mempunyai hayat berguna yang tidak pasti dan tidak dilunaskan, tetapi bergantung kepada semakan tahunan bagi kejejasan dan dikira dengan kos tolak kerugian kejejasan terkumpul. Sebarang kejejasan dicajkan pada penyata pendapatan sekiranya perlu.

Hayat berguna bagi jenama-jenama ini dianggarkan sebagai tidak pasti berdasarkan kedudukan kukuhnya di dalam pasaran dan contoh jelas dari syarikat-syarikat radio yang hampir sama di mana mereka menganggarkan hayat berguna yang tidak pasti bagi jenama radio. Pihak pengurusan percaya bahawa tidak ada had yang boleh diramalkan tentang tempoh di mana jenama-jenama ini diharapkan untuk menghasilkan aliran wang tunai bersih untuk Kumpulan.

(e) Pustaka filem dan hak program

Pustaka filem terdiri daripada filem yang diperolehi dan diterbitkan untuk Kumpulan dengan tujuan utama untuk mengeksploitasikan perpustakaan tersebut melalui pelancaran dan perlesenan filem sebagai sebahagian daripada operasi jangka panjang Kumpulan. Pustaka filem ini dinyatakan dengan kos tolak pelunasan terkumpul.

Pelunasan perpustakaan filem adalah berdasarkan sesebuah filem bergantung kepada bahagian hasil sebenar yang diperolehi semasa tahun kewangan berbanding jumlah hasil yang dianggarkan sepanjang tempoh di mana hasil mula diperolehi. Anggaran hasil utama yang bakal diperolehi disemak mengikut tempoh tertentu dan kerugian kejejasan tambahan akan dikenalpasti sekiranya perlu. Pelunasan adalah termasuk dalam kos jualan.

Kos pembikinan sesebuah filem terdiri daripada perbelanjaan untuk menghasilkan filem tersebut dan dinyatakan dalam kos. Pelunasan kos untuk pembikinan filem yang sedang dijalankan ini akan bermula dalam tempoh apabila filem tersebut ditayangkan di pawagam.

Hak program adalah termasuk hak pelesenan daripada pihak ketiga dan program yang diterbitkan untuk Kumpulan serta mana-mana penerbitan yang sedang dijalankan dengan tujuan utama untuk disiarkan mengikut kitaran operasi biasa Kumpulan. Hak ini dinyatakan dengan kos tolak pelunasan terkumpul.

Hak pelunasan program Kumpulan adalah berdasarkan kecepatan sepanjang tempoh lesen, atau anggaran hayat berguna sekiranya lebih pendek, dari tarikh transmisi pertama, untuk dipadankan dengan kos penggunaan dan anggaran faedah yang bakal diterima. Pelunasan adalah termasuk dalam kos jualan. Tempoh pelunasan adalah tidak lebih dari tiga tahun.

Kos bagi hak program sukan adalah dilunaskan menggunakan asas garis lurus sepanjang musim atau setahun sekali, bergantung kepada anggaran penggunaan hak. Peristiwa secara langsung atau yang hanya berlaku sekali dilunaskan pada tarikh transmisi pertama.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang kejejasan. Sekiranya kejejasan tersebut wujud, satu analisis akan dijalankan untuk menilai sama ada aset yang dibawa boleh dipulihkan. Satu senarai akan dibuat sekiranya jumlah bawaan melebihi jumlah yang boleh dipulihkan. Sila lihat polisi perakaunan Nota 3(G) tentang penjejasan aset bukan kewangan

F Hak transmisi rangkaian berbalik

Kos rangkaian berbalik (yuran pembekal program), di mana Kumpulan mempunyai hak transmisi secara langsung, dikira sebagai perbelanjaan tertanggung.

3 Ringkasan bagi Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

G Kejejasan aset bukan kewangan

Aset yang mempunyai hayat berguna yang tidak pasti, contohnya muhibah atau aset tak ketara yang belum sedia digunakan, tidak tertakluk kepada pelunasan, atau susut nilai dan disemak setiap tahun bagi sebarang kejejasan. Aset yang tertakluk kepada pelunasan atau susut nilai disemak bagi sebarang kejejasan apabila terdapat peristiwa atau perubahan pada keadaan di mana ia menunjukkan bahawa jumlah bawaan mungkin tidak boleh dipulihkan. Kerugian kejejasan dikenalpasti dengan menggunakan jumlah di mana jumlah aset yang dibawa melebihi jumlah yang boleh dipulihkan. Jumlah yang boleh dipulihkan adalah lebih tinggi dari nilai wajar aset tolak kos untuk dijual dan nilai semasa digunakan. Untuk tujuan penilaian bagi kejejasan, aset dikumpul di peringkat paling bawah di mana terdapat aliran tunai yang boleh dikenalpasti secara berasingan (Unit Penjana Tunai). Aset bukan kewangan selain daripada muhibah yang terjejas akan disemak bagi sebarang kemungkinan pemulihan pada setiap tarikh laporan.

Kerugian kejejasan dicajkan pada penyata pendapatan melainkan penilaian sebelum ini ditukar. Sekiranya berlaku, ia akan dicajkan kepada lebihan penilaian semula. Sebarang peningkatan dalam jumlah yang boleh dipulihkan pada aset-aset lain diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan ia menukar satu kerugian kejejasan pada aset yang dinilai semula. Sekiranya berlaku, ia akan dicajkan kepada lebihan penilaian semula.

H Inventori

Inventori termasuklah pita, kotak 'set-top' yang digunakan untuk membekalkan perkhidmatan bukan langganan dan material-material lain yang dinyatakan pada kos yang rendah dan nilai terealisasi bersih.

Kos dikira berdasarkan kaedah kos purata berwajaran. Kelonggaran dibenarkan untuk inventori yang lapuk dan bergerak perlahan di mana bersesuaian berdasarkan analisis pihak pengurusan tentang tahap inventori dan ramalan jualan di masa hadapan.

Nilai terealisasi bersih menunjukkan nilai kotak 'set-top' di tangan pelanggan terhadap perniagaan.

I Pinjaman

Pinjaman adalah dinyatakan pada kos pelunasan menggunakan kaedah penghasilan efektif; sebarang perbezaan di antara nilai asal yang dibawa dan nilai tebus semula diiktiraf di dalam penyata pendapatan menggunakan kaedah penghasilan efektif sepanjang tempoh Pinjaman.

J Cukai semasa dan tertunda

Perbelanjaan cukai bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai diiktiraf dalam penyata kewangan, kecuali sekiranya ia berkaitan dengan item yang dikenali dalam pendapatan komprehensif lain atau dalam ekuiti secara langsung. Dalam hal ini, cukai juga diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti secara langsung.

Caj cukai pendapatan semasa dikira berdasarkan undang-undang cukai yang dijalankan pada penghujung tempoh pelaporan.

Pihak pengurusan menilai kedudukan dalam penyata cukai dari semasa ke semasa berkenaan situasi di mana peraturan cukai yang dikenakan adalah bergantung kepada terjemahan. Ia menetapkan peruntukan yang sesuai berdasarkan jumlah yang dianggarkan akan dibayar kepada penguatkuasa cukai. Liabiliti ini diukur menggunakan anggaran hasil yang paling tepat.

Cukai yang tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti berdasarkan perbezaan sementara yang wujud di antara jumlah yang diagihkan kepada aset dan liabiliti bagi tujuan cukai serta jumlah bawaan dalam penyata pendapatan. Walau bagaimanapun, cukai tertunda tidak dikira sekiranya ia wujud daripada pengiktirafan awal bagi aset atau liabiliti dalam urusan selain kombinasi perniagaan yang pada masa tersebut tidak memberi kesan terhadap perakaunan atau untung rugi boleh cukai. Cukai tertunda ditentukan menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah dijalankan pada penghujung tempoh pelaporan dan dijangka digunakan apabila aset cukai tertunda berkaitan terealisasi atau liabiliti cukai tertunda diselesaikan.

3 Ringkasan bagi Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

J Cukai semasa dan tertunda (Samb.)

Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga ia memungkinkan untung percukaian di mana perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai tidak digunakan atau kredit cukai tidak digunakan boleh digunakan.

Cukai tertunda diiktiraf pada perbezaan sementara yang wujud pada pelaburan dalam subsidiari, syarikat bersekutu dan usaha sama kecuali apabila masa bagi perbezaan sementara ini boleh dikawal dan memungkinkan perbezaan sementara ini tidak berpatah balik dalam jangkaan masa hadapan.

Aset dan liabiliti cukai pendapatan semasa dan tertunda diseimbangkan apabila terdapat hak penguatkuasaan undang-undang untuk menyeimbangkan aset cukai semasa berbanding liabiliti cukai semasa dan apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda berkaitan dengan cukai-cukai ini dilevikan oleh penguasa percukaian sama ada pada entiti boleh cukai atau entiti boleh cukai lain di mana terdapat niat untuk menyelesaikan baki mengikut kadar bersih.

K Manfaat Pekerja

(a) Manfaat jangka pendek pekerja

Upah, gaji, cuti tahunan bergaji, bonus dan manfaat bukan wang diakrukan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan dilakukan oleh pekerja Kumpulan. Kumpulan mengiktiraf peruntukan mengikut kontrak atau di mana ada kebiasaan di masa lalu yang merupakan satu kewajipan yang membawa kepada kebaikan.

(b) Pelan caruman tertakrif

Pelan caruman tertakrif adalah pelan persaraan yang dalam ruang lingkupnya, Kumpulan dan Syarikat membayar caruman tetap ke dalam sebuah entiti berasingan (dana) dan tidak akan mempunyai sebarang kewajipan undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya sekiranya dana tidak memegang aset yang mencukupi untuk membayar kesemua faedah pekerja yang berkaitan dengan perkhidmatan pekerja dalam tempoh semasa dan terdahulu.

Kumpulan membayar caruman kepada pelan pensen yang ditadbir secara awam mengikut kadar mandatori, kontrak atau sukarela, dan dicajkan kepada penyata pendapatan dalam tempoh di mana berkaitan. Apabila caruman ini telah dibayar, Kumpulan tidak lagi mempunyai sebarang kewajipan bayaran lain. Caruman berkala dikira mengikut kadar akruan.

(c) Manfaat pemberhentian

Manfaat pemberhentian perlu dibayar apabila pekerja diberhentikan oleh Kumpulan sebelum tarikh persaraan biasa atau apabila pekerja menerima pemberhentian sukarela sebagai pertukaran bagi manfaat ini. Kumpulan mengiktiraf manfaat pemberhentian apabila: (a) Kumpulan tidak lagi boleh menarik balik tawaran manfaat; dan (b) entiti mengenalpasti kos penstrukturan semula yang masih berada dalam skop MFRS 137 dan berkaitan dengan bayaran manfaat pemberhentian. Sekiranya ada tawaran yang diberikan untuk menggalakkan pemberhentian sukarela, manfaat pemberhentian diukur berdasarkan jumlah pekerja yang dianggarkan menerima tawaran tersebut. Manfaat yang dikira lebih dari 12 bulan selepas tempoh pelaporan dikira pada nilai semasa.

3 Ringkasan bagi Polisi Perakaunan Penting (Samb.)**K Manfaat pekerja (Samb.)****(d) Urusniaga bayaran berasaskan saham**

Kumpulan dan Syarikat juga memberikan pampasan ekuiti berasaskan saham di mana entiti menerima perkhidmatan daripada pekerja sebagai pertimbangan instrumen ekuiti (pilihan) bagi Kumpulan. Nilai wajar bagi perkhidmatan pekerja yang diterima sebagai pertukaran kepada geran saham yang diberikan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan peningkatan ekuiti yang sama. Jumlah yang akan dibelanjakan sepanjang tempoh letak hak ditentukan dengan merujuk kepada nilai wajar bagi geran saham yang diberikan, tidak termasuk impak kepada sebarang perkhidmatan dan syarat letak hak bagi prestasi bukan pasaran.

Syarat letak hak bukan pasaran adalah termasuk dalam anggaran tentang pilihan letak hak yang dijangkakan. Jumlah perbelanjaan diiktiraf sepanjang tempoh letak hak, di mana semua syarat letak hak perlu dipenuhi. Di penghujung tempoh pelaporan, Syarikat menyemak anggaran pilihan letak hak yang dijangkakan berdasarkan syarat letak hak bukan pasaran. Ia mengiktiraf impak kepada semakan itu berbanding anggaran asal, sekiranya ada, dalam penyata pendapatan, dengan pelarasan sama kepada rizab pilihan saham dalam ekuiti.

Nilai wajar saham yang diberikan diukur menggunakan Model Simulasi Monte Carlo. Input pengukuran termasuklah harga saham pada tarikh pengukuran, ketaktentuan pasaran yang dijangkakan (berdasarkan sejarah ketaktentuan pasaran secara purata yang diselaraskan mengikut perubahan yang dijangkakan menurut maklumat awam), dividen yang dijangkakan dan kadar faedah tanpa risiko (berdasarkan hasil dari Sekuriti Kerajaan Malaysia).

(e) Bayaran gratuiti

Bayaran gratuiti kepada pekerja diiktiraf apabila kriteria kelayakan dipenuhi dan dibayar apabila pekerja yang layak tersebut pencen.

L Matawang asing**(a) Fungsian dan pembelanjaan matawang**

Item yang dimasukkan ke dalam penyata kewangan setiap entiti dalam Kumpulan diukur menggunakan matawang ekonomi utama tempat entiti tersebut beroperasi ("matawang fungsian"). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga menjadi matawang fungsian dan pembentangan Syarikat.

(b) Urusniaga dan baki

Urusniaga matawang asing ditukarkan kepada RM menggunakan kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Keuntungan dan kerugian dalam pertukaran asing yang diterima daripada urusniaga tersebut dan daripada pertukaran kadar pada hujung tahun bagi aset dan liabiliti wang yang dikira dalam matawang asing diiktiraf dalam penyata pendapatan.

M Tunai dan kesamaan tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesamaan tunai adalah terdiri daripada tunai di tangan, tunai di bank dan deposit dengan bank yang mempunyai tempoh matang kurang dari 3 bulan.

3 Ringkasan bagi Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

N Aset dan liabiliti kontingen

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti kontingen tetapi menyatakan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti kontingen adalah satu kemungkinan tanggungan yang berasal dari peristiwa lepas yang akan disahkan oleh peristiwa masa hadapan di luar kawalan Kumpulan atau tanggungan semasa yang tidak diiktiraf kerana tidak mungkin aliran sumber luar diperlukan untuk menyelesaikan tanggungan tersebut. Liabiliti kontingen juga wujud dalam keadaan paling jarang di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan pasti.

Aset kontingen merupakan aset mungkin yang berasal dari peristiwa lepas yang akan disahkan oleh peristiwa masa hadapan di luar kawalan Kumpulan. Kumpulan menyatakan kewujudan aset kontingen di mana aliran masuk faedah ekonomi adalah mungkin, tetapi tidak benar-benar pasti.

O Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Syarikat mempunyai tanggungan undang-undang atau konstruktif semasa setelah sesuatu peristiwa berlaku, di mana kemungkinan lebih tinggi bahawa aliran sumber luar akan diperlukan untuk menyelesaikan tanggungan tersebut, dan apabila jumlah anggaran boleh dibuat.

Peruntukan diukur pada nilai semasa perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan tanggungan tersebut menggunakan kadar pra cukai yang menunjukkan penilaian wang pada pasaran semasa dan risiko khusus terhadap tanggungan tersebut.

P Modal saham

(a) Klasifikasi

Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti. Saham lain diklasifikasikan sebagai ekuiti dan/atau liabiliti bergantung kepada unsur ekonomi bagi instrumen.

(b) Kos penerbitan saham

Kos luaran tambahan yang diagihkan secara langsung kepada penerbitan saham baru ditunjukkan dalam ekuiti sebagai cukai bersih pengurangan dari hasil yang didapati.

(c) Dividen

Dividen saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti apabila diisytiharkan, selain daripada dividen akhir yang diiktiraf apabila disahkan oleh ahli semasa Mesyuarat Agung Tahunan.

(d) Saham Boleh Ditebus ("RPS")

RPS diklasifikasikan sebagai ekuiti dan/atau liabiliti bergantung kepada unsur dalam pengaturan kontrak bagi instrumen.

3 Ringkasan bagi Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

Q Pengiktirafan Hasil

Pendapatan dividen Syarikat diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran ditetapkan.

Yuran langganan dari perkhidmatan televisyen satelit diiktiraf sebagai perolehan sepanjang tempoh perkhidmatan diberikan.

Yuran langganan yang diterima sebelum perkhidmatan diberikan diiktiraf sebagai hasil belum diperolehi.

Hasil waktu siaran daripada penempatan iklan pada televisyen dan siaran iklan di stesen radio, diiktiraf sepanjang tempoh di mana iklan ke udara, cukai bersih perkhidmatan dan diskaun.

Hasil pengiklanan dari jualan ruang pengiklanan dalam majalah diiktiraf sepanjang tempoh di mana pengiklanan diterbitkan, cukai bersih perkhidmatan dan diskaun.

Sesetengah hasil pengiklanan didapati dari transaksi barter di mana pertukaran dibuat untuk peralatan, barang atau perkhidmatan, oleh pengiklan. Hasil demikian direkodkan pada anggaran nilai wajar pasaran bagi peralatan dan barang yang diterima. Hasil ini diiktiraf sepanjang tempoh kontrak di mana iklan ke udara. Nilai wajar pasaran bagi peralatan dan barang yang diterima direkodkan sebagai aset apabila ia layak mendapat pengiktirafan aset atau jika tidak, akan dikira sebagai perbelanjaan. Perkhidmatan yang diterima sebagai pertukaran merupakan perbelanjaan sepanjang tempoh perkhidmatan.

Pendapatan dari perlesenan diiktiraf sepanjang tahun kontrak berdasarkan yuran tetap yang disesuaikan bergantung kepada pelbagai sebab, contohnya jumlah pelanggan rangkaian, atau jumlah rangkaian linear yang ada.

Hasil dari jualan kotak "set-top" bagi perkhidmatan bukan langganan diiktiraf dalam tempoh ia dihantar kerana pemilikan dipindahkan kepada pelanggan apabila sudah diterima. Kotak HD "set-top" tidak dijual kerana pemilikan kotak-kotak ini kekal dengan Kumpulan, seperti yang dinyatakan dalam Nota 3(C).

Hasil dari peruntukan pustaka filem dan hak program diiktiraf dalam tempoh hak tersebut boleh digunakan oleh pemegang lesen.

Yuran dari pembangunan aplikasi multimedia dan interaktif (perkhidmatan interaktif) diiktiraf sepanjang tempoh kontrak di mana pembangunan berlangsung. Yuran daripada hak untuk mengakses aplikasi multimedia dan interaktif diiktiraf sepanjang tempoh di mana perkhidmatan diberikan.

Pendapatan dari faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah efektif.

R Instrumen Kewangan

(a) Instrumen kewangan yang diiktiraf pada kunci kira-kira

Instrumen kewangan bawaan dalam kunci kira-kira adalah termasuk tunai dan baki bank, deposit, belum terima, belum bayar, pinjaman dan pelaburan lain. Kaedah pengiktirafan khusus yang digunakan untuk instrumen kewangan ini diiktiraf dalam kunci kira-kira seperti yang dinyatakan dalam penyata polisi perakaunan individu berkaitan dengan setiap item.

(b) Anggaran nilai wajar bagi tujuan pendedahan

Dalam menilai nilai wajar bagi instrumen kewangan, Kumpulan membuat jangkaan yang berdasarkan keadaan pasaran semasa tarikh kunci kira-kira dan menggunakan kaedah aliran tunai terdiskaun untuk mendiskaunkan aliran tunai masa hadapan bagi menentukan nilai wajar instrumen kewangan.

Nilai muka tolak sebarang anggaran pelarasan kredit, untuk aset dan liabiliti kewangan dengan tempoh matang kurang dari setahun, dianggap akan memberi anggaran nilai wajar tersebut.

3 Ringkasan bagi Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

S Aset kewangan

(a) Klasifikasi

Kumpulan mengklasifikasikan aset kewangannya dalam kategori berikut: pada nilai wajar melalui untung rugi ("FVTPL"), pinjaman dan belum terima, untuk dijual dan pegangan sehingga matang ("HTM"). Klasifikasi ini bergantung kepada tujuan aset kewangan diambil alih. Pengurusan menentukan klasifikasi ini dari awal pengiktirafan.

(i) Aset kewangan pada FVTPL

Aset kewangan pada FVTPL adalah merupakan aset kewangan pegangan untuk perdagangan. Sebuah aset kewangan diklasifikasikan dalam kategori ini sekiranya ia diambil alih semata-mata dengan tujuan untuk menjualnya kembali dalam jangka masa pendek. Derivatif juga dikategorikan sebagai pegangan untuk perdagangan melainkan ia dikhaskan sebagai lindung nilai. Aset dalam kategori ini diklasifikasikan sebagai aset semasa.

(ii) Pinjaman dan belum terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Ia termasuk dalam aset semasa, kecuali pinjaman yang akan matang dalam masa lebih dari 12 bulan dari tarikh kunci kira-kira, yang diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa. Ia tidak termasuk dalam belum terima and prebelum bayar dalam kunci kira-kira pada kos pelunasan.

(iii) Aset kewangan untuk dijual ("AFS")

Aset kewangan untuk dijual adalah bukan derivatif yang sama ada dikhaskan dalam kategori ini atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana kategori lain. Ia termasuk dalam aset bukan semasa melainkan pelaburan telah matang atau pihak pengurusan berniat untuk melupuskannya dalam masa 12 bulan dari tarikh akhir pelaporan.

(iv) Pelaburan HTM

Aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan dan tempoh matang tetap diklasifikasikan sebagai pegangan sehingga matang apabila Kumpulan mempunyai niat positif dan kemampuan untuk memegang sehingga matang. Ia diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa apabila tempoh kematangan yang tinggal adalah lebih dari 12 bulan dan diklasifikasikan sebagai aset semasa apabila tempoh kematangan yang tinggal adalah kurang dari 12 bulan. Ia termasuk dalam aset kewangan dalam kunci kira-kira pada kos pelunasan. Sekiranya Kumpulan ingin menjual aset kewangan pegangan sehingga matang ini pada jumlah yang signifikan, seluruh kategori ini akan dibatalkan dan diklasifikasikan semula sebagai untuk dijual.

(b) Pengiktirafan dan pengukuran

Belian dan jualan aset kewangan diiktiraf pada tarikh dagangan – tarikh di mana Kumpulan memberikan komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut. Pelaburan pada awalnya diiktiraf pada nilai wajar ditambah dengan kos transaksi untuk semua aset kewangan bukan bawaan pada FVTPL. Aset kewangan bawaan pada FVTPL adalah diiktiraf dari awal pada nilai wajar, dan kos transaksi adalah dibelanjakan dalam penyata pendapatan. FVTPL kemudiannya dibawa pada nilai wajar. Pinjaman dan belum terima serta aset kewangan pegangan sehingga matang kemudian dibawa pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif. AFS kemudiannya dibawa pada nilai wajar. Sebarang untung atau rugi dari perubahan nilai wajar AFS diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali kerugian kejejasan, keuntungan dan kerugian pertukaran asing pada instrumen wang, faedah dan dividen yang diiktiraf dalam penyata pendapatan.

3 Ringkasan bagi Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

S Aset kewangan (Samb.)

(c) Pengukuran Terkemudian - Kejejasan aset kewangan

Aset kewangan bawaan pada kos pelunasan terjejas apabila terdapat bukti objektif bahawa nilai semasa bagi anggaran aliran tunai terdiskaun di masa hadapan adalah lebih rendah daripada nilai bawaan disebabkan satu atau lebih peristiwa yang berlaku.

Sebarang kerugian kejejasan diiktiraf segera dalam penyata pendapatan. Aset kewangan sentiasa diawasi dan elaun diletakkan ke atas aset kewangan secara kolektif berdasarkan pengalaman kerugian Kumpulan dan Syarikat dalam kategori yang relevan tersebut.

Sekiranya, dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian kejejasan berkurangan dan pengurangan ini boleh dikaitkan secara objektif dengan sesuatu peristiwa yang berlaku selepas kejejasan diiktiraf, pembalikan semula kepada kerugian kejejasan yang diiktiraf sebelum ini akan dilakukan dalam penyata pendapatan.

Apabila sesuatu aset tidak boleh dikolektifkan, ia akan dilupuskan pada akaun elaun berkaitan. Aset-aset sedemikian dilupuskan setelah segala keperluan prosedur dilakukan dan jumlah kerugian ditentukan.

Jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan di antara jumlah aset bawaan dan nilai semasa bagi anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit yang belum berlaku) didiskaunkan pada kadar faedah aset kewangan efektif yang asal. Jumlah bawaan aset dikurangkan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan. Sekiranya 'pinjaman dan belum terima' mempunyai kadar faedah yang berbeza, kadar diskaun bagi mengukur sebarang kerugian kejejasan merupakan kadar faedah efektif semasa yang ditentukan di bawah kontrak.

Kumpulan dan Syarikat boleh mengukur kejejasan menurut nilai wajar instrumen dengan memerhatikan harga pasaran.

Dalam kes sekuriti ekuiti yang diklasifikasikan sebagai untuk dijual, ditambah kepada kriteria bagi aset kewangan bawaan pada kos pelunasan di atas, satu penolakan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai wajar sekuriti yang lebih rendah dari kos juga diambil kira sebagai penunjuk aras bahawa aset tersebut telah terjejas. Sekiranya sebarang bukti sedemikian ada bagi aset kewangan untuk dijual, kerugian kumulatif yang telah diiktiraf secara langsung dalam ekuiti akan dipindahkan dari ekuiti dan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Jumlah kerugian kumulatif yang diklasifikasikan semula pada penyata pendapatan merupakan perbezaan di antara kos pengambilalihan dan nilai wajar semasa, tolak sebarang kerugian kejejasan pada aset kewangan yang sebelum ini diiktiraf dalam penyata pendapatan. Kerugian kejejasan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan pada instrumen ekuiti dan diklasifikasikan sebagai untuk dijual, tidak akan dibalikkan semula melalui penyata pendapatan.

(d) Penarikan balik pengiktirafan

Pengiktirafan aset kewangan akan ditarik balik apabila hak untuk menerima aliran tunai dari pelaburan telah luput atau telah dipindahkan dan Kumpulan dan Syarikat telah memindahkan semua risiko dan pemilikan.

Apabila AFS dijual, pelarasan nilai wajar terkumpul diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain akan diklasifikasikan semula kepada penyata pendapatan.

3 Ringkasan bagi Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

T Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dalam skop “Instrumen Kewangan – Pengiktirafan dan Pengukuran” MFRS139 diiktiraf pada kunci kira-kira di mana, dan hanya apabila, Kumpulan menjadi pihak dalam peruntukan kontrak bagi instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan diiktiraf dari awal pada nilai wajar dan diagihkan kos transaksi secara langsung sekiranya liabiliti kewangan tersebut merupakan selain dari derivatif.

Setelah mendapat pengiktirafan awal, derivatif diukur pada nilai wajar. Liabiliti kewangan lain (selain jaminan kewangan) diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif.

Bagi liabiliti kewangan selain derivatif, untung dan rugi diiktiraf pada penyata pendapatan apabila liabiliti tidak lagi diiktiraf, dan melalui proses pelunasan. Sebarang untung dan rugi daripada perubahan nilai wajar derivatif diiktiraf dalam penyata pendapatan. Untung dan rugi bersih pada derivatif termasuk dalam perbezaan pertukaran.

Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila tanggungan di bawah liabiliti terhapus. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan liabiliti lain dari peminjam yang sama pada syarat yang berbeza, atau syarat liabiliti sedia ada diubah dengan banyak, seperti pertukaran atau perubahan dianggap sebagai penarikan balik pengiktirafan oleh liabiliti asal dan pengiktirafan kepada liabiliti baru, dan perbezaan dalam jumlah bawaan masing-masing diiktiraf dalam penyata pendapatan.

U Instrumen kewangan derivatif dan aktiviti lindung nilai

Derivatif diiktiraf dari awal pada nilai wajar pada tarikh kontrak derivatif dimasukkan dan diukur semula pada nilai wajarnya. Kaedah untuk pengiktiraf keputusan untung atau rugi bergantung kepada sama ada derivatif itu dikhaskan sebagai instrumen lindung nilai, dan sekiranya demikian, bagaimana item itu dilindung nilai.

Kumpulan mendokumenkan hubungan di antara instrumen lindung nilai dan item lindung nilai pada awal transaksi termasuk objektif dan strategi risiko pengurusan bagi pengambilan pelbagai transaksi lindung nilai.

Kumpulan juga mendokumenkan penilaian, pada awal lindung nilai dan secara berterusan, sama ada derivatif yang digunakan dalam transaksi lindung nilai adalah berkesan dalam mengimbangi perubahan pada nilai wajar atau aliran tunai item lindung nilai.

Nilai wajar bagi pelbagai instrumen derivatif yang digunakan bagi tujuan lindung nilai dinyatakan dalam penyata kewangan. Pergerakan pada rizab lindung nilai dalam ekuiti pemegang saham ditunjukkan dalam Penyata Perubahan Ekuiti. Nilai wajar penuh bagi derivatif lindung nilai diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti bukan semasa apabila tempoh matang item lindung nilai yang masih tinggal adalah lebih dari 12 bulan dan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti semasa apabila tempoh matang item lindung nilai yang masih tinggal adalah kurang dari 12 bulan. Derivatif dagangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti semasa.

(a) Lindung nilai aliran tunai

Bahagian perubahan yang efektif bagi nilai wajar derivatif yang dikhaskan dan layak sebagai lindung nilai aliran tunai adalah diiktiraf dalam ekuiti. Untung atau rugi berkaitan dengan bahagian yang tidak efektif diiktiraf segera dalam penyata pendapatan.

Jumlah terkumpul dalam ekuiti dikitar semula dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana item lindung nilai memberi kesan kepada untung atau rugi. Walau bagaimanapun, apabila transaksi ramalan yang dilindung nilai mengakibatkan pengiktirafan kepada aset bukan kewangan, untung dan rugi yang sebelum ini tertangguh dalam ekuiti, akan dipindahkan dari ekuiti dan dimasukkan dalam pengukuran awal bagi kos aset.

Apabila instrumen lindung nilai luput atau dijual, atau apabila lindung nilai tersebut tidak lagi menepati kriteria perakaunan lindung nilai, sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang terdapat dalam ekuiti pada masa tersebut kekal dalam ekuiti dan diiktiraf apabila transaksi ramalan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Apabila transaksi ramalan tidak lagi dianggarkan akan berlaku, keuntungan atau kerugian kumulatif yang dilaporkan dalam ekuiti akan dipindahkan segera kepada penyata pendapatan.

3 Ringkasan bagi Polisi Perakaunan Penting (Samb.)

U Instrumen kewangan derivatif dan aktiviti lindung nilai (Samb.)

(b) Derivatif pada FVTPL

Perubahan dalam nilai wajar instrumen kewangan derivatif yang tidak layak untuk perakaunan lindung nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila ia muncul.

Derivatif yang termasuk dalam instrumen kewangan lain atau kontrak hos bukan kewangan yang lain dikira sebagai derivatif berlainan apabila risiko dan ciri-cirinya tidak berkaitan rapat dengan derivatif kontrak hos dan kontrak hos itu tidak dibawa pada nilai wajar dengan keuntungan atau kerugian tidak terealisasi dilaporkan dalam penyata pendapatan.

V Perolehan pada setiap unit saham biasa

Kumpulan membentangkan data perolehan asas dan cair bagi setiap saham ("EPS") bagi saham-saham biasa miliknya.

Jumlah hutang dari syarikat berkaitan	6,673	8
Jumlah hutang dari pihak berkaitan	27,028	-
Jumlah hutang dari subsidiari	-	18,058
Peralatan kewangan derivatif	128,928	110,769
	2,006,319	684,685
<u>Liabiliti kewangan pada kos pelunasan</u>		
Liabiliti kewangan mengikut kunci kira-kira		
Dagangan dan belum bayar lain tidak termasuk hasil belum diperoleh	2,351,581	1,900
Jumlah hutang kepada pihak berkaitan	57,894	20
Jumlah hutang kepada subsidiari	-	2,215
Jumlah hutang kepada syarikat berkaitan	19,361	276
Instrumen kewangan derivatif	12,347	10,688
Pinjaman	3,663,499	3,002,548
	6,104,682	3,017,647

37 Instrumen Kewangan (Samb.)

(e) Instrumen Kewangan mengikut Kategori (Samb.)

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
<u>31 Januari 2013</u>		
<u>Aset kewangan untuk dijual</u>		
Aset kewangan seperti kunci kira-kira		
Pelaburan lain	5,825	-
<u>Pinjaman dan belum terima</u>		
Aset kewangan seperti kunci kira-kira		
Deposit, tunai dan baki bank	1,607,767	1,061,114
Dagangan belum terima, belum terima dan deposit tidak termasuk termasuk pendahuluan and pra-pembayaran	574,303	7,693
Pendahuluan jangka panjang pada sekutu	38,187	-
Pendahuluan jangka panjang pada usaha sama	3,305	-
Jumlah hutang dari sekutu	18,168	16,426
Jumlah hutang dari syarikat pegangan	20,036	3
Jumlah hutang dari syarikat berkaitan	20,469	-
Jumlah hutang dari pihak berkaitan	-	108,294
Jumlah hutang dari subsidiari	3,504	-
	2,285,739	1,193,530
<u>Liabiliti kewangan pada kos pelunasan</u>		
Liabiliti kewangan mengikut kunci kira-kira		
Dagangan dan belum bayar lain tidak termasuk hasil belum diperoleh	1,830,019	4,179
Jumlah hutang kepada pihak berkaitan	75,359	-
Jumlah hutang kepada subsidiari	-	773
Jumlah hutang kepada syarikat berkaitan	12,333	1,075
Instrumen kewangan derivatif	45,319	45,319
Pinjaman	3,702,769	2,991,590
	5,665,799	3,042,936

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 JANUARI 2014

38 Peristiwa-peristiwa Penting Semasa Tahun Kewangan

Peristiwa-peristiwa penting berikut berlaku semasa tahun kewangan:

- (a) Pada 13 Februari 2013, Kumpulan mengambil alih dua subsidiari, Astro Retail Ventures Sdn. Bhd. ("ARV") dan Astro Sports Marketing Sdn. Bhd. ("ASM") (dahulu dikenali sebagai Astro Nostalgia Sdn. Bhd.). Kedua-dua ARV dan ASM syarikat dormant dengan modal saham diterbitkan yang masing-masing bernilai RM100,000 dan RM2.
- (b) Pada 31 Mac 2013, Syarikat melanggan RPS subsidiarinya bernilai RM107.0 juta. Langganan RPS ini akan dibayar dengan melupuskan jumlah hutang kepada Syarikat yang bernilai lebih kurang sama.
- (c) Pada 21 Mei 2013, ASM, subsidiari penuh Astro Entertainment Sdn. Bhd. ("AESB"), mengambil alih 2,000,000 saham biasa dalam modal saham Asia Sports Ventures Pte. Ltd. ("ASV") bernilai SGD2,000,000 mewakili 50% jumlah saham yang diterbitkan bagi modal saham ASV. AESB merupakan subsidiari penuh Syarikat.

Pada 31 Mei 2013, ASM melanggan kepada 1,000,000 Saham Keutamaan Boleh Tukar dalam ASV bernilai SGD1,000,000.

- (d) Pada 31 Julai 2013, Syarikat melanggan RPS subsidiarinya bernilai RM106.7 juta. Langganan RPS ini akan dibayar dengan melupuskan jumlah hutang kepada Syarikat yang bernilai lebih kurang sama.

39 Indemniti, Jaminan dan Litigasi Material

- (a) Huraian indemniti dan jaminan Kumpulan pada akhir tahun kewangan, di mana tiada peruntukan dibuat dalam penyata kewangan seperti yang dinyatakan di bawah:

	Kumpulan	
	2014	2013
	RM'000	RM'000
Indemniti yang diberikan kepada institusi kewangan sebagai balasan kepada jaminan bank yang dikeluarkan – tanpa cagaran		
- Vendor hak program ¹	166,678	217,351
- Lain-lain ²	12,863	15,028
Indemniti lain:		
- Jaminan syarikat induk kepada vendor hak program ¹	110,650	102,367
- Indemniti kepada Maxis menurut tanggungan pemegang saham berkaitan Advance Wireless Technologies Sdn. Bhd.	6,250	6,250
	296,441	340,996

Nota:

- ¹ Termasuk sebagai sebahagian dari komitmen pemrograman bagi hak program seperti dinyatakan dalam Nota 34(b).
- ² Terdiri daripada jaminan bank yang dikeluarkan kepada Kastam Diraja Malaysia, syarikat utiliti dan juga Kementerian Kesihatan dan Koperasi Pembangunan Filem Nasional.

39 Indeminiti, Jaminan dan Litigasi Material (Samb.)

- (b) Selain seperti yang dinyatakan di bawah, Syarikat mahupun syarikat subsidiarinya tidak pernah atau sedang terlibat dengan sebarang litigasi material, tuntutan atau penimbangtaraan sebagai pihak menuntut mahupun pihak yang dituntut.
- (i) Pada 12 Oktober 2010, MBNS telah diserahkan dengan satu tuntutan oleh AV Asia Sdn Bhd ("AV Asia"). Tele System Electronic (M) Sdn Bhd ("Tele System") telah dinamakan sebagai defendan kedua. AV Asia telah mendakwa bahawa MBNS telah melanggar terma-terma dalam Perjanjian Bersama Tanpa Pendedahan (Mutual Non Disclosure Agreement) bertarikh 1 Ogos 2008 ("MNDA") dan meminta ganti rugi berikut:
- (a) satu injuksi menghalang MBNS dari menggunakan sebarang maklumat sulit dan dari membekalkan piring satelit kepada pelanggan yang didakwa dihasilkan menggunakan maklumat sulit tersebut;
 - (b) satu injuksi terhadap Tele System dari menggunakan sebarang maklumat sulit dan dari membekalkan piring satelit kepada MBNS dan/atau pelanggan MBNS yang didakwa dihasilkan menggunakan maklumat sulit tersebut;
 - (c) ganti rugi sebanyak RM4,410,000 bagi kajian dan pembangunan dan kos bongkah acuan;
 - (d) ganti rugi bagi kehilangan pengkomersialan berjumlah RM1,342,032,000;
 - (e) penghantaran dokumen yang mengandungi maklumat sulit;
 - (f) dan/atau sebagai alternatif mengenalpasti kerugian yang ditanggung atau AV Asia boleh memilih untuk mengira keuntungan yang diperoleh dengan menggunakan maklumat sulit tersebut;
 - (g) ganti rugi teladan dan/atau kecederaan; dan
 - (h) lain-lain kos dan bantuan.

Pada 27 Oktober 2010, AV Asia telah memohon injuksi interlokutori menghalang MBNS dan Tele Systems dari menggunakan sebarang maklumat sulit yang dibekalkan oleh AV Asia dan dari membekalkan piring satelit yang dihasilkan kepada pelanggan MBNS sama ada secara langsung atau tidak langsung di mana maklumat sulit tersebut telah digunakan.

MBNS telah, pada 19 Oktober 2010 memfailkan satu permohonan bagi menggantung prosiding berkaitan dengan penimbangtaraan menurut Seksyen 10 Akta Penimbang Tara, 2005 (disebabkan kewujudan klausa penimbangtaraan yang ditemui dalam MNDA) dan permohonan ini dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi pada 10 Disember 2010. AV Asia membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan untuk menolak keputusan Mahkamah Tinggi pada 13 Disember 2010. Rayuan itu didengar dan ditolak dengan kos oleh Mahkamah Rayuan pada 12 Mei 2011. Setelah itu, AV Asia telah memfailkan permohonan untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan. Mahkamah Persekutuan telah menetapkan tarikh untuk mendengar rayuan kes pada 28 Ogos 2012.

Pada 24 Disember 2010, AV Asia juga memfailkan permohonan bagi injuksi interlokutori sebagai membantu penimbangtaraan menurut Seksyen 11 Akta Penimbang Tara, 2005 menentang MBNS. Apabila permohonan ini ditolak pada 27 Mei 2011, AV Asia merayu kepada Mahkamah Rayuan pada 3 Jun 2011. Rayuan AV Asia telah didengar dan ditolak pada 12 September 2011. AV Asia kemudiannya memfailkan permohonan untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan. Tarikh yang ditetapkan untuk mendengar rayuan adalah pada 28 Ogos 2012.

Pada 28 Ogos 2012, Mahkamah Persekutuan telah menolak permohonan rayuan untuk menggantung prosiding mahkamah yang tertangguh disebabkan penimbangtaraan. Pertikaian ini kini harus ditentukan oleh penimbangtaraan.

Mahkamah Persekutuan membenarkan permohonan AV Asia untuk merayu menentang penolakan injuksi interlokutori pada Ogos 2012. Walau bagaimanapun, apabila mendengar rayuan AV Asia pada 29 Ogos 2013, Mahkamah Persekutuan menolak rayuan dengan kos.

39 Indemniti, Jaminan dan Litigasi Material (Samb.)

- (b) Selain seperti yang dinyatakan di bawah, Syarikat mahupun syarikat subsidiarinya tidak pernah atau sedang terlibat dengan sebarang litigasi material, tuntutan atau penimbangtaraan sebagai pihak menuntut mahupun pihak yang dituntut (Samb.).
- (i) Pada 23 Oktober 2012, MBNS memfailkan notis penimbangtaraan di KLRC, memohon satu pengisytiharan bahawa MBNS tidak melanggar MNDA dan memohon 3 penimbang tara untuk dilantik berdasarkan Peraturan KLRC. Setelah notis penimbangtaraan difailkan oleh MBNS, pada 31 Januari 2013, tribunal timbang tara telah ditubuhkan sepenuhnya, dan perbicaraan kes tersebut ditetapkan secara tentatif pada bulan Julai 2014. Setelah mendapat nasihat daripada peguam, MBNS berpendapat bahawa MBNS berada dalam keadaan selesa untuk berjaya mendapatkan bantuan menurut notis penimbangtaraan dan pembelaan yang baik bagi setiap tuntutan AV Asia, yang telah diwujudkan sebagai respon kepada notis penimbangtaraan tersebut. Kuantum bagi tuntutan tersebut dipercayai tidak realistik dan peluang untuk mendapatkannya semula adalah dikira sebagai sangat sukar.
- (ii) Pada 11 Mac 2005, AOL (sebuah syarikat subsidiari penuh Astro All Asia Networks Limited (sebelum ini dikenali sebagai ASTRO ALL ASIA NETWORKS plc)) ("AAAN") dan syarikat-syarikat bersekutu ("AOL Companies") dan PT Ayunda Prima Mitra ("PT APM"), PT First Media Tbk ("PT FM") dan PT Direct Vision ("PT DV") memasuki Perjanjian Pemegang Saham dan Langganan atau Subscription and Shareholders Agreement ("SSA") untuk memulakan perniagaan TV DTH berbayar di Indonesia dan akan dilancarkan oleh PT DV. PT APM merupakan pemegang saham PT DV dan PT FM merupakan syarikat pemegang saham PT APM.

Sambil menunggu proses usaha sama diselesaikan dan atas permintaan PT APM dan PT FM, AOL Companies bersetuju untuk memberikan dan/atau mendapatkan peruntukan kepada dana dan perkhidmatan PT DV untuk melancarkan perniagaan TV berbayar PT DV pada bulan Februari 2006, dengan sokongan perkhidmatan dan peralatan daripada AAAN, MBNS dan All Asia Multimedia Networks FZ-LLC ("AAMN") (setelah penyusunan semula Kumpulan AHSB, MBNS menjadi sebahagian daripada Kumpulan. AAAN, AAMN dan AOL bukan sebahagian daripada Kumpulan).

Syarat-syarat sebelum SSA tidak pernah dipenuhi dan SSA luput pada 31 Julai 2006. Pihak-pihak tersebut kemudiannya memulakan perundingan untuk menstruktur semula cadangan usaha sama tersebut.

Oleh kerana perundingan untuk menstruktur semula cadangan usaha sama tersebut tidak berjaya, AAAN, AAMN dan MBNS mengambil keputusan untuk memutuskan peruntukan dan semua bantuan sokongan dan perkhidmatan kepada PT DV pada Oktober 2008.

Pada September 2008, PT APM memfailkan tuntutan melalui tindakan guaman sivil di Mahkamah Daerah Jakarta Selatan atau South Jakarta District Court ("SJDC") dan menamakan defendan sebagai AAAN, MBNS, AAMN, ARM dan sembilan lagi pihak.

PT APM mendakwa bahawa AAAN, MBNS dan AAMN (secara kolektif dipanggil "Defendan Astro") bersama defendan-defendan lain, telah mengambil tindakan tidak mengikut undang-undang dan memohon, selain bantuan lain, untuk terus menerima peruntukan perkhidmatan dan peralatan kepada PT DV bagi tempoh tanpa had dan untuk mengelakkan AAAN dari mengundurkan diri dari memberi peruntukan perkhidmatan kepada PT DV dan/atau memasuki sebarang kerjasama dengan pihak lain berkaitan dengan langganan TV berbayar di Indonesia, dan satu ganti rugi kerosakan berjumlah kira-kira USD1.75 juta termasuk faedah pada kadar 6% setahun. Defendan Astro telah memfailkan cabaran dengan menyatakan SJDC tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar tuntutan ini dan tuntutan ini terikat dengan perjanjian penimbangtaraan seperti yang dinyatakan dalam SSA.

Pada 13 Mei 2009, SJDC menolak cabaran Defendan Astro bahawa tuntutan PT APM terikat dengan perjanjian penimbangtaraan seperti yang dinyatakan dalam SSA dan berpegang bahawa ia mempunyai bidang kuasa untuk mendengar pertikaian tersebut dan kemudian SJDC, pada 17 September 2009 telah menolak tuntutan PT APM atas alasan PT APM tidak mempunyai sebarang pendirian undang-undang untuk mengambil tindakan terhadap Defendan Astro.

PT APM memfailkan rayuan terhadap keputusan SJDC untuk menolak tuntutan mereka. Defendan Astro juga memfailkan rayuan terhadap dapatan SJDC tentang bidang kuasa mahkamah tersebut.

39 Indeminiti, Jaminan dan Litigasi Material (Samb.)

- (b) Selain seperti yang dinyatakan di bawah, Syarikat mahupun syarikat subsidiarinya tidak pernah atau sedang terlibat dengan sebarang litigasi material, tuntutan atau penimbangtaraan sebagai pihak menuntut mahupun pihak yang dituntut (Samb.)
- (ii) Pada September 2011, Mahkamah Tinggi Jakarta menetapkan keputusan untuk mengesahkan keputusan SJDC yang dibuat pada 13 Mei 2009 dan 17 September 2009. Defendan Astro telah, pada bulan Jun 2012, memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Jakarta kerana isu bidang kuasa. Keputusan rayuan ini masih belum selesai.
- (iii) Menurut SSA, pihaknya telah bersetuju bahawa sebarang pertikaian yang wujud dari atau berkaitan dengan pelaburan yang dicadangkan dalam PT DV harus diselesaikan mengikut penimbangtaraan yang dimulakan oleh mana-mana pihak SSA melalui Pusat Penimbangtaraan Antarabangsa Singapura atau Singapore International Arbitration Centre ("SIAC"), di mana keputusan akan menjadi yang terakhir dan harus diterima.

Pada Oktober 2008, Astro Nusantara International BV ("Pihak Menuntut Pertama"), Astro Nusantara Holdings BV ("Pihak Menuntut Kedua"), Astro Multimedia Corporations NV ("Pihak Menuntut Ketiga"), Astro Multimedia NV ("Pihak Menuntut Keempat"), AOL ("Pihak Menuntut Kelima"), AAAN ("Pihak Menuntut Keenam"), MBNS ("Pihak Menuntut Ketujuh") dan AAMN ("Pihak Menuntut Kelapan") ("Pihak Menuntut") memulakan penimbangtaraan di bawah Peraturan Penimbangtaraan SIAC terhadap PT APM, PT DV dan PT FM ("Responden") yang menuntut bantuan injuksi dan pengisytiharan, kerosakan dan ganti rugi semua hutang terhadap Pihak Menuntut bagi peruntukan perkhidmatan dan/atau jumlah yang telah digunakan atau dibayar kepada PT DV, termasuk faedah dan kos.

Setelah menerima bukti dan mendengar pembelaan kedua-dua pihak, tribunal penimbang tara telah membuat keputusan sebulat suara untuk bersetuju dengan Pihak Menuntut dan membuat mengawardkan yang berikut:

- (a) Award tentang isu-isu awal bidang kuasa, interim injuksi anti-saman dan ketakcantuman bertarikh 7 Mei 2009 ("Award Permulaan") yang antara lain, mengarahkan PT APM dengan segera menghentikan samannya di SJDC terhadap AAAN, MBNS, AAMN dan ARM serta yang lain (lihat (ii) di atas);
- (b) Award Separa Lanjutan bertarikh 3 Oktober 2009 di mana tribunal penimbang tara mengisytiharkan SSA (yang belum selesai) merupakan satu-satunya kontrak usaha sama yang efektif bagi PT DV dan ia melengkapkan seluruh perjanjian antara pihak yang terlibat dalam usaha sama PT DV, dan Pihak Menuntut atau melalui sekutu mereka tidak terikat untuk terus memberi pendahuluan tunai atau perkhidmatan kepada PT DV;
- (c) Award tentang kos bertarikh 5 Februari 2010 bagi perbicaraan permulaan yang berlangsung dari 20 hingga 24 April 2009, di mana tribunal penimbang tara mengaward kos kepada Pihak Menuntut dan mengarahkan Responden membayar kepada Pihak Menuntut, kos perbicaraan permulaan, berjumlah RM2,147,854 dengan faedah 5.33% setahun bermula 6 Oktober 2009;
- (d) Interim Award Akhir bertarikh 16 Februari 2010, mengarahkan Responden untuk membayar sejumlah USD234.5 juta dalam bentuk pulangan. Dari jumlah ini, PT APM dan PT FM menanggung bersama PT DV sejumlah USD98.3 juta. Tribunal penimbangtaraan juga mengarahkan injuksi akhir, bahawa PT APM menghentikan saman sivilnya di SJDC (lihat item (ii) di atas), dan tidak membawa sebarang prosiding di Indonesia atau di tempat lain terhadap semua defendan dalam saman tersebut (yang termasuk Defendan Astro) berkaitan dengan usaha sama PT DV. PT APM dan PT FM juga menanggung bersama sejumlah USD695,591.96 terhadap Astro Nusantara International B.V. dan Astro Nusantara Holdings B.V. bagi kerugian dari prosiding Indonesia. PT APM dan PT FM juga diarahkan untuk membayar ganti rugi kepada Astro Nusantara International B.V. dan Astro Nusantara Holdings B.V., bagi memanfaatkan AAAN, AAMN dan MBNS, terhadap sebarang kerugian disebabkan PT APM gagal diteruskan atau meneruskan sebarang prosiding di Indonesia atau sebarang prosiding gantian terhadap Pihak Menuntut selagi berkaitan dengan perjanjian usaha sama tersebut; dan
- (e) Award terakhir bertarikh 3 Ogos 2010 pada faedah dan kos, meminta Responden untuk membayar faedah kepada Pihak Menuntut dengan kadar 9% pada separa tahunan, 100% kos penimbangtaraan dan 80% kos guaman yang dituntut. Award untuk kos dan faedah ini adalah berjumlah USD68.6 juta, di mana liabiliti PT FM berjumlah USD28.6 juta;

(Award yang dirujuk pada (b), (c), (d) dan (e) adalah dirujuk secara kolektif sebagai "Baki Award" – Award Permulaan dan Baki Award dirujuk secara kolektif sebagai "Award").

39 Indemniti, Jaminan dan Litigasi Material (Samb.)

- (b) Selain seperti yang dinyatakan di bawah, Syarikat mahupun syarikat subsidiarinya tidak pernah atau sedang terlibat dengan sebarang litigasi material, tuntutan atau penimbangtaraan sebagai pihak menuntut mahupun pihak yang dituntut (samb.).
- (iii) PT FM menolak untuk membayar sebarang bahagian daripada Award tersebut, maka Award tersebut masih belum diselesaikan.

Pihak Menuntut sedang mengambil langkah-langkah untuk melaksanakan Award tersebut di Indonesia dan di wilayah-wilayah lain yang sesuai yang merupakan penandatanganan kepada Konvensyen Pengakuan dan Penguatkuasaan Award Penimbangtaraan Antarabangsa atau Convention on the Recognition and Enforcement of Foreign Arbitral Award. Sehingga kini Award Permulaan telah didaftarkan di England dan Wales, dan Award tersebut telah didaftarkan juga di Malaysia, Singapura, Hong Kong dan Indonesia, dan Responden telah mempersoalkan dan/atau sedang mempersoalkan penguatkuasaan di Singapura, Hong Kong dan Indonesia.

- (iv) Di Indonesia, Pihak Menuntut membuat permohonan terhadap Ketua Mahkamah Daerah Jakarta Pusat ("Ketua CJDC") untuk mengarahkan penguatkuasaan Award Permulaan. Permohonan Pihak Menuntut telah ditolak oleh Ketua CJDC, satu keputusan yang disokong oleh Mahkamah Agung Indonesia. Setelah dinasihatkan oleh peguam, Pihak Menuntut memfailkan semakan kehakiman bagi keputusan Mahkamah Agung Indonesia pada 19 April 2011. Keputusan permohonan masih belum diterima. Pihak Menuntut berpendapat, setelah mendapat nasihat dari pihak peguam, bahawa keputusan Ketua CJDC dan Mahkamah Agung Indonesia adalah tidak berdasarkan pertimbangan undang-undang yang kuat. Walau bagaimanapun, keputusan Mahkamah Agung Indonesia adalah yang terakhir dan harus diterima, dan peluang untuk mendapatkan keputusan yang berpihak kepada Pihak Menuntut setelah membuat semakan kehakiman adalah tipis. Dalam sebarang keadaan, oleh kerana ini adalah tindakan penguatkuasaan, keputusan yang tidak berpihak kepada Pihak Menuntut tidak akan memberikan sebarang implikasi wang terhadap Pihak Menuntut.

Berkaitan dengan semua di atas, PT DV dan PT APM telah memfailkan saman bersama pada Jun 2010 di Mahkamah Daerah Jakarta Pusat atau Central Jakarta District Court ("CJDC") memohon untuk menarik balik Baki Award. PT DV juga memfailkan saman berbeza memohon untuk tidak bersetuju dengan penguatkuasaan Baki Award. Kedua-dua permohonan ini ditolak oleh CJDC.

PT DV dan PT APM membuat rayuan bersama terhadap keputusan CJDC untuk tidak menarik balik Baki Award dan rayuan ini masih belum diberikan keputusan oleh Mahkamah Agung. PT DV juga merayu kepada Mahkamah Agung Indonesia terhadap keputusan CJDC untuk menolak permohonan bagi tidak meneruskan penguatkuasaan Baki Award. Pada 28 June 2012, Mahkamah Agung Indonesia menolak rayuan PT DV sekali gus menyokong keputusan CJDC untuk menolak permohonan PT DV bagi tidak meneruskan penguatkuasaan Award.

Berkaitan dengan rayuan yang masih tidak mempunyai keputusan pada Mahkamah Agung, Pihak Menuntut berpendapatan, setelah dinasihatkan oleh para peguam bahawa Mahkamah Agung mungkin memberikan keputusan yang menyokong Pihak Menuntut kerana pertimbangan undang-undang yang dibuat oleh hakim-hakim di CJDC adalah kuat, disokong oleh fakta dan mempunyai asas undang-undang yang cukup.

Pada Disember 2011, Pihak Menuntut memfailkan permohonan untuk penguatkuasaan semua Award kewangan di Indonesia. Pada 11 September 2012, CJDC menolak permohonan Pihak Menuntut, dengan keputusan bahawa semua Award dari Penimbangtaraan tidak boleh dikuatkuasakan di Indonesia. Pihak Menuntut memfailkan rayuan pada 25 Oktober 2012 terhadap keputusan CJDC, dan pada September 2013, Mahkamah Agung Indonesia telah menolak rayuan tersebut, antara lain, atas sebab Award tersebut:

- (a) bertentangan dengan arahan umum;
- (b) jumlah untuk campur tangan dengan proses kehakiman Indonesia; dan
- (c) mencabuli prinsip negeri dan kedaulatan undang-undang Indonesia.

Oleh itu, Award tersebut kekal tidak boleh dilaksanakan di Indonesia.

Menurut nasihat pihak peguam, MBNS dan Pihak Menuntut yang lain telah memfailkan permohonan di Mahkamah Agung Indonesia bagi semakan kehakiman pada 28 Februari 2014.

- (v) Di Singapura, keizinan untuk menguatkuasakan Award tersebut telah dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi Singapura pada bulan Ogos dan September 2010, dan Pihak Menuntut memasuki penghakiman bagi syarat-syarat Award pada Mac 2011.

Pada Julai 2011, Pihak Menuntut mendapat injunksi Mareva sedunia untuk menghalang PT FM dari membuang asetnya dan memohon PT FM untuk mengisytiharkan semua asetnya. PT FM gagal dalam permohonannya untuk mengeneipkan arahan injunksi Mareva.

39 Indemniti, Jaminan dan Litigasi Material (Samb.)

- (b) Selain seperti yang dinyatakan di bawah, Syarikat mahupun syarikat subsidiarinya tidak pernah atau sedang terlibat dengan sebarang litigasi material, tuntutan atau penimbangtaraan sebagai pihak menuntut mahupun pihak yang dituntut (Samb.).
- (v) Pada Mei 2011, PT FM memohon untuk mencabar hak Pihak Menuntut untuk menguatkuasakan Award menurut pengadilan mahkamah Singapura. Permohonan PT FM untuk mengeneipkan pengadilan mahkamah Indonesia dibenarkan, dan Pihak Menuntut telah memfailkan rayuan terhadap keputusan ini ("Rayuan Pihak Menuntut").

Pada September 2011, PTFM memohon untuk mengeneipkan arahan Mahkamah Tinggi Singapura untuk menguatkuasakan Award ("Permohonan PTFM Untuk Pengeneipkan") dan tarikh permohonan itu dibicarakan adalah dari 23 hingga 25 Julai 2012.

Dalam keputusan yang diberikan pada 23 Oktober 2012, Mahkamah Tinggi Singapura menolak Permohonan PTFM Untuk Pengeneipkan dan mengesahkan kelayakan untuk menguatkuasakan Award tersebut di Singapura. Dalam keputusan yang sama, mahkamah juga menolak Rayuan Pihak Menuntut, kerana menurut fakta tidak terdapat sebarang perkhidmatan yang efektif terhadap PTFM.

Setelah itu, PTFM memfailkan rayuan terhadap Mahkamah Rayuan Singapura terhadap penolakan Permohonan PTFM Untuk Pengeneipkan oleh Mahkamah Tinggi Singapura (Rayuan PTFM). Rayuan PTFM dibicarakan oleh Mahkamah Rayuan Singapura dari 10 hingga 12 April 2013.

Pada 31 Oktober 2013, Mahkamah Rayuan Singapura telah membenarkan rayuan PTFM sehinggakan penguatkuasaan Award telah ditolak berikutan arahan yang bermaksud untuk dilaksanakan di antara PTFM dan AAAN ("Pihak Menuntut Keenam"), MBNS ("Pihak Menuntut Ketujuh") dan AAMN ("Pihak Menuntut Kelapan"). Untuk kemudahan rujukan, lapan Pihak Menuntut dalam Penimbangtaraan SIAC adalah Astro Nusantara International BV ("Pihak Menuntut Pertama"), Astro Nusantara Holdings BV ("Pihak Menuntut Kedua"), Astro Multimedia Corporations NV ("Pihak Menuntut Ketiga"), Astro Multimedia NV ("Pihak Menuntut Keempat"), AOL ("Pihak Menuntut Kelima"), AAAN ("Pihak Menuntut Keenam"), MBNS ("Pihak Menuntut Ketujuh") dan AAMN ("Pihak Menuntut Kelapan") (Pihak Menuntut Pertama hingga Kelapan dikenali sebagai kolektif sebagai "Astro").

Keputusan pengadilan di Mahkamah Rayuan Singapura bermaksud MBNS beserta Pihak Menuntut Keenam dan Kelapan tidak boleh menguatkuasakan ganti rugi kewangan yang berpihak kepada mereka terhadap PTFM berkaitan dengan Award tersebut di Singapura. Walau bagaimanapun, Award tersebut kekal sah kerana ia tidak (dan tidak boleh) diketepikan. Selain itu, Award tersebut masih boleh dikuatkuasakan terhadap PTFM bagi Pihak Menuntut Pertama hingga Kelima. Award tersebut juga sepatutnya menjadi yang terakhir, mengikat dan penamat kepada kewujudan dan kesan undang-undang terhadap PTAPM dan PTDV kerana dua syarikat ini tidak memohon untuk mengeneipkan atau mencabar penguatkuasaannya di Singapura.

Sementara impak kewangan yang tepat bagi keputusan pengadilan Mahkamah Rayuan Singapura tentang jumlah yang perlu dibayar oleh PTFM di bawah Award tersebut belum ditentukan, perlu diberi perhatian bahawa keputusan pengadilan Mahkamah Rayuan Singapura tidak memberi apa-apa kesan terhadap keputusan tribunal penimbang tara serta penemuannya berkaitan dengan pengendalian Astro dalam cadangan usaha sama yang gagal bagi memulakan perniagaan TV berbayar DTH di Indonesia. Keputusan pengadilan kekal berpihak kepada Astro dalam setiap aspek di bawah dan juga telah dimasukkan ke dalam rekod Mahkamah di England, Malaysia dan Hong Kong.

Secara khusus, pengisytiharan berikut yang dibuat oleh tribunal penimbang tara dalam Award Separa Lanjutan bertarikh 3 Oktober 2009 kekal sah, mengikat dan boleh dikuatkuasakan terhadap PTAPM, PTFM dan PTDV.

- (i) tidak terdapat perjanjian usaha sama yang kekal mengikat bagi PTDV sama ada menurut syarat-syarat SSA atau syarat-syarat yang diubah atau distrukturkan semula atau mengikut syarat-syarat sama ada menambah atau menukar pihak yang terlibat;
- (ii) SSA merupakan satu-satunya kontrak usaha sama yang efektif untuk PTDV dan ia membentuk seluruh perjanjian bagi semua pihak dalam usaha sama PTDV dan menggantikan sebarang perjanjian mulut tentang usaha sama tersebut sebelumnya.
- (iii) Pihak Menuntut Pertama hingga ketiga sendiri atau melalui sekutu mereka tidak terikat untuk terus memberikan pendahuluan tunai dan perkhidmatan kepada PTDV; dan
- (iv) tidak terdapat penyelesaian untuk SSA.

39 Indemniti, Jaminan dan Litigasi Material (Samb.)

- (b) Selain seperti yang dinyatakan di bawah, Syarikat mahupun syarikat subsidiarinya tidak pernah atau sedang terlibat dengan sebarang litigasi material, tuntutan atau penimbangtaraan sebagai pihak menuntut mahupun pihak yang dituntut (Samb.).
- (v) Oleh itu, sehubungan dengan prosiding di SJDC berkaitan dengan Kes 533 (rujuk item (vii) di bawah) yang telah dibawa oleh PTAPM melalui PTDV, prosiding tersebut kekal melanggar arahan Award Akhir Interim bertarikh 16 Februari 2010 di mana ia kekal sah, mengikat dan boleh dikuatkuasakan terhadap PTAPM. Selain itu, prosiding dalam kes 553 juga bertentangan dengan pengisytiharan yang dibuat oleh tribunal penimbang tara dalam Further Partial Award bertarikh 3 Oktober 2009 seperti yang dinyatakan di atas. Oleh itu, sehubungan dengan prosiding di SJDC berkaitan dengan Kes 533 (rujuk item (vii) di bawah) yang telah dibawa oleh PTAPM melalui PTDV, prosiding tersebut kekal melanggar arahan Award Akhir Interim bertarikh 16 Februari 2010 di mana ia kekal sah, mengikat dan boleh dikuatkuasakan terhadap PTAPM. Selain itu, prosiding dalam kes 553 juga bertentangan dengan pengisytiharan yang dibuat oleh tribunal penimbang tara dalam Award Separa Lanjutan bertarikh 3 Oktober 2009 seperti yang dinyatakan di atas.

Tidak ada peruntukan perlu dibuat berikutan pengadilan Mahkamah Rayuan Singapura kerana kerugian dasar daripada usaha sama yang gagal tersebut telah diperuntukkan dalam perakaunan Syarikat.

Berikutan keputusan Mahkamah Rayuan Singapura, injuksi Mareva sedunia yang didapati oleh Pihak Menuntut pada Julai 2011, telah berhenti beroperasi.

- (vi) Di Hong Kong, pengeneplan untuk menguatkuasakan Award di Hong Kong telah dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi Hong Kong pada bulan Ogos dan September 2010, dan Pihak Menuntut memasukkan pengadilan berkenaan dengan Award tersebut pada Disember 2010.

Pada Julai 2011 Pihak Menuntut mendapat garnishee order nisi berkenaan dengan wang yang dipinjamkan oleh PTFM kepada pemegang saham (iaitu AcrossAsia Limited) di Hong Kong ("Garnishee"), yang akan, apabila dijadikan arahan sah, memerlukan Garnishee untuk membayar sejumlah yang relevan kepada Pihak Menuntut sebagai sebahagian daripada penyelesaian hutang dari PTFM di bawah Award.

Pada Januari 2012, PTFM memohon untuk mengeneplan arahan Hong Kong pada bulan Ogos dan September 2010 serta pengadilan pada Disember 2010 yang menguatkuasakan Award. PTFM dan Garnishee juga mencabar prosiding garnishee atas dasar bidang kuasa. Perbicaraan untuk mengeneplan permohonan di Hong Kong ditangguhkan sambil menunggu keputusan permohonan pengeneplan Singapura (seperti yang dinyatakan dalam item (v) di atas).

Sambil menunggu keputusan permohonan pengeneplan Singapura, pada 21 Mac 2012, Mahkamah Tinggi Hong Kong mengarahkan Garnishee untuk membayar kepada mahkamah semua jumlah hutang dan belum bayar kepada PTFM di bawah pinjaman ("Arahan Bayaran"). Garnishee membuat rayuan terhadap Arahan Bayaran tersebut, tetapi rayuan itu ditolak oleh Mahkamah Rayuan.

Pada 14 September 2012, Garnishee mendedahkan kewujudan sebuah Award Penimbangtaraan Indonesia yang mengarahkan Garnishee membayar semula jumlah pinjaman terhadap PTFM. 24 September 2012, Garnishee memfailkan permohonannya untuk menjelaskan Arahan Bayaran dan untuk menjelaskan garnishee order nisi (secara kolektif, disebut "Permohonan Penjelasan").

Prosiding garnishee dan Permohonan Penjelasan yang substantif telah diputuskan untuk dibicarakan dari 9 hingga 13 September 2013.

Pada Disember 2012, dengan merujuk kepada Award Penimbangtaraan Indonesia, PTFM meneruskan prosiding terhadap Garnishee di Indonesia di bawah undang-undang kemufilsan.

Untuk menjaga prosiding di atas, pada perbicaraan yang berlangsung pada 24 Januari, 4 dan 6 Februari 2013, Pihak Menuntut telah memohon dan mendapat injuksi terhadap Garnishee dan PT FM untuk menghalang mereka, secara individu mahupun bersama, sehingga diberikan arahan seterusnya oleh Mahkamah Tinggi Hong Kong, dari mengambil sebarang tindakan di Indonesia atau di mana-mana yang mempunyai kesan dalam penjelasan (secara keseluruhan atau sebahagian, termasuk sebarang imbalan atau kompromi), pembuangan, berurusan dengan atau mengurangkan nilai hutang garnishee, dan dari mengambil sebarang tindakan dalam prosiding Indonesia di Mahkamah Indonesia kecuali dengan kebenaran Mahkamah Tinggi Hong Kong. Injuksi-injuksi ini dibenarkan dengan Pihak Menuntut berjanji injuksi-injuksi ini dibenarkan dengan Pihak Menuntut diberikan tanggungan yang sah ke atas kerosakan pada 6 Februari 2013.

39 Indeminiti, Jaminan dan Litigasi Material (Samb.)

- (b) Selain seperti yang dinyatakan di bawah, Syarikat mahupun syarikat subsidiarinya tidak pernah atau sedang terlibat dengan sebarang litigasi material, tuntutan atau penimbangtaraan sebagai pihak menuntut mahupun pihak yang dituntut (Samb.).
- (vi) Oleh kerana Arahan Bayaran masih belum dijelaskan pada 4 Februari 2013, Mahkamah Tinggi Hong Kong juga telah mengarahkan Garnishee untuk membayar kepada mahkamah sebanyak USD46,774,403 sebelum 18 Februari 2013. Walau bagaimanapun, disebabkan terdapat prosiding di Indonesia, tarikh akhir untuk membuat bayaran dipanjangkan tempoh sehingga 7 Mac 2013.

Garnishee juga telah memfailkan rayuan terhadap arahan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Hong Kong pada 4 dan 6 Februari 2013. Perbicaraan bagi permohonan pengenehan Garnishee untuk membuat rayuan terhadap Mahkamah Tinggi Hong Kong bertarikh 4 dan 6 Februari 2013 telah ditangguhkan pada 11 Mac 2013 bagi tempoh yang tidak pasti dengan memberi kebebasan kepada semua pihak yang terlibat untuk pulih dan perbicaraan untuk memberi arahan akan dilakukan sebelum 14 Jun 2013.

Dalam sebuah pengumuman bertarikh 5 Mac 2013 kepada Bursa Saham Hong Kong, Garnishee mendedahkan bahawa mahkamah Indonesia telah memberi arahan mufli terhadapnya. Pada 7 Mac 2013, Garnishee tidak mematuhi Arahan Bayaran. Dalam sebuah pengumuman bertarikh 11 Mac 2013, Garnishee mengumumkan bahawa sehingga saat tersebut, mereka gagal untuk mematuhi Arahan Bayaran kerana arahan mufli yang dikeluarkan terhadap mereka di Indonesia pada 5 Mac 2013 dan mereka akan memfailkan rayuan di Indonesia. Garnishee telah memfailkan rayuan, dan penolakan rayuan tersebut telah diumumkan pada 31 Julai 2013 dalam laman web Mahkamah Agung. Garnishee mengumumkan pada 28 November 2013 bahawa mereka “masih menunggu notis rasmi tentang penolakan Mahkamah Agung Indonesia berkenaan rayuan Garnishee terhadap Arahan Mufli Indonesia”.

Selepas pengeluaran arahan mufli pada 5 Mac 2013, Pihak Menuntut memohon injuksi untuk melindungi kepentingan Pihak Menuntut berkaitan Arahan Bayaran. Permohonan Pihak Menuntut walau bagaimanapun telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi Hong Kong, dan Arahan Bayaran masih kekal.

Mahkamah Tinggi Hong Kong telah, pada 31 Oktober 2013 memberikan pengadil berpihak kepada Pihak Menuntut di mana:

1. garnishee order nisi bertarikh 22 Julai 2011 yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Hong Kong dijadikan mutlak;
2. permohonan garnishee untuk mengenehan garnishee order nisi dan menolak penjelasan arahan bayaran bertarikh 21 Mac 2012 (seperti yang dipinda pada 19 April 2012) yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Hong Kong; dan
3. satu order nisi dibuat bagi kos Pihak Menuntut, (bermakna Pihak Menuntut akan dibayar bagi kos prosiding garnishee tetapi tertakluk kepada pindaan oleh mahkamah dalam masa 14 hari).

Prosiding garnishee membentuk sebahagian daripada usaha Pihak Menuntut untuk menguatkuasakan Award yang berpihak kepada Pihak Menuntut dan dikeluarkan oleh tribunal penimbang tara yang ditubuhkan di bawah SIAC terhadap PTFM dan yang lain. PTFM dan Garnishee memohon untuk menentang prosiding garnishee dengan merujuk kepada beberapa kejadian yang berlaku di Indonesia. Mahkamah Tinggi Hong Kong menolak cabaran oleh PTFM dan Garnishee dalam prosiding garnishee dan terus menjadikan arahan garnishee mutlak.

Mahkamah Tinggi Hong Kong mendapati ia mempunyai bidang kuasa untuk membenarkan arahan kepada garnishee secara mutlak dan patut berbuat demikian berdasarkan fakta. Mahkamah Tinggi Hong Kong mendapati terdapat “satu pakatan sulit oleh kumpulan syarikat Lippo” di mana tindakan yang diambil adalah “satu kepura-puraan”. Akhirnya Mahkamah Tinggi Hong Kong juga menyatakan bahawa tidak ada sebab untuk mempersoalkan tentang pendakwaan dua kali yang timbul dan walaupun ia berlaku, ia adalah disengajakan.

Setelah pengadil oleh Mahkamah Tinggi Hong Kong pada 31 Oktober 2013 dan selepas keputusan dibuat oleh Mahkamah Rayuan Singapura, Garnishee dan PTFM telah memfailkan rayuan terhadap keputusan yang dibuat dan mendapat penangguhan tanpa syarat bagi pelaksanaan arahan garnishee dari Mahkamah Tinggi Hong Kong. Arahan penangguhan tersebut dibenarkan sementara menunggu permohonan pengenehan oleh PTFM. Rayuan oleh Garnishee dan PTFM sedang menunggu perbicaraan.

39 Indeminiti, Jaminan dan Litigasi Material (Samb.)

- (b) Selain seperti yang dinyatakan di bawah, Syarikat mahupun syarikat subsidiarinya tidak pernah atau sedang terlibat dengan sebarang litigasi material, tuntutan atau penimbangtaraan sebagai pihak menuntut mahupun pihak yang dituntut (Samb.).
- (vii) Pada 14 November 2012 MBNS menerima surat daripada Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur dengan mengepilkkan saman mahkamah berkaitan dengan dakwaan yang dibuat oleh PTDV di SJDC terhadap AAAN dan lain-lain sebagai defendan ("Kes 533"). MBNS dinamakan sebagai Defendan II. Dakwaan yang dibuat oleh PTDV adalah tentang tindakan yang tidak mengikut undang-undang atau salah laku. Surat itu menyatakan bahawa Defendan diarahkan untuk menghadirkan diri di SJDC pada 10 Januari 2013. Tidak ada huraian yang diberikan dalam saman tersebut.

Perbicaraan pada 10 Januari 2013 ditangguhkan kepada 10 April 2013 untuk membenarkan pelbagai proses formal undang-undang dijalankan. Pada 10 April 2013, mahkamah berpuas hati kerana semua Defendan telah menghadirkan diri dan menangguhkan kes tersebut kepada minggu seterusnya iaitu pada 17 April 2013 untuk semua pihak melalui proses pengantaraan yang dimandatkan. Pada 24 April 2013, MBNS telah diberikan satu kenyataan rasmi tentang dakwaan serta proses pengantaraan yang telah dimulakan secara rasmi.

Saman tersebut dilakukan oleh PTDV bagi tindakan yang tidak mengikut undang-undang (iaitu salah laku) yang telah dilakukan oleh AAAN, AOL, AAMN, ARM, beberapa individu serta MBNS (secara kolektif disebut "Defendan"), yang timbul daripada pertikaian pada tahun 2008 tentang perniagaan TV berbayar DTH yang dicadangkan di Indonesia ("Cadangan Usaha Sama Indonesia"). PTDV membuat beberapa dakwaan kepada MBNS dan Defendan lain atas kerugian bukan material sebanyak USD20 bilion beserta faedah.

MBNS berpendapat, setelah mendapat nasihat peguam, bahawa Dakwaan PTDV terhadap MBNS tidak disokong dengan asas yang kukuh dan kuantum kerugian yang dipohon adalah tidak wajar. Syarikat ingin mengesahkan bahawa Dakwaan PTDV adalah berkaitan dengan dan berasal daripada pertikaian yang berterusan berkaitan Cadangan Usaha Sama Indonesia yang telah menjadi kandungan kepada litigasi dan prosiding penimbangtaraan sebelum ini sejak 2008 (Seperti yang dinyatakan dalam perenggan (ii) hingga (vi) di atas).

Setelah mendapat nasihat peguam, MBNS bersama defendan lain, telah memfailkan permohonan mencabar bidang kuasa SJDC untuk mendengar kes tersebut.

Cabaran yang dibuat berasaskan undang-undang di mana kandungan kepada saman sivil ini harus ditentukan melalui penimbangtaraan di bawah peraturan SIAC seperti yang ditetapkan di bawah SSA. Perkara ini sudah didengari dan ditentukan oleh penimbang tara SIAC dan Award yang diberikan adalah berpihak kepada MBNS dan entiti Astro yang lain tentang isu yang sama. Pengadilan ini telah dimasukkan ke dalam rekod Award di Singapura, Malaysia, Hong Kong dan England.

Pada 28 Ogos 2013, SJDC telah menolak cabaran MBNS dan membuat keputusan bahawa mereka mempunyai bidang kuasa dalam pertikaian tersebut. Keputusan ini hanya berkaitan dengan cabaran tentang bidang kuasa dan SJDC akan mendengar merit kepada kes tersebut sepenuhnya.

MBNS telah memfailkan rayuan terhadap keputusan SJDC pada 9 September 2013.

40 Maklumat Segmen

Bagi tujuan pengurusan, Kumpulan disusun mengikut unit perniagaan berdasarkan perkhidmatan mereka, dan mempunyai dua segmen yang berbeza berdasarkan segmen operasi seperti yang berikut:

- I. Segmen televisyen adalah pembekal kepada perkhidmatan televisyen termasuk kandungan televisyen, penghasilan, pengagregatan dan pengedarannya, penerbitan dan pengedaran majalah dan perkhidmatan interaktif multimedia;
- II. Segmen radio adalah pembekal perkhidmatan siaran radio; dan
- III. Segmen lain yang tidak perlu dilaporkan (mengikut undang-undang)

Fungsi korporat adalah berkaitan dengan perbendaharaan dan perkhidmatan pengurusan dan bukan satu segmen operasi. Fungsi korporat dibentangkan sebagai sebahagian daripada penyesuaian kepada jumlah yang disatukan. Aset dan liabiliti fungsi korporat terdiri daripada deposit, tunai dan baki bank, pelaburan lain dan pinjaman.

Transaksi antara segmen dijalankan berdasarkan persetujuan bersama. Kesan transaksi antara segmen tersebut dihapuskan semasa disatukan. Asas pengukuran dan klasifikasi adalah sama dengan tahun kewangan sebelumnya.

Prestasi diukur berdasarkan keuntungan segmen, iaitu untung sebelum cukai, seperti yang dimasukkan dalam laporan pengurusan dalaman yang disemak oleh Ketua Pembuat Keputusan Operasi yang terdiri daripada Lembaga Pengarah. Keuntungan segmen digunakan untuk mengukur prestasi kerana pihak pengurusan percaya bahawa maklumat tersebut merupakan yang paling relevan dalam menganalisa keputusan. Cukai pendapatan diuruskan pada peringkat kumpulan dan tidak diperuntukkan kepada segmen operasi. Unit perniagaan kumpulan kebanyakannya beroperasi di Malaysia.

Pemindahan harga di antara segmen operasi adalah berdasarkan persetujuan bersama dengan cara yang sama dengan transaksi dengan pihak ketiga.

Aset segmen

Jumlah aset segmen diukur berdasarkan semua aset (termasuk aset muhibah dan tidak termasuk aset cukai tertunda) segmen, seperti yang dimasukkan dalam laporan pengurusan dalaman yang disemak oleh Lembaga Pengarah.

Liabiliti segmen

Jumlah liabiliti segmen diukur berdasarkan semua liabiliti (tidak termasuk liabiliti cukai) segmen, seperti yang dimasukkan dalam laporan pengurusan dalaman yang disemak oleh Lembaga Pengarah.

Aset dan liabiliti yang tidak diperuntukkan

Aset dan liabiliti yang tidak diperuntukkan terdiri daripada aset cukai tertunda, liabiliti cukai dan liabiliti cukai tertunda.

Pelupusan

Item pelupusan terdiri daripada belum terima dan belum bayar antara Syarikat-syarikat.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 JANUARI 2014

40 Maklumat Segmen (Samb.)

	Televisyen RM'000	Radio RM'000	Lain-lain RM'000	Fungsi Korporat RM'000	Pelupusan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 31 Januari 2014						
Hasil						
Jumlah hasil	4,533,002	249,978	18,000	33,628	-	4,834,608
Hasil antara-segmen ⁽¹⁾	(3,677)	(3,184)	(18,000)	(19,005)	-	(43,866)
Hasil Luaran	4,529,325	246,794	-	14,623	-	4,790,742
Keputusan						
Pendapatan faedah	23,000	2,417	2,265	137,577	(110,817)	54,442
Perbelanjaan faedah	(204,011)	-	(2,355)	(114,374)	110,817	(209,923)
Susut nilai dan pelunasan	(1,219,991)	(4,575)	-	(4,815)	42,615	(1,186,766)
Saham bagi keputusan bagi sekutu/usaha sama	(3,107)	-	7,140	-	-	4,033
Segmen untung/(rugi) – Untung(rugi) sebelum cukai	438,096	133,260	1,789	(28,342)	24,428	569,231
Aset/Liabiliti						
Pelaburan dalam sekutu/usaha sama	13,913	-	44,043	-	-	57,956
Tambahan kepada aset bukan semasa ⁽²⁾	1,429,102	13,488	-	7,924	-	1,450,514
Aset segmen	5,062,503	1,236,592	50,369	1,272,932	(568,437)	7,053,959
Aset yang tidak diperuntukkan						49,570
Jumlah aset					7,103,529	
Liabiliti segmen	3,676,698	156,139	16,918	3,036,025	(534,516)	6,351,264
Liabiliti yang tidak diperuntukkan						135,152
Jumlah liabiliti						6,486,416

40 Maklumat Segmen (Samb.)

	Televisyen RM'000	Radio RM'000	Lain-lain RM'000	Fungsi Korporat RM'000	Pelupusan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 31 Januari 2013						
Hasil						
Jumlah Hasil	4,006,760	219,936	56,507	39,917	-	4,323,120
Hasil antara-segmen ⁽¹⁾	(3,661)	(5,214)	(27,872)	(21,406)	-	(58,153)
Hasil Luaran	4,003,099	214,722	28,635	18,511	-	4,264,967
Keputusan						
Pendapatan faedah	28,884	2,947	479	136,702	(119,012)	50,000
Perbelanjaan faedah	(185,746)	(1,218)	(6,550)	(141,781)	119,012	(216,283)
Susut nilai dan pelunasan	(950,307)	(4,332)	(5,117)	(4,181)	34,990	(928,947)
Saham bagi keputusan bagi sekutu/usaha sama	1,646	-	4,294	-	-	5,940
Untung/(rugi) segmen – Untung/(rugi) sebelum cukai	522,347	103,103	(4,904)	(51,107)	5,499	574,938
Aset/Liabiliti						
Pelaburan dalam sekutu/usaha sama	8,890	-	46,243	-	-	55,133
Tambahan kepada aset bukan semasa ⁽²⁾	1,263,075	1,940	480	12,701	-	1,278,196
Aset segmen	4,897,828	1,745,523	92,319	1,259,581	(1,498,692)	6,496,559
Aset yang tidak diperuntukkan						21,265
Jumlah aset						6,517,824
Liabiliti segmen	3,110,128	661,326	109,721	3,070,917	(1,108,520)	5,843,572
Liabiliti yang tidak diperuntukkan						158,160
Jumlah liabiliti						6,001,732

Nota:

⁽¹⁾ Hasil antara-segmen dilupuskan semasa disatukan.

⁽²⁾ Tambahan kepada aset bukan semasa terdiri daripada tambahan kepada hartanah, loji dan peralatan serta aset tak ketara (tidak termasuk pengambilalihan subsidiari).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 JANUARI 2014

41 Peristiwa Penting Selepas Kunci Kira-kira

- (a) Pada 11 Februari 2014, salah satu subsidiari Syarikat, Astro Retail Ventures Sdn. Bhd. ("ARV") telah memasuki satu Perjanjian Pemegang Saham atau Pemegang saham' Agreement ("SHA") dengan GS Home Shopping Inc. ("GSHS" untuk memulakan perniagaan berbelanja dari rumah di Malaysia melalui Astro GS Shop Sdn. Bhd. ("AGSSB").

AGSSB kemudiannya ditubuhkan pada 18 Februari 2014 dengan permulaan modal saham berbayar dan diterbitkan bernilai RM10 yang terdiri daripada 10 saham biasa bernilai RM1 seunit, diterbitkan kepada ARV dan GSHS dengan setiap bahagian bernilai 60% dan 40% setiap satu. Menurut SHA, ARV dan GSHS telah membuat langganan modal biasa pada 4 Mac 2014 sebanyak 2,999,994 dan 1,999,996 bernilai RM1 seunit dalam AGSSB, setara dengan pemegangan saham mereka sebanyak 60% dan 40% setiap satu.

- (b) Pada 21 Februari 2014, ASM telah mengambilalih 50% faedah ekuiti dalam modal saham Asia Sports Ventures Pte Ltd ("ASV") yang terdiri daripada 2,000,000 saham biasa bernilai SGD1 seunit dan 1,000,000 saham keutamaan boleh tukar bernilai SGD1 seunit. Oleh itu, ASV telah menjadi subsidiari penuh ASM dan secara tidak langsung, kepada Syarikat.

Pihak Pengurusan masih lagi menyemak perakaunan awal bagi transaksi-transaksi di atas.

42 Kunci Kira-kira Bandingan

Kunci kira-kira bandingan berikut telah diklasifikasikan semula untuk diselaraskan dengan pembentangan tahun ini yang menunjukkan baki dan transaksi yang relevan dengan lebih tepat. Klasifikasi semula ini tidak memberikan apa-apa kesan terhadap keputusan yang dibuat Kumpulan dan Syarikat sebelum ini.

Kunci Kira-kira yang Disatukan

	Seperti yang Dinyatakan Sebelum ini RM'000	Klasifikasi semula RM'000	Seperti yang Dinyatakan Semula RM'000
Aset bukan semasa			
Belum terima dan prapembayaran	136,224	138,802	275,026
Aset semasa			
Belum terima dan prapembayaran	890,212	(138,802)	751,410
Liabiliti semasa			
Belum bayar	1,416,781	(27,675)	1,389,106
Peralatan kewangan derivatif	970	6,518	7,488
Pinjaman	125,228	13,671	138,899
Liabiliti bukan semasa			
Liabiliti bukan semasa	3,556,384	7,486	3,563,870

42 Kunci Kira-kira Bandingan (Samb.)

Kunci Kira-kira Syarikat

	Seperti yang Dinyatakan Sebelum ini RM'000	Klasifikasi semula RM'000	Seperti yang Dinyatakan Semula RM'000
Aset bukan semasa			
Belum terima dan prapembayaran	155,338	(22,792)	132,546
Pinjaman kepada subsidiari	-	22,792	22,792
Liabiliti semasa			
Belum bayar	33,702	(27,675)	6,027
Peralatan kewangan derivatif	970	6,518	7,488
Pinjaman	75,336	13,671	89,007
Liabiliti bukan semasa			
Pinjaman	2,895,097	7,486	2,902,583

KONTRAK MATERIAL YANG MELIBATKAN KEPENTINGAN

Huraian kontrak material yang dilakukan oleh Kumpulan melibatkan para Pengarah dan Pemegang Saham Utama yang masih wujud pada 31 Januari 2014 atau jika tidak wujud, yang dimeterai sejak akhir tahun kewangan berakhir 31 Januari 2013 adalah seperti berikut¹:

	Pihak		Ciri-ciri Umum	Balasan kepada atau dari Kumpulan AMH	Tarikh Perjanjian	Kaedah Pembayaran Balasan	Perhubungan
	Kumpulan AMH	Pihak yang Berurusniaga					
1.	MBNS Multimedia Technologies Sdn Bhd ("MMT")	Advanced Wireless Technologies Sdn Bhd ("AWT")	Pinjaman pemegang saham berjumlah RM33,059,601.83 diluluskan oleh MMT kepada AWT	Berkaitan dengan pinjaman pemegang saham yang diluluskan oleh MMT kepada AWT: pinjaman berjumlah RM33,059,601.83	24 November 2005 (dipinda dengan perjanjian sambungan bertarikh 15 Disember 2010)	Berkaitan dengan pinjaman pemegang saham yang diluluskan oleh MMT kepada AWT: Satu pendahuluan tunai berjumlah RM24,166,666 diikuti dengan permodalan faedah terakru berjumlah RM8,892,935.83 menurut perjanjian sambungan yang juga menyambung tempoh pinjaman kepada 5 tahun lagi sehingga 9 Disember 2015	Sila rujuk kepada Nota 1 di bawah
		Maxis Berhad	Indemniti oleh MMT berpihak kepada bahagian Maxis sebanyak 25% dalam pemegangan saham AWT, bergantung kepada liabiliti maksimum sebanyak RM6,250,000.00, berkaitan dengan jaminan bank yang diberikan kepada Maxis berkenaan obligasi UMTS (Malaysia) Sdn Bhd's (subsidiari milik penuh AWT).	Berkaitan dengan indemniti oleh MMT berpihak kepada Maxis: Perjanjian dan indemniti oleh MMT yang terdapat dalam surat indemniti tersebut.	29 Ogos 2012	Berkaitan dengan indemniti oleh MMT berpihak kepada Maxis: Perjanjian dan indemniti oleh MMT yang terdapat dalam surat indemniti tersebut.	

¹ Sila ambil perhatian bahawa urusan yang bersifat berulang yang dilakukan oleh Kumpulan AMH di antara 1 Februari 2013 dan 31 Januari 2014 yang melibatkan kepentingan Pengarah atau Pemegang Saham Utama telah dinyatakan pada halaman 219 – 231 laporan ini.

	Pihak		Ciri-ciri Umum	Balasan kepada atau dari Kumpulan AMH	Tarikh Perjanjian	Kaedah Pembayaran Balasan	Perhubungan
	Kumpulan AMH	Pihak yang Berurusniaga					
2.	MBNS	MSS	Peruntukan kapasiti pada 13 transponder pada satelit MEASAT-3	Yuran perlu dibayar oleh MBNS kepada MSS	18 Jun 2007	Tunai	Sila rujuk kepada Nota 2 di bawah
3.	MBNS	MSS	Peruntukan kapasiti pada 6 transponder pada satelit MEASAT-3a	Yuran perlu dibayar oleh MBNS kepada MSS	18 Mei 2009	Tunai	Sila rujuk kepada Nota 2 di bawah
4.	MBNS	MEASAT International (South Asia) Ltd ("MISA")	Peruntukan kapasiti pada 18 transponder pada satelit MEASAT-3b	Yuran perlu dibayar oleh MBNS Measat International (South Asia) Ltd	11 Mei 2012	Tunai	Sila rujuk kepada Nota 2 di bawah
5.	MBNS	MSS	Peruntukan kapasiti pada 6 transponder pada satelit MEASAT-3c	Yuran perlu dibayar oleh MBNS kepada MSS	15 Mei 2013	Tunai	Sila rujuk kepada Nota 2 di bawah

PENDEDAHAN TAMBAHAN

Pendedahan lain berkaitan pinjaman pemegang saham oleh MMT kepada AWT yang dinyatakan dalam item 1 pada jadual di atas:

Pihak		Tujuan pinjaman	Jumlah pinjaman	Kadar faedah	Terma-terma berkaitan pembayaran faedah dan pembayaran balik jumlah pokok	perhubungan
Pemberi pinjaman	Peminjam					
MMT	AWT	Pinjaman pemegang saham	RM33,059,601.83	1% setahun melebihi kadar asas pinjaman Malayan Banking Berhad	Bayaran balik pokok dan faedah atas permintaan selaras dengan syarat-syarat perjanjian pinjaman (seperti yang diuraikan di bawah) atau sehingga dituntut, pada 9 December 2015 disebabkan ulang tahun ke 5 bermulanya tempoh sambungan menurut perjanjian sambungan bagi pinjaman tersebut. MMT boleh menuntut dengan memberi notis enam (6) bulan kepada AWT: (a) Bayaran penuh sekiranya: (i) MMT tidak lagi merupakan pemegang saham AWT melainkan pemindahan saham tersebut merupakan pemindahan yang dibenarkan kepada sekutunya menurut perjanjian pemegang saham berkaitan AWT; atau (ii) MMT menerima nasihat undang-undang bahawa pinjaman tersebut melanggar undang-undang atau peraturan kerajaan; (b) Pembayaran balik berkadar sekiranya MMY mengurangkan pegangan sahamnya secara sepadan dalam AWT	Sila rujuk kepada Nota 1 di bawah

NOTA (pada 30 April 2014):

1. Kumpulan Maxis

AWT adalah 75%-milik subsidiari Maxis dengan baki 25% kepentingan ekuiti dimiliki oleh MMT, sebuah subsidiari milik penuh AMH. Maxis pula adalah 64.96% subsidiari milik Maxis Communications Berhad.

UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK yang merupakan Pemegang Saham Utama AMH, juga merupakan Pemegang Saham Utama Maxis. Sila rujuk kepada Nota 1 dan 2 pada halaman 228 dan 229 bagi kepentingan mereka dalam AMH dan Maxis.

ARM yang merupakan Pengarah dan Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif AMH, juga merupakan Pengarah Maxis. Sila rujuk kepada Nota 1 dan 2 pada halaman 228 dan 229 bagi kepentingan ARM dalam AMH dan Maxis.

2. Kumpulan MGB

MSS dan MISA adalah subsidiari milik penuh MGB. MBNS merupakan subsidiari milik penuh AMH.

TAK yang merupakan Pemegang Saham Utama AMH, juga merupakan Pemegang Saham Utama MGB. Sila rujuk kepada Nota 1 dan 3 pada halaman 228 dan 230 bagi kepentingan TAK dalam Kumpulan AMH dan MGB.

ARM yang merupakan Pengarah dan Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif AMH, juga merupakan Pengarah MGB. Sila rujuk kepada Nota 1 dan 3 pada halaman 228 dan 230 bagi kepentingan ARM dalam Kumpulan AMH dan MGB.

PENGGUNAAN HASIL DARIPADA CADANGAN KORPORAT

Pada 19 Oktober 2012, seluruh modal saham yang diterbitkan dan berbayar bagi AMH telah disenaraikan dalam Pasaran Utama Bursa Securities. AMH menerima hasil bersih bernilai RM1,422.9 juta dari terbitan awam tersebut. Pada 30 April 2014, hasil bersih bernilai RM1,422.9 juta dari terbitan awam tersebut digunakan secara berikut:

Pembayaran semula pinjaman bank:	RM500.0 juta
Perbelanjaan modal:	RM448.2 juta
Modal kerja:	RM60.5 juta
Perbelanjaan bagi IPO dan penyenaraian:	RM48.8 juta

Penggunaan ini adalah selaras dengan kelulusan yang diberikan oleh Securities Commission bertarikh 19 September 2012.

PENGUATKUASAAN SEKATAN/PENALTI

Pada 27 Januari 2014, MCMC telah mengeluarkan kompoun bernilai RM10,000 kepada MBNS, subsidiari milik penuh AMH, kerana melanggar Seksyen 206 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Selain yang dinyatakan di atas, tidak terdapat sebarang sekatan/penalti yang dikenakan terhadap Kumpulan, Pengarah atau pihak Pengurusan oleh badan undang-undang yang relevan.

GLOSARI

AAME	All Asia Media Equities Ltd
AAMN	All Asia Multimedia Networks FZ-LLC
AC	Audit Committee / Jawatankuasa Audit
AETN	AETN All Asia Networks Pte Ltd
Adex	Advertising expenditure / Perbelanjaan Pengiklanan. Digunakan untuk merujuk kepada jumlah perbelanjaan pengiklanan dalam pasaran secara keseluruhan.
AGS	Astro Kumpulan Services Sdn Bhd
AHSB	Astro Holdings Sdn Bhd
Astro/AMH/Company	Astro Malaysia Holdings Berhad
AOL	ASTRO Overseas Limited
AOTG	Astro On-The-Go, perkhidmatan terbaik Astro untuk menonton kandungan linear dan “on-demand” pada komputer peribadi dan telefon pintar
App	Applications / Aplikasi
ARM	Augustus Ralph Marshall
ARPU	Average Revenue Per User / Purata Hasil Bagi Setiap Pengguna. ARPU merupakan purata hasil bulanan bagi setiap pelanggan TV berbayar di rumah (tidak termasuk NJOI, pelanggan TV satelit tanpa langganan kami). ARPU dikira dengan membahagikan purata hasil bulanan yang didapati dari pelanggan TV berbayar di rumah yang aktif sepanjang tahun/tempoh kewangan dengan jumlah purata bulanan pelanggan TV berbayar di rumah yang aktif sepanjang tahun/tempoh kewangan.
Astro Arena	Astro Arena Sdn Bhd
Astro Awani	Astro Awani Network Sdn Bhd
Astro Radio	Astro Radio Sdn Bhd
BAC	Bernard Anthony Cragg
Board	Lembaga Pengarah AMH
Bursa Securities	Bursa Malaysia Securities Berhad
CAGR	Compounded annual growth rate / Kadar peningkatan terkompoun tahunan
Capex	Capital expenditure / Perbelanjaan modal
CEO	Chief Executive Officer / Ketua Pegawai Eksekutif
CFO	Chief Financial Officer / Ketua Pegawai Kewangan
Pulangan Pelanggan	Jumlah pelanggan sepanjang tempoh yang ditetapkan di mana langganan telah dibatalkan sama ada secara sukarela atau tidak (kerana tiada bayaran), jumlah bersih sambungan semula dalam masa yang ditetapkan.

CKY	Chin Kwai Yoong
CMCL	Celestial Movie Channel Limited
CRM	Customer Relationship Management. / Pengurusan Perhubungan Pelanggan. Merujuk kepada perisian yang digunakan untuk menguruskan interaksi dengan pelanggan.
CTE	Celestial Tiger Entertainment Limited
DHB	Dato' Haji Badri Bin Haji Masri
DKM	Dato' Mohamed Khadar Bin Merican
Dr. Prannoy	Dr. Prannoy Lal Roy
DRR	Dato' Rohana Binti Tan Sri Datuk Haji Rozhan
DTH	Direct-To-Home / Terus ke Rumah
DTH satellite	Satelit yang boleh mentransmit perkhidmatan secara terus kepada peralatan penerima di premis pengguna. Satelit ini secara umumnya terletak pada orbit geopegun dan menggunakan frekuensi dalam jalur Ku berkuasa tinggi yang membenarkan penerimaan menggunakan piring satelit yang kecil dan tetap.
EBIT	Earnings before interest and taxation / Perolehan sebelum faedah dan cukai
EBITDA	Earnings before interest, taxation, depreciation and amortisation / Perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (tetapi tidak termasuk pelunasan pustaka filem dan hak program yang dibelanjakan sebagai sebahagian kos jualan) dan saham keputusan selepas cukai dari pelaburan yang dikira menggunakan kaedah ekuiti
Excorp	Excorp Holdings N.V.
FCF	Free cash flow / Aliran tunai bebas
Jalur lebar fiber	Jalur lebar yang disampaikan melalui rangkaian optik fiber dengan had arus yang praktikal sehingga 1000 Mbps, tetapi selalunya digunakan untuk menyampaikan jalur lebar di bawah 30 hingga 40Mbps
Optik fiber	Cara untuk memberikan transmisi data berkelajuan tinggi menggunakan nadi cahaya bagi menghantar signal melalui fiber kaca
FM	Frequency modulation / Modulasi frekuensi. Selalunya merujuk kepada penyampaian muzik dan ucapan melalui siaran radio terrestrial
GB	Gigabait i.e satu juta bait data
GDMM	Gulf Digital Media Model Syarikat LLC
GDP	Gross domestic product / Keluaran dalam negeri kasar
Goal TV	Goal TV Asia Limited
Kumpulan	Astro Malaysia Holdings Berhad dan subsidiarinya
HD	High-definition / Berdefinisi tinggi. Selalunya merujuk kepada TV atau video berdefinisi tinggi pada 720p, 1080i atau 1080p
HD TV	HD TV merujuk kepada sama ada TV yang mampu menerima dan memaparkan signal TV beresolusi HD dengan baik, atau kepada perkhidmatan HD TV secara umum

GLOSARI

HTSB	Harapan Terus Sdn Bhd
HZM	Hisham Bin Zainal Mokhtar
IFRS	International Financial Reporting Standards / Standard Pelaporan Kewangan Antarabangsa
Internet	Sebuah rangkaian komputer besar yang boleh menyambungkan rangkaian komputer kecil di seluruh dunia. Internet termasuk rangkaian komersial, pendidikan, kerajaan dan lain-lain, yang semuanya menggunakan satu set protokol komunikasi yang sama.
IP	Intellectual property / Harta intelek
IPO	Initial public offering / Tawaran awam awal sehingga 1,518,300,000 saham biasa dalam AMH, terdiri daripada terbitan awam dan tawaran untuk jualan
IPTV	IPTV secara umumnya merujuk kepada TV digital pelbagai rangkaian yang diedarkan melalui rangkaian IP yang dikendalikan dengan perkhidmatan yang dikendalikan dan lebar jalur khas.
IT	Information technology / Teknologi maklumat
Khazanah	Khazanah Nasional Berhad
Kbps	Kilobits sesaat i.e. seribu bit sesaat
KPI	Key performance indicator / penunjuk prestasi utama
Ku-band	Spektrum frekuensi gelombang mikro dalam julat 10.7 GHz hingga 14.8 GHz, selalunya digunakan untuk perkhidmatan komunikasi dan siaran, seperti perkhidmatan TV satelit DTH
LGK	Lim Ghee Keong
Keperluan Penyenaraian	Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities
Kadar pulangan pelanggan	Kadar pulangan pelanggan dikira dengan cara membahagikan jumlah pulangan pelanggan sepanjang 12 bulan lepas dengan purata pelanggan kediaman aktif dalam tempoh yang sama
Maxis	Maxis Berhad
Maxis Broadband	Maxis Broadband Sdn Bhd
Maxis Mobile	Maxis Mobile Services Sdn Bhd
MBNS	MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd
MCMC	Malaysian Communications and Multimedia Commission / Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia
MFRS	Malaysian Financial Reporting Standards / Standard Pelaporan Kewangan Malaysia
MGB	MEASAT Global Berhad
MSS	MEASAT Satellite Systems Sdn Bhd
Mbps	Megabit sesaat i.e. satu juta bit sesaat

MEASAT-3/M3	Malaysia East Asia Satellite-3 / Satelit-3 Asia Timur Malaysia yang kini menyiarkan langganan dan bukan langganan perkhidmatan TV pelbagai rangkaian DTH Astro Malaysia kepada Malaysia dan Brunei, dari lokasi 91.5 darjah timur orbit geopegun
MEASAT-3a/M3a	Satelit di lokasi yang sama dengan MEASAT-3
MEASAT-3b/M3b	Satelit yang ingin dilancarkan pada 2014, dan diletakkan di lokasi yang sama dengan MEASAT-3 dan MEASAT-3a
MEASAT-3c/M3c	Satelit yang ingin dilancarkan pada 2015, dan diletakkan di lokasi yang sama dengan MEASAT-3, MEASAT-3a dan MEASAT-3b
MHz	Megahertz i.e. satu juta kitaran sesaat
NBV	Net book value / Nilai buku bersih
NCGC	Nomination and Corporate Governance Committee / Jawatankuasa Nominasi dan Tadbir Urus
NDTV	New Delhi Television Limited
NJOI	Perkhidmatan TV satelit DTH percuma tanpa langganan Astro
NVOD	Near video-on-demand / Video tuntutan dekat merujuk kepada transmisi program di beberapa rangkaian TV pada masa yang berbeza untuk membenarkan penonton menonton program pada masa yang digemari
OTT	Over-the-Top / Merujuk kepada kebolehan untuk memberikan perkhidmatan kepada pengguna akhir melalui rangkaian pihak ketiga atau internet terbuka, selalunya merujuk kepada perkhidmatan video
PanOcean	PanOcean Management Limited
PAT	Untung selepas cukai
PBT	Untung sebelum cukai
PC	Komputer peribadi
PCBV	Pantai Cahaya Bulan Ventures Sdn Bhd
PSIL	Pacific States Investment Limited
PVR	Personal Video Recorder / Perekod Video Peribadi merujuk kepada STB dengan hard drive yang dipasang di dalamnya, di mana rekod isyarat siaran TV yang melalui STV boleh disimpan dan ditonton kemudian
RC	Remuneration Committee / Jawatankuasa Remunerasi
ROIC	Return on invested capital / Keuntungan dari modal yang dilaburkan
RM	Ringgit Malaysia
SD	Standard definition / Definisi standard merujuk kepada TV atau video pada resolusi biasa iaitu yang mempunyai 625 jalur resolusi berselangan, diambil daripada Jalur Berselangan Tahap atau Phase Alternating Line ("PAL") yang berasal dari Eropah dan sistem Memori Urutan Warna serta 525 jalur berselangan berdasarkan sistem Jawatankuasa Sistem Televisyen Nasional Amerika Syarikat. PAL 25 jalur telah digunakan sebagai standard SD di Malaysia.
SMS	Short message service / perkhidmatan mesej pendek, satu perkhidmatan di mana pengguna telefon bimbit boleh menghantar dan menerima mesej teks
STB	Set top box

GLOSARI

Sun TV	Sun TV Network Limited
TAK	Ananda Krishnan Tatparanandam
Tanjong plc	Tanjong Public Limited Company
Telemovie(s)	Filem yang dihasilkan untuk TV
TIME	TT dotCom Sdn Bhd
Transponder	Peranti yang diletakkan pada satelit untuk menerima, menukar dan mentransmit semula isyarat frekuensi radio
Jumlah Pinjaman	Pinjaman bertempoh dan pajakan kewangan, tidak termasuk pinjaman kepada vendor
TV	Televisyen
Kediaman TV	Kediaman dengan sekurang-kurangnya satu set TV
UTES	Usaha Tegas Entertainment Systems Sdn Bhd
UTP	UT Projects Sdn Bhd
UTSB	Usaha Tegas Sdn Bhd
UTSBM	UTSB Management Sdn Bhd
VOD	Video-on-Demand merupakan frasa kata yang biasa bagi satu perkhidmatan di mana pengguna boleh memilih satu program daripada menu atau senarai, dan segera menontonnya dari mula. Penyiaran VOD selalunya dalam bentuk siaran tunggal – kaedah penyiaran satu-lawan-satu, melawan siaran biasa di mana ia menggunakan kaedah satu-lawan-ramai
WiFi	Teknologi perangkaian komputer yang popular bagi mendapatkan transmisi tanpa wayar dan menerima data melalui gelombang radio. WiFi merujuk khas kepada perangkaian tanpa wayar berdasarkan standard 802.11 Institut Jurutera Elektrikal dan Elektronik (IEEE)
2012	Tahun kewangan berakhir 31 Januari 2013
2013	Tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014
24/7	24 jam sehari, tujuh hari seminggu
3D	Tiga dimensi merujuk kepada program yang memberikan persepsi yang lebih mendalam kepada penonton, melalui teknik seperti paparan stereoskopik.

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

DENGAN INI NOTIS DIBERIKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan Kedua ASTRO MALAYSIA HOLDINGS BERHAD (“Syarikat”) akan diadakan pada hari Khamis, 19 Jun 2014 pada pukul 9.30 pagi di Grand Ballroom, Tingkat 6, Hotel Hilton Kuala Lumpur, 3 Jalan Stesen Sentral, 50470 Kuala Lumpur untuk tujuan berikut:

SEBAGAI PERNIAGAAN BIASA

- (1) Untuk menerima Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit berkenaan dengannya.
(Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 1)

- (2) Untuk meluluskan bayaran Dividen Setingkat Akhir sebanyak RM0.01 seunit saham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014.
(Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 2)

Resolusi 1

- (3) Untuk memilih semula Pengarah berikut, yang bersara mengikut Artikel 113(1) Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan kerana layak, telah menawarkan diri untuk dilantik semula:-

- (i) Augustus Ralph Marshall
(ii) Dato’ Rohana Binti Tan Sri Datuk Haji Rozhan
(Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 3)

Resolusi 2

Resolusi 3

- (4) Untuk melantik semula Datuk Yau Ah Lan @ Fara Yvonne yang telah dilantik menjadi Lembaga Pengarah Pada 1 Januari 2014 mengikut Artikel 113(1) Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan kerana layak, telah menawarkan diri untuk dilantik semula
(Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 3)

Resolusi 4

- (5) Untuk melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit Syarikat dari akhir mesyuarat ini sehingga mesyuarat agung tahunan akan datang dan memberi kuasa kepada Pengarah untuk menetapkan remunerasi mereka.
(Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 4)

Resolusi 5

SEBAGAI URUSAN KHAS

Untuk mempertimbangkan dan, sekiranya difikirkan wajar, meluluskan resolusi berikut:-

- (6) Mengekalkan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas.

Resolusi 6

“BAHAWA kelulusan adalah dan dengan ini diberikan untuk Dato’ Mohamed Khadar Bin Merican, yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas bagi tempoh kumulatif lebih dari sembilan (9) tahun, untuk terus berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas kepada Syarikat sehingga akhir mesyuarat agung tahunan akan datang”.
(Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 5)

- (7) Pembaharuan bagi Pengarah untuk menerbitkan saham biasa menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965.

Resolusi 7

“BAHAWA berdasarkan Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965 (“Akta”), Tataurusan Pertubuhan Syarikat, dan kelulusan dari pihak berkuasa kerajaan dan/atau kawal selia yang berkaitan yang lain, di mana kelulusan diperlukan, Pengarah Syarikat diberikan kuasa untuk menerbitkan dan memperuntukkan saham biasa baharu dalam Syarikat:

- (i) pada bila-bila masa, di mana terma dan syarat untuk tujuan tersebut, menurut pertimbangan mereka, yang dirasakan sesuai oleh Pengarah; dan/atau

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

- (ii) berkaitan dengan sebarang tawaran, perjanjian, pilihan, atau sebarang instrumen lain (secara kolektif disebut “Instrumen”) untuk dihasilkan, diluluskan, atau diterbitkan oleh mereka (sebagaimana perlu), sementara kelulusan di bawah resolusi ini kekal berkuatkuasa, DAN BAHAWA Pengarah dengan ini diberikan kuasa untuk menghasilkan, meluluskan dan menerbitkan Instrumen sedemikian yang akan atau mungkin memerlukan saham biasa baharu diterbitkan dalam Syarikat selepas tarikh luput kelulusan ini;

jika

- (i) nilai nominal agregat saham diterbitkan menurut kuasa yang diberikan di bawah resolusi ini, dan/atau saham yang boleh diterbitkan dari Instrumen sepanjang 12 bulan (dikira berdasarkan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”)), tidak melebihi 10% nilai nominal bagi modal saham Syarikat yang diterbitkan dan berbayar (tidak termasuk saham perbendaharaan) semasa tarikh penerbitan saham atau penerbitan, penghasilan atau kelulusan Instrumen, dan
- (ii) bagi tujuan untuk menentukan jumlah saham yang boleh diterbitkan dari Instrumen, setiap Instrumen dianggap memberikan kenaikan terhadap jumlah maksimum saham di mana ia boleh ditukar dan digunakan,

dan kuasa tersebut di bawah resolusi ini akan terus berkuatkuasa sehingga tamat mesyuarat agung tahunan seterusnya bagi Syarikat dan apabila undang-undang menetapkan ia dilaksanakan, yang mana lebih awal, dan bahawa:

- (a) kelulusan dan kuasa diberikan kepada Pengarah Syarikat untuk mengambil semua tindakan yang dirasakan perlu dan/atau dikehendaki untuk memberi kesan terhadap resolusi ini dan sehubungan dengan itu untuk memasuki dan menjalankan sebarang instrumen, perjanjian dan/atau pengaturan bagi pihak Syarikat dengan mana-mana individu, dan mempunyai kuasa penuh dalam semua kes untuk memberi persetujuan terhadap sebarang keadaan, perubahan, perbezaan dan/atau pemindaan (sekiranya ada) yang berkaitan; dan
- (b) Pengarah Syarikat juga mempunyai kuasa untuk mendapatkan, sekiranya perlu, kelulusan bagi penyenaraian dan sebut harga bagi saham-saham tambahan yang akan atau telah diterbitkan oleh Bursa Securities.”

(Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 6)

NOTIS TENTANG HAK DAN TARIKH PEMBAYARAN DIVIDEN

DENGAN INI JUGA NOTIS DIBERIKAN BAHAWA sekiranya diluluskan oleh para pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kedua (“AGM”) yang akan datang diadakan pada hari Khamis, 19 Jun 2014, bayaran dividen setingkat akhir sebanyak RM0.01 seunit saham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014 akan dibayar pada 18 Julai 2014 kepada pendeposit yang namanya tertera dalam Rekod Pendeposit pada 4 Julai 2014.

Seorang pendeposit hanya akan layak untuk mendapatkan Dividen sekiranya:-

- (a) saham dipindahkan ke dalam akaun sekuriti Pendeposit sebelum pukul 4.00 petang pada 4 Julai 2014; dan
- (b) saham yang dibeli di Bursa Malaysia Securities Berhad atas dasar dengan kelayakan (“cum entitlement basis”) menurut Peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.

MENURUT PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

LIEW WEI YEE SHARON (LS7908)
Setiausaha Syarikat

21 Mei 2014
Kuala Lumpur

NOTA PENJELASAN

1) **Penyata Kewangan Teraudit dan Laporan-laporan Pengarah dan Juruaudit di atasnya**

Akta mengkehendaki Pengarah membentangkan penyata kewangan teraudit syarikat dalam mesyuarat agung (terdiri daripada akaun untung rugi, kunci kira-kira dan laporan-laporan Pengarah dan Juruaudit di atasnya). Penyata kewangan yang teraudit dan laporan-laporan Pengarah dan Juruaudit akan dibentangkan di hadapan Syarikat pada AGM ini untuk dipertimbangkan oleh pemegang-pemegang saham. Tidak terdapat sebarang keperluan bagi pemegang saham untuk meluluskan dokumen tersebut dan oleh itu, ia tidak akan dibentangkan untuk undian.

2) **Dividen Setingkat Akhir**

Pengarah telah mencadangkan Dividen Setingkat Akhir sebanyak 1.0 sen seunit saham biasa berikutan tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014, yang sekiranya diluluskan, akan dibayar pada 18 Julai 2014 kepada pemegang saham yang namanya tertera dalam Rekod Pendeposit pada 4 Julai 2014.

3) **Pelantikan Semula Pengarah**

Menurut Artikel 111 Tataurus Pertubuhan Syarikat, Augustus Ralph Marshall dan Dato' Rohana Binti Tan Sri Datuk Haji Rozhan akan bersara mengikut giliran pada AGM ini dan kerana layak, telah menawarkan diri untuk dilantik semula. Lembaga Pengarah telah menilai kedua-dua Pengarah sebagai sebahagian daripada penilaian keberkesanan lembaga tahunan, dan berpendapat bahawa mereka telah menyelesaikan tanggungjawab mereka dalam memberikan manfaat kepada Syarikat. Datuk Yau Ah Lan @ Fara Yvonne telah dilantik ke Lembaga pada 1 Januari 2014. Menurut Artikel 118 Tataurus Pertubuhan Syarikat, beliau akan bersara pada AGM ini dan kerana layak, telah menawarkan diri untuk dilantik semula. Sila rujuk kepada Annexure A.

4) **Pelantikan Semula Juruaudit**

Pada setiap mesyuarat agung tahunan, Syarikat sepatutnya melantik seorang individu untuk menjadi juruaudit kepada Syarikat dan mana-mana juruaudit yang dilantik akan kekal sehingga tamat mesyuarat agung tahunan seterusnya. PricewaterhouseCoopers ("PwC"), juruaudit Syarikat telah memberi kebenaran untuk dilantik semula sebagai juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015. Jawatankuasa Audit telah meneliti prestasi dan kebebasan PwC dan telah mencadangkan agar mereka dikekalkan sebagai juruaudit Syarikat dari tamat AGM ini sehinggalah tamatnya mesyuarat agung tahunan seterusnya.

5) **Pengekalan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas**

Dato' Mohamed Khadar Bin Merican telah bertugas sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Astro All Asia Networks Limited ("AAAN") sejak 2003. AAAN merupakan bekas pemegang Syarikat yang memegang kebanyakan perniagaan Kumpulan sebelum penubuhan Syarikat pada Mac 2011. Setelah mempertimbangkan semangat dan tujuan Cadangan 3.3 dalam Kod Pentadbiran Korporat Malaysia 2012, tempoh pemegangan jawatan Dato' Mohamed Khadar Bin Merican sebagai pengarah bebas dikira sebagai telah melepasi tempoh kumulatif selama sembilan (9) tahun.

Pada mesyuarat agung tahunan 2013 yang lepas, pemegang saham Syarikat telah meluluskan pengekalan Dato' Mohamed Khadar Bin Merican sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas sehingga tamat AGM ini.

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Penilaian terhadap kebebasan Dato' Mohamed Khadar Bin Merican telah dijalankan sebagai sebahagian daripada penilaian keberkesanan Lembaga dan berdasarkan penilaian ini, Lembaga, dengan cadangan Jawatankuasa Pentadbiran Korporat dan Nominasi, telah membuat keputusan Dato' Mohamed Khadar Bin Merican akan terus menjadi bebas kerana beliau:-

- (i) boleh membuat penilaian dan keputusan atas kepentingan Syarikat;
- (ii) mempunyai pengetahuan yang luas tentang syarikat dan mempunyai komitmen, pengalaman dan kebolehan yang terbukti boleh memberi nasihat dan menyelia pihak pengurusan Syarikat dengan baik;
- (iii) seorang pihak pengurusan bebas dan bebas dari sebarang perniagaan atau hubungan lain yang boleh mengganggu beliau membuat penilaian dan keputusan atas kepentingan Syarikat; dan
- (iv) menarik diri secara sukarela dari menyertai sebarang perbincangan dan proses membuat keputusan tentang hal-hal yang mungkin mempunyai konflik kepentingan dengan diri beliau.

Bagi tujuan penjelasan, sekiranya kelulusan pemegang saham bagi Resolusi 6 digantung, Dato' Mohamed Khadar Bin Merican akan dilantik semula sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas Syarikat.

6) Cadangan untuk Memperbaharui Kuasa bagi Pengarah bagi Menerbitkan Saham Biasa

Pada mesyuarat agung tahunan yang lepas, pemegang saham Syarikat telah meluluskan satu resolusi untuk membenarkan Pengarah Syarikat menerbitkan saham biasa menurut Seksyen 132D pada Akta. Syarikat belum menerbitkan sebarang saham baharu menurut kuasa yang diberikan, yang akan tamat setelah tamatnya AGM ini.

Sekiranya resolusi ini diluluskan, ia akan memperbaharui kuasa dan terus memberikan kuasa terhadap Pengarah Syarikat, menurut Seksyen 132D pada Akta, untuk menerbitkan dan memperuntukkan saham biasa baharu dalam Syarikat sehingga satu nombor agregat yang tidak melebihi 10% modal saham yang diterbitkan bagi Syarikat dari tarikh AGM ini sehingga mesyuarat agung tahunan yang akan datang, bagi tujuan yang menurut Pengarah akan memberikan manfaat terhadap Syarikat ("Mandat Umum"). Mandat umum ini, sekiranya diluluskan, akan memberikan fleksibiliti terhadap Syarikat bagi sebarang aktiviti pengumpulan dana, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemberian saham, bagi tujuan memberikan dana terhadap pelaburan, modal kerja dan/atau pengambilalihan di masa hadapan.

NOTA TENTANG PROKSI

- (1) Seseorang ahli Syarikat yang berhak hadir dan mengundi pada mesyuarat ini berhak melantik seorang atau lebih proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya selagi jumlah proksi yang dilantik tidak melebihi dua orang kecuali dalam keadaan yang dinyatakan dalam Nota 2 dan 3. Seorang proksi tidak semestinya ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat, 1965 tidak diguna pakai terhadap Syarikat. Tidak ada sebarang halangan tentang kelayakan proksi.
- (2) Di mana ahli Syarikat adalah nomini yang dibenarkan, beliau boleh melantik seorang proksi bagi setiap akaun sekuriti yang dipegang di mana saham biasa Syarikat dikreditkan. Setiap pelantikan proksi oleh seorang nomini yang dibenarkan boleh dilakukan secara berasingan atau dalam satu instrumen proksi dengan menjelaskan nombor akaun sekuriti dan nama pemilik kepentingan yang mana diwakili oleh nomini yang dibenarkan tersebut. Bagi nomini terkecuali yang dibenarkan yang memegang saham Syarikat untuk berbilang pemilik benefisial dalam satu akaun sekuriti ("akaun omnibus"), tidak ada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh nomini terkecuali yang dibenarkan berhubung dengan setiap akaun omnibus yang dipegangnya.
- (3) Surat cara pelantikan proksi hendaklah:
 - (i) dalam hal individu, ditandatangani oleh pelantik atau oleh peguamnya; dan
 - (ii) dalam hal sebuah perbadanan, sama ada di bawah meterai rasmi atau ditandatangani oleh peguamnya atau seorang pegawai bagi pihak perbadanan tersebut.
- (4) Apabila ahli melantik lebih dari satu proksi, pelantikan tersebut akan menjadi tidak sah melainkan beliau menjelaskan jumlah pegangan yang diwakili oleh setiap proksi.

- (5) Surat cara pelantikan proksi yang asal mesti didepositkan di **pejabat Pendaftar Saham, Symphony Share Registrars Sdn Bhd di Aras 6, Symphony House, Pusat Dagangan Dana 1, Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia, tidak kurang dari 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan Mesyuarat** atau sebarang penangguhannya atau sekiranya ada undian, tidak kurang dari 24 jam sebelum undian diadakan; jika tidak borang proksi tersebut tidak akan dikira sah dan sesiapa yang dinamakan tidak akan diberikan hak untuk membuat undian. Salinan faks bagi borang proksi tidak diterima.
- (6) Proksi boleh mengundi dengan mengangkat tangan atau di atas kertas undi. Sekiranya borang proksi dikembalikan tanpa sebarang petunjuk tentang bagaimana proksi tersebut boleh mengundi sebarang resolusi, proksi tersebut boleh membuat keputusan sama ada ingin membuat undian atau tidak, dan sekiranya ya, bagaimana.
- (7) Penyerahan borang proksi yang lengkap tidak menghalang ahli dari menghadiri diri dan membuat undian sendiri semasa mesyuarat tersebut sekiranya beliau membuat keputusan sedemikian. Proksi yang dilantik untuk menghadiri dan membuat undi pada mesyuarat ini akan mempunyai hak yang sama dengan ahli untuk bersuara semasa mesyuarat dan instrumen yang digunakan untuk melantik proksi akan menjadi bukti hak untuk meminta atau menyertai undian. Sekiranya anda kemudian membuat keputusan untuk menghadiri AGM, anda diminta untuk membatalkan pelantikan proksi sebelum ini dan memaklumkan pendaftar saham kami dengan segera.

AHLI YANG BERHAK HADIR

Bagi menentukan ahli yang layak untuk menghadiri AGM ini, Syarikat akan membuat permohonan terhadap Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd, menurut Artikel 57 Tataurusian Pertubuhan Syarikat dan Seksyen 34(1) Akta Industri Sekuriti (Pendepositan Pusat) 1991, untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit atau Record of Depositors ("ROD") pada 13 Jun 2014. Only a depositor whose name appears on the ROD as at 13 June 2014 shall be entitled to attend the meeting or appoint a proxy(ies) to attend dan/or vote on such depositor's behalf. Hanya pendeposit yang namanya tertera dalam Rekod Pendeposit pada 13 Jun 2014 adalah berhak menghadiri mesyuarat atau melantik proksi untuk menghadiri dan/atau bagi pihak pendeposit.

PENYATA YANG MENGIRINGI NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

PENYATA YANG MENGIRINGI NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KEDUA ASTRO MALAYSIA HOLDINGS BERHAD (“Syarikat”) menurut Perenggan 8.27(2) bagi Keperluan Penyenaraian Bursa Securities

Lampiran A

Butir-butir tambahan bagi individu yang dicalonkan bagi pelantikan semula menurut Agenda 3 dan 4 Notis AGM Kedua:

(i) Augustus Ralph Marshall

Kewarganegaraan / Usia	Malaysia / 62
Kelayakan Akademik / Profesional	Ahli Sekutu bagi Institut Akauntan Berkanun di England dan Wales, of Chartered Accountants in England dan Wales Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
Jawatan dalam Syarikat	Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas
Working Experience and Occupation	Please refer to the director's profile on page 36 of the Annual Report
Jawatan Pengarah di syarikat awam lain yang ditubuhkan menurut Akta Syarikat Malaysia, 1965	Maxis Berhad (disenaraikan dalam Bursa Securities) KLCC Property Holdings Berhad (disenaraikan dalam Bursa Securities)
Butir-butir sebarang kepentingan dalam sekuriti Syarikat dan subsidiarinya	Sila rujuk kepada butir-butir kepentingan pengarah pada halaman 217 Laporan Tahunan
Hubungan keluarga dengan mana-mana pengarah dan/ atau pemegang saham utama Syarikat	Tiada
Konflik kepentingan dengan Syarikat	Tiada
Senarai sabit kesalahan sejak 10 tahun lepas selain kesalahan trafik, sekiranya ada (hanya untuk penalti umum)	Tiada

PENYATA YANG MENGIRINGI NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

(ii) **Dato' Rohana Binti Tan Sri Datuk Haji Rozhan**

Kewarganegaraan / Usia	Malaysia / 51
Kelayakan Akademik / Profesional	Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Perakaunan dan Ekonomi dari University of Kent, Canterbury, UK Fellow bagi Institut Akauntan Pengurusan Berkanun, UK Ahli Institut Akauntan Malaysia Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School, US
Jawatan dalam Syarikat	Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif
Working Experience and Occupation	Sila rujuk kepada profil pengarah di halaman 37 Laporan Tahunan
Jawatan Pengarah di syarikat awam lain yang ditubuhkan menurut Akta Syarikat Malaysia, 1965	Tiada
Butir-butir sebarang kepentingan dalam sekuriti Syarikat dan subsidiarinya	Sila rujuk kepada butir-butir kepentingan pengarah pada halaman 217 Laporan Tahunan
Hubungan keluarga dengan mana-mana pengarah dan/ atau pemegang saham utama Syarikat	Tiada
Konflik kepentingan dengan Syarikat	Tiada
Senarai sabit kesalahan sejak 10 tahun lepas selain kesalahan trafik, sekiranya ada (hanya untuk penalti umum)	Tiada

PENYATA YANG MENGIRINGI NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

(iii) Datuk Yau Ah Lan @ Fara Yvonne

Kewarganegaraan / Usia	Malaysian / 61
Kelayakan Akademik / Profesional	Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya Ahli Profesional Risiko Bertauliah dan Fellow IBBM
Jawatan dalam Syarikat	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Working Experience and Occupation	Sila rujuk kepada profil pengarah di halaman 39 Laporan Tahunan
Jawatan Pengarah di syarikat awam lain yang ditubuhkan menurut Akta Syarikat Malaysia, 1965	Shell Refining Syarikat (Federation of Malaya) Berhad (disenaraikan dalam Bursa Securities)
Butir-butir sebarang kepentingan dalam sekuriti Syarikat dan subsidiarinya	Sila rujuk kepada butir-butir kepentingan pengarah pada halaman 217 Laporan Tahunan
Hubungan keluarga dengan mana-mana pengarah dan/ atau pemegang saham utama Syarikat	Tiada
Konflik kepentingan dengan Syarikat	Tiada
Senarai sabit kesalahan sejak 10 tahun lepas selain kesalahan trafik, sekiranya ada (hanya untuk penalti umum)	Tiada

BORANG PROKSI



ASTRO MALAYSIA HOLDINGS BERHAD
(Diperbadankan in Malaysia)
(932533-V)

Bilangan saham yang dipegang	No akaun CDS

Saya*/Kami, _____ *No. K/P/*Pasport/*Syarikat _____
(nama penuh dalam huruf besar) (wajib)

Beralamat di _____
(alamat penuh ahli dalam huruf besar)

Dan no telefon. _____, sebagai ahli Astro Malaysia Holdings Berhad ("Syarikat"), dengan ini melantik nama(-nama) di bawah sebagai proksi saya/kami:

1.	_____ (NAMA PENUH PROKSI DALAM HURUF BESAR) (*PROKSI 1*)	*No.K/P/*Pasport _____ (WAJIB)
2.	_____ (NAMA PENUH PROKSI DALAM HURUF BESAR) (*PROKSI 1*)	*No.K/P/*Pasport _____ (WAJIB)

atau sekiranya beliau tidak dapat hadir, Pengerusi Mesyuarat sebagai proksi*saya/kami untuk mengundi bagi pihak *saya/kami di **Mesyuarat Agung Tahunan Kedua Syarikat yang akan diadakan pada hari Khamis, 19 Jun 2014 pada 9.30 pagi di Grand Ballroom, Aras 6, Hotel Hilton Kuala Lumpur, 3 Jalan Stesen Sentral, 50470 Kuala Lumpur** dan sebarang penangguhannya.

*Saya/Kami menandatangani dengan "x" pada ruang di bawah tentang bagaimana *saya/kami ingin undian dibuat:

Bil.	Resolusi Biasa	Sokong	Bantah	Berkecuali
1.	Pengisytiharan dividen setingkat akhir bernilai 1.0 sen seunit saham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014			
2.	Pelantikan semula Augustus Ralph Marshall sebagai Pengarah Syarikat			
3.	Pelantikan semula Dato' Rohana Binti Tan Sri Datuk Haji Rozhan sebagai Pengarah Syarikat			
4.	Pelantikan semula Datuk Yau Ah Lan @ Fara Yvonne Chia sebagai Pengarah Syarikat			
5.	Pelantikan semula Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit Syarikat			
6.	Pengekalan Dato' Mohamed Khadar Bin Merican sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas Syarikat			
7.	Cadangan Pembaharuan Kuasa Pengarah untuk Menerbitkan Saham Biasa			

Berdasarkan arahan mengundi di atas, proksi *saya/kami boleh mengundi atau memilih untuk berkecuali dalam sebarang resolusi yang dirasakan sesuai.

Bertarikh hari ini _____ 2014

Bahagian pemegang saham untuk diwakili oleh proksi *saya/kami adalah seperti berikut:-

	Jumlah saham	Peratus
Jumlah pegangan saham		100%
Proksi 1		
Proksi 2		

Tandatangan (jika individu) /
Cop Meterai (jika perbadanan)

Nota:

- (1) Seseorang ahli Syarikat yang berhak hadir dan mengundi pada mesyuarat ini berhak melantik seorang atau lebih proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya selagi jumlah proksi yang dilantik tidak melebihi dua orang kecuali dalam keadaan yang dinyatakan dalam Nota 2 dan 3. Seorang proksi tidak semestinya ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat, 1965 tidak diguna pakai terhadap Syarikat. Tidak ada sebarang halangan tentang kelayakan proksi.
- (2) Di mana ahli Syarikat adalah nomini yang dibenarkan, beliau boleh melantik seorang proksi bagi setiap akaun sekuriti yang dipegang di mana saham biasa Syarikat dikreditkan. Setiap pelantikan proksi oleh seorang nomini yang dibenarkan boleh dilakukan secara berasingan atau dalam satu instrumen proksi dengan menjelaskan nombor akaun sekuriti dan nama pemilik kepentingan yang mana diwakili oleh nomini yang dibenarkan tersebut. Bagi nomini terkecuali yang dibenarkan yang memegang saham Syarikat untuk berbilang pemilik benefisial dalam satu akaun sekuriti ("akaun omnibus"), tidak ada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh nomini terkecuali yang dibenarkan berhubung dengan setiap akaun omnibus yang dipegangnya.
- (3) Surat cara pelantikan proksi hendaklah:-
- (i) dalam hal individu, ditandatangani oleh pelantik atau oleh peguamnya; dan
 - (ii) dalam hal sebuah perbadanan, sama ada di bawah meterai rasmi atau ditandatangani oleh peguamnya atau seorang pegawai bagi pihak perbadanan tersebut
- (4) Apabila ahli melantik lebih dari satu proksi, pelantikan tersebut akan menjadi tidak sah melainkan beliau menjelaskan jumlah pegangan yang diwakili oleh setiap proksi.
- (5) Surat cara pelantikan proksi yang asal mesti didepositkan di **pejabat Pendaftar Saham, Symphony Share Registrars Sdn Bhd di Aras 6, Symphony House, Pusat Dagangan Dana 1, Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia, tidak kurang dari 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan Mesyuarat** atau sebarang penangguhannya atau sekiranya ada undian, tidak kurang dari 24 jam sebelum undian diadakan; jika tidak borang proksi tersebut tidak akan dikira sah dan sesiapa yang dinamakan tidak akan diberikan hak untuk membuat undian. Salinan faks bagi borang proksi tidak diterima.
- (6) Proksi boleh mengundi dengan mengangkat tangan atau di atas kertas undi. Sekiranya borang proksi dikembalikan tanpa sebarang petunjuk tentang bagaimana proksi tersebut boleh mengundi sebarang resolusi, proksi tersebut boleh membuat keputusan sama ada ingin membuat undian atau tidak, dan sekiranya ya, bagaimana.

- (7) Penyerahan borang proksi yang lengkap tidak menghalang ahli dari menghadirkan diri dan membuat undian sendiri semasa mesyuarat tersebut sekiranya beliau membuat keputusan sedemikian. Proksi yang dilantik untuk menghadiri dan membuat undi pada mesyuarat ini akan mempunyai hak yang sama dengan ahli untuk bersuara semasa mesyuarat dan instrumen yang digunakan untuk melantik proksi akan menjadi bukti hak untuk meminta atau menyertai undian. Sekiranya anda kemudian membuat keputusan untuk menghadiri AGM, anda diminta untuk membatalkan pelantikan proksi sebelum ini dan memaklumkan pendaftar saham kami dengan segera.

Ahli yang Berhak Hadir

Bagi menentukan ahli yang layak untuk menghadiri AGM ini, Syarikat akan membuat permohonan terhadap Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd, menurut Artikel 57 Tataurusn Pertubuhan Syarikat dan Seksyen 34(1) Akta Industri Sekuriti (Pendepositan Pusat) 1991, untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit atau Record of Depositors ("ROD") pada 13 Jun 2014. Only a depositor whose name appears on the ROD as at 13 June 2014 shall be entitled to attend the meeting or appoint a proxy(ies) to attend dan/or vote on such depositor's behalf. Hanya pendeposit yang namanya tertera dalam Rekod Pendeposit pada 13 Jun 2014 adalah berhak menghadiri mesyuarat atau melantik proksi untuk menghadiri dan/atau bagi pihak pendeposit.

**Symphony Share Registrars Sdn Bhd**

Aras 6, Symphony House, Pusat Dagangan Dana 1
Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Sila lipat di sini

Sila lipat di sini